

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Mohammad Sufiyan bin Ali Osman

Sarjana Seni
2025

Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Mohammad Sufiyan bin Ali Osman

A thesis submitted

In fulfillment of the requirements for the degree of Ijazah Sarjana

(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2025

DECLARATION

I declare that the work in this thesis was carried out in accordance with the regulations of Universiti Malaysia Sarawak. Except where due acknowledgements have been made, the work is that of the author alone. The thesis has not been accepted for any degree and is not concurrently submitted in candidature of any other degree.

……

Tandatangan

Nama: Mohammad Sufiyan bin Ali Osman

No. Matrik: 20020010

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh :

ACKNOWLEDGEMENT

Segala pujian ke atas Allah S.W.T tuhan segala pencipta langit dan bumi, atas keberkatan dan rahmat yang dikurniakan ke atas saya untuk menyempurnakan tesis ini dengan lancar dan sempurna. Pengalaman yang dilalui dengan pelbagai kekangan dari segi masa, kesabaran dan kewangan dalam menyiapkan penulisan tesis ini telah mematangkan saya sebagai seorang manusia dari segi emosi dan fizikal. Proses penulisan akademik ini merupakan sebuah perjalanan akademik yang mengajar saya untuk selalu bersabar, tabah, rendah diri, dan tidak berputus asa serta gigih untuk terus mencapai kecemerlangan dalam diri. Oleh itu, saya dengan rasa rendah hatinya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Terutamanya kepada penyelia saya yang amat berdedikasi Profesor Dr Noria Tugang di atas segala jasa dan ilmu yang dicurahkan untuk menjadikan saya sebagai seorang insan yang lebih berkualiti dan berfikir secara kritis. Penghargaan penuh cinta kepada kedua-dua orang tua saya Ali Osman bin Omar dan Siti Rahmah binti Abdullah serta kepada ibu saudara saya Hamsiah binti Omar, terutamanya kepada arwah Omar bin Abdullah, datuk tercinta dan akan selalu diingati dalam kenangan. Terima kasih kerana telah menjadi pendorong utama untuk saya sampai ke tahap ini. Penghargaan ini turut saya titipkan kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama dengan baik sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Akhir kata, penyelidikan ini merupakan dedikasi saya terhadap pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Saya berharap penyelidikan ini berupaya untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat dan perkembangan budaya di Borneo, khususnya tradisi seni tatu.

ABSTRACT

Tradisi seni tatu masyarakat Iban merupakan simbol dan identiti budaya masyarakat tersebut dalam bentuk kepercayaan dan apresiasi dengan kearifan tradisi yang diwarisi secara turun temurun untuk membentuk kepercayaan, kesenian dan manifestasi dalam kebudayaan. Tradisi seni tatu yang diamalkan oleh masyarakat Iban mempunyai nilai seni yang sangat signifikan kerana dikategorikan sebagai satu warisan budaya tak ketara dalam kebudayaan mereka. Walau bagaimanapun, perubahan globalisasi telah mengubah pemikiran masyarakat Iban terhadap tradisi seni tatu yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Oleh itu, melalui penyelidikan ini bertujuan untuk memelihara tradisi seni tatu yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban. Perkembangan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban ini dilihat dari zaman dahulu sehingga pada zaman sekarang. Tradisi seni tatu masyarakat Iban merupakan satu tradisi yang diamalkan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu sehingga ke hari ini. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk penyelidikan deskriptif yang digunakan untuk menerokai kehidupan seharian masyarakat Iban. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya yang memerlukan penyelidik melakukan proses pengumpulan data secara kajian kerja lapangan iaitu menggunakan kaedah pemerhatian turut serta, temu bual, dan dokumentasi. Hasil daripada penyelidikan ini berupaya untuk membentuk langkah bagi mengekalkan pengamalan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Ia bertujuan untuk terus mewujudkan nilai-nilai seni dan budaya masyarakat Iban dalam tradisi seni tatu yang diamalkan oleh mereka. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini berupaya untuk memelihara, mengekalkan dan menjadi perintis kepada penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan tradisi seni tatu masyarakat peribumi pada masa hadapan.

Keywords: Masyarakat Iban, Warisan Budaya Tak Ketara, Seni, Tradisi tatu, Pemeliharaan

The Preservation of the Tattoo Art Tradition in the Culture of the Iban Community

ABSTRAK

The tattoo art tradition of the Iban community is a symbol and cultural identity of the community in the form of belief and appreciation through the traditional wisdom that inherited from generation to generation to form a belief, art, and manifestation in culture. The tradition of tattoo art practiced by the Iban community has a very significant artistic value so that categorized as an intangible heritage. However, changes in globalization have changed the way the Iban community thinks about the tattoo tradition practiced by their ancestors. This is because there are some of the younger generations of the Iban community nowadays who seem to be less aware of the true purpose of tattooing the Iban community. Therefore, through this research, the aim is to preserve the tradition of tattoos found in the culture of the Iban community. The tradition of tattoo art of the Iban community is a tradition practiced by their ancestors in ancient times until today. This research uses an exploratory research design that used to explore the daily life of the Iban community. This research uses a qualitative approach that requires the researcher to conduct a data collection process in the form of a fieldwork study that uses participant observation, interviews, and documentation. The results of this research can form measures to maintain the practice of traditional tattoo art in the culture of the Iban community. The purpose is to continue to create the artistic and cultural values of the Iban community in the tradition of tattoo art practiced by them. Overall, this research can preserve, maintain and be a pioneer for research related to the tradition of indigenous tattoo art in the future.

Kata kunci: *Iban community, Intangible Cultural Heritage, Art, Tattoo Tradition, Preservation.*

ISI KANDUNGAN

		Page
PERAKUAN		i
PENGHARGAAN		ii
ABSTRAK		iii
ABSTRACT		iv
ISI KANDUNGAN		v
SENARAI CARTA DAN RAJAH		xv
BAB 1:PENGENALAN		1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah Penyelidikan	4
1.3	Soalan Penyelidikan	6
1.4	Objektif Penyelidikan	6
1.5	Skop Penyelidikan	7
1.6	Lokasi Penyelidikan	8
1.7	Kepentingan Penyelidikan	8
1.8	Batasan Penyelidikan	13
1.8.1	Sumber Bahan Atau Maklumat Penyelidikan Adalah Terhad	13
1.8.2	Kesukaran Bertemu Dengan Informan Yang Pakar Dalam Bidang Penyelidikan	14

1.8.3 Kekangan Masa Dalam Menjalankan Penyelidikan 14

1.8.4 Kesihatan dan Tahap Usia Seseorang Informan Penyelidikan 16

1.9 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Penyelidikan 16

1.9.1 Pengangkutan Ke Lokasi Penyelidikan 16

1.9.2 Faktor Cuaca Yang Tidak Menentu 17

1.9.3 Lokasi Penyelidikan Yang Jauh 17

1.9.4 Peruntukan Bajet Penyelidikan 17

1.9.5 Pandemik Covid-19 18

1.10 Kerangka Konseptual Penyelidikan 18

1.11 Kerangka Teoritikal Penyelidikan 27

BAB 2: KUPASAN KEPERPUSTAKAAN 29

2.1 Pengenalan 29

2.2 Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak 30

2.3 Identiti 32

2.4 Amalan Kepercayaan Warisan Dalam Kehidupan Masyarakat Iban 33

2.5 Tuhan dalam Kepercayaan Masyarakat Iban 40

2.6 Masyarakat dan Persekitaran 42

2.7 Kebudayaan dan Masyarakat 45

2.8 Konsep Seni 49

2.8.1 Seni dan Masyarakat 51

2.8.2 Seni Peniruan Dalam Masyarakat 53

2.8.3 Seni Berfungsi 54

2.8.4 Kesenian dan Kebudayaan 54

2.9 Pemeliharaan dan Perlindungan Kepada Warisan Budaya 56

2.9.1 Warisan Tidak Ketara Dalam Masyarakat 58

2.9.2 Pembangunan Terhadap Sesebuah Warisan Tidak Ketara 60

2.9.3 Warisan Tradisi Tradisional Sebagai Hasil Budaya 62

2.10 Manusia Sebagai Makhluk Estetika 64

2.10.1 Estetika: Perspektif Keindahan Secara Objektif dan Subjektif 66

2.11 Kearifan Tradisi 69

2.11.1 Kearifan Tradisi Dalam Sesebuah Budaya Masyarakat 71

2.12 Tradisi Seni Tatu 77

2.12.1 Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban 80

2.13 Konsep Pemeliharaan Tradisi Budaya 87

2.14 Rumusan 92

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN 95

3.1 Pengenalan 95

3.2 Prosedur Dalam Menjalankan Penyelidikan 95

3.3 Reka Bentuk Penyelidikan 98

3.4 Pendekatan dan Kaedah Penyelidikan 99

3.4.1 Kupasan Keperpustakaan 102

3.4.2 Kajian Kerja Lapangan 103

3.5 Instrumen Penyelidikan dan Teknik Pengumpulan Data 103

3.5.1 Pemerhatian 104

3.5.2 Pemerhatian Turut Serta 105

3.5.3 Temu Bual (*Individual In-Depth Interview*) 105

3.6 Kaedah Penganalisisan Data Penyelidikan 124

3.7 Validasi Penyelidikan 127

3.8 Etika Penyelidikan 129

3.8 Persetujuan 131

3.9 Rumusan 132

BAB 4: PENGENALAN TRADISI SENI TATU IBAN 133

4.1 Pengenalan 133

4.2 Konsep Alam Semula Jadi Yang Membentuk World View Masyarakat Iban 133

4.3 Kosmologi Masyarakat Iban 135

4.3.1 Konsep Ruang: *Dunya Petara, Dunya Mensia* dan *Dunya Sebayan* 139

4.3.2 *Dunya Petara* (Langit) 139

4.3.3 *Dunya Mensia* (Bumi) 140

4.3.4 *Dunya Sebayan* (Alam Kematian) 141

4.4 Idea Dan Perkembangan Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban 143

4.5 Asal Usul Dan Tujuan Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban 146

4.6 Kuasa-Kuasa Luar Biasa Yang Diseru Dalam Upacara Mencacah Tatu 158

4.6.1 *Petara* (Tuhan) 160

4.6.1.1 *Lang Sengalang Burung* 163

4.6.1.2 *Simpulang Gana* 164

4.6.1.3 *Selampandai* 166

4.6.1.4 *Raja Menjaya* 166

4.6.1.5 *Ini Andan* 168

4.6.1.6 *Anda Mara* 168

4.6.1.7 *Raja Biku Bunsu Petara* 169

4.6.2 Dewa-Dewi 171

4.6.2.1 *Keling* 172

4.6.2.2 *Kumang* 172

4.6.2.3 *Laja* 173

4.6.2.4 *Bungai Nuing* 174

4.6.3 *Antu* 175

4.6.4 *Samengat*/Semangat 176

4.6.5 *Tua* (Roh Nenek Moyang) 177

4.7 Faktor-Faktor Penting Dalam Pembuatan Tatu Iban 178

4.7.1 Alam Semula Jadi 179

4.7.2 Adat Dan Kepercayaan 180

4.8 Pandangan Masyarakat Iban Terhadap Tradisi Seni Tatu 181

4.8.1 Perintah Dari Alam Ghaib 182

4.8.2 Mimpi Masyarakat Iban 182

4.8.3 Pelaksanaan Ritual *Miring* 184

4.8.4 Upacara Mencacah Tatu Dalam Masyarakat Iban 185

4.9 Ciri-Ciri Tradisi Seni Tatu Iban 187

4.10 Golongan Pakar Ritual Iban yang terlibat dalam Upacara Mencacah Tatu 189

4.10.1 *Lemambang* 189

4.10.2 *Tuai Piring* 191

4.10.3 *Tuai Burung* 192

4.10.4 Golongan Pembuat Tatu Iban 193

4.11 Kuasa Mistik pada Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban 194

4.12 Rumusan 199

BAB 5: PEMELIHARAAN TRADISI SENI TATU MASYARAKAT IBAN 202

5.1 Pengenalan 202

5.2 Ideologi Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban 203

5.2.1 Alam Semula Jadi (Lingkungan dan Persekitaran) 203

5.2.2 Budaya 205

5.2.3 Rumah Panjang 206

5.2.4 Interaksi Sosial 208

5.3 Warisan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban 209

5.3.1 Klasifikasi Warisan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban 210

5.3.1.1 Warisan Alam Semula Jadi 211

5.3.1.2 Warisan Budaya Atau Sejarah 213

5.3.1.3 Warisan Kesenian 214

5.3.1.3.1Warisan Budaya Ketara 214

5.3.1.3.2 Warisan Budaya Tidak Ketara 215

5.4 Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban 216

5.4.1 Kearifan Tradisi 216

5.4.2 Pelaksanaan Adat Istiadat, Ritual Dan Upacara Tradisional 219

5.4.3 Material Tradisi 222

5.4.4 Tradisi Pembuatan Tatu Iban 226

5.4.4.1 Teknik Pembuatan Tatu Tradisional 228

5.4.4.2 Teknik Pembuatan Tatu Moden 232

5.4.5 Pembangunan Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban 236

5.4.6 Manifestasi Seni Dan Kebudayaan 258

5.5 Pelaksanaan Mencacah Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban 259

5.6 Rumusan 275

RUJUKAN 277

GLOSARI 292

SENARAI CARTA DAN RAJAH

Mukasurat

Carta 1.1	Kerangka konsep penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik untuk menerangkan keseluruhan topik yang dikaji	19
Carta 1.2	Kerangka teori penyelidikan: Daripada Faham Kepada Tindakan	27
Rajah 3.2	Senarai informan penyelidikan dalam sesi temubual secara bersemuka	110
Rajah 3.3	Motif tatu Iban dijadikan sebagai hiasan pada logo studio pembuatan tatu	114
Rajah 3.4	Suasana pengunjung yang hadir ke expo Kuching Tattoo Festival 2022	114
Rajah 3.5	Tempat dan peralatan bagi teknik pembuatan tatu tradisional Iban	115
Rajah 3.6	Pembuatan tatu tradisional Iban oleh informan Louis Samai	115
Rajah 3.7	Penyelidik bersama dengan informan Richie Vikendall	116
Rajah 3.8	Penyelidik bersama dengan informan Eddie Enjeruh	116
Rajah 3.9	Penyelidik bersama dengan informan Kenny Merdan	117
Rajah 3.10	Penyelidik bersama dengan informan Andy Austin	117
Rajah 3.11	Hiasan muka taip pada banner berunsurkan motif tatu masyarakat Iban	118
Rajah 3.12	Penyelidik bersama dengan informan Dato Sri Edmund Langgu Saga	118
Rajah 3.13	Penyelidik bersama dengan informan Tugang Rima	119
Rajah 3.14	Robinson Unau Gaong mencacah tatu menggunakan teknik moden	119
Rajah 3.15	Informan *Tuai Rumah* Sigi Singau	120
Rajah 3.16	Informan Uma Kujat mempamerkan motif tatu yang dimiliki oleh beliau	120
Rajah 3.17	Motif tatu Iban dijadikan perhiasan pada bahagian lengan	121

Rajah 3.18	Motif tatu *Bungai Terung* dijadikan sebagai perhiasan pada cawan	121
Rajah 3.19	Poster Miri Tattoo Festival 2022 yang berlangsung di Miri	122
Rajah 3.20	Proses mencacah tatu menggunakan teknik moden	122
Rajah 3.21	Program Expo Tatu di Dayak Bidayuh National Association, Kuching	123
Rajah 3.22	Motif tatu Iban dijadikan sebagai ilustrasi pada papan iklan	123
Rajah 3.23	Rekaan motif tatu Iban dibuat pada aksesori jam tangan	123
Rajah 3.24	Rekaan motif tatu *Bungai Terung* menjadi hiasan pada baju	124
Rajah 3.25	Proses menganalisis dan mengolah data penyelidikan	125
Rajah 4.1	Hierarki kedudukan alam dalam kebudayaan masyarakat Iban	139
Rajah 4.2	Hierarki kuasa-kuasa luar biasa dalam kepercayaan masyarakat Iban	158
Rajah 4.3	Fasa-fasa upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban	181
Rajah 4.4	Ciri-ciri tradisi seni tatu masyarakat Iban	187
Rajah 5.1	Pembangunan pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban	203
Rajah 5.2	Klarifikasi warisan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban	211
Rajah 5.3	Warisan kesenian dalam kebudayaan masyarakat Iban	214
Rajah 5.4	Konsep Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban	216
Rajah 5.5	Ernesto Kalum Umpie menggayakan busana Iban dan tatu beliau	221
Rajah 5.6	Golongan lelaki masyarakat Iban yang memiliki tatu	222
Rajah 5.7	Pemegang kayu yang digunakan untuk membuat tatu	229
Rajah 5.8	Informan Louis Samai mencacah tatu menggunakan teknik tradisional	230

Rajah 5.9 Peralatan dan bahan yang digunakan untuk pembuatan tatu moden 232

Rajah 5.10 Proses menekapkan kertas minyak yang mempunyai motif tatu 233

Rajah 5.11 Proses melukis garisan motif tatu pada bahagian lengan 233

Rajah 5.12 Pembuat tatu mula mencacah tatu mengikut garisan sedikit demi sedikit 234

Rajah 5.13 Motif tatu disapu dengan cecair khas supaya tidak keluar dari garisan 234

Rajah 5.14 Proses mencacah tatu menggunakan mesin 236

Rajah 5.15 Konsep tradisi seni tatu sebagai hasil seni budaya masyarakat Iban 239

Rajah 5.16 Proses mencacah tatu menggunakan batang kayu belian 240

Rajah 5.17 Tradisi seni tatu sebagai salah satu hasil seni masyarakat Iban 241

Rajah 5.18 Informan Louis Samai menggayakan motif tatu Iban 244

Rajah 5.19 Motif tatu Iban dijadikan sebagai perhiasan pada pakaian 244

Rajah 5.20 Motif tatu Iban dijadikan sebagai motif perhiasan pada bingkai gambar 245

Rajah 5.21 Motif tatu dijadikan sebagai hiasan logo sebuah studio pembuatan tatu 245

Rajah 5.22 Model Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban 246

Page

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Berdasarkan kepada kependudukan di wilayah Sarawak, masyarakat Iban adalah sebuah kelompok komuniti yang terbesar. Pada zaman sekarang, masyarakat Iban dapat dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama adalah masyarakat Iban yang sudah menganuti agama-agama besar seperti, agama Kristian dan Islam. Manakala, kategori kedua adalah masyarakat Iban yang belum menganuti agama-agama besar tersebut tetapi masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan dan animisme atau dikenali sebagai *pengarap lama* yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Bagi masyarakat Iban yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan, mereka mempercayai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib. Antaranya, kepercayaan bahawa kehidupan masyarakat Iban amat dipengaruhi oleh kuasa-kuasa luar biasa yang terdiri daripada *Petara*, dewa-dewi, *Antu*, semangat dan roh nenek moyang.

Kehidupan seharian masyarakat Iban amat dipengaruhi oleh kepercayaan warisan mereka. Justeru itu, segala aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Iban banyak memperlihatkan pengaruh kepercayaan warisan mereka. Dalam kehidupan seharian masyarakat Iban, mereka melakukan pelbagai aktiviti seperti berburu, bercucuk tanam, penanaman padi serta menangkap ikan. Dalam budaya masyarakat Iban, mereka mempunyai dua jenis warisan budaya, iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Sifat warisan budaya ketara adalah sesuatu yang menjadi keperluan dan kegunaan dalam kehidupan seharian masyarakat Iban. Misalnya seperti, objek dan artifak yang sering digunakan untuk kegiatan seharian dalam sesebuah masyarakat.

Manakala, sifat warisan budaya tidak ketara adalah sesuatu tradisi yang melibatkan unsur kerohanian dan kesucian dalam kehidupan masyarakat Iban. Warisan budaya tidak ketara juga bersifat abstrak, tampak dan tidak dapat disentuh, namun nilai estetikanya boleh dihayati. Sebagai contoh, seperti bahasa, persembahan, ritual, kearifan tradisi, tradisi lisan serta tradisi budaya dalam sesebuah kelompok masyarakat. Berdasarkan penyelidikan ini, penyelidik memfokuskan kepada tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Tradisi seni tatu dapat dikategorikan sebagai warisan budaya tidak ketara dalam budaya masyarakat Iban kerana ia merupakan sebahagian daripada kearifan tradisi mereka. Tradisi seni tatu merupakan tradisi budaya yang dianggap penting dan istimewa dalam masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu berperanan bagi melambangkan simbol identiti atau pengenalan diri bagi masyarakat Iban, sama ada di antara masyarakat Iban dengan masyarakat Iban atau di antara masyarakat Iban dengan *Petara* (tuhan) mereka atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain.

Tradisi seni tatu bukan sahaja menggambarkan lambang jati diri masyarakat Iban, malah ia merupakan tradisi yang bersifat sakral yang mempunyai makna simbolik tertentu dalam budaya mereka. Oleh itu, pembuatan tatu kebiasaannya dilakukan dengan diiringi beberapa ritual tertentu seperti ritual *miring*. Tatu masyarakat Iban terkenal dengan jenis motif yang pelbagai dan penuh dengan nilai estetika serta pengaruhnya yang tersendiri. Antara jenis motif tatu masyarakat Iban adalah *Pala Tumpa, Buah Klauh, Kelingai, Ketam Itit, Bungai Terung, Ukir Rekung, Kala Pah, Entegulun, Buah Engkabang, Buah Andu, Kara Nyangkam, Antu Gerasi, Nabau dan Remaung*. Setiap motif tatu tersebut mempunyai reka letak yang tersendiri pada setiap bahagian anggota badan seseorang individu. Motif tatu tersebut juga dipercayai berkait rapat dengan unsur perlindungan yang dipercayai dapat melindungi masyarakat Iban daripada daripada gangguan roh jahat, ancaman musuh, kemalangan serta wabak penyakit.

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu untuk memenuhi keperluan tertentu sahaja dalam kebudayaan mereka. Ini kerana tradisi seni tatu pada zaman dahulu banyak dipengaruhi oleh unsur kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan alam semula jadi. Selain itu, upacara mencacah tatu juga melibatkan inspirasi dan sumber idea pembuat tatu daripada sumber alam semula jadi. Golongan pembuat tatu masyarakat Iban kebiasaannya banyak menggunakan sumber alam semula jadi untuk dijadikan sebagai motif tatu seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Ini kerana setiap motif tatu yang dihasilkan mempunyai maksud dan peranan yang tersendiri yang menggambarkan sifat dan pencapaian seseorang individu tersebut dalam budaya masyarakat Iban. Tradisi seni tatu juga merupakan satu elemen budaya masyarakat Iban yang menunjukkan simbol dan jati diri mereka. Ini kerana ia adalah satu keperluan bagi membentuk melambangkan identiti dan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat tersebut. Dalam budaya masyarakat Iban, tradisi seni tatu juga melambangkan status sosial seseorang individu, keberanian, kekebalan, kekayaan, dan kekuasaan mereka. Ini kerana setiap motif tatu yang dicacah mempunyai maksud yang tersendiri berdasarkan kepada pengalaman seseorang individu tersebut. Justeru itu, pada zaman sekarang tradisi seni tatu masih lagi dilakukan dan mengalami pelbagai pembaharuan daripada aspek motif, teknik pembuatannya dan peranannya.

Pada zaman dahulu, kebiasaannya golongan lelaki Iban yang memiliki tatu adalah bertujuan menggambarkan dirinya sudah pernah mengembara ke beberapa tempat tertentu dan merupakan golongan pahlawan yang menyertai ekspedisi peperangan, serta individu yang mempunyai status sosial yang tinggi dalam sesebuah masyarakat. Bagi golongan wanita Iban yang memiliki tatu adalah individu yang berkemahiran dalam menenun kain *Pua Kumbu,* tarian *Ngajat,* dan menganyam. Tatu juga tidak boleh dicacah sembarangan pada anggota badan atas perasaan meminati motif tatu tersebut. Ini kerana setiap motif tatu

yang dicacah mempunyai maksud yang tersendiri seperti kekuatan diri dan kejayaan yang pernah dicapai oleh seseorang individu tersebut. Berbeza pula pada zaman sekarang, budaya bertatu pada anggota badan adalah bertujuan untuk perhiasan, kecantikan dan untuk tujuan komersial. Justeru itu, tradisi seni tatu masyarakat Iban perlu dilestarikan bagi memperlihatkan simbol kebudayaan serta keunggulan jati diri seseorang individu dalam budaya masyarakat Iban pada masa hadapan.

1.2 Pernyataan Masalah Penyelidikan

Pada zaman sekarang, sesuatu kearifan tradisi semakin dilupakan sedangkan ia merupakan salah satu keperluan bagi melestarikan seni dan warisan kebudayaan sesebuah masyarakat. Ini kerana setiap masyarakat memiliki kearifan tradisi yang tertentu dan berbeza dengan masyarakat yang lain. Dalam budaya masyarakat Iban, tradisi seni tatu merupakan salah satu kearifan tradisi yang dimiliki oleh mereka. Jika dilihat pada zaman dahulu, kearifan tradisi yang berkaitan dengan upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban adalah untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Tambahan pula, ia juga mempunyai perkaitan dengan amalan kepercayaan warisan terhadap kewujudan kuasa-kuasa ghaib di alam nyata. Pada zaman dahulu, tatu yang dicacah pada anggota badan pahlawan Iban dalam ekspedisi Ngayau dikatakan berupaya menakutkan pihak musuh. Setelah berakhirnya ekspedisi Ngayau, maka ia telah mengubah keperluan dalam melestarikan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Justeru itu, kearifan tradisi yang berkaitan dengan upacara mencacah tatu perlu dipelihara agar ia bukan sekadar memperlihatkan peranannya di dalam budaya malah merangkumi pengalaman visual yang diinspirasikan dari alam semula jadi. (Aming Soedrajat, 2017).

Pada zaman sekarang, tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban mengalami perubahan dalam aspek motif, peranan dan tujuan dalam kehidupan seharian. Fenomena ini berlaku berikutan proses globalisasi dan arus pemodenan yang melanda kehidupan mereka pada zaman sekarang. Justeru itu, sesuatu kearifan tradisi yang berkaitan tentang tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban perlu dipertahankan agar ia menjadi teras kepada keunggulan jati diri khususnya generasi muda masyarakat Iban pada masa hadapan. (Ernesto Kalum Umpie, temu bual 2022).

Kearifan tradisi merupakan ilmu pengetahuan tempatan yang memperlihatkan hikmah dan kebijaksanaan, kearifan yang dipelajari secara tidak langsung dan tidak langsung menerusi interaksi masyarakat Iban dengan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka. Ilmu pengetahuan yang diperoleh secara tradisi sejak turun-temurun telah dipraktikkan dalam segala aspek kehidupan masyarakat Iban di Sarawak. Namun begitu, pada zaman sekarang, ilmu pengetahuan tradisi iaitu merujuk kepada tradisi seni tatu semakin dilupakan sedangkan ia adalah salah satu keperluan bagi membentuk kesenian dan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat. (Robinson Unau Gaong, temu bual, 2022)

Masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka mereka percaya bahawa tradisi seni tatu merupakan anugerah daripada kuasa-kuasa luar biasa yang memberikan manfaat dan *Pengaroh* kepada mereka. Pada zaman sekarang, kedatangan agama-agama besar seperti agama Kristian dan agama Islam dalam kehidupan masyarakat Iban telah menyebabkan kepercayaan warisan yang diamalkan sejak turun-temurun mula dipinggirkan. Ini kerana masyarakat Iban menganggap bahawa agama Kristian dan Islam tersebut lebih berkuasa daripada kepercayaan warisan yang telah lama diamalkan. Sehubungan itu, ia telah menyebabkan sebahagian masyarakat Iban terutamanya golongan

muda pada zaman sekarang kurang mengenali tentang tujuan sebenar tradisi seni tatu dilakukan. (Dato Edmund Langgu, temu bual 2022)

1.3 Soalan Penyelidikan

a.) Apakah tujuan tradisi seni tatu dilakukan dalam budaya masyarakat Iban?

b.) Apakah perubahan yang dihadapi oleh masyarakat Iban terhadap pemeliharaan tradisi seni tatu di dalam budaya mereka?

c.) Bagaimanakah kearifan tradisi dan perkaitannya dengan pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban?

d.) Mengapakah pentingnya pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu sebagai salah satu perlambangannya dalam warisan dan budaya masyarakat Iban itu sendiri?

1.4 Objektif Penyelidikan

a.) Menyelidik tujuan tradisi seni tatu dilakukan dalam budaya masyarakat Iban.

b.) Mengkaji perubahan yang dihadapi oleh masyarakat Iban terhadap pemeliharaan tradisi seni tatu di dalam budaya mereka.

c.) Meneliti kearifan tradisi dan perkaitannya dengan pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

d.) Menyelidik kepentingan pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu sebagai salah satu perlambangannya dalam warisan dan budaya masyarakat Iban.

1.5 Skop Penyelidikan

Skop penyelidikan amat penting sebagai sumber panduan dan rujukan utama kepada penyelidik bagi menyiapkan penulisan ilmiah. Berdasarkan kepada penyelidikan yang dilakukan, ia adalah berkaitan tentang pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana dalam kehidupan masyarakat Iban, tradisi seni tatu hanya dilakukan mengikut keperluan tertentu.

Pada zaman dahulu, tradisi seni tatu masyarakat Iban hanya dilakukan bagi beberapa tujuan tertentu dalam kebudayaan mereka. Kegiatan ini perlu dilakukan oleh golongan yang pakar dalam bidang tersebut iaitu golongan pembuat tatu. Ini kerana golongan yang pakar dalam bidang ini memainkan peranan terhadap aspek pembuatan tatu yang dilakukan oleh masyarakat Iban kerana mereka lebih mengetahui tentang pemilihan sesuatu motif dan fungsi tatu tersebut pada individu yang ingin memilikinya. Justeru itu, segala persiapan bagi mengurus dan mencacah tatu dilakukan oleh golongan pembuat tatu dan melibatkan lemambang (pakar ritual).

Selain itu, penyelidikan ini juga untuk menyelidik perkembangan perubahan aspek penghasilan motif tatu masyarakat Iban dalam tradisi seni tatu pada masa kini. Ini kerana peredaran zaman dan arus globalisasi yang membawa perubahan terhadap perkembangan tradisi seni tatu masyarakat Iban. Perkembangan ini telah mengubah tujuan asal tradisi seni tatu masyarakat Iban yang cenderung kepada kebudayaan mereka kepada aspek kesenian.

Penyelidikan ini juga bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Iban terhadap mempertahankan sesuatu kearifan tradisi seni tatu dalam budaya mereka. Ini kerana faktor persekitaran dan budaya berikutan arus pemodenan yang melanda

kehidupan masyarakat Iban telah menyebabkan mereka kurang memberi perhatian terhadap tujuan asal tradisi seni tatu dilakukan.

Seterusnya, peranan tradisi seni tatu pada masa kini juga adalah lebih kepada tujuan perhiasan dan kecantikan pada sesetengah individu. Perkara ini juga telah mengubah tanggapan mereka terhadap tradisi seni tatu ini dalam budaya mereka. Justeru itu, amat penting bagi masyarakat Iban dalam memelihara tradisi tatu mereka kerana ia merupakan warisan berharga yang memperlihatkan identiti jati diri mereka.

1.6 Lokasi Penyelidikan

Lokasi penyelidikan amat penting bagi penyelidik bagi sesi kajian kerja lapangan untuk mendapatkan data dalam bidang penyelidikan yang sedang dilakukan. Pengumpulan data penyelidikan dilakukan di Rumah Ringgat anak Bayang, Ibol Sungai Raya (Sri Aman), Rumah Nyindang, Nanga Delok, Lubok Antu, Engkilili, Rumah Muses anak Amba, Bintulu, Rumah Kendawang, Nanga Klassen, Undop, Sri Aman, Kampung Pati, Serian, Rumah Beji, Sungai Putong, Batu Lintang, Undop, Sri Aman, Rumah Bali anak Tait, Sarikei, Rumah Sigi anak Singau, Sarikei, Yayasan Tun Jugah, Kuching, Dayak Culture Foundation, Kuching, BorneoHeadhunters Tattoo and Piercing Studio, Kuching, Dayak Bidayuh National Association, Kuching, dan Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS), Kota Samarahan.

1.7 Kepentingan Penyelidikan

Walaupun terdapat ramai para sarjana yang menulis berkaitan dengan pemeliharaan tradisi seni tatu, mereka lebih menekankan penulisan berkaitan aspek praktikal. Dalam penyelidikan ini, topik yang dikaji adalah mengenai ‘Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu dalam budaya masyarakat Iban’. Topik ini membincangkan tentang kepentingan pemeliharaan dalam tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Seterusnya, ia juga memperlihatkan

masyarakat Iban dalam membentuk pemikiran yang terhasil dari alam bagi memelihara kehidupan serta meningkatkan keunggulan seni warisan dan budaya yang dimiliki.

Daripada kupasan kepustakaan, penyelidik mendapati terdapat pelbagai kajian berkaitan dengan topik ini oleh para sarjana. Seterusnya, penyelidik telah memperincikan kajian kepada pemeliharaan budaya ini. Oleh itu, dengan terhasilnya penyelidikan ini, penyelidik dapat memberikan sumbangan terhadap sesuatu yang bernilai serta bermakna kepada masyarakat Iban pada masa akan datang.

Melalui penyelidikan ini, dapat diketengahkan warisan kesenian yang amat berharga iaitu tradisi seni tatu di samping menyampaikan falsafah dan pemikiran masyarakat Iban kepada pengetahuan semua masyarakat yang terdapat di Malaysia khasnya, dan warga asing. Selain itu, diharapkan juga nilai seni dan kebudayaan masyarakat Iban akan sentiasa hidup dan kekal terpelihara. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk generasi dalam masyarakat Iban mahupun masyarakat lain agar mengenali, memahami dan menghayati keindahan nilai seni dan budaya yang terdapat pada harta warisan peninggalan nenek moyang mereka.

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan ini, penyelidik berharap agar dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan salah satu kesenian yang berbentuk warisan budaya tidak ketara seperti tradisi seni tatu. Ini kerana ia amat penting kepada generasi muda Iban, masyarakat luar dan juga golongan penyelidik budaya agar mengenali dan mempelajari ilmu berkaitan kebudayaan dan adat masyarakat Iban khususnya tentang tujuan sebenar tradisi seni tatu dilakukan.

Dalam kehidupan sesebuah masyarakat di luar negara, mereka memiliki kepelbagaian warisan dan juga budaya. Sama juga seperti masyarakat Iban, mereka juga mereka juga memiliki warisan kesenian yang diwarisi secara turun-temurun. Justeru itu, amat penting

untuk masyarakat Iban mencerminkan budaya, identiti dan jati diri mereka terhadap masyarakat lain. Tambahan pula, sesebuah keindahan budaya yang dimiliki menggambarkan kepada masyarakat yang mengamalkannya.

Sebagai contoh, melalui kewujudan sesebuah kesenian yang berbentuk warisan tidak ketara dalam masyarakat Iban seperti tradisi seni tatu yang dilihat dari aspek praktikalnya dalam tradisi budaya mereka. Justeru itu, masyarakat Iban perlu memelihara nilai-nilai kesenian dan kebudayaan yang diwarisi turun-temurun agar ia dapat dikekalkan untuk menjadi tatapan dan penghayatan oleh generasi mereka pada masa akan datang. Seterusnya, masyarakat lain di negara kita dapat mengenali serta mempelajari nilai-nilai kesenian dan kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Ini kerana dengan mengenali dan menghayati nilai-nilai kesenian dan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat, seperti masyarakat Iban, maka ia dapat mewujudkan semangat kemasyarakatan dan nasionalisme yang kuat. Tambahan pula, aspek kebudayaan merupakan penyumbang utama bagi mengukuhkan perpaduan dan tahap ketamadunan dalam sesebuah masyarakat tersebut. Berdasarkan kepada penyelidikan ini, ia akan menjadi sumber panduan dan rujukan ilmu kepada penyelidik budaya, masyarakat Iban dan masyarakat lain yang ingin mengetahui, mengenali dan dan mempelajari hasil-hasil seni warisan dalam budaya masyarakat Iban, seperti tradisi seni tatu. Ini kerana budaya tersebut merupakan sebahagian daripada warisan peninggalan nenek moyang mereka. Sehubungan itu, penyelidikan ini sangat penting untuk meluaskan ilmu berkaitan dengan selok-belok kesenian dan kebudayaan masyarakat Iban melalui topik ‘Pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban”.

Dengan terhasilnya penyelidikan ini, diharapkan masyarakat Iban agar terus memberi penekanan, sokongan dan memelihara tradisi budaya mereka sendiri. Selain itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendedahan ilmu pengetahuan tentang nilai-nilai kesenian dan kebudayaan masyarakat Iban melalui topik yang dikaji kepada pembaca dan penggemar budaya tanah air.

Masyarakat Iban adalah merupakan salah sebuah kelompok etnik yang amat berpegang teguh kepada kepercayaan warisan serta pegangan terhadap amalan adat resam dan semua perkara tersebut telah menjadi teras pegangan utama dalam hidup mereka. Ciri-ciri yang terdapat pada diri mereka inilah yang membezakan masyarakat Iban dengan masyarakat lain di seluruh pelusuk dunia. Justeru itu, melalui penyelidikan yang dijalankan ini, maka ia dapat memantapkan lagi identiti dan budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Kewujudan upacara mencacah tatu ini sebagai salah satu kesenian yang berbentuk warisan tidak ketara dalam budaya masyarakat Iban adalah merupakan sebagai simbol keunggulan kebudayaan yang amat penting untuk dikaji kerana peranannya dalam sejarah dan budaya yang gilang-gemilang sehingga hari ini. Justeru itu, diharapkan agar dengan terhasilnya penyelidikan ini, maka ia dapat memberi satu informasi yang baharu kepada semua pembaca, penggemar seni dan budaya serta masyarakat lain.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membantu semua lapisan masyarakat tanpa mengambil kira jenis etnik atau agama untuk mengenali sesuatu kesenian dan kebudayaan bagi sesebuah masyarakat. Seterusnya, penyelidikan ini amat menggalakkan generasi muda khususnya dalam masyarakat Iban untuk mengenali salah satu budaya seni seperti tradisi seni tatu di dalam budaya mereka. Tambahan pula, sekiranya golongan tersebut kurang mengenali budaya mereka, maka dikhuatiri menghakis identiti sesebuah masyarakat

tersebut. Di samping itu, masyarakat Iban merupakan sebuah masyarakat yang masih lagi mengamalkan kebudayaan mereka walaupun terdapat sesetengah dalam kalangan mereka sudah menganuti agama-agama besar seperti agama Kristian dan Islam. Ciri-ciri inilah yang membezakan masyarakat Iban dengan masyarakat lain di Sarawak. Dengan ini, ia mampu bertahan dan kekal dalam sebarang bentuk pembangunan dan arus pemodenan. Walaupun kemasukan agama-agama besar, seperti agama Islam dan Kristian dalam kehidupan masyarakat Iban, teknologi maklumat dan komunikasi secara global pada masa kini, namun semua elemen ini tidak menggugat cara hidup masyarakat Iban yang asli dan unik.

Tujuan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik adalah untuk melihat secara lebih dekat dan jelas tentang kepentingan terhadap pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu juga merupakan sebahagian identiti kebudayaan yang seterusnya menjadikannya sebagai suatu warisan berharga dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Penyelidik juga mengajak generasi muda terutama dalam kalangan masyarakat Iban supaya mengenali dan seterusnya memahami keunikan budaya sendiri sebagai sesuatu yang berupaya membentuk keunggulan identiti jati diri mereka terhadap masyarakat lain.

Kebanyakan generasi muda terutama dalam kalangan masyarakat Iban pada masa kini menerima pendidikan di kawasan bandar besar yang dilengkapi dengan kemudahan teknologi dan sangat mudah menerima resapan budaya dari luar. Golongan pemimpin negara amat bimbang tentang sikap dan pemikiran sesetengah generasi muda kita tentang tanggapan mereka terhadap budaya masing-masing. Ini kerana mereka beranggapan bahawa kebudayaan yang diamalkan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu adalah sesuatu yang bersifat kuno dan ketinggalan zaman. Justeru itu, melalui pemeliharaan terhadap sesuatu seni dan budaya amat perlu dilakukan agar mereka lebih kenal di samping

memahami keunikan budaya mereka. Oleh itu, diharap generasi muda dalam kalangan masyarakat Iban dapat memahami, menghayati dan mengalami sendiri aspek budaya mereka dengan lebih dekat lagi.

1.8 Batasan Penyelidikan

Kewujudan batasan-batasan dalam menjalankan penyelidikan ini menyebabkan kesukaran penyelidik untuk mendapatkan data yang lengkap. Terdapat beberapa batasan penyelidikan yang dihadapi oleh penyelidik semasa menjalankan penyelidikan, iaitu sumber bahan atau maklumat dalam penyelidikan adalah terhad, kesukaran bertemu golongan yang pakar dalam penyelidikan, kerjasama antara pihak informan dalam menjalankan penyelidikan, penggunaan bahasa, kekangan masa dalam menjalankan penyelidikan, kesihatan dan usia seseorang informan penyelidikan, perbezaan budaya dan kesukaran untuk mencari dan menyaksikan upacara mencacah tatu.

1.8.1 Sumber Bahan Atau Maklumat Dalam Penyelidikan Adalah Terhad

Penyelidik mengalami masalah seperti kekurangan sumber yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan. Kebanyakan sumber bahan dan maklumat rujukan yang didapati oleh penyelidik adalah terhad. Ini kerana bidang penyelidikan yang sedang dikaji masih belum diterokai sepenuhnya oleh sarjana-sarjana yang lepas. Sumber-sumber rujukan yang sudah terlalu lama juga menjadi masalah utama kepada penyelidik kerana maklumat yang diperoleh tidak relevan dengan penyelidikan yang dijalankan. Keadaan ini menyukarkan dan merumitkan penyelidik bagi menyiapkan penyelidikan yang sedang dijalankan.

1.8.2 Kesukaran Bertemu Dengan Golongan Informan Yang Pakar Dalam Bidang Penyelidikan

Penyelidik mengalami batasan untuk bertemu dengan golongan informan yang pakar dalam menjalankan penyelidikan. Ini kerana terdapat beberapa orang informan yang mempunyai maklumat dan juga pengetahuan dalam bidang yang dikaji oleh penyelidik masih lagi tidak mempunyai pengalaman lebih daripada sepuluh tahun. Golongan informan juga terdiri daripada golongan individu yang mahir dalam upacara mencacah tatu dan juga glongan pakar budaya Iban. Fenomena ini menjadi cabaran utama kepada penyelidik untuk mencari informan yang berpengalaman lebih daripada sepuluh tahun dalam bidang yang dikaji. Penyelidik juga berjumpa dengan beberapa orang penduduk kampung yang mengetahui beberapa orang individu yang berpengalaman dalam upacara mencacah tatu. Dengan ini, ia dapat membantu penyelidik untuk mencari informan yang mempunyai pengalaman dalam bidang yang dikaji melebihi sepuluh tahun. Golongan informan juga terdiri juga terdiri dalam kalangan pembuat tatu dan pakar dalam kebudayaan masyarakat Iban. Ini kerana golongan informan tersebut dapat memberikan maklumat dan juga penerangan yang lebih terperinci berkaitan dengan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Informan yang lebih berpengalaman juga dapat membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat yang banyak berkaitan dengan topik penyelidikan.

1.8.3 Kekangan Masa Dalam Menjalankan Penyelidikan

Penyelidik juga mengalami masalah kekangan masa dalam menjalankan penyelidikan ini. Ini kerana penyelidik mengalami masalah masa yang terhad dan kurang mencukupi semasa menjalankan penyelidikan di kawasan kajian lapangan. Penyelidik mempunyai masa hanya dalam tempoh beberapa minggu sahaja semasa melakukan proses pengumpulan data

dan sumber maklumat daripada informan. Penyelidik juga perlu membahagikan masa yang sesuai untuk bertemu dengan pihak informan yang bekerja di jabatan berorganisasi dan bukan berorganisasi. Semasa menjalankan penyelidikan ini, penyelidik mempunyai masa yang terhad untuk bertemu dengan informan yang bekerja di jabatan berorganisasi kerana mereka bekerja mengikut waktu pejabat dan mereka mempunyai kelapangan untuk berbincang dan berjumpa dengan informan pada masa tertentu sahaja. Seterusnya, masalah yang dihadapi oleh penyelidik semasa melakukan pengumpulan data bersama dengan pihak bukan berorganisasi adalah hanya mempunyai masa tidak kurang daripada dua minggu. Selain itu, penyelidik juga perlu bertindak melakukan pembahagian masa untuk sesuatu aktiviti bersama informan. Ini kerana penyelidik mempunyai pelbagai aktiviti dan kegiatan pengumpulan data bersama informan. Penyelidik juga pergi ke beberapa buah rumah panjang lain untuk melakukan pengumpulan data daripada informan yang lain. Perkara ini membuatkan penyelidik merancang masa untuk melakukan penyelidikan dengan lebih efektif. Penyelidik juga melakukan penglibatan bersama dengan informan dalam merekod proses mengumpul data. Antaranya adalah menemu bual informan dan upacara mencacah tatu yang dilakukan oleh golongan informan yang pakar dalam bidang tersebut. Pada masa yang sama, informan juga berdepan dengan masalah dengan masa yang sesuai untuk melakukan upacara mencacah tatu tersebut. Ini kerana menurut informan yang ditemu bual, upacara mencacah tatu hanya boleh dilakukan pada masa tertentu dalam adat masyarakat Iban. Perkara ini menyebabkan penyelidik perlu menunggu masa yang bersesuaian untuk merekod dan merakam visual semasa kegiatan tersebut berlangsung. Seterusnya, penyelidik juga merekod penerangan dan penjelasan daripada informan berkaitan dengan aspek pembuatan dan motif tatu yang dihasilkan.

1.8.4 Kesihatan Dan Tahap Usia Seseorang Informan Penyelidikan

Penyelidik juga mengalami batasan penyelidikan apabila berjumpa dengan informan yang terdiri dalam kalangan warga tua. Kesihatan mereka agak sedikit terganggu seperti kurang sihat, masalah penglihatan dan sakit tua. Seterusnya, penyelidik perlu bersikap prihatin dan menghormati keadaan fizikal mereka yang dipengaruhi oleh usia yang telah lanjut dan masalah kesihatan. Ini kerana keadaan diri mereka sedikit membataskan penyelidik dalam mengumpul maklumat yang disampaikan oleh mereka.

1.9 Masalah-Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Penyelidikan

Berdasarkan kepada penyelidikan yang sedang dijalankan ini, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh penyelidik. Antaranya adalah pengangkutan ke lokasi penyelidikan, faktor cuaca yang tidak menentu, lokasi penyelidikan yang jauh, peruntukan bajet penyelidikan dan penularan wabak penyakit (Covid 19).

1.9.1 Pengangkutan Ke Lokasi Penyelidikan

Masalah utama yang dihadapi oleh penyelidik semasa menjalankan penyelidikan ini adalah penyelidik tidak mempunyai pengangkutan sendiri. Penyelidikan yang sedang dijalankan ini memerlukan informan-informan yang pakar dalam upacara mencacah tatu. Kebanyakan informan penyelidik tinggal di kawasan pendalaman yang jauh dari kawasan bandar Kuching. Seterusnya, pengangkutan sangat penting bagi memudahkan penyelidik menuju ke lokasi penyelidikan bagi melakukan pengumpulan data. Penyelidik juga terpaksa menggunakan perkhidmatan kereta sewa dan kapal terbang untuk pergi ke lokasi penyelidikan untuk bertemu dengan informan-informan yang pakar dalam upacara mencacah tatu.

1.9.2 Faktor Cuaca Yang Tidak Menentu

Selain itu, faktor cuaca yang tidak menentu menyebabkan penyelidik melakukan perubahan masa untuk bertemu dengan informan penyelidikan. Penyelidik juga berhadapan dengan masalah kesihatan akibat perubahan cuaca. Ini kerana perubahan cuaca seperti jerebu dan musim hujan menghalang penyelidik melakukan sesi pertemuan dengan informan penyelidikan.

1.9.3 Lokasi Penyelidikan Yang Jauh

Penyelidikan yang sedang dijalankan ini memerlukan maklumat daripada informaninforman yang pakar dan perlu menyaksikan sendiri secara keseluruhan upacara mencacah tatu. Di samping itu, lokasi penyelidikan yang jauh memerlukan individu yang mahir dalam selok belok sesuatu kawasan. Ini kerana kebanyakan upacara mencacah tatu dilakukan di beberapa lokasi tertentu seperti di rumah panjang, studio khas dan lokasi yang bersesuaian dengan keperluan dalam masyarakat Iban.

1.9.4 Peruntukan Bajet Penyelidikan


Berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan ini ia memerlukan perancangan terhadap peruntukan bajet yang cukup. Misalnya, penyelidik yang ingin ke lokasi penyelidikan seperti di Nanga Delok, Lubok Antu yang memerlukan peruntukan bajet yang tinggi untuk perkhidmatan bot. Justeru itu, penyelidik perlu menyediakan perancangan bajet untuk melakukan kajian kerja lapangan.

1.9.5 Pandemik Covid-19

Penyelidik juga berhadapan dengan situasi penularan wabak penyakit (Covid-19) di dalam lokasi penyelidikan. Perkara ini menjadi kekangan utama kepada penyelidik dalam melakukan pengumpulan data. Ini kerana kebanyakan maklumat yang diperolehi adalah daripada informan penyelidikan di luar kawasan kampus. Wabak penyakit yang melanda negara dan lokasi penyelidikan telah menyebabkan sesi kajian kerja lapangan terganggu dalam tempoh yang agak lama. Perkara ini menyebabkan penyelidik mengalami kekangan masa bagi menjalankan kajian kerja lapangan untuk menjalankan penyelidikan ini. Ini kerana wabak penyakit (Covid-19) menyebabkan Pada masa yang sama, penyelidik juga menghadapi masalah pencarian sumber bahan bacaan seperti buku, artikel dan bahan bercetak yang lain kerana perpustakaan tidak dibenarkan beroperasi semasa situasi penularan wabak penyakit ini berlaku.

1.10 Kerangka Konseptual Penyelidikan

Kerangka konseptual penyelidikan merupakan satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas tentang sesuatu bentuk penyelidikan. Ia boleh diasaskan di atas mana-mana teori yang ada atau dibentuk sendiri berasaskan kajian-kajian terdahulu. Berdasarkan kepada penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kerangka konsep dan kerangka teori sebagai landasan utama untuk menjalankan sesebuah penyelidikan.



Rajah 1.1: Kerangka konsep penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik bagi menerangkan keseluruhan topik yang dikaji (Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

Masyarakat Iban merupakan kelompok masyarakat terbesar yang tinggal di negeri Sarawak. Negeri Sarawak mempunyai banyak hasil bumi dan sumber alam semula jadi. Bagi masyarakat Iban yang mendiami kawasan di sekitar lokasi tersebut, mereka mengamalkan budaya dengan menjadikan alam semula jadi sebagai sumber utama dalam kehidupan mereka. Ini kerana mereka mempercayai bahawa alam semula jadi banyak membantu mereka dalam membentuk kerangka pemikiran dan sahsiah diri. Setiap masyarakat mempunyai tradisi budaya yang tersendiri termasuk masyarakat Iban. Masyarakat Iban dapat dikategorikan kepada dua golongan, iaitu mereka yang sudah menganuti agama-agama besar seperti, agama Kristian dan Islam. Manakala, bagi golongan kedua pula adalah yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan dan animisme.

Pada zaman dahulu, tradisi seni tatu yang diamalkan dalam budaya masyarakat Iban adalah bagi beberapa tujuan tertentu, misalnya bagi melambangkan status sosial yang dimiliki oleh seseorang individu dan simbol kekuatan, perlindungan serta keberanian sesebuah masyarakat. Ini kerana pada zaman dahulu tatu tidak boleh dicacah sembarangan pada bahagian badan seseorang individu kerana ianya mempunyai pantang-larang tertentu dan hanya golongan yang berkelayakan sahaja boleh memilikinya. Seiring dengan peredaran zaman, tradisi seni tatu telah mengalami perubahan dari segi motif dan tujuan iaitu bermula dengan peranan dalam aktiviti kebudayaan masyarakat Iban dan seterusnya beralih kepada aspek kesenian, perhiasan dan pengkomersialan.

Bagi masyarakat Iban yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan, mereka mempercayai terdapat kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang tinggal bersama dengan manusia. Kepercayaan warisan yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat Iban adalah berdasarkan kepada kewujudan alam ghaib yang dihuni oleh kuasa-kuasa luar biasa. Misalnya, *petara, dewa-dewi, antu,* semangat baik dan semangat jahat serta roh nenek moyang mereka. Bagi masyarakat Iban, mereka perlu menuruti arahan daripada *petara* mereka untuk melakukan sesuatu ritual dan tradisi melalui mimpi dan petanda-petanda lain daripada benda hidup di persekitaran mereka. Dengan adanya tradisi ini, mereka percaya bahawa ia dapat memperoleh sesuatu kebaikan yang diperlukan dalam kehidupan seharian mereka. Justeru itu, tradisi seni tatu dilakukan dengan tujuan untuk memperoleh kebaikan bagi menjaga keseimbangan alam manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa.

Berdasarkan kepada upacara mencacah tatu, ia memerlukan golongan pakar ritual dan golongan pakar pembuat tatu. Ini kerana pelaksanaan tradisi seni tatu tidak boleh diuruskan dan dilaksanakan oleh sembarangan individu. Tambahan pula, kegiatan ini juga melibatkan

pemujaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Sekiranya berlaku kesilapan sama ada sebelum, semasa atau selepas pelaksanaan tradisi ini, maka dikhuatiri seseorang itu akan ditimpa malapetaka dan bencana akibat kesalahan yang dilakukan.

Berdasarkan kepada Rajah 1.1, tradisi seni tatu adalah salah satu bentuk manifestasi atau gambaran keindahan jiwa, nilai sejarah dan kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Iban. Keindahan pada tatu dapat dilihat pada aspek pembuatan, penggunaan bahan-bahan dari sumber alam semula jadi, kehalusan, dan kesabaran pembuat tatu, pengamatan terhadap alam semula jadi serta kreativiti pada motif tatu yang dihasilkan tersebut. Sesuatu keindahan juga melibatkan makna yang tersirat serta mempunyai cerita dan falsafah yang tersendiri. Pembuat tatu menjadikan hidupan alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka sebagai sumber belajar dan untuk meningkatkan kreativiti. Dengan ketinggian ilmu, kebolehan minda dan menggerakkan deria yang disalurkan kepada tatu bagi memperlihatkan nilai estetika dan seni sebagai salah satu tradisi budaya. Selain itu, masyarakat Iban juga menganggap tradisi seni tatu sebagai ilmu kemahiran yang diwarisi secara bergenerasi di dalam keluarga mereka.

Budaya masyarakat Iban telah menjadikan alam semula jadi sebagai sumber pemikiran dan pembentukan sahsiah manusia telah wujud sejak dahulu lagi. Masyarakat Iban melihat alam semula jadi sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan sebagai panduan, rujukan, ajaran dan juga pembimbing bagi meneruskan kehidupan. Ini kerana pada pemikiran mereka, alam semula jadi diibaratkan seperti guru yang mengajar manusia dan minda manusia terbina dari alam semula jadi. Perkara ini mendorong mereka untuk berasimilasi dengan alam semula jadi untuk menghasilkan sesuatu

hasil seni seperti tradisi seni tatu. Setiap motif tatu yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada hidupan alam semula jadi seperti flora dan fauna.

Motif tatu yang dihasilkan juga mempunyai perlambangan yang tersendiri dan mempunyai maksud tertentu. Tradisi seni tatu juga merupakan simbol dan melambangkan identiti serta jati diri seseorang individu tersebut. Ini kerana masyarakat Iban menganggap tatu sebagai penanda atau status sosial bagi diri seseorang individu tersebut. Selain itu, tatu juga simbol bagi membezakan sesuatu keturunan, kekayaan dan kekuasaan dalam masyarakat Iban. Setiap motif tatu yang dicacah pada bahagian anggota badan juga mempunyai maksud yang tersendiri kepada individu tersebut berdasarkan kepada perwatakan, keperibadian dan pengalaman yang dimiliki.

Upacara mencacah tatu dilihat merupakan proses yang menyakitkan pada permukaan kulit seseorang tetapi membawa maksud yang tersendiri untuk melambangkan keperibadian tentang sesuatu pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu tersebut. Masyarakat Iban juga mencacah tatu pada bahagian badan mereka sebelum pergi ke sesuatu tempat atau negeri lain. Tradisi ini dilakukan untuk memperingati bahawa seseorang individu telah pergi ke sesuatu tempat atau negeri lain. Oleh itu, semakin banyak tempat yang dijelajahi oleh seseorang individu itu, semakin banyak tatu yang dicacah pada badan individu tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa tatu mempunyai peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian masyarakat Iban.

Berdasarkan kepada kewujudan alam semula jadi, ianya dapat dilihat dari aspek bentuk, sifat dan ciri alam semula jadi yang dijadikan sebagai perlambangan dalam semua aspek kehidupan oleh masyarakat Iban. Penempatan masyarakat Iban di Sarawak memperlihatkan bentuk keunikan alam semula jadi iaitu kehidupan mereka dikelilingi oleh

hutan tebal dan kaya dengan sumber alam. Berdasarkan kepada pemikiran masyarakat Iban terhadap persekitaran, mereka memanfaatkan sumber alam semula jadi yang sedia ada. Mereka menjadikan sumber alam semula jadi sebagai inspirasi dan sumber idea dalam penciptaan tatu yang mempunyai pelbagai motif yang menarik dan maksud yang tertentu. Manakala bagi sifat alam semula jadi, kelangsungan hidup dalam masyarakat Iban adalah mereka mengamalkan gaya hidup nomad iaitu sering berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain bagi membolehkan mereka membina penempatan yang lebih selesa dan memudahkan mereka mencari sumber makanan. Selain itu, penempatan masyarakat Iban di kawasan yang berbukit memerlukan mereka untuk memahami sifat-sifat alam tersebut agar memastikan kelangsungan hidup mereka pada masa akan datang. Tradisi seni tatu berperanan sebagai senjata psikologi bagi masyarakat Iban kerana mereka akan bersaing dengan etnik-etnik lain pada zaman dahulu dalam mencari penempatan baru untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Penghasilan tatu juga berperanan menjana pemikiran masyarakat Iban lebih dalam menyampaikan sesuatu perkara sama ada dalam bentuk instrinsik dan ekstrinsik. Dalam bentuk instrinsik, tradisi seni tatu dapat membentuk intuisi, pemikiran dan kreativiti masyarakat Iban terhadap sesuatu perkara. Manakala dalam aspek ekstrinsik, masyarakat Iban menzahirkan pemikiran dan kreativiti mereka melalui penghasilan tradisi seni tatu. Ini kerana hasil tangan masyarakat Iban dalam penghasilan sesuatu hasil seni adalah sebahagian daripada pengamatan dan intrepretasi pemikiran mereka terhadap alam semula jadi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar secara tidak formal yang kemudiannya diterjemahkan melalui hasil tangan mereka iaitu tradisi seni tatu.

Tradisi seni tatu yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah mengikut kepada keperluan dalam sesuatu zaman. Seiring dengan zaman pemodenan, tradisi seni tatu beralih fungsi kepada tujuan kesenian, perhiasan dan juga pengkomersialan. Justeru itu, tradisi seni tatu telah mengalami pelbagai perubahan daripada aspek motif, kaedah pembuatan dan peranannya kepada masyarakat Iban pada zaman sekarang. Perkara ini menunjukkan pemeliharaan tradisi seni tatu masih lagi diamalkan kerana mempunyai nilai budaya dan identiti yang kuat dalam budaya masyarakat Iban bersesuaian dengan konteks kehidupan mereka pada zaman sekarang.

Pada zaman sekarang, golongan pembuat tatu Iban dan juga golongan *Lemambang* semakin berkurangan. Ini kerana sebilangan besar daripada mereka telah meninggal dunia. Tambahan pula, golongan pembuat tatu Iban dan *Lemambang* terdiri daripada golongan warga tua. Selain berperanan dalam mengurus dan membuat tatu, golongan *Lemambang* dan golongan pembuat tatu juga perlu memberi pendedahan kepada generasi muda masyarakat Iban agar mereka mengenali dan mempelajari tradisi budaya tersebut. Ini kerana tradisi seni tatu telah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka dan ia juga merupakan sebahagian daripada tradisi penting bagi memperkasakan warisan budaya masyarakat Iban pada masa akan datang.

Tradisi seni tatu juga dilihat mempunyai pelbagai jaringan yang amat meluas dengan segala aspek kehidupan dalam masyarakat Iban. Antaranya adalah dalam aspek kepercayaan warisan, kepimpinan, kebudayaan, status sosial dan nilai sosial dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat Iban, hubungan yang baik antara manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam semula jadi dan hubungan manusia dengan kuasa-kuasa luar biasa perlulah dijaga, dipelihara dan dikekalkan bagi memastikan keharmonian kehidupan mereka

dapat dikekalkan. Dalam budaya masyarakat Iban, wujudnya motif-motif tatu adalah dibuat berdasarkan kepada unsur-unsur alam semula jadi yang dipercayai merupakan ciptaan kuasakuasa luar biasa. Melalui alam semula jadi, masyarakat Iban menzahirkan kreativiti mereka pada tradisi seni tatu yang memperlihatkan kearifan tradisi dalam budaya mereka.

Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka melihat dan belajar dari alam semula jadi dan seterusnya mewujudkan falsafah mereka sendiri, iaitu melalui budaya, kerangka pemikiran, amalan kepercayaan dan ketamadunan. Ini kerana alam semula jadi bukan sahaja membantu masyarakat Iban untuk berfikir, malah untuk membentuk jati diri mereka. Sebelum kedatangan agama-agama besar dan berlaku globalisasi, masyarakat Iban pada zaman dahulu telah menjadikan alam semula jadi sebagai guru dalam mencari jawapan kepada persoalan yang berlaku dalam kehidupan mereka. Setiap elemen alam semula jadi yang wujud di persekitaran mereka dianggap mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, sumber alam semula jadi ini dilihat sebagai salah satu sumber yang boleh menjana kehidupan masyarakat Iban iaitu melalui tradisi seni tatu yang dihasilkan memperlihatkan kepercayaan warisan, nilai sosial, kesenian dan kebudayaan dalam kehidupan mereka.

Tercetusnya nilai-nilai seni dan estetika terhadap seni tatu adalah melalui falsafah masyarakat Iban yang terbina dari keindahan alam semula jadi. Ini kerana masyarakat Iban melihat kepada alam semula jadi bagi memperoleh inspirasi dan imaginasi. Berdasarkan kepada penghasilan seni tatu oleh seseorang pembuat tatu, ia bukan sahaja menunjukkan kreativiti mereka malah ia juga menunjukkan intuisi dalaman dan kejiwaan seseorang pembuat tatu. Ia juga mencerminkan identiti dan serta budaya masyarakat Iban. Jika dilihat dan dihayati, nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi seni tatu adalah merupakan

satu wadah yang menjadi pengantara di antara jiwa pencipta seni kepada jiwa penerima seni, iaitu sama ada masyarakat Iban ataupun masyarakat lain.


Dalam konteks pembuatan seni tatu, ianya dihasilkan dengan teliti agar memperlihatkan kekayaan sumber alam yang menyumbang kepada nilai estetika dan seni dari aspek rupa dan jiwa yang dilihat boleh berkomunikasi dalam masyarakat Iban. Melalui pembuatan tradisi seni tatu, dapat dilihat bahawa sesuatu keupayaan dan kekayaan alam semula jadi dalam memperlihatkan nilai estetika dan seni yang terdapat pada tradisi seni tatu dalam menimbulkan pelbagai penafsiran, pemikiran, rasa dan persoalan di samping gambaran budaya masyarakat Iban. Nilai seni juga berfungsi dalam proses menyalin dan merakamkan sesebuah pengalaman hidup manusia dengan alam semula jadi. Jika dilihat nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi seni tatu lahir daripada kesedaran terhadap intisari sesuatu ciptaan, iaitu melalui bentuk tampak kepada dimensi yang terjalin pada rupa ciptaan tersebut. Ia menjadi panduan di antara realiti yang zahir dan batin serta memainkan peranan sebagai perantara jiwa pencipta dan aspek penghayatan terhadap budaya masyarakat Iban.

Kewujudan alam semula jadi menjadi sumber idea, pengetahuan dan panduan bagi masyarakat Iban dalam membentuk kebudayaan mereka. Perkara ini diperlihatkan melalui kehidupan masyarakat Iban yang beradaptasi dengan alam semula jadi dalam membentuk tradisi seni tatu yang diamalkan oleh mereka dalam kehidupan seharian. Melalui kreativiti dan kehalusan hasil seni oleh individu yang menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar dan inspirasi, maka tradisi seni tatu yang dihasilkan mempunyai nilai estetika dan seni yang menggambarkan jati diri dan simbol kebudayaan masyarakat Iban. Dengan ini, ia

dapat memastikan pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban masih lagi terpelihara hingga ke hari ini.

1.11 Kerangka Teoritikal Penyelidikan

Berdasarkan kepada penyelidikan mengenai ‘Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban’, maka penyelidik menggunakan teori yang berikut bagi mendasari kepada keperluan utama penyelidikan ini.



Carta 1.2: Kerangka teori penyelidikan: Daripada Faham Kepada Tindakan

(Kajian Lapangan, 2024)

Berdasarkan kepada penyelidikan yang dijalankan, penyelidik menggunakan teori Daripada faham kepada tindakan oleh Asri, (2024). Dalam teori tersebut, beliau mengemukakan bahawa terdapat beberapa perkara yang dapat dikaitkan dengan pembangunan konsep pemeliharaan.

Berdasarkan kepada teori Daripada faham kepada tindakan oleh Asri (2024), beliau telah mengemukakan konsep pemeliharaan yang merujuk kepada penerusan legasi terhadap suatu perkara atau situasi yang difahami melalui kebudayaan masyarakat Iban sepertimana yang diperlihatkan pada Rajah 1.2. Ini bermakna bahawa konsep pemeliharaan yang dilakukan oleh masyarakat Iban merupakan suatu kefahaman yang kemudiannya disusuli dengan beberapa tindakan yang dilakukan bagi memelihara pemeliharaan tradisi seni tatu dalam kebudayaan mereka. Tambahan pula, jika masyarakat Iban gagal untuk memastikan pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu mereka, maka ia akan menjejaskan kehidupan seharian yang dijalani oleh mereka. Justeru itu, amat penting bagi masyarakat Iban memelihara tradisi seni tatu mereka agar mereka memperoleh manfaat dalam kehidupan mereka.

Berdasarkan kepada konsep pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban, ia dilihat sebagai satu pembangunan yang mapan dan utuh dalam memenuhi keperluan mereka seiring dengan peredaran zaman tanpa mengubah maksud asal. Tambahan pula, pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban juga dilihat sebagai suatu keupayaan dan kefahaman secara lebih terperinci bagi mengekalkan atau meningkatkan nilai-nilai yang baik dalam menghadapi pengaruh luar. Bagi masyarakat Iban, pemeliharaan tradisi seni tatu dilihat mempunyai kaitan dengan pengekalan warisan, amalan kepercayaan dan budaya yang diterapkan secara bergenerasi. Justeru itu, konsep pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban adalah penting untuk mempertahankan dan mengekalkan tradisi yang dimiliki oleh masyarakat Iban itu sendiri.

BAB 2

KUPASAN KEPERPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Dalam bahagian kupasan keperpustakaan, ia adalah berkaitan dengan tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik terhadap penyelidikan lepas tentang topik yang dikaji. Ini kerana ia sangat penting bagi penyelidik supaya mengetahui sesuatu topik yang ingin dikaji dalam sesuatu bidang sama ada ia belum diterokai atau telah dilakukan oleh orang lain. Dalam bab ini juga, penyelidik juga telah menerangkan mengenai tema dan konsep yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Penyelidik membuat tinjauan terhadap buku, majalah, jurnal, artikel, akhbar dan juga internet. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk diteliti oleh penyelidik bagi mengetahui perkembangan penyelidikan lepas mengenai sesuatu topik yang dikaji. Seterusnya, ia juga dijadikan sebagai kesinambungan daripada penyelidikan lepas. Tambahan pula, bahagian kupasan kepustakaan ini banyak membantu penyelidik untuk mengetahui sesuatu perkembangan topik penyelidikan dari aspek *research gap, knowledge gap, evident gap, practical gap dan methodological gap.* Justeru itu, penyelidik juga perlu meneliti di setiap penyelidikan lepas yang berdasarkan kepada aspek-aspek tersebut agar dapat melihat secara keseluruhan mengenai perkembangan topik yang dikaji. Melalui kupasan keperpustakaan yang dilakukan juga dapat mengukuhkan bukti kesahihan mengenai topik penyelidikan yang dikaji.

2.2 Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak

Berdasarkan kepada kependudukan masyarakat Iban di Sarawak pada ketika ini, mereka mendiami kesemua bahagian negeri Sarawak, terutamanya di bahagian Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu, Kapit dan Miri. Masyarakat Iban pada zaman dahulu lebih dikenali dengan gelaran Sea Dayak dalam kalangan masyarakat barat. Gelaran tersebut adalah disebabkan masyarakat Iban pada kebiasaannya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga golongan pelayar yang mahir. Mereka juga dikategorikan sebagai Melayu Proto, iaitu sama dengan masyarakat Melayu Sumatera dan Semenanjung Malaysia (Freeman, 1955).

Berdasarkan catatan sejarah, masyarakat Iban selalu mengembara dan berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari kawasan tanah yang lebih subur. Ia bertujuan untuk masyarakat Iban melakukan kegiatan pertanian, perikanan dan pemburuan. Penempatan asal masyarakat Iban tidak dapat ditentukan secara lebih terperinci, tetapi terdapat bukti yang menunjukkan bahawa mereka pernah tinggal di kawasan Hulu Kapuas dan Ketugau di Kalimantan Barat, Indonesia sebelum berhijrah ke Sarawak. Masyarakat Iban dipercayai telah berhijrah ke Sarawak pada awal tahun 1540 (Foh, 1999).

Masyarakat Iban juga sangat terkenal dengan penanaman padi. Ini kerana tanaman keperluan masyarakat Iban dan hasil tuaian yang berterusan amat penting kepada mereka (Morrison, 1962). Seterusnya, bagi memastikan hasil tuaian padi yang lumayan, ritual Gawai pertanian akan dilakukan dalam budaya masyarakat Iban (Jensen, 1966). Penempatan masyarakat Iban bertumpu di bahagian barat laut Kepulauan Borneo. Kebanyakkan masyarakat Iban kini tinggal di negeri Sarawak dan terdapat juga sebahagian mereka di Kalimantan Barat, Indonesia iaitu di sebuah kawasan di sekitar Sungai Kapuas.

Pada zaman dahulu, setelah mereka menetap beberapa dekad di sepanjang Sungai Merakai, Indonesia, salah seorang ketua mereka yang bernama Gelungan bersama-sama pengikutnya telah keluar dari kawasan tersebut untuk mencari penempatan baharu yang lebih baik. Kemudian mereka telah menetap di Bukit Balau yang terletak di antara Sungai Merakai dan Sungai Undop. Mereka diikuti pula oleh kumpulan kedua orang Iban yang diketuai oleh seorang ketua bernama Langkup. Kumpulan kedua ini pula tinggal menetap di tengah-tengah kawasan Batang Undop. Setelah kedua-dua kumpulan ini tinggal menetap di Bukit Balau dan Batang Undop, kumpulan ketiga masyarakat Iban yang diketuai oleh Jelian telah tinggal menetap di Wong Empangu, iaitu di kawasan hilir Batang Undop (Sandin, 1967).

Kehidupan masyarakat Iban juga dipengaruhi oleh adat resam yang membentuk budaya tradisi mereka. Selain itu, mereka juga merupakan pengamal dan mempunyai pegangan yang kuat kepada kepercayaan animisme. Pengalaman dan konsep kebudayaan masyarakat Iban masih diamalkan sehingga masa kini sebagai adat resam dan budaya mereka. Seterusnya, sebahagian daripada mereka telah menetap di kawasan dataran rendah atau tanah pamah di daerah Saribas dan Sungai Rajang. Pada zaman sekarang, masyarakat Iban telah bermigrasi dan menetap di kawasan-kawasan bandar di Sarawak seperti di Kuching, Sibu dan Miri (Buma, 1992).

Kewujudan istilah ‘Iban’ dipercayai berasal daripada bahasa Kayan. Istilah tersebut mempunyai makna tertentu iaitu ‘roving stranger’ (Richard, 1981). Perkataan tersebut telah digunakan oleh bangsa Kayan bagi merujuk kepada masyarakat Iban yang membuat penempatan di sekitar kawasan Sungai Rajang (Roth, 1960) dan (Ngadi, 1988).

2.3 Identiti

Berdasarkan kepada sesuatu tradisi seni tatu oleh masyarakat, ia bukan sahaja menunjukkan kemahiran kreatif, malah ia juga menunjukkan kejiwaan dan kerohanian tradisi seseorang pembuat tatu di samping mencerminkan identiti budaya masyarakatnya. Faktor mengenai cara untuk membentuk jati diri seseorang pembuat tatu sebagai warisan tradisi budaya masyarakat Iban ini bergantung kepada kreativiti dan kerajinan. Oleh itu, usaha yang dilakukan untuk memelihara tradisi ini perlu dilakukan agar dapat terus kekal bagi melambangkan identiti dan budaya sesebuah masyarakat (Tettoni & Ong, 1996).

Identiti juga merujuk kepada sesuatu ciptaan-ciptaan hebat yang menunjukkan konsep kehidupan sesebuah bangsa atau suku masyarakat itu. Ini kerana ciptaan-ciptaan tersebut telah sebati dengan bangsa dan masyarakat tersebut. Tambahan pula, kehebatan ciptaanciptaan tersebut dikatakan boleh dirujuk sebagai petanda budaya-budaya yang unggul, kukuh dan tersedia untuk tontonan ramai dan diakui berkesan untuk mempamerkan kehebatan sesuatu kelompok budaya bangsa yang berlainan dengan budaya bangsa yang lain (Ibrahim, 2005).

Identiti adalah tanda pengenalan diri bagi setiap individu, sesebuah masyarakat dan juga sesebuah bangsa. Bagi sesebuah identiti, ia boleh ditonjolkan melalui penggunaan bahasa, agama, gaya pemakaian, simbol, isyarat, nilai, budaya serta adat resam. Bagi sesetengah masyarakat, sesuatu tradisi yang dianggap istimewa menjadi simbol identiti utama kepada masyarakat itu untuk dikenali di seluruh dunia. Misalnya bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu ini dianggap sebagai salah satu tradisi penting kepada identiti mereka (Saging, 2022).

2.4 Amalan Kepercayaan Warisan Dalam Kehidupan Seharian Masyarakat Iban

Kehidupan seharian masyarakat Iban dipengaruhi oleh amalan kepercayaan warisan yang membentuk budaya tradisi mereka. Selain itu, masyarakat Iban juga merupakan pengamal dan mempunyai pegangan yang kuat kepada animisme. Pengalaman dan konsep kebudayaan masyarakat Iban masih lagi diamalkan sehingga kini sebagai amalan kepercayaan warisan dan budaya mereka. Tambahan pula, identiti sesuatu masyarakat tersebut bergantung kepada kekuatan dan tradisi yang dimiliki oleh mereka.

Masyarakat Iban mempunyai amalan kepercayaan terhadap jenis petara dan sebahagiannya adalah seperti *Lang Sengalang Burung, Simpulang Gana, Selampandai, Orang Panggau Libau* (Jensen, 1966). Berdasarkan kepercayaan warisan dalam masyarakat Iban, ia bertujuan untuk memenuhi tuntutan spiritual, sebagai keperluan mereka untuk berhubung secara baik dengan kuasa-kuasa ghaib yang wujud dalam kepercayaan mereka. Setiap tahun mereka mengadakan pelbagai sambutan perayaan, pesta adat dan ritual yang dilakukan di rumah panjang masyarakat Iban. Ritual tersebut akan diadakan secara berselang-seli atau berlarutan tanpa henti. Contohnya ritual *Miring* diadakan oleh masyarakat Iban yang bertujuan untuk memuja *Petara* dan semangat dari alam ghaib untuk memohon hajat, rezeki, kesejahteraan dalam kehidupan dan menyembuhkan penyakit (Sumber: Jensen, 1966).

Terdapat beberapa petanda dan pantang-larang yang mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban di Borneo (Jensen, 1966). Bagi masyarakat Iban, amalan kepercayaan terhadap mimpi juga merupakan sebahagian daripada petanda-petanda yang diberi oleh kuasa-kuasa luar biasa terhadap sesuatu perkara yang akan terjadi (Jensen, 1966).

Masyarakat Iban merupakan sebuah etnik yang masih berpegang kuat terhadap kepercayaan pelbagai tuhan (Jensen, 1966).

Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, kewujudan mitos masih dianggap penting. Sebagai contoh seperti *Petara Pulang Gana* yang berupaya membantu masyarakat Iban dalam bidang pertanian. Di samping itu, ritual Gawai perlu diadakan untuk mendapatkan bantuan dan berkat daripada Petara tersebut agar memperolehi hasi tanaman padi yang berkualiti. Justeru itu, mereka perlu menyediakan persembahan *piring* untuk kuasa-kuasa luar biasa seperti *Petara Pulang Gana* dalam masyarakat Iban dan kegunaan *Pua Kumbu* dalam *Miring* (Sumber: Jensen, 1966: Sarawak Museum Journal).

Amalan kepercayaan bagi masyarakat Iban yang belum menganuti agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam adalah berbentuk kepercayaan animisme (Jensen, 1966). Bagi masyarakat Iban, mereka berhubung dengan kuasa-kuasa luar biasa melalui mimpi, *Pengaroh*, pelaksanaan ritual, alamat atau petanda dan penjelmaan kuasa-kuasa luar biasa di alam nyata. Berdasarkan kepada sumber mimpi yang dialami oleh masyarakat Iban atau petanda-petanda yang lain, ia akan menjadi mesej dalam menjalani kehidupan seharian di rumah panjang. Tambahan pula, masyarakat Iban bergantung dengan mesej yang disampaikan oleh kuasa-kuasa luar biasa melalui mimpi dan petanda-petanda yang lain kerana melalui mesej tersebut, maka mereka akan tahu sama ada akan berlaku tuah ataupun malapetaka (Sumber: Jensen, 1966: Sarawak Museum Journal). Kewujudan *petara Pulang Gana*, dalam kepercayaan masyarakat Iban dipercayai membantu masyarakat Iban dalam kegiatan berasaskan pertanian (Jensen, 1966). Maka, masyarakat Iban akan memuja *Petara Pulang Gana* dalam ritual Gawai untuk mendapatkan bantuan dan keberkatan dalam memperolehi hasil tuaian padi yang lumayan. Selain itu, pelaksanaan ritual juga memerlukan

kepada penyediaan *Piring* yang akan dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban (Sumber: Jensen, 1966: Sarawak Museum Journal).

Salah satu kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *Petara Simpulang Gana* dan asal usulnya amat penting dalam amalan kepercayaan masyarakat Iban (Sandin, 1967). Bagi mereka, *Simpulang Gana* merupakan *Petara* bumi dan pertanian. Ini kerana masyarakat Iban akan memuja *Petara Simpulang Gana* bagi mendapatkan hasil pertanian yang berkualiti. Seterusnya, dijelaskan juga mengenai penggunaan *Pua Kumbu* dalam ritual Gawai pertanian dan jenis-jenis burung yang menjadi petanda kepada masyarakat Iban sama ada berlaku perkara yang baik atau buruk (Sumber: Sandin, 1967: Peturun Iban).

Masyarakat Iban juga percaya bahawa persekitaran mereka didiami oleh kuasa-kuasa luar biasa (Jensen, 1966) Pada zaman dahulu, masyarakat Iban mempunyai kepercayaan terhadap kewujudan alam ghaib, alam semesta dan semangat manusia. Justeru itu, masyarakat Iban melakukan perlakuan-perlakuan tertentu yang berbentuk ritual bagi menghormati semua makhluk ghaib (Sumber: Jensen, 1966: Sarawak Museum Journal).

Penanaman padi bukit dan paya oleh masyarakat Iban merupakan kegiatan pertanian yang utama (Morgan, 1968). Selain itu, dinyatakan juga mengenai kesuburan tanah untuk aktiviti pertanian mereka, Seterusnya, masyarakat Iban juga percaya terhadap *Petara Simpulang Gana, Sengalang Burung, Selampandai* dan *Orang Panggau Libau* bagi mendapatkan hasil tuaian yang lumayan. Berdasarkan kepada kedudukan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban, *Sengalang Burung* merupakan *Petara* peperangan yang memiliki sifat kepimpinan yang hebat dan mempunyai kedudukan yang tertinggi. Justeru itu, pahlawan Iban yang pergi beperang akan melakukan ritual untuk memohon dan meminta petunjuk dari *petara Sengalang Burung*. Ini kerana sekiranya mereka mengikuti petunjuk

yang diberikan oleh *Petara* tersebut, mereka akan berjaya dalam peperangan (Sumber: Morgan, 1968: Sarawak Museum Journal).

Amalan kepercayaan masyarakat Iban terhadap *petara Simpulang Gana, Sengalang Burung, Selampandai* dan *Orang Panggau Libau* yang dipercayai berkaitan dengan penyumbang kejayaan dalam kegiatan menanam padi (Morgan, 1968). Ini kerana kuasakuasa luar biasa tersebut dipuja dalam sesebuah pelaksanaan ritual Gawai bagi memperolehi hasil yang lumayan dalam aktiviti pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Iban (Sumber: Morgan, 1968: Traditional Iban Society, Culture and Ecology).

Masyarakat Iban juga percaya akan kewujudan alam ghaib (Jensen, 1974). Ini kerana alam ghaib merupakan tempat tinggal kuasa-kuasa luar biasa dalam cerita mitos seperti Keling dan Kumang. Menurut kosmologi masyarakat Iban, Dewa *Keling* dan Dewi *Kumang* dipercayai tinggal di *Panggau Libau Lendat dibiau gerempung isang*. Manakala, alam ghaib pula adalah seperti *Gelong Batu Nakong Nyingit Nyinggung Nyandar Nerabang* yang merupakan penempatan dewi *Kumang* sebelum berkahwin dengan Dewa *Keling*. *Keling* melambangkan dewa yang sangat terkenal dengan kekuatan luar biasa dalam situasi peperangan. Mengikut amalan tradisi, masyarakat Iban sentiasa meminta pertolongan dari dewa tersebut untuk membantu mereka ketika melakukan aktiviti peperangan dan *Ngayau* (Sumber: Jensen, 1974: The Iban and Their Religion).

Perayaan Gawai Burong atau dikenali sebagai Gawai Kenyalang adalah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada *Petara Sengalang Burung*. Ini kerana *Sengalang Burung* merupakan *Petara* perang dalam kosmologi masyarakat Iban (Sandin, 1977). Mengikut sejarah perayaan Gawai Kenyalang, ia adalah tentang *Aki Lang Sengalang Burung*

Jagu Menaul Tuntung, iaitu burung helang yang diarahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk menerajui semua aktiviti peperangan oleh masyarakat Iban.

Selain itu, beliau memiliki segala *Pengaroh* atau azimat yang amat berkuasa. Kebiasaannya, masyarakat Iban akan mengadakan perayaan Gawai Kenyalang semasa atau sebelum mereka melakukan ekspedisi Ngayau atau memenggal kepala. Perayaan Gawai Kenyalang amat penting untuk mereka menjadi pahlawan dan menerima petanda dari Petara melalui mimpi yang mengarahkannya untuk melakukan ritual tersebut. Selain itu, perayaan ini juga diadakan bagi meraikan kepulangan pahlawan dalam masyarakat Iban. Tradisi ini dilakukan bagi meraikan golongan lelaki Iban yang baru pulang ke kampung halaman mereka dengan membawa habuan dan barangan berharga daripada aktiviti bejalai atau mengembara.

Kebiasaannya, ritual perayaan tersebut akan dilakukan di bahagian Tanju, ataupun di kawasan luar Ruai rumah panjang. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa *Petara Sengalang Burung* akan datang dan duduk bersama-sama masyarakat Iban semasa makan dan minum di tempat tersebut (Sumber: Sandin, 1977: Gawai Burong: The Chants and Celebration of the Iban Bird Festival).

Masyarakat Iban membahagikan kuasa alam kepada dua, iaitu tuhan dan kuasa jahat yang digelar *Antu Gerasi* (Sutlive, 1992). Kewujudan mitos adalah merupakan pengaruh kuat terhadap kepercayaan warisan yang diamalkan oleh masyarakat Iban dan ia membentuk kehidupan di dunia mereka. Dalam budaya masyarakat Iban, antara mitos yang paling kuat dan penting adalah seperti, *Sengalang Burung* yang mempunyai fungsi utama dan paling berkuasa di alam ghaib (Sumber: Sutlive, 1992: The Iban of Sarawak).

Amalan kepercayaan warisan masyarakat Iban berpaksikan kepada kewujudan semangat dan roh dari alam ghaib (Kedit, 1993). Kewujudan semangat dan roh dipengaruhi oleh kuasa baik dan jahat. Bagi menjaga sesuatu kewujudan bagi semangat dan roh, maka masyarakat Iban perlu melakukan aktiviti pemujaan atau penyembahan bagi memperoleh sesuatu kebaikan dan menolak unsur-unsur kejahatan. Selain itu, masyarakat Iban juga mempunyai amalan kepercayaan terhadap sumber mimpi yang tertentu terhadap haiwan. Misalnya, burung, ular, labi-labi serta haiwan-haiwan lain yang dipercayai membawa petanda dari kuasa-kuasa luar biasa. Bagi masyarakat Iban, amalan kepercayaan yang diamalkan oleh mereka banyak mempengaruhi jenis-jenis aktiviti harian seperti penanaman padi huma dan ia masih kuat sehingga hari ini (Sumber: Kedit, 1993: Iban Bejalai).

Masyarakat Iban mempunyai kepercayaan yang kuat mengenai kuasa alam ghaib (Kedit, 1993). Bagi masyarakat Iban, terdapat dua jenis kuasa semangat dari alam ghaib, iaitu semangat baik dan semangat jahat. Semangat baik dikatakan mampu menolong mereka untuk memperolehi hari-hari yang baik manakala semangat jahat pula dikatakan boleh menimbulkan malapetaka seperti bencana alam. Selain itu, masyarakat Iban juga percaya bahawa semangat bukan sahaja terdapat pada manusia malah juga terdapat pada haiwan seperti ular, buaya dan burung. Oleh itu, masyarakat Iban telah membuat beberapa perayaan tertentu di samping melaksanakan ritual penting bagi mengelak ancaman semangat jahat yang menganggu dan mengancam kesejahteraan dalam kehidupan mereka (Sumber: Kedit, 1993: *Iban Bejalai*).

Antu Gerasi tidak berada pada kedudukan yang sama taraf dengan *petara*. Ini kerana *Antu* berada di bawah kedudukan *Petara* (Gomes, 2004). Tambahan pula, *Antu Gerasi* terbahagi kepada dua kategori, iaitu semangat baik dan semangat jahat. Masyarakat Iban

mempercayai kewujudan semangat baik dan jahat kerana ia tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian ataupun jenis-jenis aktiviti yang hendak dilakukan. Kepercayaan masyarakat Iban kepada semangat baik yang muncul dalam mimpi ataupun khayalan dikatakan mampu memberikan petanda yang baik. Sebagai contoh, semangat yang baik boleh membantu mereka mengelakkan bencana, malapetaka dan mengubati penyakit dan jalan penyelesaian kepada masalah lain. Tambahan pula, masyarakat Iban akan melaksanakan ritual tertentu, seperti ritual *Miring* bagi menunjukkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada semangat baik tersebut.

Berdasarkan kepada sumber kepercayaan masyarakat Iban terhadap semangat jahat ini adalah hanya mahu menghancurkan dan mengganggu kehidupan seharian mereka Tambahan pula, masyarakat Iban dapat mengetahui tanda-tanda semangat jahat oleh *Antu Gerasi* akan muncul. Ini kerana kadang kala bunyi-bunyian yang dikeluarkan oleh *Antu Gerasi* muncul dari kawasan hutan. Sekiranya, bunyi-bunyian tersebut didengari oleh masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang, mereka seharusnya menyediakan *Piring* kepada *Antu Gerasi* supaya ia tidak menganggu ketenteraman mereka. Selain itu, mereka juga membina sebuah pondok kecil khas yang terletak tidak jauh dari kawasan rumah panjang dan menyediakan binatang korban seperti ayam untuk *Antu Gerasi* dan pengikutnya. Tujuan masyarakat Iban melakukan perkara tersebut adalah untuk mengelakkan diri mereka dari ditimpa malapetaka seperti berlaku wabak penyakit berjangkit seperti taun dan malaria. Tahap kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban terhadap semangat dan roh tersebut adalah mempengaruhi kehidupan mereka (Sumber: Gomes, 2004: Seventeen Years Among The Sea Dayaks of Borneo.

2.5 Tuhan Dalam Kepercayaan Masyarakat Iban

Masyarakat Iban mempunyai amalan kepercayaan yang berasaskan kepada kewujudan pelbagai tuhan di dunia ini. Selain itu, terdapat juga kewujudan konsep hantu dalam masyarakat Iban yang juga merupakan salah satu tuhan mereka. Kewujudan konsep tuhan dalam masyarakat Iban merupakan sesuatu yang bersifat sakral, dan mempunyai kuasa luar biasa. Erti pepatah Iban iaitu *Petara nadai enda manah; bisi utai ditolong sida* yang membawa maksud kepada tuhan semua baik dan ingin menolong dalam banyak perkara (Jensen, 1974).

Berdasarkan kepada mitos dalam masyarakat Iban, sesetengah tuhan mereka menjelmakan diri melalui roh nenek moyang mereka. Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka mempunyai satu hierarki kedudukan *Petara-Petara*. Ini kerana *Petara* merupakan kuasakuasa tertinggi diikuti dewa-dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat, dan roh nenek moyang masyarakat Iban yang sudah meninggal dunia. Selain itu, masyarakat Iban juga percaya bahawa golongan pahlawan mereka juga mempunyai kuasa luar biasa yang dikenali sebagai *Orang Panggau Libau*. Tambahan pula, mereka bukan sahaja memiliki kekuatan sebagai pahlawan yang perkasa malah mempunyai kuasa sakti yang tidak boleh ditandingi oleh orang lain. Lazimnya, untuk berhubung dengan *Orang Panggau Libau*, masyarakat Iban perlu melalui satu ritual yang diadakan secara besar-besaran yang amat lengkap. Mereka akan mengadakan ritual *Miring* iaitu menerusi pelbagai perintah atau kurniaan *Pengaroh* yang diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa yang tergolong daripada petara, dewa dewi, *Antu, Semengat* dan roh nenek moyang melalui mimpi kepada masyarakat Iban (Sumber: Jensen, 1974: The Iban and Their Religion).

Istilah *Petara* atau *Betara* adalah berasal daripada bahasa Sanskrit, *Pitr* iaitu nenek moyang atau *Pitarah*, iaitu nama dewa Hindu (Richards, 1981). Terdapat sekurang-kurangya tiga kategori terhadap tuhan-tuhan. Kategori pertama, terdapat tuhan-tuhan pencipta, iaitu makhluk yang pada asalnya dibawa masuk menjadi elemen tanah, langit, air dan manusia. Kategori kedua pula, terdapat dewa utama yang amat penting fungsinya untuk aktiviti manusia dan keperluan kesinambungan kehidupan mereka. Kategori ketiga, iaitu terdapat mitos roh pahlawan yang melibatkan pengembaraan dan mempengaruhi hubungan terhadap golongan lelaki dan wanita dalam masyarakat Iban. Justeru itu, kewujudan *Petara-Petara* dalam alam ghaib bagi masyarakat Iban adalah merupakan kuasa yang paling tinggi (Sumber: Richards, 1981: The Encyclopaedia of Iban Studies, 2001).

Dalam kosmologi masyarakat Iban, kewujudan *Petara-Petara* dapat dikategorikan kepada dewa tertinggi, iaitu Raja Petara (Richards, 1981). Ia juga dikenali sebagai Entala atau *Keri Raja Petara* (atau *Biku Raja Petara*) yang bersaudara dengan *Pantan Ini Andan* (langit) dan Biku Indu Antu (bumi). Tuhan-tuhan ciptaan dalam masyarakat Iban adalah seperti Seremugah ke ngaga tanah (Seremugah yang membuat tanah), *Segundi ke ngaga ai* (*Segundi* yang membuat air), dan *Segundit ke ngaga langit* (*Segundit* yang menjadikan langit). *Raja Petara* memiliki tujuh orang anak, iaitu *Simpulang Gana* (*Petara* tanah dan pertanian), *Raja Juata* atau *Raja Diwata*, (dewa ikan dan hidupan akuatik), *Siti Peremani*, (dewi tumbuh-tumbuhan yang menyumbang kepada kehidupan), *Belang Pinggang*, seekor raksasa putih yang berkahwin dengan *Gupi* dan yang menjadi *Ini Andan* dan *Dayang Peteri*. Terdapat juga golongan tuhan perang (*Lang Sengalang Burung, Lang Betenung, Keling, Bungai Nuing, Laja*, dan *Bungai Jawa*). *Raja Genali* adalah tuhan air. *Anda Mara Raja Pengibai* (atau hanya *Anda Mara*) adalah tuhan kekayaan dan perdagangan, *Kumang* dan kakaknya *Lulung*, adalah dewi wanita yang paling popular. Manakala, *Meni* adalah dewi air,

seni batik dan tenunan benang kain (Sumber: Richards, 1981: The Encyclopaedia of Iban Studies, 2001).

2.6 Masyarakat dan Persekitaran

(Fernie, E. 1996) menyatakan bahawa alam memainkan peranan yang penting dan mendefinisikan ‘seni itu meniru, meniru keindahan alam’. Beliau juga mengatakan keindahan ini dapat melahirkan perasaan lemah lembut, ketenangan, keheningan dan bertafakur. Apabila membincangkan tentang kualiti keindahan dalam seni, beliau menyatakan bahawa manusia tidak dapat lari daripada konsep peniruan alam.

Beliau juga menyatakan seni merupakan satu peniruan alam semula jadi dan seni mengarah kepada alam semula jadi untuk mencapai keindahan. Seterusnya, seni juga perlu dielakkan daripada unsur keganasan kerana sesuatu yang bersifat indah tidak mewujudkan elemen hasutan, kekerasan, emosi negatif dan kerisauan. Ini kerana seni sepatutnya berupaya mewujudkan suasana yang damai dan harmoni di samping dapat memberikan ketenangan jiwa pada seseorang individu manusia. Tambahan pula, seni juga harus memuja dan memperlihatkan keindahan alam semula jadi.

Alam merupakan sesuatu yang sempurna dan mempunyai banyak keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Seterusnya, melalui kuasa pemikiran dan aspek penghayatan yang ada pada seseorang individu manusia, mereka menyempurnakan proses keindahan dan estetika yang terdapat pada alam dan menggarapkannya dalam hasil seni warisan mereka. (Fernie, E. 1996) juga mengatakan bahawa seni meniru alam ini juga merupakan peniruan yang dilakukan oleh manusia terhadap alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka.

Perkataan ‘alam’ dikatakan membawa maksud yang amat mendalam (Navis, 1984). Alam adalah merujuk kepada segala-galanya, bukan sekadar tempat kelahiran dan kematian, tempat hidup dan berkembang malah mempunyai sumber dan falsafah sebagai sumber pengetahuan di samping inspirasi. Kewujudan sesebuah alam penting kerana mempunyai nilai yang mendidik manusia bersandarkan kepada fenomena alam yang sentiasa berevolusi, dinamik dan berubah-ubah megikut sesuatu keadaan. Justeru itu, manusia perlu bertanggungjawab dalam menjaga keseimbangan alam sekitar bagi memperoleh sesuatu kebaikan dalam kehidupan mereka.

‘*Alam Takambang Jadi Guru*’ merupakan suatu falsafah yang wujud dan telah berkembang dalam kebudayaan masyarakat Minangkabau di bahagian Sumatera Barat. Pendekatan masyarakat Minangkabau dengan alam sekitar memperlihatkan mereka dalam memandang alam sebagai sumber untuk membentuk pengetahuan. Minangkabau sebagai sebuah kelompok masyarakat memiliki nilai-nilai hasil belajar dari alam. Penggunaan kata ‘alam’ mengandungi maksud yang tidak terbatas. *Alam Takambang Jadi Guru* adalah falsafah masyarakat Minangkabau yang menjadikan alam sebagai sumber belajar (Navis, 1984). Beliau membincangkan berkaitan dengan falsafah alam, iaitu alam bukan sahaja tempat lahir, hidup, berkembang dan mati, malah mempunyai makna dan falsafah seperti yang diungkapkan dalam falsafah tersebut. Berdasarkan kepercayaan masyarakat Minangkabau, alam semula jadi diumpamakan sebagai guru yang sentiasa mengajar, mendidik dan membimbing mereka dalam menjalani kehidupan. Masyarakat Minangkabau juga melihat daripada beberapa aspek tertentu seperti bentuk alam, sifat alam dan ciri-ciri alam.

Falsafah tersebut adalah merujuk kepada sesuatu yang tersaji di alam semesta ini merupakan anugerah Tuhan yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan bermasyarakat. Implementasi dari konsep '*Alam Takambang Jadi Guru'* ini bukan sahaja dimanifestasikan ke dalam bentuk perhatian dan permanfaatan alam sebagai sumber ilmu pengetahuan dan peradaban, malah tercermin dalam kelakuan sesebuah masyarakat. Kewujudan manusia dalam kelompok masyarakat serta makhluk sosial dipengaruhi oleh pengetahuan persekitarannya. Bagi istilah pengetahuan persekitaran, ia terdiri daripada dua suku kata iaitu kearifan dan tempatan. Tempatan membawa maksud kepada persekitaran atau setempat dan kearifan sama dengan erti kebijaksanaan. Dengan erti kata lain, pengetahuan persekitaran atau tempatan boleh difahami sebagai idea-idea, nilai, pandangan tempatan atau persekitaran yang bersifat bijaksana, penuh keakrifan, bernilai baik yang tertanam dan diikuti oleh masyarakatnya.

Berdasarkan kepada disiplin ilmu yang berkaitan dengan antropologi, ia dikenali sebagai local genius. Ia merupakan istilah yang diperkenalkan oleh Quatrich Wales (Ayatrohaedi, 1986). Para pakar dalam bidang antropologi membahaskan dengan terperinci mengenai pengertian pengetahuan tempatan antaranya adalah Haryati Soebadio (1984). Beliau juga menyatakan bahawa pengetahuan tempatan juga adalah identiti budaya, keperibadian budaya masyarakat yang menyebabkan masyarakat tersebut mampu menyerap dan mengolah kebudayaan asing disesuaikan dengan watak dan kemampuan sendiri (Ayatrohaedi, 1986).

Sesuatu unsur budaya memilik potensi sebagai pengetahuan tempatan (Moendardjito, 1986). Ini kerana ia telah teruji kemampuannya untuk bertahan sehingga kini. Pengetahuan persekitaran atau tempatan memperlihatkan beberapa ciri seperti mampu bertahan terhadap

budaya luar, mempunyai kemampuan menyelaraskan unsur budaya luar ke dalam budaya asli, mempunyai kemampuan kawalan, dan mampu memberi arah kepada kepada perkembangan budaya.

Secara konseptual, pengetahuan persekitaran atau tempatan dan keunggulan tempatan adalah merupakan kebijaksanaan manusia yang bersandarkan kepada falsafah, nilai-nilai, etika dan cara-cara dan kelakuan yang tersusun secara tradisional. Kearifan tempatan adalah nilai yang dianggap baik dan sebenar sehingga dapat bertahan dalam masa yang lama di samping menjadi institusi sosial (Geriya, 2004).

2.7 Kebudayaan dan Masyarakat

Kebudayaan mempunyai kaitan dengan ilmu antropologi. Antropologi mengambil budaya manusia pada setiap masa dan tempat serta berusaha membahaskan dua bahagian sifat manusia secara serentak, iaitu secara biologi (antropologi fizikal) dan secara budaya (antropologi budaya). Kebudayaan dan manusia tidak dapat dipisahkan. Ini kerana setiap hasil dari kegiatan manusia adalah untuk memenuhi pelbagai tujuan dan keperluan hidupnya. Tambahan pula, ia juga merupakan hasil daripada kebudayaan yang mempunyai ciri dan perwatakan yang berbeza dari setiap kumpulan manusia. Seterusnya, kebudayaan adalah terdiri dari cara berfikir dan bertingkah laku yang merupakan ciri tertentu bagi sesebuah masyarakat (Ihromi, 2000).

Kebudayaan yang awal dinyatakan oleh Edward B Taylor adalah bersifat kompleks yang meliputi keseluruhan aspek pengetahuan, agama dan kepercayaan, keseniaan, moral, undang-undang, adat istiadat dan kecekapan serta perkara-perkara lain yang diperlukan oleh manusia sebagai masyarakat di sesebuah tempat (Taylor, 1874). (Hoebel, 1972) yang

menyatakan bahawa kebudayaan adalah integrasi sistem corak kelakuan hasil belajar yang merupakan ciri khas ahli masyarakat dan ianya bukan merupakan warisan biologi (Joyomartono, 1991).

Berdasarkan kepada definisi tersebut, dapat dinyatakan bahawa sesebuah kebdayaan itu bukan warisan biologi. Sesebuah kebudayaan itu diwarisi secara bergenerasi melalui proses belajar. Tambahan pula, sesebuah kebudayaan itu dimiliki secara bersama oleh sebahagian besar anggota masyarakatnya. Dalam kebudayaan oleh sesebuah masyarakat yang mempunyai sistem nilai. Sistem nilai budaya dianuti oleh sebahagian besar ahli masyarakat. Setiap ahli masyarakat, sama ada banyak atau sedikit menguasai dan menghayati idea-idea utama yang menjadi petunjuk bagi setiap usaha atau kegiatan tertentu dalam beradaptasi dengan situasi di persekitarannya. Selain itu, setiap ahli masyarakat juga akan dikuasai oleh amalan kepercayaan tertentu yang wujud dalam kehidupan mereka sebagai peraturan dalaman serta berusaha bagi mencapai sasaran usaha sama ada perseorangan atau bersama. Tambahan pula, sistem nilai budaya yang berfungsi sebagai panduan tertinggi kelakuan manusia. Wujudnya peraturan-peraturan khusus, undang-undang norma yang berteraskan sistem nilai budaya akan mempengaruhi sistem cara berkelakuan manusia (Linton, 2003).

Kebudayaan merupakan suatu sistem idea yang dimiliki secara bersama serta perancangan konseptual yang berdasarkan cara hidup seseorang individu (Ralph, 2003). Seterusnya, kebudayaan juga merujuk kepada segala perkara yang dipelajari oleh seseorang manusia. Apabila berlaku perubahan zaman, perubahan juga dipengaruhi oleh faktor tersebut. Ini kerana kebanyakan perubahan terhadap aspek kebudayaan adalah merangkumi

suatu pengubahsuaian sama ada dalam persekitaran sosial budaya ataupun persekitaran fizikal.

Kebudayaan sebagai subjek antropologi adalah merangkumi kekeluargaan dan organisasi, sosial, pendidikan, teknologi, agama, bahasa, kesenian dan mitologi (Linton, 2003). Kebudayaan membawa maksud iaitu yang pertama adalah kebudayaan dialihkan dari satu generasi kepada generasi berikutnya sebagai warisan tradisi sosial, kedua pula kebudayaan sesuatu yang dipelajari dan diamati, dan ketiga adalah kebudayaan dihayati dan dimiliki secara bersama oleh sesebuah masyarakat penyokongnya (Rohidi, 2000). Pada pandangan beliau, kebudayaan juga merupakan rangka pengetahuan, nilai-nilai dan kepercayaan yang sentiasa berlaku dalam proses pembelajaran.

Kebudayaan merangkumi keseluruhan pengetahuan, amalan kepercayaan dan nilai-nilai yang dimiliki oleh manusia sebagai makhluk sosial, yang kandungannya adalah sistemsistem makna yang terjalin secara menyeluruh dalam simbol-simbol yang berasaskan sejarah. Rangka pengetahuan ini digunakan secara selektif oleh sesebuah masyarakat yang mengikutnya bagi berkomunikasi bagi melestarikan dan menghubungkan pengetahuan serta bertindak dalam menghadapi sesuatu persekitaran dalam memenuhi pelbagai keperluan kehidupan. Tambahan pula, ia merangkumi cara-cara berlaku, kepercayaan, sikap dan hasil dari kegiatan manusia yang khas untuk suatu masyarakat atau kumpulan penduduk tertentu (Rohidi, 2000).

Kebudayaan adalah berdasarkan cara hidup sesebuah masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian mereka (Ralph, 2003). Tambahan pula, setiap manusia yang menjadi anggota masyarakat adalah makhluk berbudaya, iaitu mereka yang melakukan sesuatu perkara yang diperlukan bagi memastikan kelangsungan hidup pada masa akan datang.

Seterusnya, kebudayaan juga bergantung kepada penyampaian secara biologi atau pewarisan melalui unsur genetik. Sesebuah masyarakat yang memperlihatkan sesuatu kebudayaanya jika anggota juga mempunyai sejumlah pola-pola berfikir dan berkelakuan yang didapati melalui pembelajaran.

Kebudayaan melalui pola-pola yang beruniversal, iaitu corak-corak yang ada dalam setiap budaya manusia. Corak-corak kebudayaan tersebut dipengaruhi oleh keadaan persekitarannya. (Ralph, 2003), yang merumuskan terdapat sembilan corak budaya yang universal. Antaranya merangkumi bahasa, unsur-unsur kebendaan, kesenian, mitologi dan pengetahuan ilmiah, ilmu agama, keluarga dan sistem sosial, hak milik, bentuk kerajinan dan peperangan. Selain itu, kebudayaan juga adalah sebuah sistem yang lengkap dan mempunyai hubungan, bentuk-bentuk simbolik yang menyerupai kata, benda, kelakuan, mitos, sastera, lukisan, nyanyian, muzik serta amalan kepercayaan yang berkaitan dengan epistomologi dari sistem pengetahuan masyarakat tersebut (Kuntowijowo, 1999). Sistem simbol juga tidak terpisah dari sistem sosial yang berbentuk penggolongan, gaya hidup, sosialisasi agama, mobiliti sosisal, organisasi kerajaan dan kelakuan sosial. Sehubungan itu, budaya bahan atau bahan dalam bentuk bangunan, peralatan, dan senjata tidak terlepas dari keseluruhan bentuk kebudayaan. Dalam pembentukan budaya, sejarah dan ekologi sesebuah masyarakat memainkan peranan yang besar untuk tujuan tersebut.

Kewujudan sesuatu tradisi dalam suatu warisan ketara adalah salah satu hasil budaya dalam sesebuah masyarakat yang sedang berkembang melalui pendidikan informal yang terdapat di persekitaran mereka. Penciptaan dan perkembangan sesebuah hasil budaya di kawasan-kawasan tertentu adalah disebabkan proses belajar, sistem tukang dan konsep belajar untuk menghasilkan pelbagai produk budaya.

2.8 Konsep Seni

Seni adalah hasil karya manusia yang mengintrepretasikan pemikiran kreatif lalu disajikan secara indah atau menarik sehingga merangsang daya tarikan pada orang lain yang menikmatinya (Ralph, 2003). Seni juga dapat menjadi sederhana peniruan alam dengan segala seginya seperti yang dikatakan oleh Plato. Perkara yang dilakukan seni hanya melukis pemandangan, menari menirukan gerakan binatang yang elok, menyanyi mengikut nada yang disusun mengikut rentak alam. Ia juga menggunakan pengembangan maksud seni Plato oleh Aristotles yang berpendapat bahawa seni adalah tiruan dunia alamiah dan dunia manusia. Beliau juga berpendapat bahawa seni harus mempunyai keunggulan falsafah. Sifat dasar dari seni secara tidak langsung akan menyatakan karya yang diciptakan menjadi berperwatakan. Seni pada dasarnya sangat mahal, tetapi juga individual, ekspresif, kreatif dan abadi (Gie, 1976).

Seni merupakan salah satu unsur budaya manusia yang keberadaannya telah mengalami perkembangan masa dalam jangka masa yang sangat panjang. Ia bermula dengan bentuk seni yang sederhana pada zaman prasejarah hingga mencapai bentuk yang lebih kompleks pada masa kini. Istilah seni dalam bahasa Indonesia berasal dari bahasa Sanskrit yang bermaksud permintaan atau pencarian. Perkataan Art daripada bahasa Inggeris bermaksud kemahiran, art diistilahkan sebagai kegiatan atau hasil pernyataan perasaan keindahan manusia (Salam, 2001). Perkataan ars ini kemudian berkembang menjadi I'arte (Itali), I'art (Perancis), elarte (Sepanyol) dan art (Inggeris) serta maksudnya berkembang sedikit demi sedikit kearah maksud seni tersebut.

Pada ketika ini, seni sebagai segala bentuk yang memiliki nilai keindahan adalah pengertian yang difahami oleh masyarakat. Pengertian umum seni dalam Bahasa Indonesia, adalah sebagai keahlian membuat karya yang bermutu (Depdikbud, 1986). Bentuk-bentuk karya seni yang memiliki nilai keindahan tersebut diyakini memberi kenikmatan dan kepuasan terhadap jasmani-rohani, pencipta atau penikmatnya. Seni juga merupakan hasil atau proses kerja dan gagasan manusia yang melibatkan kemampuan keterampilan, kreatif, kepekaan pancaindera, kepekaan hati dan fikiran. Dengan ini, ia dapat menghasilkan suatu karya yang memiliki kesan indah dan mempunyai nilai seni. Dalam penghasilan sesuatu karya seni yang dilakukan oleh pengkarya memerlukan kemampuan keterampilan kreatif secara khusus sesuai dengan jenis karya seni yang dihasilkan.

Seni adalah segala kegiatan manusia untuk menghubungkan pemikiran kreatif kepada orang lain, iaitu divisualkan dalam susunan yang indah dan menarik. Dengan ini, ia dapat menimbulkan perasaan senang dan kepuasan bagi sesiapa yang menghayatinya (Herawati, 1999). Ini kerana orang dapat merasakan nikmat tanpa didatangi kenikmatan (Sorhadjo, 1990). Dengan erti kata lain, kesenangan dan kenikmatan boleh datang bersama. Seni secara sederhana juga dapat difahami sebagai satu karya seni yang merangkumi aspek luaran, iaitu struktur dan bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Semua aspek tersebut dapat dilihat, disentuh dan digunakan sebagai kelengkapan budaya (Zainon, 2008).

Struktur seni adalah tata hubung unsur-unsur seni yang membangunkan suatu kesatuan karya seni. Struktur adalah unsur bentuk internal karya seni, contohnya garis, bentuk, warna, bentuk, warna dan tekstur seni rupa. Tema pula merupakan idea permasalahan yang ingin dipersoalkan atau yang ingin dibawa dalam karya seni.

Medium merupakan bahan yang digunakan untuk menciptakan seni. Gaya merupakan cara tertentu seperti yang ingin ditunjukkan oleh pengkarya. Gaya berhubung dengan kebiasaan, latar belakang dan idealism dari pengkarya sendiri. Seterusnya, aliran merupakan suatu mazhab, gaya kelompok dan kepercayaan bersama yang ingin digunakan.

2.8.1 Seni dan Masyarakat

Seni telah diletakkan sebagai satu medium bagi mencapai serta membangunkan pengukuhan perpaduan, pemeliharaan serta pembentukan identiti nasional dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang berlangsung pada tahun 1971 berikutan tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Melalui kongres ini, ia membentuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang menjadi rujukan kepada para pengkarya, meliputi keseluruhan bidang seni dalam membentuk kesenian yang berteraskan kepada identiti kebangsaan. Teras bagi pembentukan identiti kebudayaan kebangsaan adalah berlandaskan agama Islam, kebudayaan asli masyarakat rantau ini, serta unsur kebudayaan lain yang tidak melanggar rukun negara, asas moral dan kerohanian sejagat.

Lanjutan penyebaran idealisme ‘seni dan masyarakat’ yang dibina sebagai manifesto kepada tujuan seni. Ini kerana, bagi sebuah negara yang baru merdeka dari penjajahan, gagasan ini diupayakan sebagai satu usaha bagi menyemarakkan seni sebagai sebuah media kebudayaan masyarakatnya. Walaupun gagasan idealism ini ditolak pada peringkat awal oleh beberapa orang pengkarya semasa kongres ini berlangsung, gagasan ini telah diserap dalam beberapa karya seni pada era 70an dan 80an (Shahir, 2013). ‘Seni dan masyarakat’ telah membangkitkan perubahan paradigma dalam bidang seni pada era moden di Malaysia. Selain membangunkan pengkaryaan yang bersifat komoditi iaitu karya seni yang dihasilkan bagi tujuan komersial serta dapat didagangkan di galeri-galeri seni dan pengkarya yang

terdiri daripada pelukis-pelukis yang berkarya dalam bidang seni. Ia juga membangunkan bentuk pengkaryaan serta aktiviti kesenian yang menyasarkan penglibatan masyarakat awam melalui program-program yang dijalankan di ruang awam. Penerokaan ruang awam bagi memecah sempadan pengkaryaan seni atas inisiatif pengkarya di penghujung dekad 1970an secara kolektif telah menyemarakkan bidang seni serta melebarkan peranan serta fungsi seni ke atas masyarakat (Wan Salleh, 2005).

Inisiatif pengkarya dan juga kolektif seni melarikan diri ke dalam konteks yang lebih bermakna dengan pelbagai luahan idea serta membentuk naratif baharu ke atas bidang seni yang berbeza sifatnya dalam ruang alternatif ini terus bersemarak di pentas seni pada era kontemporari sekitar tahun 1990an (Wan Salleh, 2005). Namun, fasa 2000 memperlihatkan ruang awam dan ruang alternatif ini mulai bercambah sebagai sebuah makmal seni (Bin, 2013) yang dilihat berpotensi menghapus sempadan seni, pengkarya dan masyarakat melalui proses penglibatan penonton. Masyarakat yang berperanan sebagai audiens seni selama ini diangkat menjadi tunjang dalam proses kegiatan seni yang dibangunkan dalam programprogram kesenian berteraskan masyarakat.

Melalui program-program seni berorientasikan masyarakat ini, pengkarya tidak tertumpu ke atas keluhuran dan keindahan serta keindahan objek semata-mata sebagaimana yang berlaku dalam era seni moden. Program-program atau kegiatan seni digarap agar dapat melibatkan penonton atau masyarakat secara menyeluruh, bersama dalam proses seni melalui aktiviti-aktiviti yang melibatkan bengkel seni, wacana seni, seni persembahan dan pelbagai kegiatan berteraskan budaya setempat diangkat sebagai bentuk seni baru dalam keupayaan untuk memacu media sosial sesebuah kelompok masyarakat. Bentuk seni baru yang menumpukan kegiatan berteraskan masyarakat atau komuniti ini menjadi suatu perkara

yang menarik kerana telah muncul kesedaran untuk mempersoalkan kedudukan seni, pengkarya dan masyarakat dalam wacana seni.

Namun begitu, semangat baru yang muncul dalam kalangan pengkarya ini harus dinilai semula, kerana tidak keseluruhan kesedaran melakukan aksi penglibatan khalayak ini berpaksikan pada persoalan yang wujud dalam kalangan sesebuah masyarakat. Amalan seni yang melibatkan penyertaan atau proses penglibatan dari masyarakat dalam konteks seni kontemporari pada ketika ini dilihat kehilangan nilai estetikanya (Harun, 2001). Kekurangan menampilkan isu serta persoalan-persoalan yang dominan dalam masyarakat menyebabkan ia gagal menarik perhatian media. Walau bagaimanapun, beliau tidak menolak bahawa kegiatan seni yang memerlukan penglibatan ini berupaya menjadi agen dalam melakukan intervensi sosial keada masyarakat yang dilibatkan.

2.8.2 Seni Peniruan Dalam Masyarakat

Kiyai, G. (2022), menyatakan bahawa seni merupakan refleksi dalam kehidupan realiti seseorang manusia. Pada zaman dahulu, sesetengah artis menghasilkan sesuatu karya yang meniru alam dan peniruan tersebut dilakukan oleh mereka pada tahap seratus peratus. Ini kerana karya yang realistik dan menyamai sesuatu objek yang ditiru adalah dianggap menarik dan memiliki nilai estetika yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Pada zaman sekarang, artis yang meniru alam dikategorikan dalam fahaman realisme. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa karya-karya yang meniru alam pada zaman tersebut memiliki nilai keindahan pada pandangan masyarakat. Masyarakat juga menilai realisme ketika menghasilkan sesuatu karya seni. Melalui peniruan, seseorang pengkarya akan mencuba sedaya upaya untuk menjadikan karya seninya benar-benar menyerupai sesuatu objek ataupun gambaran yang ditiru.

Seni peniruan dalam masyarakat lebih dikenali melalui kaedah nurai (meniru). Konsep nurai merupakan proses meniru sesuatu motif yang telah sedia ada daripada generasi tua. Kebiasaannya, konsep nurai ini dilakukan semasa seseorang individu ingin mencari ilham bagi menghasilkan sesuatu karya seni pada peringkat permulaan sebelum mereka menjadi seseorang yang lebih pakar dalam bidang tersebut.

2.8.3 Seni Berfungsi

Menurut Kiyai, G. (2022), seni berfungsi adalah sesuatu hasil seni yang digunakan dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Dalam konteks sesebuah masyarakat, penggunaan tatu sebagai sesuatu hasil seni yang berfungsi adalah dilihat kepada dua aspek iaitu penggunaan dalam kehidupan seharian dan penggunaan dalam ritual. Penggunaan harian adalah merujuk kepada sesuatu tradisi budaya yang digunakan bagi mengkelaskan sesuatu hierarki masyarakat yang berbeza. Manakala penggunaan dalam ritual adalah sesuatu tradisi yang digunakan pada masa tertentu sahaja. Tradisi budaya tersebut memiliki nilai yang tinggi serta mempunyai unsur seni yang menarik pada rupa dan reka letaknya. Kebiasaannya, tradisi budaya tersebut mempunyai kisah-kisah yang berkait rapat dengan alam ghaib. Ia juga mempunyai pantang larang tertentu dari segi pembuatan dan penggunaannya serta dijadikan simbol yang menghubungkan manusia dengan alam ghaib.

2.8.4 Kesenian dan Kebudayaan

Seni dan budaya sebenarnya merangkumi seni persembahan, seni rupa, dan seni terapi. Ia juga termasuk seni bina, reka bentuk grafik, filem, media digital, video, kemanusiaan, kesasteraan dan pelbagai lagi bidang seni yang lain. Menurut (Leigh, 2000), seni itu sendiri dapat diklasifikasikan ke dalam tiga belas kategori. Antaranya adalah lakonan, upacara, seni rupa, seni bina, pengarahan, animasi, tarian dan koreografi, reka

bentuk, hiburan dan persembahan, muzik dan nyanyian, fotografi, serta produksi dan penulisan (Leigh, 2000).

Budaya dapat ditafsirkan bukan hanya bidang seni, tetapi juga sebagai aspek kepercayaan, norma dan kegiatan bersama masyarakat (Michael, 2000). Seterusnya, kreativiti digunakan unuk menggambarkan seni dan budaya secara umum, tetapi juga merangkumi bidang lain. Terdapat juga para penyelidik yang lepas mengatakan kreativiti merangkumi reka bentuk atau penciptaan aplikasi, idea baharu, perhubungan, sistem atau produk, termasuk sumbangan kepada seni. Secara keseluruhannya, pelbagai bentuk seni dan budaya secara semula jadi merupakan manifestasi dari aspek aktiviti aktiviti manusia dalam kehidupan seharian (Michael, 2000). Ini kerana manusia menyalurkan ekspresi seni dan kreativiti mereka melalui pelbagai aktiviti seperti persembahan seni teater, lukisan, seni bina dan muzik. Perayaan tradisional dan moden, persatuan budaya, kumpulan muzik dan kraf juga termasuk kepada kegiatan kesenian dan kebudayaan.

Pelbagai aktiviti yang merangkumi pelbagai perkara seperti lokasi, tempat, tahap profesionalisme dan penyertaan, produk, pengguna, pencipta dan pengkritik. Semua perkara ini memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan masyarakat yang bertamadun (Leigh, 2000). Seterusnya, terdapat juga istilah seni yang berkembang dalam konteks budaya. Kegiatan seni yang professional dan formal termasuk seseorang yang bekerja sebagai artis profesional di pusat kegiatan seni tertentu.

Walaupun seni yang tidak formal terdiri daripada pelbagai jenis aktiviti dan masyarakat, lokasi untuk kegiatan seni formal juga dikatakan tempat professional seperti teater, muzium dan galeri. Kegiatan seni yang dilakukan di tempat tidak rasmi dilakukan di pusat rekreasi, pusat perniagaan, kelab, taman dan perpustakaan. Ini kerana kegiatan seni

secara individu boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja seperti kegiatan seni kraf. Penyertaan orang ramai dalam kegiatan seni dan budaya berbeza dan pada kebiasaannya bergantung kepada tahap kepakaran masing-masing.

2.9 Perlindungan Dan Pemeliharaan Kepada Warisan Budaya

Identiti dalam sesebuah budaya masyarakat adalah sangat penting untuk memastikan kedamaian terhadap sesuatu peradaban. Ini kerana sekiranya sesebuah masyarakat mempunyai deria yang kuat terhadap jati diri melalui sesuatu budaya yang diamalkan, maka mereka boleh berinteraksi dengan budaya lain secara baik. Sebagai contoh, menghormati sistem nilai sesebuah masyarakat dan amalan kepercayaan warisan serta aspek-aspek yang nyata di dalam budaya masyarakat lain. Selain itu, apabila berlaku pertembungan dan pengadaptasian budaya, maka identiti bagi sesebuah budaya akan berubah. Perkara ini berlaku kerana sifat fleksibiliti dalam sesebuah budaya boleh menjadi perkara yang positif, iaitu membawa kepada pengukuhan nilai-nilai dan struktur-struktur masyarakat.

Tambahan pula, ia juga boleh memusnahkan sesuatu budaya yang bersifat minoriti dan membawa kepada perpecahan nilai asasi manusia. Walau bagaimanapun, ancaman terhadap sesuatu warisan budaya adalah terbukti dalam semua negara, sama ada negara yang sedang dibangunkan atau mebangun, berkerajaan sendiri, atau diperintah secara kekerasan. Bagi masyarakat orang asli di Amerika Utara, mereka berusaha memperjuangkan dan mempertahankan bahasa ibunda, kesenian tradisional dan amalan kepercayaan warisan yang diamalkan. Namun begitu, kebanyakan golongan muda dalam kalangan orang asli Amerika Utara telah kehilangan identiti budaya mereka setelah melibatkan diri dalam kegiatan yang berstrukturkan sosioekonomi serta menjurus kepada dominasi budaya. Bagi semua masyarakat di dunia, perbezaan kehidupan mereka di antara satu sama lain dapat dilihat

menerusi perjuangan untuk mempertahankan dan mengekalkan identiti budaya mereka dalam mengharungi arus globalisasi, pembangunan, konflik dan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk memastikan kemampanan suatu budaya yang diamalkan (Linton, 2003).

Melindungi dan memelihara sesebuah warisan budaya adalah merangkumi keseluruhan hak kemanusiaan, toleransi, pembangunan dan melindungi tapak budaya dan artifak, serta hak harta intelek untuk bahasa khususnya dari aspek budaya dan seni. Perlindungan dan pemeliharaan terhadap pelbagai budaya di dunia adalah salah satu asas kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), United Nation Education Scientific dan Cultural Organization adalah badan utama PBB bagi melindungi dan mengekalkan sesebuah budaya.

Berdasarkan kepada teras kerja yang utama bagi UNESCO adalah dengan memberi pengiktirafan pautan antara budaya dengan tujuan-tujuan yang lebih meluas di seluruh dunia. Berdasarkan kepada perlembagaan UNESCO (1945), mandat utama adalah dengan menghormati, toleransi dan memberi perlindungan terhadap sesebuah warisan budaya serta menampilkan hubungan kebudayaan rakyat di seluruh dunia melalui pendidikan, saintifik dan objektif keamanan dan kebajikan umum manusia. Sesebuah penubuhan pakatan, iaitu Persefakatan Ekonomi, Sosial, dan Hak Kebudayaan Antrabangsa (International Convenant, Economic, Social and Cultural Rights), telah diterima oleh Perhimpunan Agung yang bertarikh pada 16 Disember 1966. Berdasarkan pada penubuhan pakatan tersebut, ia menggariskan hak keazaman diri semua orang secara bebas untuk meneruskan pembangunan budaya mereka.

Pada tahun 1966, sebuah Prinsip Deklarasi Kerjasama Kebudayaan Antarabangsa (Declaration Priciples of International Cultural Co-Operation) yang menyatakan bahawa setiap budaya mempunyai martabat dan nilai yang perlu dihormati dan dipelihara dan sesebuah masyarakat mempunyai hak dan tugas untuk membangunkan budaya mereka menurut (UNESCO, 1966). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mengisyhtiharkan bahawa tahun 1995 adalah merupakan 'International Year of Tolerance'.

Pihak PBB menyatakan bahawa melalui 'International Year of Tolerance', ia adalah mengenai keyakinan bertoleransi dalam memberikan pengiktirafan dan penghargaan terhadap sesebuah kebudayaan, keupayaan untuk hidup bersama dan saling bertukar pendapat adalah penting untuk asas keamanan untuk semua lapisan masyarakat (Sumber: General Assembly, United Nations Year for Tolerance, 1993). Terdapat pelbagai resolusi dan lain-lain pengisytiharan oleh pihak Penubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi menggalakkan perlindungan dan pemeliharaan terhadap hak kebudayaan. Seterusnya, ia merangkumi Declaration on the Elimination of All Form of Intolerance Based on Religion or Belief (GA, 1981), the Declaration on the Rights of Persons Belonging to National or Ethnics, Religious or Linguistics Minorities (Smith, 1972), the UNESCO Declaration on Race and Racial Prejudice (Smith, 1972), and the Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage (Sumber: UNESCO, 1972).

2.9.1 Warisan Tidak Ketara Dalam Masyarakat

Warisan tidak ketara adalah merangkumi aspek bahasa, adat istiadat, tradisi lisan, makanan warisan dan kearifan tempatan (Usop, 2011). Sesebuah warisan tidak ketara merupakan sesuatu amalan, perwakilan, ungkapan, pengetahuan, kemahiran serta alatan, artifak dan objek budaya yang dinilai oleh UNESCO sebagai sebahagian daripada warisan

budaya sesebuah tempat tertentu. Warisan budaya tidak ketara dipertimbangkan NegaraNegara Anggota UNESCO dalam hubungannya dengan Warisan Nyata yang nyata memberi tumpuan kepada aspek budaya tidak ketara. Pada tahun 2001, UNESCO melakukan penyelidikan antara Negara-Negara Anggotanya dan badan-badan bukan pemerintah untuk menghasilkan pengiktirafan yang dipersetujui ramai. Perkara ini menyebabkan Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Tidak Ketara telah dirangka pada tahun 2003 yang bertujuan untuk melindungi dan menggalakkan warisan budaya ini.

Warisan tidak ketara juga lebih kepada ilmu pengetahuan, kepakaran, amalan, seni, dan semua perkara yang ditafsir melalui pendekatan tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan (Sumber: Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Tujuan pemuliharaan adalah untuk menghentikan keadaan usang kepada bangunan, monumen, dan tapak melalui teknik membantutkan atau memperlahankan proses kemerosotan (Sumber: Jabatan Warisan Negara, 2018). Prinsip-prinsip asas pemuliharaan yang dipersetujui antarabangsa pula, khususnya anggota UNESCO melibatkan tindakan menimimakan gangguan, mengaplikasi kajian sintifik dan membuat kerja pemuliharaan sebelum, semasa, dan selepas (Sumber: Jabatan Warisan Ketara, 2018). Ini bermakna, pemuliharaan warisan kebudayaan bukan sahaja tertakhluk kepada menjaga dan melindungi objek warisan secara berterusan. Ia juga memerlukan perhatian dan campur tangan dari segi penyelidikan dan pembangunan serta pengekalan ilmu secara intensif.

Sesuatu pembangunan terhadap sesebuah kebudayaan warisan di dunia ini boleh menjadi ancaman dan peluang terhadap budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Tambahan pula, era globalisasi ekonomi pada zaman ini menjadi teras utama dalam

membahaskan isu terhadap kaedah pemeliharaan identiti seebuah budaya warisan sesebuah masyarakat di samping menyatakan faedah globalisasi kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam sektor perdagangan antarabangsa, ia banyak membawa kepada penggunaan bahanbahan atau barangan moden dari sesebuah negara luar yang menggantikan bahan-bahan yang moden terhadap sesuatu warisan budaya yang berbentuk kebendaan, dan ia akan mempercepatkan proses kerja makmal dengan tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tradisi tersebut. Seterusnya, ia juga menyediakan peluang kepada sesebuah masyarakat untuk meningkatkan sektor ekonomi mereka melalui nilai dan amalan terhadap sesuatu yang berbentuk seni tradisional (Sumber: UNESCO, 2019).

2.9.2 Pembangunan Terhadap Sesebuah Warisan Tidak Ketara

Warisan budaya tidak ketara diiktiraf sebagai sumber utama kepada kepelbagaian budaya dan bertujuan untuk menjaga kepelbagaian budaya di seluruh dunia (Aikawa, 2005). Pelbagai perbahasan berkaitan tentang sesiapa yang melaksanakan dan mengekalkan warisan tidak ketara (Laleye, 2005). Ia termasuk sama ada pengaruh kerajaan atau pihak tertentu yang menentukan bagaimana sesebuah komuniti tersebut diasaskan. Ini kerana kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk menangani isu budaya dan warisan.

UNESCO telah diperkenalkan untuk memastikan warisan budaya terpelihara. Sehubungan itu, UNESCO juga mentakrifkan ICH sebagai definisi pengetahuan, amalan, ekspresi dan kemahiran yang dibawa oleh komuniti yang mengenali ciri-ciri tersebut sebagai sebahagian daripada warisan mereka. Perkara ini juga dikenali sebagai warisan budaya yang hidup dan dinyatakan daripada pelbagai bentuk. Ia termasuklah tradisi lisan, seni persembahan, amalan ritual, sosial, dan juga perayaan (D' Orville, 2005).

Beberapa kaedah yang sistematik telah dilaksanakan di bawah konvensyen dan Perjanjian (1972) termasuk langkah yang efektif untuk memelihara warisan budaya. Ini kerana kepupusan sesuatu tradisi budaya boleh menjejaskan pluraliti budaya global. Oleh itu, amat penting bagi mengadakan langkah-langkah bagi mengekalkan tradisi budaya sesebuah masyarakat untuk memastikannya terpelihara (D'orville, 2005). Namun begitu, ICH berisiko untuk lenyap secara beransur-ansur kerana kurangnya perlindungan daripada pihak kerajaan dan arus globalisasi yang pesat (Arai, 2007). Dalam Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai globalisasi dan ICH, Arai mendedahkan bahawa kerajaan Jepun melindungi ICH. Malangnya, disebabkan kepesatan globalisasi, beliau mendakwa bahawa mereka gagal untuk mengekalkan identiti warisan budaya tidak ketara mereka (Arai, 2007).

Sesuatu pembangunan terhadap sesebuah warisan kebudayaan warisan di dunia ini boleh menjadi ancaman dan peluang terhadap budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Tambahan pula, era globalisasi ekonomi pada zaman ini menjadi teras utama dalam membahaskan isu terhadap kaedah pemeliharaan identiti budaya warisan sesebuah masyarakat di samping menyatakan faedah globalisasi semua lapisan masyarakat (Osman, 1988). Dalam sektor perdagangan antarabangsa, ia banyak membawa kepada penggunaan bahan-bahan atau barangan moden dari sesebuah negara luar yang menggantikan bahanbahan yang berbenuk tradisional.

Penggunaan bahan-bahan yang moden terhadap sesuatu warisan budaya yang berbentuk kebendaan, maka ia akan mempercepatkan proses kerja makmal dengan tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan amalan tradisi tersebut. Selain itu, ia juga menyediakan peluang kepada sesebuah masyarakat untuk meningkatkan sektor ekonomi mereka melalui

nilai dan amalan terhadap sesuatu yang berbentuk seni tradisional (Sumber: UNESCO, 2003).

Warisan budaya tidak ketara akan mengalami kepupusan sekiranya tidak diberikan perlindungan dan perhatian yang sewajarnya pada peringkat awal. Kerajaan telah melihat isu mengenai kepupusan dan kehilangan khazanah negara melalui bidang kuasa Jabatan Warisan Negara. Oleh itu, pihak Jabatan Warisan Negara telah berusaha memartabatkan warisan budaya tidak ketara yang berpotensi dan unik yang boleh diberikan perlindungan. Sejak penggubalan dan pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada tahun 2005 telah banyak memberikan perlindungan kepada warisan budaya tidak ketara terutamanya seni persembahan dan makanan tradisional. Salah satu daripada warisan budaya tidak ketara yang perlu diberi perhatian oleh pihak Jabatan Warisan Negara adalah tradisi seni tatu. Ini kerana tradisi budaya ini merupakan salah satu daripada hasil seni yang mempunyai pelbagai penceritaan dan tujuan tersendiri yang menggambarkan jati diri dalam budaya masyarakat Iban (Kalum, 2018).

2.9.3 Warisan Tradisonal Sebagai Hasil Budaya

Warisan tradisional merupakan sesuatu hasil budaya yang memperlihatkan kemampuan dan kemahiran yang dimiliki oleh pembuatnya bagi tujuan tertentu. Bagi sesebuah hasil budaya, ia menjurus kepada sifat hiasan atau secara penampilannya secara berseni dan mempunyai fungsi tertentu atau berguna. Sesuatu tradisi tradisional yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah merupakan hasil tradisi yang mempertahankan pengertian tradisi konvensional, iaitu tradisi tradisional ini sebagai simbol untuk keperluan seharian oleh

sesebuah masyarakat. Pada bahagian ini, ia menunjukkan kerajinan seorang pencacah tatu yang berterusan dalam menghasilkan tatu seperti yang diwarisi oleh nenek moyang mereka.

Selain itu, terdapat juga pembuat tatu yang menghasilkan tatu tanpa ada perubahan, dan ada yang berusaha untuk mengembangkannya menjadi lebih baik dan berkualiti tinggi. Manakala, bahagian kedua pula ialah tradisi tradisional ini menekankan ekspresi peribadi sehingga pencacah tatu tersebut menamakan dirinya sebagai seniman ataupun pengkarya. Tambahan pula, ada juga dalam kalangan pencacah tatu yang menggunakan kedua-dua bahagian tersebut untuk memperlihatkan pengetahuan lokal atau tempat mengenai aspek kebudayaan sesebuah masyarakat terhadap tradisi tradisional yang dihasilkan (Matsumoto, 2003). Dalam budaya sesebuah masyarakat, terdapat dua jenis warisan seni iaitu warisan ketara dan juga warisan tidak ketara. Bagi warisan ketara, ia amat memerlukan kepada kemahiran pertukangan yang tinggi. Tradisi tradisional ini merupakan suatu hasil kerja seni dan budaya yang berdasarkan kepada mentalism, iaitu berasaskan idea, teknik dan kehalusan yang teliti dalam sesuatu kegiatan (Raminah, 2014).

Warisan tradisi trasional merupakan sesuatu kepentingan yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Pada awalnya, tradisi tradisional ini dilihat menyandang tugas bagi memenuhi keperluan manusia dalam kehidupan seharian mereka sedikit demi sedikit fungsinya mengalami perubahan (Kiyai, 2022). Perubahan fungsi pada tradisi tradisional tidak mengurangkan kewujudannya dalam sesebuah kehidupan manusia. Perkembangan hasil-hasil seni tradisi ini warisan ketara ini sentiasa mendapat tempat khas dalam konteks seni dan budaya oleh sesebuah masyarakat. Ini kerana ia memiliki keunggulan tersendiri sebagai unsur seni.

Keunggulan hasil-hasil seni ini sebenarnya dibentuk dan diperlihatkan melalui faktorfaktor tertentu iaitu faktor khas dan faktor umum. Bagi faktor khas, ia merupakan hasil kerja seni tradisi membawa ciri dan perwatakan budaya asal oleh sesebuah masyarakat. Manakala bagi faktor umum adalah hasil seni tradisional yang dibuat dengan tangan yang berkemahiran tinggi, kebanyakan seni tradisional dibuat sangat dekoratif atau secara visualnya sangat indah serta merupakan tradisional yang berfungsi dan melambangkan sesuatu maksud. Dalam penghasilan sesebuah seni tradisional juga ada menggunakan peralatan tertentu. Tambahan pula, sepanjang proses pembuatannya amat memerlukan kepada kemahiran menggunakan peralatan tersebut oleh pencacah tatu (Bamba, 2011). Sifat terhadap berkemahiran tinggi dalam penghasilan seni tradisi menjadikan beberapa hasil karyanya dilihat sebagai sesuatu yang bernilai dan berharga. Ini kerana, nilai seni yang terdapat pada hasil seni tradisi yang dihasilkan mempunyai pengaruh pada perenungan yang disokong oleh kemahiran yang sangat rumit dan ada peringkat konsep asas yang perlu diikuti dan difahami oleh pengkarya tersebut (Matsumoto, 2008).

2.10 Manusia Sebagai Makhluk Bersifat Estetik

Estetika atau unsur keindahan dapat dilihat pada semua benda, gagasan atau sesuatu idea (Sachari, 2002). Kewujudan manusia sebagai makhluk estetik memiliki bentuk budaya sebagai hasil dari gagasan atau idea sehingga boleh dibezakan dengan haiwan. Estetika bagi sesebuah masyarakat tradisional yang dikatakan estetik primitif pada masa dahulu, iaitu sejak zaman nenek moyang yang telah mengembangkan cara hidup yang dikenali sebagai budaya. Kebanyakkan budaya tersebut akhirnya ada yang mengalami perubahan serta bersatu dengan budaya masyarakat yang lain, malah ada yang telah hilang. Estetika adalah

suatu falsafah yang membincangkan dari keseluruhan kehidupan estetik sesebuah masyarakat dan artistik yang disesuaikan dengan zaman.

Istilah estetika dikatakan berasal dari bahasa Yunani, iaitu '*asthetic*' yang membawa maksud kepada segala perkara yang dapat dicerap oleh pancaindera manusia. Justeru itu, estetika sering dimaksudkan dengan pencerapan indera atau '*sense of perception*'. Seorang ahli falsafah Jerman, iaitu Alexander Baumgarten (1714-1762), adalah orang pertama yang mengemukakan istilah estetika. Baumgarten (Turner, 1974), memilih estetika kerana beliau mengharapkan bagi memberikan penekanan terhadap pengalaman seni sebagai suatu alat untuk mengetahui sesuatu pengetahuan atau '*the perfection of sentinent knowledge*'.

Apabila membincangkan sesuatu estetika, maka ia tidak dapat dipisahkan dari seni. Sesuatu seni merupakan hasil kerja manusia yang mempunyai banyak unsur estetika. Keindahan atau estetika oleh Herbet Read (Turner, 1967), menyatakan estetika atau keindahan merupakan kesatuan daripada hubungan bentuk yang terdapat di antara pencerapan oleh pancaindera (*beauty is unity of formal relations of among our sense perceptions*). Ciri-ciri tentang keindahan tersusun dari pelbagai keselarasan dan perlawanan dari garis, bentuk, warna, nada dan kata-kata (Turner, 1967).

Estetik tradisi merupakan estetik yang berasal dari kebudayaan tradisional bagi sesebuah masyarakat. Estetik tradisi yang berasaskan kebudayaan lama dapat dilihat seperti dalam sesebuah upacara atau istiadat yang tertentu. Estetik tradisi ini juga dikatakan sebagi estetik primitif yang akhirnya mengalami proses perubahan dan adakalanya bercampur dengan budaya dari masyarakat luar, malah ada yang telah hilang. Sesebuah estetik tradisi dapat dilihat kepada suatu peninggalan warisan ketara oleh sesebuah masyarakat seperti motif corak.

2.10.1 Estetika: Perspektif Keindahan Secara Objektif dan Subjektif

Maxwell (2003), menyatakan bahawa sesuatu keindahan atau estetika perlu melalui proses yang dinamakan sebagai idealisasi. Idealisasi merupakan suatu proses yang menggunakan akal dan menjadi asas kepada kegiatan seni. Selain itu, beliau juga mengkategorikan keindahan atau estetika kepada empat konsep utama, iaitu keindahan dikaitkan dengan kemuliaan, keindahan dikaitkan dengan kehebatan, keindahan dikaitkan dengan kesederhanaan, dan keindahan dikaitkan dengan ketenangan.

Estetika ialah pembelajaran tentang falsafah keindahan dan ia juga merupakan pandangan luar terhadap sesuatu hasil seni. Perkataan estetik berasal daripada perkataan '*asthetikos'* yang membawa maksud kepada sensitif. Perkataan tersebut berkembang daripada perkataan *aisthannesthai* yang bermaksud *to perceive* (tanggapan). Estetika merupakan cabang yang berkaitan falsafah keindahan atau perihal yang menerangkan sesuatu yang indah melalui aspek rupa luar sesuatu seni (Leigh, 2000). Ini kerana rupa luaran sesuatu unsur seni tersebut dinilai melalui estetika. Seterusnya, sesuatu objek yang dicipta untuk berfungsi dalam sesebuah kehidupan seharusnya menimbulkan kesan keindahn bagi melahirkan rasa gembira dan menyenangkan hati (Michael, 2000).

(Linton, 2003) dan (Michael, 2000) turut mengemukakan teori keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah metafizik dan psikologikal oleh Plato, Plotinus dan Hangel. Menurut mereka, teori yang dikemukakan oleh ahli falsafah tersebut mengenai keindahan mempunyai persamaan dengan kebenaran, kebaikan dan yang mutlak (Maxwell, 2003). Beliau menyatakan bahawa keindahan biasanya dikaitkan dengan rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan yang baik dan dihargai. Menurut beliau juga, sesuatu yang menggembirakan dan menyenangkan biasanya rasa yang lahir daripada

khalayak terhadap objek yang indah, yang dikatakan mempunyai seni dalam konteks kebudayaan dan kesenian yang berfungsi memenuhi nilai estetika.

Dalam menghayati estetika dan keindahan, khalayak seni akan tertarik kepada sesuatu objek yang indah serta menyebabkan timbulnya rasa terhadap sesuatu objek itu sehingga melahirkan kebebasan dan kesempurnaan pada jiwa. Perasaan gembira dan menyenangkan tersebut akan wujud apabila individu tersebut ditemukan dengan objek-objek yang indah di samping mempunyai nilai seni. Dalam konteks kebudayaan, bidang yang berfungsi memenuhi nilai estetika manusia ialah melalui bidang kesenian (Yaacob, 2001: *Kosmologi Melayu*). Seterusnya, jika dilihat dari aspek psikologi, sesuatu keindahan merupakan sesuatu yang dapat dinilai oleh pancaindera dan deria rasa. Dalam perkara ini, akal memiliki deria rasa fikiran atau kemahuan dan deria rasa. Deria rasa pula mempunyai kepentingan yang berbeza dengan deria rasa yang lain seperti makanan dan undang-undang moral yang mempunyai kepentingan yang berbeza. Dari segi penilaian pula, estetika atau keindahan adalah lebih bersifat ideal yang ukuran berkaitan dengan fakta sahaja. Dalam konteks ini, sesuatu objek yang indah bukanlah hanya semata-mata terletak pada seni tersebut, tetapi ia adalah sesuatu perasaan yang dihayati oleh khalayak ketika meneliti. Selain itu, sifat keindahan yang lahir daripada sesebuah khalayak akan melahirkan satu kepuasan dan kesenangan yang disebut estetika (Yaacob, 2001).

Estetika pada sesuatu seni merupakan komponen terpenting untuk memastikan karya seni yang dihasilkan oleh seseorang pengkarya memperlihatkan kualiti yang tinggi. Konsep estetik atau keindahan pada sesuatu karya seni yang dihasilkan kebiasaannya bergantung kepada beberapa aspek penting dan saling melengkapi. Ia merangkumi aspek kehalusan, kemahiran, reka bentuk, fungsi dan rupa. Konsep keindahan dalam pengertian estetika ialah merujuk kepada suatu perasaan dan kepuasan yang sepatutnya dicapai melalui apresiasi dan

penilaian seni. Seterusnya, seni juga adalah sebagai usaha untuk mencipta bentuk yang boleh menglahirkan rasa kesenangan hati. Menurut beliau lagi, seni yang menyenangkan boleh menyumbang kepada perasaan yang dialami oleh pemerhati. Oleh itu, dalam menilai seni khalayak yang lebih menghayati seni akan melahirkan perasaan suka dan senang pada jiwa mereka (Ismail, 1995).

Sesuatu kesenian juga berkait rapat dengan sesebuah budaya. Antara unsur budaya yang mewujudkan kesenian adalah agama dan kepercayaan, adat istiadat, dan juga bahasa. Kebiasaannya, masyarakat membentuk sesuatu keseniannya yang tersendiri adalah berdasarkan kepada pengalaman dan kehidupan yang dilalui. Kesenian merupakan pendorong kepada seseorang untuk bertindak dan mengakibatkan berkembangnya ruang lingkup perasaan seseorang. Dalam menghayati seni, penghasilannya mestilah memberi kepuasan kepada deria penglihatan terbahagi kepada dua, iaitu seni rupa dua dimensi yang terdapat pada seni tekstil dan seni rupa tiga dimensi yang dikenali sebagai seni tampak yang terdapat pada seni ukir (Yaacob, 2001).

Nilai keindahan sesuatu bentuk itu dapat diukur melalui dua sudut, iaitu objektif dan subjektif (Ismail, 1995). Dari sudut objektif, ciri-ciri yang dinilai adalah seperti bentuk objek seni itu. Sesuatu bentuk pada objek seni itu dapat dilihat dari aspek fizikalnya, manakala dalamannya dinilai melalui aspek subjektif atau bukan fizikalnya. Selain bentuk penilaian, keindahan secara objektif juga mengambil kira idea atau isi sesuatu objek seni tersebut.

Idea yang dimaksudkan adalah merupakan gabungan kebijaksanaan pemikiran, imaginasi atau emosi seseorang tukang dalam menghasilkan sesuatu objek seni tersebut. Tambahan pula, keindahan secara subjektif diukur melalui sudut kegembiraan yang dirasai hasil daripada sesebuah khalayak dan penilaian sesuatu objek seni. Bagi menilai sesebuah keindahan secara keseluruhan, seseorang perlu melihat secara objektif terhadap sesuatu

objek seni tersebut dan juga merasakan keindahannya secara subjektif. Penilaian secara subjektif merupakan penilaian yang lebih bergantung kepada objek seni dan penilaian iu sendiri. Dalam perkara ini, penilaian objek seni adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain (Ismail, 1995).

2.11 Kearifan Tradisi

Secara umumnya kearifan tradisi membawa maksud kepandaian tempatan yang penuh dengan hikmah, nilai-nilai baik, dipraktikkan dan diikuti oleh masyarakat (Lubis, 2017). (Asri, 2020) mentakrifkan kearifan tempatan dengan kearifan lingkungan yang wujud dalam setiap masyarakat. Ia juga dilihat berpandukan kepada nilai dan perlakuan masyarakat di sesuatu tempat dalam menjalani kehidupan seharian dan berkomunikasi sesama manusia dan persekitaran. Istilah *local wisdom* mempunyai maksud yang sama dengan istilah *local knowledge* dan *local genius* (Haslinda, 2018). Istilah kearifan tradisi digunakan oleh beliau bagi menggambarkan budaya yang dipegang oleh masyarakat, diwarisi dan dijadikan sebagai panduan. Ia merupakan sebuah warisan dalam bentuk keagamaan, kebudayaan dan adat istiadat.

(Asri, 2020) menyatakan kearifan tradisi merupakan satu kepandaian dalam menyelesaikan masalah yang berlaku yang berpunca daripada interaksi antara manusia dan alam dan ia amat bermanfaat terutamanya untuk menyelesaikan masalah sosial yang terlahir daripada interaksi manusia dengan manusia. Kepandaian ini dicontohi oleh generasi pada masa akan datang dan diwarisi oleh mereka. Kearifan tradisi adalah satu perkara yang bersifat praktikal yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain yang terhasil daripada kebiasaan hidup dan berasal daripada nilai tradisi dan pegangan agama (Harris, 2017). (Tugang, 2020) pula menyatakan kearifan tradisi merupakan pengetahuan

unik yang merujuk kepada kebudayaan sesebuah masyarakat. Pengetahuan ini dijadikan asas kepada masyarakat dalam membuat keputusan dalam pelbagai aspek seperti pertanian, penjagaan kesihatan, pengurusan alam, sumber-sumber alam dan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat lingkungan. Menurut (Aryanti, 2017) kearifan tempatan merupakan sesuatu pengetahuan yang dipraktikkan oleh sesebuah komuniti yang merupakan hasil pengalaman generasi terdahulu.

Kearifan tradisi merupakan sebahagian daripada elemen tradisi budaya yang berasaskan kepada kehidupan manusia dengan masyarakat yang berkait rapat dengan sumber manusia, ekonomi, keselamatan dan undang-undang. Kearifan tradisi juga boleh dimaksudkan dengan unsur tradisi yang berkaitan dengan pelbagai aktiviti, sumber makanan, dan pembinaan penempatan (Kiyai, 2021). Kearifan tradisi juga adalah satu bentuk usaha manusia yang menggunakan daya pemikiran, akhlak dan kognitif dalam menangani isu dan fenomena dalam lingkungan tertentu. Ia juga membawa maksud kemampuan dan kebijaksanaan minda dan moral dalam berkomunikasi dengan sesuatu perkara dan isu yang berlaku dalam masyarakat lingkungan (Sohaimi, 2018). Kearifan tradisi secara lebih mendalam merujuk kepada interaksi terhad yang berlaku dengan nilai dan sistem masyarakat tertentu. Dalam ruang dan lingkungan tertentu, berlaku interaksi dan terlahir nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat. Nilai-nilai tersebut dipindahkan dari satu generasi ke generasi lain yang menjadi sumber panduan dan petunjuk sepanjang zaman (Sellalto, 2019).

Kearifan tradisi juga ditakrifkan dengan kepandaian tempatan iaitu sejenis kepandaian yang mewakili sesebuah kumpulan dalam masyarakat yang didasari daripada pengalaman hidup dan budaya yang diterapkan oleh masyarakat lingkungan. Ia juga dikenali sebagai amalan masyarakat bertamadun yang terlahir daripada kepandaian tempatan hasil

daripada pengalaman hidup. Menurut pentakrifan budaya, kearifan tradisi merupakan kecerdikan yang terhasil daripada budaya yang tersusun (Samsudin, 2021). Kearifan tradisi juga merupakan kebenaran dan hikmah yang terhasil daripada amalan budaya dalam sesuatu perkara. Ia adalah gabungan antara nilai-nilai suci daripada tuhan dan pelbagai nilai-nilai lain yang terdapat dalam masyarakat. Kearifan tradisi merupakan satu bentuk kecemerlangan budaya dan kedudukan geografi yang menjadi panduan kepada masyarakat. Ia merupakan hasil daripada generasi terdahulu yang diwarisi dan menjadi rujukan kepada amalan masyarakat seharian (Tugang, 2020). Kearifan tradisi juga merupakan suatu perlakuan yang positif manusia hasil daripada hubungannya dengan alam yang menjadi rujukan untuk membentuk hubungan manusia dan alam. Ia boleh difahami sebagai idea setempat yang mempunyai nilai baik yang diterapkan oleh sekelompok manusia. (Dahlani, 2015). Kearifan tradisi adalah satu amalan praktikal yang didasari dengan undang-undang, amalan ritual, dan penggunaan simbol (Rasna, 2017).

2.11.1 Kearifan Tradisi Dalam Sesebuah Budaya Masyarakat

Dalam aspek kebudayaan, kearifan tradisi merupakan salah satu elemen budaya yang bersifat universal. Konsep kebudayaan dalam realitinya adalah merupakan istilah yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan oleh sesebuah masyarakat (Aisyah, T., 2017). Dalam sesebuah kebudayaan, diciptanya manusia sebagai keseluruhan yang kompleks yang di dalamnya mengandungi sistem pengetahuan, kepercayaan, seni, hukum moral, adat istiadat, dan keupayaan lain serta kebiasaan yang diterima oleh masyarakat secara berpanjangan melalui proses enkulturasi, sosialisasi dan internasilisasi.

Sehubungan itu, sesebuah anggota masyarakat mempunyai pengetahuan tentang budaya tersebut tidak sama dengan masyarakat lain. Ini kerana pengalaman dan proses belajar yang berbeza dan persekitaran yang sentiasa berubah. Sebagai makhluk estetik dan

hidup, manusia berupaya untuk beradaptasi dengan keadaan di persekitaran mereka dan berupaya memanfaatkan sumber-sumber yang sedia ada bagi menjaga keperluan hidup. Justeru itu, ia memperlihatkan kepada kewujudan ikatan di antara manusia dengan alam persekitarannya. Ikatan tersebut memberikan pengalaman dan pengetahuan serta buah fikiran pada manusia, iaitu melalui cara mereka mengurus dan mentadbir sumber-sumber alam. Seterusnya, manusia melakukan eksperimen pada alam bagi mengembangkan pemahaman terhadap sistem ekologi yang terdapat di persekitaran mereka. Pemahaman mereka terhadap sistem alam biasanya diwarisi secara lisan serta kurang dibuat perincian dalam bentuk ilmiah. Ini kerana bagi sesetengah masyarakat mereka memiliki pemahaman yang tersendiri terhadap alam dan membentuk kepada pengetahuan tempatan. Justeru itu, pemahaman tersebut dianggap sebagai kearifan tradisi pada pandangan (Suparlan, 2005).

Sesebuah kearifan tradisi adalah semua bentuk pengetahuan, keyakinan, pemahaman atau wawasan serta adat kebiasaan atau etika yang memerlukan kepada penghayatan, dipraktikkan, diajarkan dan diwarisi secara bergenerasi. Justeru itu, ia sekaligus dapat membentuk pola kelakuan manusia terhadap sesama manusia dan alam (Aryanti, D. R., 2022). Kearifan tradisi dapat menjadi keperluan pembelajaran bagi setiap manusia untuk menjadi golongan yang cerdik, pandai dan bijaksana (Aryanti, D. R., 2022). Beliau berpendapat pada asalnya sesebuah kearifan tradisi itu berasal dari sumber pemikiran manusia, sama ada pemikiran yang berbentuk positif ataupun negatif.

Namun begitu, segala perkara yang difikirkan dan kemudiannya dilaksanakan oleh manusia sehingga menghasilkan sesuatu benda yang bertujuan untuk memperoleh kebaikan serta peningkatan sosial taraf hidup. Pemikiran dan sikap hidup manusia yang sentiasa berlandaskan kepada kearifan lokal berupaya memberikan ketenangan dan kebahagiaan hidup sesama manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Sebagai sebuah pemikiran, kearifan

lokal menghasilkan nilai-nilai dan norma-norma tersebut dalam membentuk kelakuan secara benar dalam kehidupan masyarakat. Tambahan pula, ia tidak boleh ditokok tambah tentang nilai ataupun norma tersebut untuk tujuan dan kepentingan tertentu oleh individu. Berkelakuan arif adalah sebuah bentuk kelakuan yang sesuai dengan etika dalam kehidupan bermasyarakat. Ini kerana sekiranya berkelakuan secara tidak arif dan kurang sesuai dan dianggap berkelakuan melanggar sesuatu etika. Keseluruhan norma dan nilai yang digunakan oleh sesebuah masyarakat untuk mengetahui bagaimana mereka seharusnya menjalani kehidupan seharian adalah disebut etika, dan etika adalah berkaitan dengan norma-norma (Bertens, 1993).

Berdasarkan kepada suatu peristiwa, ia juga tersirat tentang kearifan tradisi yang terkandung atau sebaliknya. Sesebuah kearifan tempatan yang terdapat dalam sesuatu peristiwa adalah berkaitan tentang moral dan etika yang ditujukan kepada masyarakat di sekitarnya. Moral merupakan ajaran tentang baik dan buruk dalam aspek perbuatan dan kelakuan, sama ada dalam bentuk akhlak, kewajipan dan sebagainya (Sulistoyrini, 2011). Sesuatu tradisi adalah merupakan hasil budaya masa lalu oleh sesebuah masyarakat yang perlu secara berterusan untuk dijadikan sebagai sumber pengetahuan dalam menjalani kehidupan seharian. Walaupun bersifat persekitaran tempatan, tetapi nilai yang terkandung dalam sesebuah kearifan tradisi adalah kebijaksanaan oleh sesebuah masyarakat yang berpaksikan kepada nilai-nilai, etika, cara-cara dan kelakuan yang berbentuk tradisional (Sudarsi, S., 2022).

Kearifan tradisi merupakan sesuatu bentuk ilmu pengetahuan oleh sesebuah masyarakat yang diperoleh dari nilai warisan budaya yang diamalkan dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Tambahan pula, kearifan juga dapat didefinisikan sebagai nilai warisan budaya yang mengawal kehidupan masyarakat. Tambahan pula, kearifan juga dapat

didefinisikan sebagai nilai budaya tempatan yang dapat dimanfaatkan untuk mengawal keseluruhan kehidupan oleh sesebuah masyarakat secara arif dan bijaksana. Justeru itu, dapat dikatakan sesuatu kearifan tradisi dapat membentuk kepada keunggulan budaya bagi sesebuah masyarakat setempat berkaitan dengan keadaan persekitaran (Hashim, S., 2020).

Setiap masyarakat biasanya memiliki sistem kearifan tradisi dan pengelolaan tempatan yang diwarisi dan dikembangkan secara bergenerasi (Saiful, 2021). Sesebuah kehidupan masyarakat pada masa dahulu sangat kurang bergantung kepada ikatan sosiobudaya dan amalan kepercayaan yang wujud di sekitarnya. Justeru itu, sesuatu kearifan tradisi adalah berkaitan dengan selok belok adat istiadat dalam kehidupan masyarakat yang wujud di setiap pelusuk alam.

Sesuatu kearifan tradisi merupakan sebahagian identiti atau keperibadian bagi sesebuah budaya masyarakat. Ini kerana apabila berlaku globalisasi, sesebuah masyarakat itu mampu menyerap malah mengolah kebudayaan luar untuk dijadikan sebagai kemampuan sendiri (Hussein, 2021). Tambahan pula, identiti dan keperibadian semestinya disesuaikan dengan cara hidup oleh sesebuah masyarakat agar tidak berlaku pertindihan nilai-nilai tradisi yang sedia ada. Sesuatu kearifan tradisi adalah salah satu keperluan dalam mengolah kebudayaan dan mempertahankannya dari ketidaksesuaian budaya dari luar (Subagiya, 2021). Kearifan tradisi juga berkaitan dengan pandangan hidup dan ilmu pengetahuan serta terdapat pelbagai straregi kehidupan yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat di sekitarnya terhadap keperluan menyelesaikan masalah mereka.

Berdasarkan kepada istilah luar, kearifan tradisi adalah sebagai konsep kebijaksanaan setempat ataupun *local wisdom* atau pengetahuan setempat (*local knowledge*) atau kecerdasan setempat (*local genius*). Bagi sesebuah masyarakat setempat, terdapat pelbagai cara digunakan untuk melindungi dan mempertahankan budaya mereka. Justeru itu, kearifan

tradisi adalah salah satu perkara penting untuk dikekalkan dan dipelihara bagi tatapan generasi seterusnya dalam sesebuah masyarakat setempat (Yusriadi, 2019).

Selain itu, ia dapat dimaksudkan sebagai pandangan hidup dan pengetahuan di samping sebagai strategi kehidupan yang wujud hasil daripada kegiatan oleh sesebuah masyarakat tempatan untuk memenuhi keperluan mereka (Abdullah, 2020). Berdasarkan pendapat beliau, dapat dikatakan sesuatu kearifan tradisi merupakan adat dan kebiasaan tradisi yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat secara bergenerasi sehingga kini dan masih lagi dipertahankan kewujudannya. Kearifan tradisi dapat difahami sebagai salah satu gagasan atau idea setempat yang bersifat bijaksana, penuh kearifan, mempunyai nilai baik yang tertanam dan diikuti oleh anggota masyarakatnya.

Kearifan tradisi merupakan cara sesebuah masyarakat bersikap dan bertindak menanggapi perubahan terhadap keadaan fizikal persekitaran dan budaya. Seterusnya, ia juga suatu gagasan atau konseptual idea yang hidup dalam masyarakat, tumbuh dan berkembang secara berterusan dalam kesedaran masyarakat yang sifatnya berkaitan dengan kehidupan yang sakral. Tambahan pula, kearifan tradisi juga merangkumi keseluruhan gaya hidup oleh sesebuah masyarakat setempat (Osup, 2019). Sesuatu kearifan tradisi adalah tali pengikat kepada bentuk kebudayaan oleh sesebuah masyarakat (Harris, 2017). Selain itu, kearifan tradisi dapat didefinisikan sebagai suatu ilmu budaya melalui internasilisasi dan interpretasi agama dan kepercayaan yang disosialisasikan dalam bentuk norma-norma dan dijadikan panduan dalam kehidupan seharian oleh sesebuah masyarakat. Bentuk-bentuk kearifan tradisi adalah didasari kepada kepelbagaian aturan yang wujud dalam sesebuah struktur sosial yang berlandaskan kepada sesuatu kearifan dari budaya oleh sesebuah masyarakat setempat (Haryanto, 2014). Bentuk-bentuk kearifan tradisi dalam sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui aspek budaya.

Berdasarkan kepada kearifan sesuatu tradisi, ia bukan hanya dilihat pada cara manusia menguruskan alam, malah ia merangkumi kesemua aspek kehidupan, iaitu berbentuk peraturan yang dikaitkan dengan hubungan sesama manusia, hubungan manusia dengan alam serta hubungan manusia dengan Tuhan. Ia dapat dilihat melalui interaksi sosial sama ada antara individu ataupun kelompok, yang berkaitan dengan hierarki pemerintahan dan adat, peraturan perkahwinan serta hukum karma dalam kehidupan seharian oleh sesebuah masyarakat setempat. Tambahan pula, ia adalah peraturan yang bukan berbentuk tulisan di samping menjadi acuan kepada masyarakat (Wahyudi, 2014).

Berdasarkan kepada kearifan tradisi, ia merupakan segala bentuk pengetahuan, keyakinan, pemahaman, adat kebiasaan atau etika yang memerlukan kelakuan manusia dalam kehidupan bermasyarakat (Kiyai, 2021). Pengertian terhadap sesuatu kearifan lokal dapat menyatakan cara pemikiran manusia sebagai makhluk integral dan merupakan sebuah kesatuan dari alam semesta. Di samping itu, ia juga merangkumi aspek kelakuan, tanggungjawab, sikap hormat-menghormati, dan mengambil kira terhadap kelangsungan semua kehidupan di alam semesta ini. Nilai-nilai kearifan tempatan yang terdapat pada sistem sosial masyarakat dapat dihayati, dipraktikkan, diajarkan dan diwariskan secara bergenerasi yang sekaligus dapat membentuk pola kelakuan manusia dalam kehidupan masyarakat seharian di samping terhadap alam sekitar. Sesebuah masyarakat tempatan memiliki kearifan tradisi berkaitan ekologi, pertanian, dan perhutanan yang terbentuk secara bergenerasi untuk mengendalikan sumber alam semula jadi (Hilmanto, 2009). Sesuatu kearifan tradisi dapat didefinisikan berbentuk pengetahuan yang diperoleh melalui cara hidup atau kehidupan seharian antara masyarakat dengan alam semula jadi dan proses-proses ekologi (Knapp dan Fernandez, 2009). Konsep dari kearifan tradisi juga merangkumi bentuk

pengetahuan tempatan, kecerdasan setempat, kebijaksanaan setempat dan tradisi tempatan (Admojo, M.M.S.K., 1986).

Berdasarkan kepada sesuatu kearifan tradisi yang memiliki oleh sesebuah masyarakat, ia berbeza mengikut lokasi di sesebuah tempat. Tambahan pula, kearifan tempatan masyarakat tertentu dapat diperlihatkan melalui cara mereka mengendali sumber alam sebagai tata aturan lokal yang wujud sejak zaman dahulu melalui sejarah dan adaptasi yang lama (Sumber: Oktaviani dan Dermawan, 2010). Sesuatu kearifan tradisi merupakan kemampuan sesebuah masyarakat lokal tradisi terhadap penyerapan budaya asing yang datang secara selektif dan disesuaikan dengan situasi persekitaran setempat (Sumber: Admojo, M.M.S.K., 1986). Sistem budaya tradisi adalah modal sosial yang besar, telah wujud dan berkembang secara bergenerasi sehingga kini dan masih kukuh dalam sesebuah masyarakat (Kiyai, 2021).

2.12. Tradisi Seni Tatu

Tatu merupakan tanda atau cacahan yang dibuat dengan memasukkan pigmen dakwat ke dalam kulit manusia atau haiwan. Tujuan tatu ini dicacah pada badan manusia adalah bertujuan menghiasi tubuh pemakai, tetapi tatu pada haiwan biasanya digunakan untuk tujuan pengenalan sesuatu perkara. Pembuatan tatu ini diamalkan di seluruh dunia pada masa ini. Masyarakat Ainu iaitu orang asli di Jepun mencacah tatu pada bahagian muka. Tradisi mencacah tatu ini juga dilakukan oleh suku masyarakat Polinesia, Filipina, Borneo, Afrika, Amerika Utara dan Selatan, Meso Amerika, Eropah dan Kemboja serta China. Tatu pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan pantang larang tertentu, akan tetapi ianya masih lagi diamalkan pada dunia moden (Kanyan, 2015). Konsep pencacahan tatu pada tubuh dalam kebudayaan dunia sudah lama didapati dan di seluruh pelusuk dunia. Menurut sejarah, pencacahan tatu sudah dilakukan sejak 3000 tahun sebelum Masihi (Saging, S, 2022).

Cacahan tatu ditemukan untuk pertama kalinya pada sebuah mumia yang terdapat di Mesir, yang dipercayai tersebar ke seluruh pelusuk dunia, termasuk salah satunya suku Red Indian di Amerika Syarikat dan Polinesia di Asia, serta berkembang ke seluruh suku-suku dunia salah satunya suku Dayak di Kalimantan (Kanyan, 2015). Adat ini dikatakan mula menjadi terkenal dalam kalangan masyarakat di negara Barat berikutan kegiatan pelayaran yang dilakukan oleh Kapten James Cook ke kawasan Pasifik Selatan pada abad ke-18, iaitu anak-anak kapal beliau telah dicacah dengan tatu oleh masyarakat peribumi di kawasan Pasifik Selatan (Bebit, 2021).

Kegiatan ini mula dilakukan secara meluas dalam kalangan kelas bawahan namun lama kelamaan mula menjadi masyhur dalam kalangan orang kelas atasan temasuk kerabat diraja sekitar tahun 1870-an. Kegiatan ini menjadi suatu penanda pembahagian kelas sosial di Britain. Tatu pada badan manusia dibuat sebagai suatu simbol atau penanda yang memberikan sesuatu kebanggaan dan keberaian tersendiri kepada individu yang bertatu. Tatu juga berperanan sebagai simbol keuntungan, status sosial, kecantikan, kedewasaan dan harga diri (Taharuddin, N. S, 2020). Tradisi seni tatu merupakan suatu amalan dalam budaya yang berbeza di seluruh dunia kerana tatu mempunyai tujuan yang penting dalam sesebuah ritual (Fakhri, M., 2015). Tatu yang diukir dan dicacah pada bahagian badan merupakan simbol atau lambang kepada sesebuah masyarakat kerana ia berfungsi untuk melahirkan atau menyampaikan sesuatu perkara.

Reka letak tatu pada bahagian anggota badan juga berbeza bagi setiap puak ataupun masyarakat mengikut tempat. Ini kerana melalui reka letak tatu tertentu, ia menandakan status sosial seseorang individu tersebut dalam masyarakat (Osman, M. S., 2021). Walaupun tatu merupakan simbol dan budaya kepada sesebuah masyarakat tersebut, namun tatu mempunyai tabu dan pantang-larang yang harus dipatuhi oleh pembuat tatu dan individu

yang dicacah dengan tatu sebelum dan selepas bertatu (Fakhri, M., 2015). Pemilihan motif amat penting kerana ianya dipercayai boleh membawa tuah ataupun membawa nasib malang dan adalah tidak bernasib baik jika seseorang individu tersebut ditimpa sesuatu penyakit yang tidak boleh diubati (Anna D, 2011).

Perkataan tatu sebenarnya berasal daripada Polinesia iaitu perkataan Tahitian ataupun *tatau* yang membawa maksud untuk menandakan sesuatu tentang kehidupan mahupun keberanian seseorang atau tentang keagamaan. Tatu adalah sesuatu kegiatan seni atau amalan untuk membuat penandaan pada kulit yang tidak akan hilang dengan membuat tusukan di dalam kulit yang mengandungi pigmen (Osman M., 2021). Perkara ini merupakan proses yang menyakitkan tetapi membawa maksud-maksud yang tersendiri untuk melambangkan keperibadian tentang pengalaman yang telah dilalui oleh seseorang individu tersebut (Anna D, 2011).

Motif merupakan dorongan dalam diri manusia yang timbul kerana adanya keperluankeperluan yang ingin dipenuhi oleh manusia tersebut kerana motif itu dapat dimaksudkan sebagai kekuatan yang terdapat dalam organisma yang mendorong untuk melakukan sesuatu perkara. Secara etimologis, (JUMPO, S., 2021), motif dalam bahasa

Inggeris '*motive'* berasal dari kata '*motivation*' yang bermaksud gerakan atau sesuatu yang bergerak. Jadi istilah motif erat kaitannya dengan "gerak", yakni gerakan yang dilakukan oleh manusia, atau disebut juga perbuatan atau tingkah laku.

Motif dalam psikologi bermaksud rangsangan, dorongan atau pembangkit tenaga bagi terjadinya suatu tingkah laku dan juga dorongan yang sudah terikat pada suatu tujuan (Santi, D., 2019). Motif menunjukkan hubungan yang sistematik antara suatu respon atau suatu himpunan respon dengan keadaan dorongan tertentu. Motif membawa maksud sesuatu yang

menjadi dasar atau corak pada lukisan (Kiyai, 2021). Motif juga merujuk kepada unsur atau tema pengulangan yang apabila bersambung membentuk karya yang lebih besar. Ia juga membawa maksud pola atau corak yang terdiri kepada satu atau lebih reka corak yang diatur dalam bentuk-bentuk tertentu.

2.12.1 Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban

Masyarakat tempatan di Sarawak, khususnya masyarakat Iban mempunyai satu kesenian yang sangat unik iaitu tradisi seni tatu. Amalan mencacah tubuh dengan tatu dalam kalangan masyarakat Iban telah diamalkan sejak dahulu lagi. Dalam masyarakat Iban, tatu lebih dikenali sebagai '*Pantang*' (Krutak, L., 2007). Tradisi seni tatu juga tergolong dalam warisan tidak ketara dalam budaya masyarakat Iban dan mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Amalan ini merupakan aktiviti suci yang menghubungkan masyarakat Iban dengan *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa iaitu tuhan yang selalu membantu masyarakat Iban dalam kesusahan.

Petara dan kuasa-kuasa luar biasa ini dipercayai tinggal di suatu tempat di antara langit dan bumi yang dikenali sebagai *Panggau Libau*. Bagi masyarakat Iban, setiap motif tatu mengandungi nilai yang tinggi dan berfungsi sebagai simbol (Tugang, N., 2018). Tradisi seni tatu ini dipercayai mempunyai perkaitan antara hubungan manusia dengan *Petara* dan alam ghaib. Oleh itu, tradisi seni tatu amat penting bagi melambangkan status sosial, pengalaman, pengetahuan dan juga pencapaian seseorang individu dalam kebudayaan masyarakat Iban (Kiyai, 2020). Asal usul tradisi seni tatu masyarakat Iban juga banyak bergantung kepada penceritaan generasi tua. Menurut (Kiyai, 2020), dua elemen yang mempunyai kepentingan yang besar dalam budaya adalah warisan dan pusaka. Warisan merujuk kepada kemahiran tempatan, kepercayaan dan nilai estetika yang dianugerahkan

oleh *Petara* (tuhan) kepada masyarakat Iban. Manakala, pusaka merupakan sesuatu harta yang dimiliki oleh seseorang individu.

Tradisi seni tatu tergolong sebagai salah satu warisan budaya yang penting dalam masyarakat Iban (Tugang, N., 2018). Ini kerana tradisi seni tatu melambangkan identiti diri mereka dan meletakkan diri mereka sebagai golongan yang lebih tinggi dalam masyarakat. Tradisi seni tatu juga sering dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap *Petara* dan kuasakuasa luar biasa yang selalu memberikan pertolongan kepada mereka semasa berada dalam kesusahan (Ganjing, A. A., 1991). Menurut nenek moyang masyarakat Iban pada zaman dahulu, jika seseorang lelaki tidak mencacah tubuhnya dengan tatu, lelaki tersebut akan dianggap seperti perempuan dan pengecut (Sellato, 2000). Masyarakat Iban juga tidak mempunyai status hierarki yang jelas. Pada zaman dahulu, kebiasaannya individu yang mempunyai tatu adalah golongan pahlawan yang berjaya membunuh dan memenggal kepala musuh dan mempunyai pangkat yang tinggi dalam masyarakat. Misalnya, seperti penghulu kampung, temenggung, pemanca, ketua kampung dan golongan pahlawan (Fujica, 2014).

Motif tatu yang ingin dicacah pada anggota badan juga tidak boleh dipilih secara sesuka hati kerana dikhuatiri akan memudaratkan diri sendiri. Ini kerana tatu merupakan sesuatu yang suci dan berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Bagi golongan wanita, hanya mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi, seperti dalam aktiviti menenun, menganyam dan menari sahaja boleh mempunyai tatu pada pergelangan tangan. Golongan penenun ini juga lebih dikenali dengan gelaran *Indu Takar* atau *Indu Gaar* (Anna D, 2011). Namun begitu, motif tatu tersebut tidak boleh bercantum dengan motif lain kerana dipercayai boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri. Ini kerana motif-motif tatu masyarakat Iban banyak dipengaruhi oleh semangat

serta kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan persekitaran mereka (Krutak L, 2007).

Ukiran tatu dalam budaya masyarakat Iban merupakan simbolik dan semangat yang merangkumi haiwan, tumbuhan dan manusia. Menurut (Anggat, 1991), terdapat beberapa legenda masyarakat Iban mengatakan mereka membuat tatu atas kehendak *Petara.* Terdapat juga mengatakan bahawa motif tatu tersebut berasal daripada dewa-dewa yang terdapat dalam cerita rakyat masyarakat Iban. Antaranya ialah *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang, Laja Mirah Moa Nekang Jerenang, Simpurai Muntigerai, Sepatu Manok Antu, Sepungga Lumpong Nangga, Pandak Segatak* dan lain-lain. Kesemua mereka merupakan dewa-dewa perang masyarakat Iban yang tinggal di alam ghaib yang lebih dikenali dengan nama *Panggau Libau* yang dipercayai mempunyai pemandangan yang indah dan damai (Kiyai, 2018).

Bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu merupakan simbol kepada jati diri yang menggambarkan budaya masyarakat Iban. Mereka juga percaya bahawa tatu yang dicacah pada badan merupakan sesuatu yang suci dan membantu mereka di alam kematian (Anonymus, 2005). Tatu juga membolehkan masyarakat Iban mengenali dan membezakan suku-suku kaum yang lain. Menurut (Johari, 2021), tatu masyarakat Iban merupakan sebahagian daripada upacara tradisi yang berkaitan tentang kepercayaan masyarakat Iban terhadap *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana tatu yang dicacah pada badan diibaratkan sebagai anugerah daripada *Petara* yang akan kekal pada badan sehingga tibanya waktu ajal seseorang individu tersebut (Harrison, 1965).

Menurut cerita lama masyarakat Iban pada zaman dahulu, jika seseorang lelaki tidak mencacah tatu pada badannya, maka ia dianggap sebagai wanita dan pengecut. Terdapat sebab dan tujuan tradisi seni tatu dibuat iaitu ia berbeza mengikut budaya dan kepercayaan

tertentu. Fungsi tatu dalam budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu adalah untuk menggambarkan perbezaan keturunan, status sosial, keberanian, kekebalan diri dan kekayaan dalam masyarakat (Anggo, 2014).

Masyarakat Iban juga akan mencacah tatu pada badan mereka sebelum mereka pergi mengembara sesuatu tempat sebagai tanda peringatan tempat asal mereka dan dipercayai dapat memberikan kekuatan kepada diri mereka semasa menghadapi cabaran sepanjang mengembara di sesuatu tempat. Oleh itu, semakin banyak tempat yang dijelajahi, lebih banyak tatu yang dicacah pada tubuh mereka (Golding, 2018).

Individu yang memiliki tatu kebiasaannya lebih cenderung menggunakan motif daripada hidupan alam semula jadi seperti bunga, tanduk dan haiwan seperti anjing, burung, kala, ular dan naga yang menjadi simbol kekuatan dalam kepercayaan masyarakat Iban. Motif tatu masyarakat Iban juga adalah apresiasi mereka terhadap persekitaran dan kepercayaan mereka dengan ritual terentu. Menurut (Ganjing, A. A., 1991), masyarakat Iban juga melakukan upacara mencacah tatu atas arahan daripada *petara* mereka. Oleh itu, tradisi seni tatu merupakan sesuatu simbol bagi menggambarkan identiti kebudayaan masyarakat Iban.

Menurut (Kiyai, 2021), secara keseluruhan motif tumbuh-tumbuhan adalah motif yang paling banyak dihasilkan dalam tradisi seni tatu masyarakat Iban. Motif ini digubah dengan banyak reka corak sehingga ia sukar untuk dikenali. Namun begitu, dengan kebijaksanaan dan kepandaian perekanya, ia masih lagi mengekalkan identiti motif tersebut tanpa mengubah keasliannya. Asal usul tradisi seni tatu dipercayai berasal daripada *Petara* dan terdapat banyak siri dan kisah yang menceritakan tentang asal usul motif tatu dalam *ensera* Iban (Anggat, 1991). Sebagai contoh, kisah *Lang Ngindang* dan *Lang Kachang* yang mengisahkan tentang motif tatu yang digunakan sebagai senjata psikologi untuk menakutkan

dan melemahkan pihak musuh ketika berlaku pertempuran. Tradisi seni tatu masyarakat Iban juga merupakan warisan budaya yang terkemuka dalam budaya mereka (Andoi, 2018). Ini kerana masyarakat Iban menganggap golongan individu yang memiliki tatu mempunyai status yang tinggi dan berpengaruh dalam masyarakat.

Masyarakat Iban juga percaya bahawa tatu memberikan kekuatan untuk melindungi diri mereka (DeMello, 2014). Ini kerana penghasilan tatu melibatkan unsur mitos dan juga ritual dalam budaya masyarakat Iban. Tatu juga merupakan salah satu elemen penting selepas kematian seseorang individu. Dalam budaya masyarakat Iban, tatu dipercayai dapat memberikan cahaya dan menjadi panduan kepada si mati untuk menuju ke alam *Sebayan* (alam kematian). Sesetengah motif tatu dipercayai dapat memberi kerahmatan dan membantu si mati di alam kematian (Kalum, 2018). Masyarakat Iban juga gemar mencacah tatu kerana minat mereka terhadap motif tatu yang diukir pada badan individu masyarakat iban yang sudah memiliki tatu (Sabang, 2014). Dengan adanya keunikan tatu yang dicacah itu, keadaan ini telah mendorong mereka untuk mencacah badan mereka dengan tatu. Terdapat juga sesetengah masyarakat Iban yang bertatu kerana ingin kelihatan lebih unggul daripada suku kaum lain.

Menurut (Fujika A., 2018) golongan kanak-kanak juga turut dicacah dengan tatu iaitu bagi mereka yang sudah berusia sepuluh hingga sebelas tahun. Ini menandakan bahawa mereka sudah bersedia untuk menyertai ekspedisi *Ngayau* (memenggal kepala musuh). Tatu yang dicacah pada kanak-kanak juga mempunyai tujuan yang sendiri iaitu sebagai pelindung kepada mereka daripada kejahatan dan menjadikan diri mereka kebal daripada serangan pihak musuh (Thiessen, 2012). Satu gelaran yang sangat dikenali dalam kalangan masyarakat Iban iaitu '*Bujang Berani Kempang, Lendat Dibiau Batang Isang*', yang

membawa maksud semakin banyak kepala yang dibawa balik daripada memburu (*Ngayau*), maka semakin banyak tatu yang akan dicacah pada badan pahlawan itu (Anggat, 1989).

Tatu masyarakat iban mempunyai motif dan ciri-cirinya yang tersendiri. Kebanyakan motif tatu masyarakat Iban berunsurkan mitos haiwan dan alam semula jadi (Andoy, 2019). Motif flora dicacah pada bahagian badan bertujuan untuk melakukan penyamaran dalam hutan semasa berlaku peperangan antara masyarakat Iban dengan suku kaum lain. Antara contoh motif tatu yang dikenali dalam kalangan masyarakat Iban adalah motif naga, burung enggang dan anjing (Baco, 2022). Motif tatu masyarakat Iban kebanyakannya berunsurkan haiwan mitos dan haiwan yang telah menolong mereka dalam waktu kesusahan ataupun di waktu senang (Anggat, 2011). Antara motif tatu yang terkenal dalam budaya masyarakat Iban adalah *Bungai terung, Entegulun, Kala Pah, Ketam Itit, Kelingai, Kera Jangkam, Ukir Rekung, Pala Tumpa,* dan *Buah Andu.*Kesemua motif tatu ini mempunyai maksud dan jalan cerita yang tersendiri dan menggambarkan status seseorang individu yang memiliki tatu tersebut (Sellato,1992).

Motif-motif tatu ini dipercayai berkait rapat dengan unsur penyembuhan dan dapat melindungi masyarakat Iban daripada roh-roh jahat, musuh, kecelakaan dan penyakit (Anggo, 2014). Ini kerana tradisi seni tatu merupakan sesuatu upacara yang dianggap suci dan sakral yang mempunyai perkaitan yang rapat antara masyarakat Iban dan *Petara*. Walau bagaimanapun reka corak tatu tersebut adalah berlainan kerana setiap orang yang mencacah tatu tersebut mempunyai kemahiran yang berbeza. Tatu masyarakat Iban juga kebiasaannya dicacah pada bahagian bahu, belakang, kaki, leher dan lengan (Andoy, 2018). Setiap garisan dan reka corak tatu masyarakat Iban mempunyai makna yang tersendiri dan dikaitkan dengan kuasa mistik bagi melindungi diri mereka. (Bebit, 2021).

Tatu juga dipercayai memberikan sumber kekuatan, nilai-nilai kerohanian dan pencapaian hidup yang bermakna kepada seseorang individu masyarakat Iban (Bosco, 2011). Dalam membuat tatu, bahan yang digunakan untuk menghitamkan cacah ialah *Alung*. *Alung* ini akan dicampur dengan pelbagai ubat pemanis supaya cacahan itu kelihatan lebih cantik dan juga sebagai pelindungan (Anggat, 1991). Pembuatan tatu secara tradisional menggunakan teknik mengetuk yang menggunakan pengetuk yang diperbuat daripada tanduk rusa serta sebatang kayu untuk meletakkan jarum yang digunakan untuk menghasilkan tatu.

Pembuatan tatu dengan menggunakan kaedah tradisional lebih sukar berbanding dengan kaedah moden (Sabang, 2014). Ini kerana kekuatan tangan, kesabaran dan ketelitian amat diperlukan dalam menghasilkan tatu yang lebih berkualiti (Anggo, 2014). Dakwat yang digunakan untuk mencacah tatu diperbuat daripada jelaga dan dicampur dengan jus tebu serta dibiarkan selama beberapa hari untuk ditapai (Osman, 2021). Teknik yang digunakan dalam penghasilan tatu tradisional juga masih lagi dikekalkan. Ini kerana setiap motif tatu yang dicacah menggambarkan kisah yang dilalui oleh setiap individu masyarakat Iban tersebut. Perjalanan dalam kehidupan seseorang individu tersebut digambarkan dengan beberapa banyak tatu yang terdapat pada badan seseorang individu tersebut (Osman, 2021). Menurut beliau, tatu masyarakat Iban digambarkan sebagai barang kemas dan hanya golongan tertentu sahaja yang boleh memilikinya. Ini kerana tatu merupakan sesuatu yang suci dan setiap motif tatu menceritakan pengalaman seseorang individu tersebut (Saging, 2022).

2.13 Konsep Pemeliharaan Tradisi Budaya

Konsep pemeliharaan merupakan proses mengekalkan perubahan dengan cara yang seimbang iaitu eksploitasi sumber, arah pelaburan, orientasi pembangunan teknologi dan meningkatkan potensi masa kini dan masa depan untuk memenuhi keperluan manusia. Pembangunan lestari menjadi prinsip penganjuran bagi sesetengah masyarakat dalam memelihara warisan budaya. Pembangunan mampan adalah pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri (Flower, 2014).

Konsep pemeliharaan juga merupakan usaha untuk melakukan pengurusan warisan melalui penyelidikan, perancangan, perlindungan, penyelenggaraan, dan pembangunan terpilih untuk mengekalkan kesinambungan sesebuah budaya. Ini kerana sesebuah warisan budaya dalam masyarakat tersebut berupaya untuk membina sebuah bangsa yang hebat dan bertamadun (Pawanteh, 2021). Pemeliharaan juga adalah usaha yang berdasarkan kepada faktor-faktor yang menyokong, sama ada faktor dalaman ataupun faktor luaran. Oleh itu, konsep pemeliharaan dikenali sebagai sesuatu aktiviti yang dijalankan secara berterusan dan bersepadu bagi merealisasikan matlamat tertentu (Pawenteh, 2021). Konsep pemeliharaan juga mencerminkan kewujudan sesuatu yang kekal, dinamik, fleksibel dan selektif (Aisyah, 2017).

Selain itu, pemeliharaan adalah aktiviti yang dijalankan secara berterusan serta bersepadu untuk merealisasikan tujuan tertentu yang mencerminkan sesuatu yang kekal dan fleksibel (Sutlive, 2001). Pemeliharaan tradisi budaya bermaksud menjaga dan memastikan kewujudan budaya dan tidak bermaksud pembekuan budaya dalam bentuknya sudah dikenali (Sedyawati, 2008). Menurut (Ranjabar, 2006), pemeliharaan budaya tempatan

adalah mengekalkan nilai dan seni budaya, nilai tradisional dan mengembangkan perwujudan dinamik, serta menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan yang selalu berubah dan berkembang. Pemeliharaan adalah usaha yang berasas, dan asas ini juga merupakan faktorfaktor yang menyokong dari aspek dalaman dan luaran sesuatu tradisi yang dipelihara. Dengan adanya aspek pemeliharaan, ia dapat memastikan sesuatu warisan budaya dalam sesebuah masyarakat tersebut terpelihara (Alwasilah, 2006). Dalam konsep pemeliharaan warisan budaya harus mempunyai bentuk budaya iaitu budaya yang berkembang di sesebuah kawasan tersebut tidak hanya berada di kawasan tersebut sahaja. Pembangunan yang berdasarkan budaya yang kuat untuk menjadikan budaya tempatan tidak terhakis. Konsep pemeliharaan hanya dapat dilakukan secara berkesan apabila sesuatu tradisi tersebut masih dijalankan dan dilakukan. Definisi pemeliharaan dapat disimpulkan bahawa pemeliharaan adalah usaha melalui proses dan mempunyai cara untuk mengekalkan, melindungi dan dapat mengembangkan sesuatu warisan tidak ketara supaya tidak pupus (Pitana, 2003).

Menurut (Peursen, 1988), budaya sebenarnya bukan satu perkara yang mempunyai kata nama, melainkan kata kerja. Dengan erti kata lain, memelihara tradisi budaya merupakan pekerjaan dan tanggungjawab utama dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, kebudayaan digambarkan sebagai sesuatu yang berfungsi iaitu sebagai hubungan dengan rancangan hidup kita sendiri. Kebudayaan kemudian muncul sebagai proses pembelajaran secara besarbesaran yang sedang dilakukan oleh manusia. Ini kerana budaya tidak berlaku di luar diri kita sendiri kerana manusia perlu mencari strategi bagi melaksanakan proses pemeliharaan budaya.

Di samping itu, konsep pemeliharaan merupakan kegiatan atau sesuatu yang dilakukan secara berterusan dan terarah bagi mewujudkan tujuan tertentu yang mencerminkan terdapat sesuatu yang bersifat tetap, abadi, dinamik dan selektif (Abdullah, 2020). Mengenai pemeliharaan terhadap budaya tempatan, (Ranjabar, 2006) mengemukakan bahawa menjaga warisan budaya tempatan adalah mempertahankan nilai-nilai seni budaya dan nilai tradisional dengan mengembangkan perwujudan yang bersifat dinamis. Konsep pemeliharan juga merupakan sebuah keupayaan yang berdasar dan dikenali sebagai faktor-faktor yang membawanya samaada dari faktor dalaman dan luaran sesuatu perkara tersebut. Dengan ini, sebuah proses atau kegiatan pemeliharaan bagi mengenal strategi ataupun teknik yang didasarkan pada keperluan dan keadaan masingmasing (Chandaar, 2009). Aspek pemeliharaan terhadap sesuatu tradisi budaya tidak dapat dilakukan kerana ia perlu dibangunkan bagi memastikannya terpelihara. Ini kerana pemeliharaan adalah aspek bagi menstabilkan kehidupan manusia manakala kelangsungan hidup adalah cerminan dinamik (Soekanto, 2003).

Budaya yang terpelihara itu masih wujud dan diketahui oleh masyarakat luar walaupun perkembangannya semakin terhakis. Ini kerana pemeliharaan budaya hanya boleh dilaksanakan dengan berkesan apabila sesuatu tradisi budaya sesebuah masyarakat tersebut masih lagi diamalkan (Pitana, 2003). Pendokumentasian dalam konteks budaya adalah bertujuan untuk memelihara warisan budaya yang tidak ketara dengan mengekalkan pemeliharaannya. Golongan penyelidik budaya ingin melihat ungkapan dan keunikan identiti mereka dihargai dan dikenali sebagai sebahagian daripada rekod manusia. Keperluan asas bagi setiap projek pemuliharaan adalah memahami objek dan data mengenai fizikalnya (Sumber: Piagam Burra, 2013). Tambahan pula, warisan budaya diancam oleh pelbagai faktor seperti bahaya semula jadi, vandalisme, pembangunan bandar dan penuaan. Oleh itu,

amat penting untuk sesuatu peristiwa atau warisan budaya untuk dijaga dengan baik. Perkara ini amat penting kepada generasi akan datang agar dapat melihat warisan budaya mereka.

Dalam perkara ini, teknologi digital dapat memudahkan proses pemeliharaan di samping memastikan hasil yang tepat untuk mewujudkan fasa pemuliharaan. Namun begitu, proses pendokumentasian tidak dapat ditamatkan dalam fasa pertama pemuliharaan. Ini kerana ia memerlukan lebih banyak pengumpulan data, mengemaskini arkib dan pemantauan objek. Dalam proses pemuliharaan, terdapat keperluan lain untuk pendokumentasian. Pada setiap percubaan teknologi digital dapat membantu kegiatan pemuliharaan warisan budaya dengan memberikan data yang bersesuaian dengan kegiatan yang dijalankan.

Pelaksanaan teknologi digital dalam pemuliharaan warisan budaya telah dikaji dan dianalisis oleh ramai sarjana dan golongan pakar (Williamson, 2015). Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang pengetahuan antara ahli warisan budaya dan pakar pendokumentasian dalam pembangunan negara. Tambahan pula, kemajuan teknologi elektronik yang pesat telah menjadikan proses pendokumentasian. Ini kerana sejak pakar warisan budaya harus menganalisis dengan lebih teliti supaya dapat mengetahui pencapaian baru dan berkesan dalam melakukan persediaan rancangan pemuliharaan serta dasar pembangunan.

Pemahaman tentang keperluan konsep pemeliharaan dan juga kemahiran teknikal amat penting dalam proses pendokumentasian. Sifat dokumentasi ataupun pengumpulan video yang digunakan dan cara menganalisis video serta bukti dan cara melaporkan penemuan daripada analisis rakaman video (Maxwell, 2003). Pendokumentasian menyediakan cara untuk memberitahu golongan ilmuan bertindak balas secara *material* antara satu sama lain secara lisan atau nonverbal. Mereka juga mempunyai cara untuk mengindeks pelbagai konteks interaksi mereka, dan secara bersama dalam membina

kerangka kerja untuk penggunaan bahasa bertulis. Dari perspektif ini, proses dan praktikaliti, serta kemahiran autonomi yang dilihat pada video, melainkan sistem konsep dan ideologi yang dibina dan melalui interaksi antara kumpulan sosial yang menyokong (Aisyah, 2017).

Dalam bidang linguistik, penyelidik telah menggunakan medium pendokumentasian untuk melihat kehalusan dan pertuturannya serta tingkah laku, prosedur, dan nonverbal berlapis serta saling berinteraksi antara satu sama lain. Beberapa ahli bahasa juga telah menggunakan dokumentasi video untuk belajar tentang penggunaan bahasa dalam persekitaran yang berlaku secara semula jadi (Tannen & Hamilton, 2003). Fenomena seperti identiti yang dibina secara linguistik dan diindeks melalui label, gaya, sikap, struktur dan sistem linguistik yang dilakukan secara tempatan (Kiyai, 2020). Dalam sosiologi, penyelidik telah menggunakan video sebagai asas untuk menganalisis cara untuk mencapai kehidupan seharian secara sosial.

Kewujudan identiti di samping nilai-nilai budaya bagi setiap masyarakat perlu dipelihara agar generasi kini mengenali dan memahami asal usul budaya mereka. Ini juga akan membantu masyarakat agar saling memahami dan menghayati ketinggian dan kemurnian nilai-nilai hidup yang terdapat dalam budaya sesebuah masyarakat. Konsep pemeliharaan sering dikaitkan dengan kegiatan merakam dan menyimpan sesuatu salinan ataupun bahan kajian sebagai bukti sesuatu perkara ataupun peristiwa yang telah berlaku. Dalam perkara ini, penyelidikan terhadap sesuatu budaya merupakan salah satu kegiatan yang tidak boleh dipisahkan dengan aspek pemeliharaan. Ini kerana ia saling berkaitan bagi memastikan proses merekod maklumat dan juga bukti penyelidikan dapat dijalankan (Hashim, 2020). Pemeliharaan terhadap warisan budaya ini juga bertujuan untuk memperkenalkan aspek dokumentasi sesebuah kebudayaan dalam komuniti yang dikaji. Ia juga termasuk sebagai konsep pengetahuan yang berkait dengan istilah kebudayaan, tradisi,

sejarah, serta manfaat dokumentasi dalam konsep pemeliharaan kebudayaan di samping teknik dokumentasi (Admojo, 2022).

Konsep pemeliharaan warisan budaya dalam konteks penyelidikan yang dijalankan adalah lebih kepada mengumpulkan dan menghasilkan maklumat yang berkaitan dengan fenomena budaya yang tidak ketara. Secara amnya, dokumentasi budaya diamalkan oleh golongan dokumentalis di organisasi yang berperanan dalam memelihara tradisi budaya seperti galeri, perpustakaan, arkib dan muzium. Oleh itu, ia berbeza dengan pemeliharaan dan penerangan objek konkrit warisan budaya yang dilakukan di institusi-instutusi tersebut. Dokumentasi budaya melibatkan bibliografi, filemografi, dan sumber buku yang juga bebas dari perpustakaan akedemik dan komuniti sains maklumat serta infrastruktur.

2.14 Rumusan

Secara rumusannya, kupasan kepustakaan sangat penting untuk melihat perkembangan sesuatu bidang penyelidikan yang dijalankan. Ini kerana perkara ini bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tajuk ataupun berlaku kesamaan tajuk. Berdasarkan kepada kupasan kepustakaan yang dilakukan oleh penyelidikan lepas, penyelidik mendapati bahawa fokus penyelidikan mereka adalah lebih kepada tentang bagaimana tradisi seni tatu masyarakat Iban hidup dalam kebudayaan mereka. Penyelidikan lepas cenderung dipengaruhi oleh bidang ilmu yang melihat perkembangan dan idea-idea penciptaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban dan bagaimana mereka menjadikan tradisi tersebut berfungsi dalam kehidupan seharian mereka. Konsep dan idea yang dibahaskan oleh penyelidik yang lepas adalah lebih menumpukan kepada tradisi seni tatu masyarakat Iban sebagai tradisi budaya yang sering diperdebatkan dari pelbagai sudut yang berbeza. Antaranya adalah ia bermula daripada aspek motif, kearifan tradisi, kepercayaan dan

fungsinya dalam masyarakat Iban. Idea-idea mengenai tradisi budaya tersebut disesuaikan dengan peredaran zaman dan penyelidik berupaya untuk membawanya ke arah bidang kesenian dan pengkomersialan sebagai salah satu lambang identiti masyarakat Iban.

Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban kurang diketengahkan sebagai topik perbincangan dalam penyelidikan lepas. Bagi memastikan tradisi budaya tersebut kekal dalam budaya masyarakat Iban dalam melambangkan identiti dan jati diri masyarakatnya, maka pemeliharaan tradisi seni tatu amat penting untuk dibincangkan dalam usaha untuk memastikannya kekal terpelihara. Tindakan untuk memelihara tradisi seni tatu masyarakat Iban adalah satu usaha yang efektif bagi mengekalkan warisan budaya tak ketara ini sebagai tradisi budaya yang unik dalam peradaban budaya Iban.

Penyelidikan lepas adalah sangat penting kerana secara tidak langsung, ia membuktikan pemeliharaan budaya tradisi seni tatu perlu dikekalkan kerana ia menggambarkan kepakaran masyarakat Iban dalam bidang seni kesenian dan simbol kepada kebudayaan mereka. Tradisi seni tatu yang diwarisi daripada nenek moyang mereka adalah salah satu daripada status sosial mereka. Tradisi seni tatu ini perlu dipelajari secara lebih serius oleh generasi muda pada zaman sekarang. Ini kerana tradisi seni tatu ini dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang diamalkan oleh nenek moyang masyarakat Iban sejak dahulu lagi. Justeru itu, melalui tinjauan daripada sumber pembacaan penyelidikan lepas, didapati pemeliharaan terhadap seni tatu masyarakat Iban kurang dibuat perincian dan kurang rujukan serta penerbitan. Ini kerana berdasarkan penyelidikan lepas mengenai pemeliharaan tradisi seni tatu dalam masyarakat Iban ini kebanyakannya adalah berdasarkan kepada aspek pembuatan dan peranan motif tatu dalam masyarakat yang dikaji.

Justeru itu, kurangnya penyelidikan lepas secara saintifik yang menerangkan sepenuhnya mengenai pemeliharaan tradisi seni tatu yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban. Oleh itu, melalui penyelidikan ini akan memfokuskan kepada pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada bab ini iaitu metodologi penyelidikan, penyelidik akan menerangkan dengan secara terperinci mengenai kaedah, teknik dan cara pengumpulan data penyelidikan dan kaedah yang digunakan untuk pemprosesan data serta penemuan baharu menerusi penyelidikan ini, pemprosesan data, penulisan data yang lengkap serta menghasilkan kepada sesuatu penyelidikan yang berbentuk tesis ilmiah. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif yang merupakan suatu pengkaedahan sistematik bagi menerangkan, memerhati, memahami dan menyelidik corak hidup, norma, sosial, dan amalan individu dan kumpulan, nilai, serta kepercayaan yang wujud. Justeru itu, pendekatan kualitatif diaplikasikan oleh penyelidik bagi menerangkan secara keseluruhan topik penyelidikan yang sedang dikaji.

3.2 Proses Dalam Menjalankan Penyelidikan

Sebelum melakukan penyelidikan ini, penyelidik perlu mengenalpasti topik dan bidang yang ingin dikaji pada peringkat pengajian Sarjana dalam program Seni Halus. Melalui topik ini, penyelidik memberi fokus kepada aspek pemeliharaan budaya terhadap kesenian yang berbentuk warisan tidak ketara iaitu tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

Setelah meneliti beberapa kategori penting seperti *research gap, knowledge gap, practical gap, evident gap* dan *methodological gap,* maka penyelidik dapat melihat dengan jelas berkaitan tentang sesuatu isu yang belum dikaji secara terperinci oleh penyelidik lepas. Berdasarkan kepada kupasan kepustakaan yang diteliti melalui beberapa kategori tertentu, maka terbentuklah isu yang akan dikaji, persoalan penyelidikan, objektif penyelidikan, kerangka konsep dan kerangka teori yang digunakan bagi memenuhi keperluan penyelidikan ini. Jika dilihat kepada sumber-sumber penyelidikan lepas mengenai tradisi seni tatu, ia memfokuskan kepada penceritaan berkaitan dengan motif tatu, pembuatan tatu dan beberapa topik yang lain. Justeru itu, topik penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik sekarang adalah bersandarkan kepada konteks pemeliharaan terhadap seni dan warisan tidak ketara, iaitu tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

Fasa seterusnya adalah metodologi penyelidikan iaitu penyelidik mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini. Bagi menentukan sesuatu pengkaedahan yang akan digunakan bagi sesi pengumpulan data, ia dilihat melalui isu yang ingin dikupas dalam penyelidikan yang dijalankan. Tambahan pula, penggunaan sesuatu kaedah bagi pengumpulan data juga boleh memberi kesan kepada sesuatu penemuan dan keseluruhan penyelidikan. Oleh itu, penyelidik perlu meneliti dan mengkaji tentang pengkaedahan yang akan diaplikasikan supaya sumber data yang diperolehi dapat memenuhi keperluan penyelidikan yang dijalankan.

Selepas menentukan kaedah yang sesuai dalam melaksanakan penyelidikan ini, maka penyelidik membuat pengenalpastian informan dan lokasi tertentu bagi menjalankan proses pengumpulan data. Penyelidik perlu mengenalpasti informan yang pakar dalam bidang yang dikaji supaya sumber data yang diperolehi memenuhi keperluan tesis penyelidikan yang sedang dijalankan. Berdasarkan kepada penyelidikan ini, pemilihan lokasi adalah di Kota

Samarahan, Kuching, Sri Aman, Lubok Antu, Betong, Sarikei, Saratok, dan Sibu. Bahagian yang seterusnya adalah merupakan kepada menjalankan fasa kajian kerja lapangan. Ini kerana bertujuan bagi mendapatkan sumber data bagi menyelesaikan isu yang dikaji dalam bidang penyelidikan. Sebelum melaksanakan fasa kajian kerja lapangan, penyelidik perlu membuat perancangan yang terperinci supaya penyelidikan yang dilakukan dapat berjalan dengan lancar.

Berdasarkan kepada penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen, dan temu bual bagi mengumpul data. Dalam kaedah pemerhatian, penyelidik meneliti pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Manakala bagi analisis dokumen, ia dijalankan bagi memperolehi bukti-bukti penting yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji. Tambahan pula, ia juga sangat penting bagi menyokong sumber-sumber data yang diperolehi daripada pemerhatian dan temu bual. Bagi kaedah temu bual, ia dijalankan kepada individu informan yang pakar terhadap selok belok kebudayaan masyarakat Iban dan tradisi seni tatu dalam budaya mereka.

Setelah memperolehi sumber data dari fasa kajian kerja lapangan, maka penyelidik melakukan proses penulisan transkrip data. Semua sumber data yang diperolehi dari individu informan dikumpul dan dibuat penulisan transkrip data bagi tujuan penganalisisan data penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, penganalisisan data daripada pendekatan kualitatif agak memerlukan tempoh masa yang lama. Ini kerana sumber-sumber data tersebut perlu disesuaikan dengan isu yang dikaji di samping melihat kepada kerangka konsep dan teori yang digunakan. Selain itu, penyelidik perlu peka dan teliti semasa menulis sumber data supaya memenuhi kepada keperluan penyelidikan yang dijalankan ini.

Dalam melakukan penganalisisan sumber data penyelidikan, penyelidik menggunakan kaedah analisis kandungan yang merangkumi dua kaedah, iaitu rangka kerja kualitatif secara menyeluruh dan analisis temubual untuk melakukan pemprosesan data yang dikemukakan oleh (Shahren, 2011) dan (Lamnek, 1989). Ini kerana ia bertujuan untuk dibuat penulisan data sepenuhnya mengikut konteks penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

Pada bahagian yang seterusnya adalah merupakan penulisan sumber-sumber data yang mendasari kepada keperluan penyelidikan. Penyelidik membuat penulisan data kualitatif secara menyeluruh yang berdasarkan kepada isu yang dikaji serta disesuaikan dengan penggunaan teori penyelidikan. Dalam melakukan proses penulisan sumber data, penyelidik perlu peka dan teliti agar tidak tergelincir dari landasan utama penyelidikan.

3.3 Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan memberi penerangan tentang kerangka, strategi bagi menentukan jenis pendekatan penyelidikan, pengumpulan data, persampelan, pemprosesan data, menganalisis data, penulisan data serta menjurus kepada penghasilan tesis ilmiah. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya.

Rekaan penyelidikan mempunyai tiga bentuk utama, pendekatan kualitatif, kuantitatif dan gabungan kedua-dua kaedah tersebut (Cresswell, 2009). Bagi penyelidikan ini yang menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu penyelidik telah menghuraikan penyataan masalah bagi memahami sesuatu perkara dengan menggunakan reka bentuk penyelidikan etnografi. Melalui penyelidikan ini, penyelidik akan menerangkan dan menganalisa bentuk kebudayaan masyarakat Iban merangkumi tingkah laku, kepercayaan, bahasa pertuturan, ekonomi, hierarki sosial dan kegiatan seharian mereka. Justeru itu, penyelidik ingin mendalami dan meneroka tentang konteks pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya

masyarakat Iban. Ini kerana kurangnya maklumat dan perincian mengenai penyelidikan lepas terhadap topik tersebut. Dalam penyelidikan ini, penyelidik akan melibatkan diri secara tidak langsung bersama dengan para informan yang terdiri dalam kalangan pembuat tatu Iban dan golongan pakar ritual serta golongan pakar kebudayaan Iban dalam melakukan upacara mencacah tatu. Perkara ini bertujuan bagi memastikan sumber data yang diperolehi menepati intipati topik penyelidikan yang dijalankan.

Selain itu, kebanyakan penulisan lepas yang berkaitan dengan topik yang sedang dikaji, iaitu tradisi seni tatu, ia banyak merangkumi kepada aspek motif, penceritaan tentang maksud tatu, pembuatan dan beberapa konteks lain. Justeru itu, penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada konteks pemeliharaan budaya terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Tambahan pula, penyelidik dapat berhubung dengan individu informan yang pakar terhadap tradisi seni tatu. Berdasarkan kepada sumber pembacaan yang berkaitan pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban, ia masih kurang diperincikan, kurang bahan percetakan dan penulisan. Justeru itu, penyelidik mengambil peluang untuk mengeksplorasi topik penyelidikan tersebut.

3.4 Pendekatan dan Kaedah Penyelidikan

Pendekatan kualitatif yang digunakan oleh penyelidik untuk melaksanakan sesebuah penyelidikan adalah bertujuan bagi menerangkan sesuatu fenomena secara terperinci dan mendalam. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif secara menyeluruh. Berdasarkan kepada penggunaan pendekatan kualitatif dalam sesebuah penyelidikan, maka ia dapat mendedahkan sesuatu penyelidikan dengan menyeluruh melalui sumber perolehan data dari fasa kajian kerja lapangan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik

mendapatkan data dari individu informan mengenai skop yang dikaji terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

Pendekatan kualitatif di dalam penyelidikan ini sesuai dilakukan terhadap aspek salah satu kesenian dan warisan tidak ketara dalam budaya masyarakat Iban, iaitu tradisi seni tatu. Ini kerana penyelidikan kualitatif adalah bertujuan untuk melihat pendekatan sebenar terhadap persekitaran yang dikaji atau tujuan untuk memahami perspektif dalaman tanpa dipengaruhi oleh pandangan penyelidik. Sesuatu penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif tidak memerlukan persoalan penyelidikan yang tetap kecuali berbentuk objektif penyelidikan.

Selain itu, sesebuah hasil dapatan penyelidikan yang mengaplikasikan pendekatan kualitatif juga dapat mempengaruhi objektif yang telah ditetapkan sebelumnya. Pendekatan kualitatif melalui kajian kerja lapangan ini amat memerlukan kepada pengkaedahan tertentu seperti pemerhatian (biasa atau turut serta), temu bual terhadap individu informan yang pakar serta analisis dokumen.

Dalam melakukan pengumpulan data kualitatif, terdapat beberapa aspek pertimbangan yang perlu diambil kira seperti melakukan tinjauan terhadap bahan-bahan literatur, melakukan proses pendokumentasian melalui foto dan rakaman audio serta membuat pemerhatian terhadap subjek utama penyelidikan melalui informan ataupun lokasi penyelidikan. Lazimnya, pencarian sumber data tentang pemeliharaan seni dan budaya yang dikaitkan dengan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual serta analisis dokumen yang dianalisis mengikut pendekatan teori yang digunakan.

Antara kelebihan menggunakan penyelidikan kualitatif adalah kerana ia amat menitikberatkan tentang penghuraian sesuatu fenomena berbanding menerangkan tentang perhubungan di antara pemboleh ubah. Tambahan pula, penyelidikan kualitatif juga dapat membantu penyelidik memahami perasaan, nilai dan persepsi yang mempengaruhi tingkahlaku informan.

Antara kelemahannya adalah apabila penyelidik tidak meneliti di dalam menjalankan analisis kandungan tentang sesuatu yang dinyatakan oleh para informan, maka data yang diperolehi adalah tidak kredibiliti. Oleh itu, di dalam penyelidikan ini, penyelidik seharusnya sedaya upaya mempunyai fikiran terbuka dan mengelakkan sebarang penilaian kendiri. Bagi mendapatkan sumber-sumber data atau maklumat penyelidikan kualitatif kebiasaannya dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual terbuka secara mendalam. Tujuan penyelidik menggunakan kaedah temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada para informan.

Berdasarkan kepada kaedah penyelidikan, ia akan digunakan bagi mendapatkan bahan atau sumber bagi melengkapkan penyelidikan yang sedang dijalankan. Di samping itu, kaedah yang digunakan bagi keseluruhan penyelidikan amat mementingkan kesesuaian dan ketepatan data yang diperolehi. Bagi penyelidikan yang sedang dijalankan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Ini kerana pendekatan kualitatif lebih menekankan kepada penglibatan penyelidik dalam menjalankan penyelidikan secara langsung. Seterusnya, terdapat dua kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini iaitu kupasan kepustakaan dan kajian kerja lapangan.

3.4.1 Kupasan Kepustakaan

Berdasarkan kepada fasa kupasan kepustakaan, penyelidik mendapati bahawa topik ini kurang dibuat perincian pada bahagian-bahagian tertentu. Kebanyakan sumber rujukan yang berkaitan dengan tradisi seni tatu adalah berfokuskan kepada elemen motif, pembuatan, peranan serta fungsi. Oleh itu, penyelidikan ini difokuskan kepada aspek pemeliharaan seni dan budaya yang berkaitan dengan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

Tambahan pula, penyelidik juga perlu mencari kerangka konsep dan teori yang sesuai untuk diaplikasikan dalam penyelidikan ini.

Penyelidik menggunakan kupasan kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang berbentuk penulisan atau bercetak. Penyelidik juga perlu mahir dan teliti terhadap topik yang dikaji supaya memudahkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas (*survey the literature*) yang berkaitan dengan penyelidikan sekarang. Penyelidik telah melakukan kupasan kepustakaan di beberapa lokasi terpilih, iaitu di PETARY UNIMAS, Pustaka Astana, *Sarawak Museum Journal*, perpustakaan Yayasan Tun Jugah, Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) dan Arkib Sarawak. Penyelidik banyak membuat rujukan terhadap sumber-sumber maklumat yang merujuk kepada buku-buku, jurnal-jurnal, artikel, keratan akhbar dan tesis.

Selain itu, kupasan kepustakaan ini juga digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian lepas penyelidik lain yang terpilih sebagai rujukan terhadap penyelidikan yang sedang dijalankan. Hasil daripada kajian lepas oleh penyelidik lain boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan bagi menjalankan penyelidikan sekarang. Ini kerana penyelidik berpeluang mengetahui topik sama ada belum atau telah diterokai. Kategori kajian lepas yang masih belum diterokai akan dikupas oleh penyelidik pada masa sekarang. Berdasarkan kepada penggunaan kupasan kepustakaan ini juga, ia banyak membantu

penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan dan menerangkan pendapat dari kajian-kajian lepas terhadap tajuk yang sedang dikaji. Dengan menggunakan kupasan kepustakaan, penyelidik akan lebih mengenali bidang yang dikaji, seperti membaca kajian lepas sebelum melaksanakan kajian kerja lapangan. Ini kerana ia sangat penting bagi penyelidik dalam memastikan kefahaman terhadap bidang yang dikaji sepenuhnya. Selain itu, kupasan kepustakaan ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan sebelum melaksanakan kajian kerja lapangan. Tambahan pula, ia bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat persamaan atau perbezaan antara maklumat yang telah diperolehi oleh penyelidik melalui kupasan kepustakaan dan kajian kerja lapangan.

3.4.2 Kajian Kerja Lapangan

Kajian kerja lapangan adalah satu cara dalam penyelidikan yang memerlukan penyelidik untuk turun ke lokasi yang telah dikenalpasti bagi melakukan pengumpulan data. Sebelum menjalankan kajian kerja lapangan, penyelidik perlu mengenalpasti lokasi atau kelompok sosial yang akan dikaji. Bagi kajian kerja lapangan dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif. Kerja lapangan ini telah dijalankan di lokasi penyelidikan selama tiga belas bulan, iaitu bermula pada 1 November 2021 hingga 30 Oktober 2022. Justeru itu, strategi bagi mengumpul data adalah merangkumi kaedah pemerhatian dan temu bual.

3.5 Instrumen Penyelidikan dan Teknik Pengumpulan Data

Dalam menjalankan penyelidikan, maka terdapat protokol penyelidikan termasuk instrumen, prosedur dan peraturan umum yang perlu diikuti oleh penyelidik. Protokol penyelidikan ialah panduan untuk penyelidik semasa mengurus dan melaksanakan

penyelidikan dan merupakan kaedah utama bagi meningkatkan kebolehpercayaan penyelidikan.

Penyelidikan ini dilakukan bagi memperlihatkan aspek pemeliharaan budaya oleh masyarakat Iban terhadap kesenian dan kebudayaan yang berbentuk warisan tak ketara, iaitu tradisi seni tatu. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan beberapa instrumen untuk pengumpulan data seperti alat perakam video, jadual temu bual bersama informan, soalansoalan temu bual penyelidikan yang berbentuk soalan terbuka, kamera dan catatan. Penggunaan instrumen tersebut adalah bertujuan untuk mengelakkan kecicirán data penting dan memastikan kelancaran semasa menjalankan fasa kajian kerja lapangan.

Berdasarkan kepada topik penyelidikan ini, ia memerlukan penyelidik untuk menjalankan kaedah pemerhatian dan temu bual dengan pihak informan yang pakar terhadap topik yang sedang dikaji. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian adalah untuk melihat dan meneliti keseluruhan aspek pemeliharaan budaya mengenai tradisi seni tatu dalam masyarakat Iban. Manakala, bagi kaedah temubual pula, penyelidik akan melakukan temubual secara bersemuka dengan informan yang pakar dalam tradisi seni tatu.

3.5.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian yang digunakan adalah sangat penting untuk memahami sesuatu fenomena. Selain itu, penyelidik akan menggunakan kaedah pemerhatian bagi meninjau, memerhati dari jauh dan dekat, meneliti dan melihat sendiri aktiviti-aktiviti seharian dalam kehidupan masyarakat Iban di kawasan rumah panjang. Ini kerana setiap aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Iban amat berkait rapat dengan hukum adat dan budaya mereka. Selain itu, pemerhatian ini juga banyak membantu penyelidik dalam memahami corak kehidupan dan budaya mereka. Selain itu, pemerhatian ini juga banyak membantu penyelidik

dalam memahami corak kehidupan dan budaya masyarakat Iban di sekitar kawasan rumah panjang mereka. Dalam penyelidikan ini, penyelidik membuat pemerhatian terhadap aspek tentang keperluan konsep pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu dan seterusnya dilegasikan dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

3.5.2 Pemerhatian Turut Serta

Kaedah pemerhatian turut serta juga digunakan dalam penyelidikan ini agar dapat mengukuhkan lagi kefahaman penyelidik mengenai topik yang sedang dikaji. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat melihat dengan lebih jelas proses upacara mencacah tatu yang dilakukan oleh golongan pembuat tatu dengan secara lebih terperinci. Dengan ini, penyelidik akan lebih mudah memahami tentang setiap proses mencacah tatu yang dilakukan oleh golongan pembuat tatu. Selain itu, kebenaran terhadap merekod dan mengambil gambar semasa upacara mencacah tatu sedang dilakukan juga diperlukan dan bertujuan untuk mengelakkan berlaku salah faham antara penyelidik dan informan.

Penyelidik juga perlu mematuhi segala peraturan dan pantang-larang semasa upacara mencacah tatu tersebut berlangsung, iaitu sebagai menghormati budaya masyarakat Iban. Justeru itu, kaedah pemerhatian turut serta amat penting bagi penyelidik agar dapat memahami situasi sebenar mengenai topik penyelidikan yang sedang dijalankan.

3.5.3 Temu Bual (Individual In-Depth Interview)

Kaedah temu bual adalah salah satu data yang terpenting dalam melakukan penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Temu bual dalam penyelidikan adalah penting kerana penyelidik tidak dapat mengetahui kelakuan, perasaan dan cara seseorang menginterpretasikan dunia di sekeliling mereka melalui pemerhatian. Tambahan pula, temu

bual dapat menjelaskan atau menjadi bukti data yang diperolehi daripada pemerhatian atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan yang dikaji.

Sebelum melakukan temu bual, penyelidik perlu mengenalpasti golongan informan yang penting agar memperolehi data yang memenuhi konsep penyelidikan. Ini kerana pemilihan individu sebagai informan penyelidikan dipilih berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman mereka terhadap topik yang dikaji. Tambahan pula, informan penyelidikan yang telah dikenalpasti kebanyakannya merupakan golongan pakar ritual, golongan pembuat tatu Iban dan golongan yang pakar dalam kebudayaan masyarakat Iban. Kebiasaannya, ketika temu bual dijalankan, alat perakam video digunakan bagi merekod segala perbualan penyelidik dengan informan berkaitan topik penyelidikan. Ia bertujuan bagi mengelakkan kecicir an data penting berkaitan dengan penyelidikan yang sedang dijalankan. Penyelidik akan bersemuka dengan informan yang telah dikenalpasti bagi mendapatkan data secara lebih terperinci. Jumlah informan dalam penyelidikan ini adalah seramai dua puluh orang.

Berdasarkan kepada penyelidikan ini, dua bentuk temu bual digunakan, iaitu berstruktur dan tidak berstruktur. Bentuk temu bual secara berstruktur digunakan bagi informan yang bekerja di organisasi. Manakala, temu bual secara tidak berstruktur dilakukan bagi informan biasa. Bagi informan yang bekerja di organisasi seperti di Yayasan Tun Jugah dan Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS), bentuk temu bual secara berstruktur akan dijalankan. Sebelum menjalankan temubual bersama informan penyelidikan, seperti dari Yayasan Tun Jugah dan Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS), soalan-soalan berkaitan dengan topik penyelidikan akan dihantar melalui emel. Ia bertujuan memberi masa kepada informan tersebut bagi memahami topik penyelidikan yang sedang dijalankan. Bagi informan lain pula, soalan tidak berstruktur akan digunakan bagi mewujudkan pertalian yang rapat antara informan dengan penyelidik. Setelah menjalankan temu bual, segala perolehan

data perlu didokumentasikan agar data tersebut tidak akan tercicir dan seterusnya akan diolah menjadi bahan analisis.

Pada pertengahan bulan Oktober 2020, penyelidik telah membuat surat permohonan untuk menjalankan kajian kerja lapangan bagi mengumpul data penyelidikan. Penyelidik akan menetapkan tarikh awal sebelum menjalankan temubual dengan informan penyelidikan. Penetapan tarikh untuk temu bual dengan informan sangat penting kerana ia memudahkan informan mencari masa yang sesuai untuk bertemu dengan penyelidik. Penyelidik juga perlu menghormati masa yang diperuntukkan oleh informan tersebut sekiranya mereka mengalami kesibukan dengan tugas di pejabat atau urusan yang lain. Berdasarkan kepada Jadual 1.2 pada bahagian lampiran, penyelidik memulakan temu bual menggunakan kaedah temubual secara lebih mendalam melalui soalan terbuka yang disediakan sebagai panduan untuk memenuhi keperluan dan matlamat bagi penyelidikan yang sedang dijalankan. Sepanjang tempoh temu bual tersebut, penyelidik menggunakan soalan secara tidak berstruktur. Ini kerana penyelidik ingin mewujudkan pertalian yang erat dengan informan tersebut. Manakala, Jadual 3.2 menunjukkan beberapa informan yang ditemubual dalam bentuk tidak berstruktur.

Merujuk kepada Jadual 1.3, penyelidik menyediakan satu set soalan yang sudah ditetapkan iaitu, ia merupakan bentuk soalan temu bual berstruktur yang dilampirkan dalam ruangan lampiran. Penyelidik menghantar beberapa soalan penting emel kepada pihak informan tersebut sebelum menjalankan temu bual. Pihak informan yang akan ditemubual dalam bentuk formal (berstruktur), mereka akan diberikan tempoh masa yang sewajarnya dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan. Tambahan pula, penyelidik akan memberikan penjelasan kepada informan tersebut sekiranya mereka kurang jelas dengan soalan-soalan temu bual yang dihantar melalui pesanan emel.

Dalam melakukan kaedah temu bual samada bentuk berstruktur atau tidak berstruktur, penyelidik perlu memberi penerangan yang jelas tentang topik penyelidikan dan tujuan ia sedang dijalankan. Ini kerana ia bertujuan untuk memastikan kefahaman oleh pihak informan terhadap topik yang sedang dikaji oleh penyelidik. Tambahan pula, ia bertujuan untuk mengelakkan pihak informan daripada salah faham terhadap topik yang sedang dikaji. Ini kerana segala perolehan data dari kaedah yang digunakan boleh mempengaruhi kepada konteks penyelidikan yang dijalankan. Justeru itu, adalah penting untuk penyelidik memberi penerangan secara terperinci mengenai topik yang sedang dikaji kepada pihak informan.

Penyelidik perlu membuat penerokaan terhadap skop yang dikaji bagi memperoleh jawapan kepada intipati penyelidikan. Skop penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik merangkumi kepada konteks utama penyelidikan, iaitu pemeliharaan warisan budaya yang berkaitan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Temu bual ini kemudiannya diakhiri dengan meminta informan untuk berkongsi pendapat dan memberi komen mereka serta cadangan berkenaan topik penyelidikan yang dijalankan. Sepanjang tarikh temu bual tersebut, penyelidik menggunakan soalan dalam bentuk berstruktur dan tidak berstruktur. Perkara ini bertujuan untuk memberi peluang terhadap informan untuk menyediakan maklumat penting yang diperlukan bagi menjawab segala soalan yang diajukan oleh penyelidik.

Berdasarkan kepada kaedah temu bual yang digunakan bagi memperoleh data penyelidikan ini, ia memudahkan pihak informan bagi menyatakan sesuatu perkara dan tanggapan mereka terhadap sesebuah isu yang berkaitan. Tambahan pula, ia sangat membantu penyelidik terhadap proses pengumpulan data terutamanya apabila melibatkan isu-isu yang bersifat sensitif dan kompleks. Dalam penyelidikan ini, kaedah temu bual akan

dilakukan oleh penyelidik adalah melalui pertemuan secara langsung dengan pihak informan, iaitu bersemuka untuk semua bentuk temu bual yang dijalankan sepanjang penyelidikan ini berlangsung.

Data yang diperoleh daripada informan akan direkod dengan menggunakan alat perakam, seperti telefon bimbit, perakam kamera digital dan catatan oleh penyelidik sendiri dengan kebenaran daripada pihak informan. Ini kerana ia bertujuan untuk mengelakkan keciciran data yang penting. Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik perlu berunding dengan pihak informan sebelum mengakses dan mengumpul data kerana kualiti interaksi sosial antara penyelidik dan informan boleh memudahkan proses pengaksesan maklumat. Data yang direkodkan juga amat penting dalam bahagian pemprosesan analisis data yang akan dilakukan oleh penyelidik. Sebelum menjalankan sesi kajian kerja lapangan melalui kaedah temu bual, penyelidik akan memberikan borang persetujuan kepada pihak informan. Perkara ini bertujuan untuk menerangkan hak-hak mereka sebagai pihak informan dan mereka mempunyai hak untuk menarik diri dari terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

Penyelidik telah melakukan temu bual dengan beberapa orang informan yang pakar dan mempunyai pengalaman serta pengetahuan tentang topik penyelidikan yang dijalankan. Antara informan yang ditemu bual adalah golongan pakar ritual seperti *Lemambang*, *Tuai Beburung*, *Tuai Rumah*, penghulu kampung di kawasan lokasi penyelidikan, golongan pakar kebudayaan masyarakat Iban dan golongan pembuat tatu Iban yang merupakan informan utama yang dipilih khas oleh penyelidik. Berikut merupakan informan yang ditemu bual oleh penyelidik sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Senarai Informan Penyelidikan	Kepakaran
Sigi anak Singau (72) Tuai Rumah Sigi anak Singau, Kampung Sare, Sarikei.	*Tuai Rumah* Beliau memegang jawatan ketua rumah panjang pada tahun 2015 sehingga kini. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai *Tuai Rumah*, beliau banyak menguruskan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan kebudayaan Iban di rumah panjang dan di Kampung Sare, Sarikei.
Paulus anak Sigat (87) Dusun Suria Bakti, Kampung Sare, Sarikei	Penghulu Kampung Beliau merupakan seorang individu yang memegang jawatan penghulu Kampung Sare dalam tempoh yang paling lama iaitu dari tahun 1989 sehingga pada tahun 2022. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai penghulu kampung, beliau banyak menguruskan aktivitiaktiviti berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Iban yang dijalankan di Kampung Sare, Sarikei.
Uma anak Kujat (77) Tuai Rumah Ringgat anak Bayang, Kampung Ibol, Undop, Sri Aman.	*Tuai Beburung* Beliau merupakan individu yang berpengalaman dalam menjadi sebahagian daripada golongan pakar ritual Iban iaitu *Tuai Beburung* iaitu dalam tempoh 38 tahun sehingga kini di Kampung Ibol, Undop, Sri Aman. Beliau merupakan individu yang berperanan menguruskan pelaksanaan ritual *miring* yang lebih dikenali sebagai *bebiau* yang dijalankan oleh masyarakat Iban di Kampung Ibol, Undop yang terletak di Sri Aman.
Dr Robert Menua Salleh (59) Yayasan Tun Jugah, Kuching.	Penyelidik dan Pakar Budaya Iban Beliau merupakan ketua penyelidik di Tun Jugah Foundation dan pakar dalam bidang kesusasteraan masyarakat Iban. Sepanjang perkhidmatannya, beliau banyak menulis dan banyak melakukan penyelidikan berkaitan dengan tradisi lisan masyarakat Iban terutamanya seni sastera Iban dari Batang Rajang. Selain itu, beliau juga mempunyai kepakaran dalam bidang material budaya Iban terutamanya objek

	budaya yang digunakan dalam adat dan ritual.
Dato Sri Edmund Langgu anak Saga (87) Batu 4, Taman Seng Goon, Kuching.	Tokoh Politik Dan Pakar Budaya Iban Beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Pertanian Persekutuan sehingga tahun 1982. Beliau juga menjadi pakar rujuk kepada kebudayaan masyarakat Iban berkaitan dengan adat-istiadat Iban. Sehingga ke hari ini, beliau masih aktif dalam memperjuangkan dan memberikan tunjuk ajar kepada generasi muda masyarakat Iban berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Iban.
Ernesto Kalum anak Umpie (51) Borneoheadhunters Tattoo & Piercing Studio, Kuching.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan seorang tukang pembuat tatu Iban yang berperanan dalam menubuhkan studio tatu yang dikenali oleh ramai pelanggan dari dalam dan luar negara iaitu Borneoheadhunters Tattoo & Piercing Studio yang terletak di Kuching, Sarawak. Sepanjang pekerjaan beliau dalam mencacah tatu, beliau telah memenangi beberapa anugerah individu dan mendapat pengiktirafan dari luar negara. Sebagai contoh, Kesenian Tatu Tradisi Terbaik dan Anugerah Penghormatan Budaya dalam Anugerah Kebudayaan H R Giger 2001 di Lausanne, Switzerland. Beliau juga amat menitikberatkan teknik pembuatan tatu tradisional dalam mencacah tatu. Di samping itu, beliau juga menyediakan perkhidmatan mencacah tatu dengan menggunakan teknik pembuatan tatu moden. Beliau juga berperanan dalam menjadikan tradisi seni tatu Iban sebagai warisan budaya yang perlu dipertahankan bagi memastikan identiti masyarakat Iban kekal terpelihara pada masa akan datang.
Robinson Unau anak Gaong (43) Borneoheadhunters Tattoo & Piercing Studio, Kuching.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu Iban dan juga pembantu serta anak didik kepada informan Ernesto Kalum anak Umpie. Beliau juga berpengalaman dalam melakukan upacara mencacah tatu menggunakan teknik tradisional serta

	menjadikan motif tatu Iban sebagai salah satu hasil seni budaya yang menjadi tarikan oleh generasi baru Iban dan pelancong dari luar negara.
Sylvester anak Juli (49) Kenarau Tattoo Studio & Piercing, Miri	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu dan juga merupakan pemilik kepada studio pembuatan tatu iaitu Kenarau Tattoo Studio & Piercing yang terletak di Miri, Sarawak. Beliau juga mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang objek budaya Iban dan juga busana tradisional Iban.
Dr Gregory anak Kiyai (33) City University Malaysia, Petaling Jaya, Selangor.	Penyelidik Budaya Iban Beliau merupakan pensyarah yang berkhidmat di City University Malaysia, Petaling Jaya, Selangor. Beliau berpengalaman dalam bidang penyelidikan berkaitan dengan masyarakat Iban sepanjang tempoh pengajian beliau dari ijazah penyelidikan berkaitan dengan masyarakat Iban sepanjang tempoh pengajian beliau dari ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Sabah, (UMS) sehingga ijazah Kedoktoran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
Adilawati binti Asri (33) Universiti Malaysia Sarawak, (UNIMAS), Kota Samarahan	Penyelidik Budaya Iban Beliau merupakan pelajar Ijazah Kedoktoran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Sepanjang tempoh pengajian beliau di (UNIMAS), beliau banyak membuat penyelidikan berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Iban terutamanya dalam bidang budaya benda.
Louis anak Samai (33) Kampung Budaya Sarawak, Santubong, Kuching.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu yang berkhidmat di Kampung Budaya yang terletak di Kuching, Sarawak. Beliau juga mempunyai kepakaran dalam menghasilkan busana tradisional Iban.
Boy anak Skrang (48) Skrang Tattoo Studio, Kuching.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu Iban dan merupakan pemilik kepada Skrang Tattoo Studio yang terletak di Kuching. Kepakaran

	beliau adalah dalam bidang mencacah tatu, seramik dan senjata tradisional Iban.
Nicholas Jenta anak Anchu (35) Inkzation Tattooo Studio, Kota Samarahan	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu Iban dan juga merupakan pemilik kepada studio pembuatan tatu iaitu Inkzation Tattooo Studio yang terletak di Kota Samarahan, Sarawak. Kepakaran beliau adalah menghasilkan motif tatu Iban kontemporari.
Richie anak Vikendall (35) High Blood Ink, Miri.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu Iban yang berkhidmat di High Blood Ink yang terletak di Miri, Sarawak. Beliau mempunyai kepakaran dalam menghasilkan motif tatu Iban kontemporari dan juga busana tradisional Iban.
Kenny anak Merdan (41) Travel Ink & Body Piercing, Saratok.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu Iban dan merupakan pemilik kepada Travel Ink & Body Piercing yang terletak di Saratok, Sarawak. Kepakaran beliau adalah menghasilkan motif tatu Iban yang berunsurkan motif kontemporari dan senjata tradisional Iban.
Andy Austin (44) Tribal 12 Tattoo Studio, Sibu.	Pakar Pembuat Tatu Iban Beliau merupakan pembuat tatu Iban dan juga merupakan pemilik kepada studio pembuatan tatu iaitu Tribal 12 Tattoo Studio yang terletak di Sibu, Sarawak. Beliau mempunyai kepakaran dalam mencacah tatu Iban dan juga memperagakan busana tradisional Iban.

Jadual 3.2: Senarai informan penyelidikan dalam sesi temubual secara bersemuka.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)



Rajah 3.3: Motif tatu Iban dijadikan sebagai hiasan pada logo studio pembuatan tatu (Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.4: Suasana pengunjung yang hadir ke expo Kuching Tattoo Festival 2022 (Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.5: Tempat dan peralatan bagi teknik pembuatan tatu tradisional Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.6: Pembuatan tatu tradisional Iban oleh informan Louis Samai
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.7: Penyelidik bersama dengan informan Richie Vikendall
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.8: Penyelidik bersama dengan informan Eddie Enjeruh
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.9: Penyelidik bersama dengan informan Kenny Merdan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.10: Penyelidik bersama dengan informan Andy Austin
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.11: Hiasan muka taip pada banner yang berunsurkan motif tatu masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)




Rajah 3.12: Penyelidik bersama dengan informan Dato Sri Edmund Langgu Saga
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.13: Penyelidik bersama dengan informan Tugang

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.14: Informan Robinson Unau Gaong (43) mencacah tatu menggunakan teknik moden

(Sumber: Kajian Lapangan 2022)



Rajah 3.15: Informan *Tuai Rumah* Sigi Singau
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.16: Informan Uma Kujat mempamerkan motif tatu yang dimiliki oleh beliau
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.17: Motif tatu Iban dijadikan perhiasan pada bahagian lengan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.18: Motif tatu *Bungai Terung* dijadikan sebagai perhiasan pada cawan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.19: Poster Miri Tattoo Festival 2022 yang berlangsung di Miri
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.20: Proses mencacah tatu menggunakan teknik moden
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.21: Program Expo Tatu di Dayak Bidayuh National Association
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.22: Motif tatu Iban dijadikan sebagai ilustrasi pada papan iklan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 3.23: Rekaan motif tatu Iban dibuat pada aksesori jam tangan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)




Rajah 3.24: Rekaan motif tatu *Bungai Terung* menjadi hiasan pada baju
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

3.6 Kaedah Penganalisisan Data Penyelidikan

Dalam menjalankan penyelidikan, menganalisis data yang diperolehi adalah sesuatu perkara yang penting bagi menyelesaikan keperluan sebuah penyelidikan. Bagi memastikan data yang dikumpul bermakna dalam sesebuah penyelidikan, maka suatu penerangan yang jelas tentang pengkaedahan untuk melakukan analisis data. Justeru itu, ia memerlukan pengkaedahan analisis data yang betul dan sesuai bagi memastikan ia dapat memenuhi keperluan pada penyelidikan ini.

Tujuan menganalisis data penyelidikan adalah untuk mencari makna dan ia dibuat secara bersistematik bagi menyusun dan menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan. Berdasarkan kepada penyelidikan ini, penyelidik membuat penganalisisan terhadap sumber data yang diperolehi dari fasa kajian kerja lapangan yang dilakukan. Dalam melakukan penganalisisan data, penyelidik menggunakan model kaedah analisis data temu bual oleh Lamnek (1989) serta model rangka kerja analisis data kualitatif oleh Shahren (2011).



Rajah 3.25: Proses menganalisis dan mengolah data penyelidikan yang berbentuk kualitatif

(Sumber: Rangka Kerja Content Analysis oleh Lamnek, 1989)

Data yang dikutip daripada kajian kerja lapangan memerlukan proses menganalisa dan juga pengolahan data penyelidikan. Sekiranya data yang dikumpul oleh penyelidik tidak melalui proses analisa yang berkesan, maka ia akan menyebabkan maklumat yang diperolehi tidak dapat menyokong dan melengkapkan penyelidikan yang sedang dijalankan. Selain itu, penggunaan kerangka teori, pernyataan masalah dan objektif penyelidikan dijadikan sebagai panduan dan rujukan untuk menganalisa data yang diperolehi dalam kajian kerja lapangan.

Berdasarkan kepada penyelidikan yang sedang dijalankan, penyelidik menggunakan kaedah Content Analysis oleh Lamnek, 1989. Dalam menjalankan kajian kerja lapangan, penyelidik menggunakan tiga teknik pengumpulan data, iaitu pemerhatian, pemerhatian turut serta, dan temu bual secara bersemuka. Justeru itu, segala perolehan data akan diproses dan diolah mengikut kepada keperluan di dalam penyelidikan yang dijalankan.

Fasa pertama dalam memproses data adalah dengan melalui penghasilan transkrip. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan alat perakam video bagi memperolehi segala data yang diperlukan, iaitu melalui rakaman suara dan video. Semasa menjalankan sesi temubual bersama informan penyelidikan, mereka menggunakan bahasa Iban kerana kurang fasih dengan penggunaan bahasa Melayu. Setelah mendapat data yang melalui alat perakam video, ia akan didengari semula untuk memastikan kelancaran suara informan. Seterusnya, bermulanya proses menulis transkrip data dalam bahasa Iban. Setelah selesai menulis transkrip data dalam bahasa Iban, maka ia akan melalui proses penterjemahan data kepada bahasa Melayu. Tempoh masa untuk melakukan proses penterjemahan memerlukan tempoh masa yang lama bagi mengelakkan kecicirán data penting.

Fasa kedua pula, iaitu proses analisis data mengikut individu. Berdasarkan kepada penyelidikan ini, informan penyelidik adalah seramai dua puluh orang. Tambahan pula, setiap informan penelidik tidak sama dari aspek pandangan dan maklumat terhadap bidang penyelidikan, latar belakang, lokasi dan aspek bidang kepakaran yang dimiliki oleh mereka. Justeru itu, setiap data yang diperolehi akan dianalisis secara individu untuk disusun dan disesuaikan dengan penyelidikan sekarang.

Setelah semua data dianalisis berdasarkan dua puluh orang orang informan pakar tersebut, maka ia akan melalui fasa generalisasi. Dalam fasa ini, penyelidik akan mengenalpasti datadata tersebut dengan mencari persamaan dan perbezaan. Sekiranya berlaku persamaan data, maka ia akan disatukan. Seterusnya, perbezaan data akan disusun mengikut kategori tertentu bagi memenuhi keperluan penyelidikan. Sebagai contoh, penyusunan isu-isu yang dikupas berkaitan dengan pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban.

Fasa ketiga pula adalah kawalan data. Sekiranya berlaku masalah keciciran data, maka penyelidik perlu meneliti dan menyelidik semula transkrip data yang telah diterjemah bagi mengesahkan sesuatu butiran data. Tambahan pula, data-data tersebut perlu disesuaikan dengan kerangka konsep dan kerangka teori, pernyataan masalah serta objektif penyelidikan agar ia dapat melengkapkan penyelidikan yang sedang dijalankan.

3.7 Validasi Penyelidikan

Berdasarkan kepada penyelidikan ini, validasi penyelidikan ini dilihat dari aspek kajian kerja lapangan yang dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian turut serta, iaitu dengan menyaksikan upacara mencacah tatu yang dilakukan di studio pembuatan tatu dan juga konvensyen Kuching Tattoo Festival 2022. Ini kerana ia bertujuan untuk membolehkan penyelidik melihat sendiri upacara mencacah tatu yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Bagi kaedah temu bual, beberapa soalan telah diajukan kepada informan sebelum melakukan pemerhatian turut serta semasa upacara mencacah tatu dilakukan. Tambahan pula, penyelidik hanya menggunakan pendekatan kualitatif sahaja dalam penyelidikan ini.

Secara keseluruhannya daripada jumlah informan yang ditemu bual, mereka menyatakan bahawa tradisi seni tatu yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban kerana ia merupakan keperluan yang penting. Ini kerana masih terdapat segelintir daripada masyarakat Iban di Sarawak ini yang belum menganut agama-agama besar seperti agama Kristian dan Islam dan mereka masih mengamalkan kepercayaan warisan. Tambahan pula, golongan tersebut menjadikan pengamalan tradisi seni tatu sebagai penghubung jiwa kepada kuasa-kuasa luar biasa mereka.

Dalam pelaksanaan upacara mencacah tatu yang dilakukan di Borneoheadhunters Tattoo & Piercing Studio dan Dayak Bidayuh National Association, Kuching pada 31 September 2022 sehingga 2 Oktober 2022, dapat dinyatakan bahawa pelaksanaan aktiviti budaya tersebut memperlihatkan masyarakat Iban dalam memelihara tradisi seni tatu dalam kebudayaan mereka. Ini kerana tradisi seni tatu yang diamalkan dalam budaya masyarakat Iban merupakan sebahagian daripada simbol bagi mereka membezakan identiti dan jati diri serta kebudayaan mereka dengan masyarakat lain. Dengan adanya pengamalan tradisi seni tatu, mereka dapat mengenali dan membezakan identiti etnik mereka dengan etnik lain yang terdapat di Sarawak. Di samping itu, dalam konteks pengamalan tradisi seni tatu masyarakat Iban pada zaman sekarang juga dijadikan sebagai satu hasil kesenian budaya yang bersifat komersial bagi menarik minat masyarakat luar untuk mengenali secara lebih mendalam tentang kebudayaan asal masyarakat Iban.

Selain itu, bagi memastikan pemeliharaan tradisi seni tatu tersebut terpelihara, maka pelaksanaan ritual *Miring* sebelum memulakan upacara mencacah tatu perlu dilakukan oleh golongan pakar ritual Iban seperti *Lemambang* agar mereka memperoleh mafaaat daripada kuasa-kuasa luar biasa. Pelaksanaan ritual ini amat penting bagi memastikan upacara mencacah tatu yang dilakukan tersebut mendapat keizinan daripada kuasa-kuasa luar biasa dan dipercayai tatu tersebut memberikan manfaat dan perlindungan kepada pemiliknya. Ini kerana tradisi seni tatu merupakan tradisi sakral yang dilakukan oleh masyarakat Iban.

Berdasarkan kepada upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban, amalan tradisi tersebut dilakukan dengan penuh teliti dan tertib. Ia bertujuan bagi memastikan penghasilan tatu tersebut lebih halus dan teliti bagi memperlihatkan nilai-nilai seni yang menggambarkan sesuatu penceritaan dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana tradisi tatu

dipercayai merupakan amalan tradisi yang dianugerahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban bagi melambangkan jati diri dan identiti pengenalan mereka.

Selain itu, setiap motif tatu yang dicacah pada bahagian badan juga mempunyai maksud yang tersendiri dan digunakan untuk tujuan tertentu dalam kehidupan seharian masyarakat Iban. Perkara ini memperlihatkan bahawa tradisi seni tatu merupakan sesuatu amalan tradisi yang bersifat suci dan mistik kerana dipercayai diturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban. Seiring dengan perubahan zaman, konteks pengamalan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban juga mengalami perubahan dalam pengamalannya oleh masyarakat Iban pada zaman sekarang. Masyarakat Iban pada zaman sekarang masih lagi mengamalkan tradisi seni tatu ini kerana ia merupakan sebahagian daripada simbol bagi menzahirkan diri mereka sebagai seseorang individu yang berbangsa Iban dan juga sebagai unsur perhiasan. Justeru itu, pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban menggambarkan keunikan nilai-nilai sosial yang diamalkan dalam kebudayaan mereka.

3.8 Etika Penyelidikan

Isu etika adalah amat penting dalam sesebuah penyelidikan, iaitu setiap penyelidik perlu bertanggungjawab dalam mematuhinya. Antara etika yang diambil kira sepanjang penyelidikan adalah dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tidak membebankan para informan yang ditemubual bagi memperoleh sumber data. Para informan juga telah diberikan tempoh masa yang sewajarnya dalam memberikan maklum balas mereka berhubung soalan temubual yang diajukan. Matlamat mengenai keseluruhan penyelidikan dan pengkaedahan juga diterangkan kepada para informan melalui borang persetujuan informan agar mereka mengetahui kepentingan penyelidikan, objektif atau

matlamat yang memerlukan kepada penglibatan dan kerjasama mereka. Selain itu, para informan penyelidikan juga diberikan hak sekiranya mereka ingin menarik diri daripada terlibat dengan penyelidik. Ini kerana penyelidik tidak boleh memaksa seseorang informan untuk memberikan sumber data. Justeru itu, penyelidik perlu menghormati keputusan yang dikehendaki oleh informan tersebut.

Pihak informan mempunyai hal autonomi dimana mereka mempunyai hak untuk terlibat secara sukarela dalam sesuatu penyelidikan atau menolaknya. Borang persetujuan informan dirujuk sebagai rundingan berkenaan kepercayaan dan ia memerlukan rundingan secara berterusan. Selain itu, terdapat isu menjaga kerahsiaan informan, iaitu segala maklumat mengenai informan tidak akan didedahkan bagi memelihara hak peribadi mereka. Isu-isu privasi da kerahsiaan merupakan aspek yang penting dalam proses memperolehi data penyelidikan secara temu bual.

Dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik perlu mematuhi Garis Panduan Etika Penyelidikan Pascasiswazah Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kesemua komponen di dalam garis panduan itu akan diikuti sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Antara contoh garis panduan tersebut adalah seperti menghormati budaya masyarakat lain, memaklumkan kepada informan atau kelompok sosial yang dikaji mengenai bidang penyelidikan yang sedang dijalankan, menjaga dan melindungi identiti informan atau responden dan tiada unsur paksaan terhadap pihak informan penyelidikan atau responden dalam memberi maklumat penyelidikan.

Selain itu, pihak informan yang terlibat dalam penyelidikan ini akan dimaklumkan mengenai topik penyelidikan yang sedang dijalankan sebelum menjalankan sesi temu bual. Ia bertujuan untuk mengelakkan berlakunya salah faham tentang kepenggunaan maklumat penting penyelidikan. Tambahan pula, penyelidik akan mengambil langkah berjaga-jaga

bagi mengekalkan kerahsiaan identiti pihak informan yang tidak mahu diri mereka dikenali ramai. Berdasarkan kepada prnsip perlindungan yang melibatkan prosedur untuk mengelakkan kecederaan atau mendedahkan individu kepada risiko dalam penyelidikan ini amat penting. Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik perlu menghormati hak keadilan, iaitu pihak informan perlu diberi layanan yang adil. Ini kerana tidak semua pihak informan mempunyai keupayaan dan kebolehan yang sama. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa penyelidik perlu mematuhi semua etika semasa menjalankan penyelidikan ini.

3.8.1 Persetujuan Pihak Informan Penyelidikan

Berdasarkan kepada penyelidikan ini, penyelidik perlu memohon persetujuan kepada semua informan yang ditemubual untuk merekod perbualan menggunakan kamera video dan alat perakam audio. Selain itu, penyelidik juga memohon kebenaran untuk meletakkan nama dan gambar informan di dalam penyelidikan. Tambahan pula, penyelidik akan meminta persetujuan untuk mengambil gambar terhadap warisan budaya yang dikaji, iaitu tradisi seni tatu yang dimiliki oleh informan. Secara keseluruhannya, semua pihak informan yang terlibat dalam penyelidikan ini telah memberikan persetujuan untuk setiap kebenaran yang diminta oleh penyelidik. Ini kerana persetujuan dari semua pihak informan yang terlibat di dalam penyelidikan ini perlu dipohon bagi mengelakkan salah faham.

Sebelum penyelidik menjalankan sesi menemubual informan penyelidikan, mereka terlebih dahulu diberikan borang persetujuan mengenai maklumat berkenaan penyelidikan serta pengkaedahan yang digunakan bagi menjalankan penyelidikan ini. Bagi informan yang bekerja di sektor kerajaan atau swasta, penyelidik akan memaklumkan kepada mereka melalui panggilan telefon dan pemberian surat pengesahan mengenai penyelidikan yang dijalankan. Dengan ini, informan akan mengetahui dengan jelas mengenai topik dan isu penyelidikan yang bakal ditanya semasa temubual dijalankan. Selain itu, ia juga dapat

mengelakkan informan daripada memberi maklum balas yang menyimpang daripada topik dan isu yang dikaji. Borang persetujuan informan dapat membina kepercayaan dalam diri informan dan ia juga berkenaan dengan etika penyelidikan. Tambahan pula, objektif penyelidikan akan diterangkan semula kepada informan sebelum temubual berlangsung.

3.9 Rumusan

Melalui penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif yang berdasarkan kepada rekaan penyelidikan eksplorasi yang melibatkan imbasan kajian-kajian lepas, pemerhatian dan temubual yang banyak menyumbang dalam pengumpulan data yang diperlukan bagi memenuhi keperluan penyelidikan ini. Selain itu, penyelidikan berbentuk etnografi digunakan bagi mendapatkan maklumat penyelidikan kerana bahan-bahan bacaan dan penerbitan yang kurang serta pernyataan masalah dan soalan penyelidikan yang dapat dibuktikan serta menemui kepada jawapan yang diperlukan. Melalui penyelidikan ini yang mendasari kepada kaedah kualitatif, maka penyelidik menerangkan dengan lebih terperinci mengenai pengkaedahan tersebut. Ini kerana penulisan yang menggunakan pengkaedahan kualitatif sepenuhnya di dalam penyelidikan yang dijalankan amat memerlukan kepada penulisan yang lebih mendalam dan menampakkan proses menjalankan sesuatu kaedah yang digunakan.

BAB 4

PENGENALAN TRADISI SENI TATU MASYARAKAT IBAN

4.1 Pengenalan

Bahagian ini mengetengahkan hasil data penyelidikan yang telah diperolehi penyelidik semasa menjalankan kajian kerja lapangan. Segala perolehan data perlu diproses bagi mendapatkan sumber maklumat penyelidikan yang diperlukan. Bab empat ini juga menerangkan secara keseluruhan mengenai sub topik penyelidikan yang telah dijalankan. Dalam bab ini, penyelidik menerangkan mengenai sejarah bermulanya tradisi tatu dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

4.2 Konsep Alam Semula Jadi Yang Membentuk Kosmologi Masyarakat Iban

Berdasarkan kepada pendapat informan Adilawati Asri (33), iaitu penyelidik budaya Iban, sebelum terbentuknya kosmologi dalam kepercayaan masyarakat Iban, alam semula jadi adalah satu bentuk alam yang paling utama bagi kehidupan manusia yang merupakan makhluk estetik. Manusia merupakan makhluk yang diciptakan oleh Maha Pencipta dengan memiliki akal dan fikiran untuk melakukan sesuatu perkara yang lebih baik. Masyarakat Iban merupakan penduduk terawal yang mula mendiami Kepulauan Borneo yang kaya dengan keindahan alam semula jadi. Dalam alam semula jadi yang didiami oleh masyarakat Iban, terdapat beberapa lapisan alam yang lain yang tidak dapat dilihat oleh mereka dengan penglihatan mata kasar mereka. Permulaan masyarakat Iban dalam membentuk kepercayaan mereka dapat dilihat berdasarkan kepada kehidupan mereka yang sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dan bencana alam yang berlaku pada zaman dahulu.

Masyarakat Iban mula mempelajari tentang sesuatu perkara setelah menghadapi beberapa cabaran bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka pada zaman dahulu. Konsep ini adalah sebahagian daripada proses pembelajaran masyarakat Iban secara tidak formal ataupun lebih dikenali sebagai belajar daripada pengalaman yang lepas. Ini kerana lumrah manusia yang sentiasa mempunyai naluri atau perasaan ingin mengetahui tentang sesuatu perkara yang berlaku bagi memastikan diri mereka bersedia untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang melanda kehidupan mereka.

Masyarakat Iban mula mengetahui tentang sesuatu perkara apabila mereka sering melihat beberapa fenomena alam semula jadi yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh, kejadian siang dan malam, panas dan hujan, bencana-bencana alam seperti banjir, tanah runtuh serta wabak penyakit. Setelah masyarakat Iban mengetahui tentang fenomena kejadian bencana alam ini, mereka mula berhijrah ke tempat lain untuk mencari tempat tinggal yang lebih selamat daripada bencana alam tersebut. Setelah berhijrah ke tempat yang lebih selamat masyarakat Iban memikirkan cara untuk membina sebuah penempatan tetap bagi membolehkan mereka hidup bersama bagi mencari sumber makanan dan sumber harian bagi meneruskan kelangsungan hidup. Setelah masyarakat Iban mula membina sesuatu penempatan tetap di sesuatu kawasan serta melihat persekitaran alam semula jadi yang dipenuhi dengan pelbagai hidupan seperti flora dan fauna, mereka mempunyai perasaan ingin tahu tentang kewujudan diri mereka dan alam semula jadi yang didiami oleh mereka.

Perasaan ingin mengetahui secara lebih mendalam tentang sesuatu perkara ini membuatkan masyarakat Iban mula berfikir bahawa terdapat kewujudan entiti-entiti lain yang lebih berkuasa mencipta diri mereka dan alam semula jadi yang didiami oleh mereka. Fenomena ini mula membentuk kepada kepercayaan masyarakat Iban terhadap kewujudan

kuasa-kuasa luar biasa tertentu yang turut sama mendiami alam semula jadi ini bersama dengan mereka.

Pada masa yang sama, masyarakat Iban juga percaya bahawa terdapat kuasakuasa luar biasa yang lain yang mendiami alam ghaib yang berada di ruang alam yang berbeza. Kepercayaan ini mula membentuk kepada kosmologi masyarakat Iban terhadap konsep pembahagian ruang alam yang didiami oleh kuasa-kuasa luar biasa tersebut. Dengan ini, maka terbentuklah *Pengarap Lama* iaitu kepercayaan warisan yang telah diamalkan oleh masyarakat Iban sejak turun-temurun dalam kebudayaan mereka.

4.3 Kosmologi Masyarakat Iban

Menurut informan Tugang Rima (87), kosmologi masyarakat Iban didasari oleh agama dan kepercayaan warisan masyarakat Iban itu sendiri. Masyarakat Iban berpegang kepada kepercayaan warisan dan menyembah kuasa-kuasa luar biasa. Pada zaman sekarang, agama dan kepercayaan masyarakat Iban dibahagikan kepada dua golongan utama, iaitu golongan yang menganut agama besar seperti, agama Kristian dan Islam dan golongan yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan yang telah dianuti sejak zaman dahulu.

Kepercayaan warisan masyarakat Iban merangkumi kepercayaan tentang kewujudan alam ghaib yang didiami kuasa-kuasa luar biasa yang terdiri daripada *Petara-Petara,* dewa-dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat serta roh nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia. Masyarakat Iban percaya bahawa *Petara* merupakan pencipta alam nyata dan alam ghaib serta segala penghuni alam semesta yang dirujuk sebagai benda hidup dan bukan hidup. Unsur animisme dalam kepercayaan menyebabkan mereka percaya bahawa setiap benda yang diciptakan oleh *Petara* di bumi ini memiliki jiwa, roh, kuasa dan semangat yang tersendiri, sama ada semangat baik dan jahat. Berdasarkan kepada kepercayaan warisan

masyarakat Iban terhadap jiwa, roh, kuasa dan semangat, maka lahirlah pantang-larang dan kepercayaan kepada ilmu-ilmu yang melibatkan pemujaan bagi memperolehi bantuan, dan kesejahteraan hidup.

Petara dan kuasa-kuasa luar biasa yang lain perlu dihormati dan dipuja oleh masyarakat Iban menerusi ritual tertentu seperti ritual *Miring*. Ritual-ritual tersebut dilakukan bertujuan bagi memohon kebaikan, pengampunan, kebenaran dan keharmonian serta menjaga hubungan baik antara masyarakat Iban dengan masyarakat Iban, masyarakat Iban dengan alam semula jadi dan masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa.

Menurut informan Unsa Meringai (68), dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban, mereka berpegang kepada adat yang diwarisi secara turun-temurun dan ditulis dalam '*Papan Turai*' oleh '*Tuai Raban Bansa'* dengan berpandukan nasihat daripada *Lemambang* dan *Manang*. Masyarakat Iban mempercayai bahawa terdapat tujuh *petara* yang sentiasa diseru sebelum memulakan *Biau* dan *Sampi*. Antara *Petara* yang diseru oleh masyarakat Iban adalah *petara Lang Sengalang Burung, Simpulang Gana, Selampandai, Raja Menjaya, Ini Andan* dan *Anda Mara*. Setiap *petara* tersebut mempunyai peranan tertentu dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban. Masyarakat Iban juga percaya bahawa semua binatang yang hidup, tumbuhan dan alam semula jadi seperti bukit, gunung, sungai, laut, dan ribut mempunyai roh dan semangat masing-masing. Selain itu, masyarakat Iban juga mempercayai kewujudan *Orang Panggau Libau* dan dewa-dewi seperti *Keling, Laja, Kumang* dan *Lulong* serta roh nenek moyang mereka yang sudah meninggal dunia. Menurut informan Tugang Rima (87), ilmu firasat berkaitan tentang sesuatu perkara yang dilakukan dalam kehidupan seharian masyarakat Iban juga berdasarkan kepada mimpi dan adat *beburung*. Bagi masyarakat Iban, mimpi dilihat sebagai medium untuk mereka berkomunikasi dengan *Petara* atau kuasa-kuasa luar biasa bagi menyampaikan sesuatu


perintah. Mimpi juga mempengaruhi sesuatu aktiviti yang akan dilakukan oleh masyarakat Iban. Ini kerana mereka percaya bahawa tanpa mengalami sesuatu mimpi, kejayaan dan kemakmuran dalam kehidupan seharian mereka adalah sukar untuk direalisasikan. Oleh itu, mimpi akan diterjemah dan ditafsirkan oleh golongan pakar ritual seperti *Lemambang* dan *Tuai Beburung* sebelum melakukan sesuatu perkara berdasarkan kepada mimpi yang dialami tersebut.

Dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban, adat *Beburung* merupakan penafsiran bunyi burung atau petanda yang dibawa oleh hidupan alam semula jadi seperti burung-burung dan haiwan lain. Konsep tujuh jenis burung *mali* dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban iaitu *Ketupung, Pangkas, Beragai, Bejampung, Embuas, Papau,* dan *Nendak* mempunyai peranan yang signifikan dalam kehidupan seharian masyarakat Iban. Burung-burung ini dianggap sebagai dewa-dewa yang sentiasa berdampingan dengan masyarakat Iban dalam melakukan kegiatan seharian seperti menanam padi, berburu, dan mengembara. Masyarakat Iban percaya bahawa setiap bunyi daripada burung tersebut merupakan sesuatu petanda daripada kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib kepada manusia. Sebagai contoh, sekiranya mendengar bunyi seperti burung *Ketupung* dari sebelah kanan, dipercayai masyarakat Iban yang pergi mencari rezeki akan mendapat hasil yang lumayan. Namun begitu, apabila mereka mendengar bunyi burung *Ketupung* dari sebelah kiri, maka masyarakat Iban tidak membawa pulang sesuatu hasil rezeki pada hari tersebut. Selain itu, sekiranya masyarakat Iban terlebih dahulu mendengar bunyi burung *Beragai* dari burung *Ketupung*, ia dtafsirkan sebagai sesuatu yang membawa tuah dan mendapat hasil padi yang lumayan. Namun begitu, sekiranya bunyi burung *Beragai* didengari terlebih dahulu daripada burung *Bejampung*, bunyi ditafsirkan merupakan petanda yang buruk dan harus dielakkan oleh masyarakat Iban.

Burung *Pangkas* dan burung *Beragai* juga dikenali sebagai burung yang membawa nasib buruk kepada masyarakat Iban. Oleh itu, pada zaman dahulu, sebelum masyarakat Iban ingin berpindah ke penempatan baharu, mereka akan berpindah sebelum matahari terbit kerana dikhuatiri akan mendengar bunyi burung yang membawa petanda yang tidak baik terutamanya burung *Ketupung*. Ini kerana burung *Ketupung* dipercayai merupakan ketua tujuh burung *Mali* dalam kepercayaan masyarakat Iban dan petanda yang dibawa olehnya merupakan amaran secara mutlak dari *Petara* terhadap tingkah laku masyarakat Iban di *dunya mensia*. Perintah tersebut harus dituruti dan dilaksanakan oleh masyarakat Iban bagi mengelakkan kemarahan *petara* dengan menyebarkan wabak penyakit dan bencana alam.

Menurut informan Uma Kujat (77) yang berperanan sebagai *Tuai Beburung*, adat *Beburung* bukan sahaja merujuk kepada tujuh burung *Mali* dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban sahaja, malah haiwan berbisa yang memasuki rumah secara tiba-tiba juga adalah sesuatu petanda yang tidak baik. Sebagai contoh, sekiranya terdapat ular atau kijang yang masuk ke dalam rumah panjang tersebut dan mati secara mengejut, maka sesuatu perkara yang buruk bakal menimpa sesebuah rumah panjang tersebut. Oleh itu, bagi meredakan kemarahan kuasa-kuasa luar biasa tersebut, masyarakat Iban akan melaksanakan upacara ritual *Miring* dan *Pelian* sebagai tanda memohon keampunan dan kemaafan atas kesalahan yang dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja.

4.3.1 Konsep Ruang: *Dunya Petara, Dunya Mensia* dan *Dunya Sebayan*



Rajah 4.1: Hierarki kedudukan alam dalam kebudayaan masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2020)

Menurut informan Robinson Unau Gaong (43), dalam kosmologi masyarakat Iban, alam semesta terbahagi kepada tiga bahagian ruang, iaitu *Dunya Petara* langit, *Dunya Mensia* (bumi) dan *Dunya Sebayan* (alam kematian). Terdapat *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai wujud untuk menjaga ketiga-tiga bahagian ruang tersebut. Ketiga-tiga ruang tersebut juga mempunyai penghuninya yang tersendiri dalam kepercayaan masyarakat Iban.

4.3.2 *Dunya Petara* (Langit)

Dalam kosmologi, masyarakat Iban, langit merujuk kepada alam ghaib, dunia *antu* atau dunia *petara*. Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51), langit merupakan bahagian ruang alam semesta yang paling atas, dan dihuni oleh *Petara,* dewa dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat dan roh nenek moyang masyarakat Iban yang telah meninggal dunia. *Petara* mempunyai kuasa luar biasa dan berada pada kedudukan tertinggi di hierarki *Sengalang Burung* alam ghaib. Antara *Petara* atau tuhan yang mendiami ruang langit ialah *Lang Sengalang Burung* dan *Lanchong Selong Bebelit Apai Sabit Bekait*. Mereka dipercayai

mendiami dunia langit kecil. Jika masyarakat Iban memerlukan pertolongan daripada *petara* tersebut, satu ritual *Miring* atau upacara *Gawai* perlu dilakukan sebagai tanda mereka memanggil dan menyeru *Petara* tersebut.

Dunia *Petara* ialah *Langit Serak tujuh* atau langit tujuh lapisan. *Petara* yang mendiami langit tujuh lapisan ini ialah *Lancong Selung Bebelit Apai Sabit Bekait* yang pada asalnya dari *Panggau Libau*. Nama tempat asal *Apai Sabit Bekait di Panggau Libau* ialah *Nanga air Sungai Rangki, Ulu Ngisi Ka Sungai tajau, lebak sungai minyak ulu majak sungai mau* yang bermaksud air dan tanah bertuah untuk pertanian dan tapak yang dipercayai bertuah untuk pembinaan rumah panjang masyarakat Iban. *Apai Sabit Bekait* kemudian dipercayai berpindah ke langit tujuh lapisan sehingga pada zaman sekarang. *Apai Sabit Bekait* merupakan adik-beradik kepada *Simpulang Gana*.

4.3.3 *Dunya Mensia* (Bumi)

Menurut informan Robinson Unau Gaong (43), bumi merupakan bahagian alam semesta yang terdiri daripada alam dunia dan alam ghaib. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, bumi dicipta oleh lima *Petara*, iaitu *Raja Samerugah Nyawa Empuah Bau Sinang*, *Raja Samerigu*, *Raja Segendek*, *Raja Segindam* dan *Raja Segendet*. *Raja Samerugah Nyawa Empuah Bau Sinang* dipercayai mencipta tanah, *Raja Samerigu* mencipta pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan, *Raja Segendek* mencipta air, *Raja Segindam* mencipta kejadian siang dan malam, dan *Raja Segendet* mencipta langit. Masyarakat Iban percaya *Petara* yang mencipta bumi tinggal di bahagian tengah pusat bumi. Pada zaman dahulu, dipercayai bahawa dunia tidak mempunyai tumbuh-tumbuhan, dan oleh hal yang demikian, *Raja Samerigu* mencipta tumbuh-tumbuhan dan apabila bumi didapati tidak mempunyai air, *Raja Segendek* mencipta air dan kemudian apabila didapati bumi tidak mempunyai tanah, *Raja Samerugah* mencipta tanah.

Setelah air dan tanah dicipta, bumi dipercayai semakin besar dan luas. Langit tidak dapat menutup sepenuhnya bahagian tanah kerana faktor keluasan muka bumi. Oleh itu, *Raja Samerugah* telah mengecilkan tanah supaya langit dapat menutup bumi. Dengan ini, maka wujudlah gunung-ganang dan bukit-bukau di bumi sehingga ke hari ini. Manusia, burung, haiwan, serangga, ikan dan tumbuhan ialah penghuni di muka bumi, tetapi terdapat kuasa-kuasa ghaib dan *antu* atau semangat yang wujud tinggal bersama dengan manusia. Kuasa-kuasa luar biasa ini dianggap sebagai sesuatu yang bersifat sakral, baik dan banyak membantu manusia dalam pelbagai perkara. Walau bagaimanapun, terdapat juga kuasakuasa luar biasa yang jahat dan ada dalam kalangan mereka sentiasa mengganggu kehidupan manusia di bumi.

Oleh itu, berdasarkan kepada pendapat informan Ernesto Kalum Umpie, tatu yang dicacah pada badan manusia menandakan simbolik bahawa *Petara* tinggal di bahagian tengah bumi untuk sentiasa membantu manusia dalam pelbagai keperluan hidup. Justeru itu, manusia perlu mentaati dan menghormati kewujudan *Petara* mereka.

4.3.4 *Dunya Sebayan* (Alam Kematian)

Bagi masyarakat Iban, ruang bawah tanah ialah *Dunya Sebayan* atau alam kematian. Berdasarkan kepada pendapat informan Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), masyarakat Iban yang telah meninggal dunia dipercayai akan tinggal di *Dunya Sebayan* dan di *Sebayan* mereka memiliki segala yang terdapat di alam nyata. Roh masyarakat Iban yang meninggal dunia dipercayai masih boleh berhubung dengan ahli keluarga mereka di dunia. Masyarakat Iban percaya bahawa roh mereka akan pergi ke dunia sebayan melalui suatu jalan atau tempat yang dikenali sebagai *Niti Batang Titi Rawan* atau *Batang Mandai* yang dikatakan terletak di Batang Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia.

Dalam kosmologi masyarakat Iban, *Burung Bubut* ataupun But-But yang merupakan sejenis burung yang tinggal di *Dunya Sebayan*. Burung tersebut mempunyai rumah, tetapi rumahnya kelihatan amat tidak bersih. Rumah *Burung Bubut* adalah berlantaikan najis ayam, manakala tangga rumahnya ialah ular dan pagar tangganya ialah ular *Nabau* atau raja ular. Masyarakat Iban percaya bahawa rumah *Burung Bubut* dibuat sedemikian bertujuan supaya orang yang mengalami sakit tenat akan sembuh, kerana semangat mereka amat takut untuk naik ke rumah *Burung Bubut* itu. Manakala sesiapa yang hampir meninggal dunia mungkin akan kembali hidup seperti sediakala kerana semangat mereka tidak berjaya naik ke rumah *Burung Bubut* yang sangat menggerunkan dan amat tidak bersih. Masyarakat Iban juga percaya apabila semangat seseorang yang sedang sakit berjaya naik ke rumah *Burung Bubut* itu, bermakna mereka akan meninggal dunia.

Masyarakat Iban juga percaya apabila mereka mendengar bunyi *Burung Bubut* yang kerap pada setiap waktu malam, bermakna ada dalam kalangan mereka akan meninggal dunia. Ia juga menandakan bahawa ada sesuatu perkara yang tidak baik berlaku di sesebuah rumah panjang tersebut. Oleh hal yang demikian, masyarakat Iban tidak menyukai bunyi burung *bubut* pada waktu malam. Penghuni tetap dunia sebayan ialah *Bujang Selenga Lengan, Keling Sebayan Ti Gemeran Ka Lipan Karak Tulang* yang bermaksud *Bujang Selang Lengan* ialah raja yang menjaga dunia sebayan yang dipenuhi oleh tulang-tulang manusia. *Bujang Selenga Lengan* mengawal di hadapan pintu *Dunya Sebayan* yang dinamakan '*Niti Batang Titi Rawan'* atau *Andau Pengerawan,* iaitu sebuah jambatan yang amat menakutkan kerana ketinggiannya. *Bujang Selenga Lengan* mempunyai isteri bernama *Dara Ambai Geruda nya Orang Ka Merindang Kitai Ka Sulai Mangkai Laya Mabun Danjan* yang bermaksud mempunyai tugas untuk menghiburkan roh orang yang meninggal dunia, khasnya mereka yang baru sahaja tiba di *Dunya Sebayan*.

Pada zaman sekarang, walaupun sesetengah masyarakat Iban tidak mengamalkan kepercayaan warisan, tetapi apabila berlaku kematian, mereka yang berkabung melebihi tempoh yang telah ditetapkan, dikatakan sering kali bermimpi bertemu *Bujang Selenga Lengan* dan mendapat amaran daripadanya. Amaran tersebut bersabit dengan larangan pemakaian pakaian serba hitam apabila tempoh berkabung telah tamat dalam masyarakat Iban. Oleh itu, *Bujang Selenga Lengan* memberi amaran dengan membawa mereka berjalan di *Batang Titi Rawan* yang amat menggerunkan. Di situ *Bujang Selenga Lengan* akan menerangkan bahawa selagi mereka belum berhenti berkabung dengan memakai pakaian serba hitam, mereka tidak dibenarkan turun dari *Batang Titi Rawan* tersebut.

4.4 Idea Dan Perkembangan Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban

Perkembangan budaya dalam kehidupan manusia berlaku secara berperingkat melalui peredaran zaman dan masa. Perkara ini turut terjadi dalam perkembangan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Penelitian terhadap konsep penciptaan tradisi seni tatu yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban telah wujud sejak zaman dahulu. Menurut informan Robinson Unau Gaong (43), kewujudan penciptaan tatu dipercayai seusia dengan masyarakat tersebut mengidentifikasikan diri mereka sebagai *Iban* yang membawa maksud *Mensia* (manusia). Warisan yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara.

Warisan ketara merupakan sesuatu warisan yang melibatkan objek budaya yang digunakan dalam kehidupan seharian seperti parang *Ilang, Pua Kumbu* dan *Tajau*. Manakala warisan tak ketara merangkumi linguistik *Jaku Iban* (Bahasa Iban), kesusasteraan tradisional, kearifan tradisi, seni persembahan, seni muzik, kepercayaan dan kosmologi, adat istiadat serta ritual yang menjurus kepada kerohanian dan kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Tradisi seni tatu dapat dikategorikan sebagai salah satu warisan tak ketara dalam

masyarakat Iban. Ini kerana ia merupakan sebahagian daripada kearifan tradisi masyarakat Iban dalam membentuk tradisi budaya mereka berkaitan dengan kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Tradisi seni tatu dipercayai merupakan tradisi awal yang berfungsi pada zaman dahulu. Namun begitu, ciri-ciri awal penghasilan motif tatu dalam budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu hanya bersifat ringkas dan kurang menekankan nilai seni seperti motif dan corak.

Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51), sejak pada zaman dahulu, masyarakat Iban mempunyai falsafahnya yang tersendiri dalam menginovasikan tradisi budaya mereka. Namun tahap pemikiran mereka dalam menggarap idea untuk menjadikan tradisi seni tatu lebih menarik adalah melalui bidang seni iaitu dalam menghasilkan motif, penggunaan bahan dan peralatan serta teknik pembuatan merupakan sebuah proses yang berkembang secara berterusan sehingga ke hari ini.

Berdasarkan kepada pendapat informan Louis Samai (33), konsep tradisi tatu masyarakat Iban telah menjadi lebih kompleks apabila mereka telah tinggal secara menetap di sesuatu tempat dalam suatu tempoh yang lama. Cara hidup tersebut membuatkan masyarakat Iban beradaptasi dengan alam semula jadi sehingga memberikan masa yang terluang kepada mereka untuk mencipta kesenian dalam kebudayaan mereka bersesuaian dengan norma-norma masyarakat tersebut. Proses beradaptasi yang menghasilkan kearifan tradisi tersebut telah mencetuskan inovasi dalam kemahiran hidup masyarakat Iban iaitu kemahiran tersebut dipraktikkan dalam kehidupan seharian demi keperluan hidup mereka berdasarkan alam semula jadi yang menjadi penempatan mereka. Sebagai contoh, masyarakat Iban telah mengamalkan penciptaan tradisi seni tatu yang dipelajari dan dikembangkan secara turuntemurun berdasarkan kepada kemahiran mencacah dan mengukir. Kearifan tradisi ini telah membantu mereka dalam membangunkan teknik

pembuatan tatu dan penggunaan motif tatu dengan menggunakan bahan-bahan daripada hidupan alam semula jadi seperti kayu belian, cecair daripada jelaga padi, dan hidupan flora dan fauna di sekeliling penempatan mereka.

Masyarakat Iban telah memanfaatkan dan menggunakan hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran penempatan mereka untuk dijadikan sebagai subjek utama dalam membentuk tradisi seni tatu dalam budaya mereka. Penerapan nilai estetika yang terdapat dalam tradisi seni tatu masyarakat Iban juga terinspirasi dari hidupan alam semula jadi dan pengadaptasian kisah berkaitan dengan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang membantu mereka dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, pemikiran saintifik dan teknik pembuatan tatu Iban terhasil dari pemerhatian, kajian dan pembelajaran daripada alam semulajadi. Menurut informan Richie Vikendall (35), hidupan flora dan fauna seperti tumbuhan seperti bunga terung, bunga tengkawang, buah andu, dan haiwan seperti kala jengking, ketam, kera, ular serta harimau merupakan antara unsur alam yang terkenal dalam masyarakat Iban. Bahan-bahan yang digunakan oleh masyarakat Iban untuk pembuatan tatu adalah berkait rapat dengan kosmologi dan persekitaran mereka. Justeru itu, pemilihan motif tatu daripada hidupan alam semula jadi ini dibuat berdasarkan kepada kesesuaiannya bagi memperlihatkan perwatakan dan ciri-ciri keperibadian diri seseorang individu tersebut. Sehubungan itu, kearifan tradisi tatu ini merupakan proses pembelajaran secara tidak formal yang perlu dititikberatkan dalam amalan masyarakat Iban pada zaman dahulu.

Setelah masyarakat Iban mempunyai kebudayaan yang maju dalam kehidupan, mereka berupaya untuk mencapai kemajuan lahiriah dan rohaniah dalam kehidupan mereka. Ia merangkumi pembahagian dunia ini kepada dunia ini kepada alam-alam di luar daripada pemikiran manusia terhadap kepercayaan yang berbentuk animisme. Kemajuan ini secara

tidak langsung telah mendorong kepada peranan tradisi seni tatu sebagai sebuah simbol dan manifestasi intelektual bagi masyarakat Iban.

4.5 Asal Usul Dan Tujuan Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban

Pada zaman dahulu, upacara mencacah tatu merupakan suatu amalan tradisi yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban. Tradisi seni tatu ini dilakukan kerana ia menjadi satu keperluan dalam budaya masyarakat Iban. Masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu ini apabila mereka mengalami mimpi yang merupakan sesuatu penanda ataupun alamat daripada *Petara* mereka.

Setiap tatu yang dicacah pada bahagian badan mempunyai peranan dan maksud tertentu. Ini kerana tatu berfungsi untuk melindungi seseorang individu tersebut daripada ancaman musuh dan juga semangat jahat. Masyarakat Iban juga percaya bahawa setiap objek yang dicipta oleh kuasa-kuasa luar biasa di alam semula jadi ini mempunyai kuasa dan semangat tertentu sama ada yang baik atau jahat. Tatu masyarakat Iban juga bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh. Setiap tatu tersebut juga mempunyai reka letak yang tersendiri pada setiap bahagian badan. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, motif tatu yang silap dicacah pada bahagian badan boleh menyebabkan seseorang individu itu akan mengalami *Alah Ayu* (lemah semangat). Keadaan ini juga menyebabkan seseorang itu juga mudah mendapat penyakit dan terlibat dalam sesuatu kemalangan.

Berdasarkan kepada pendapat informan, Louis Samai (33), terdapat banyak cerita rakyat dan hikayat yang berkaitan tentang asal usul tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban, upacara mencacah tatu yang dilakukan mempunyai sebab dan tujuan yang tertentu. Walaupun terdapat banyak perbezaan antara kelompok masyarakat ini, terdapat satu persamaan yang umum iaitu tradisi seni tatu. Upacara

mencacah tatu atau bertatu dalam budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu dan sekarang amat berbeza. Ini kerana pada zaman dahulu, tatu melambangkan simbol status seseorang lelaki Iban dalam budaya dan identiti yang mengkelaskan kedudukan kumpulan dalam masyarakat Iban. Manakala pada zaman sekarang, tatu menjadi sebahagian daripada perhiasan yang gemar digayakan oleh golongan muda sama ada pada bahagian anggota badan mereka ataupun menjadi aksesori pada sesuatu barangan. Perkara ini memperlihatkan bahawa tatu membawa kepada pengertian yang istimewa atau maksud tertentu di sebalik kehidupan yang dilalui oleh sesebuah masyarakat terutamanya masyarakat Iban.

Dalam kebudayaan masyarakat Iban, menurut informan Dr Gregory Kiyai (33), kepercayaan warisan yang diamalkan oleh sesetengah mereka adalah merangkumi kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Sebagai contoh seperti *Petara-Petara*, dewa dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat, dan roh nenek moyang mereka yang telah lama meninggal dunia. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, maka mereka percaya bahawa *Petara* merupakan pencipta alam nyata, alam ghaib dan semua penghuni alam nyata. Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa setiap benda yang dicipta oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk alam nyata ini mempunyai kuasa dan semangat yang tertentu sama ada yang baik atau jahat. Justeru itu, masyarakat Iban melakukan aktiviti mencacah tatu yang bertujuan untuk melindungi diri mereka daripada gangguan semangat jahat dan menjadikan diri mereka kebal. Ini kerana sekiranya masyarakat Iban tidak melakukan kegiatan tersebut, maka dipercayai roh atau semangat jahat itu mudah mengganggu kehidupan mereka dan dikhuatiri mudah diserang oleh pihak musuh. Bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu dilakukan bertujuan untuk memohon perlindungan, pertolongan, kekuatan, simbol status lelaki Iban, kekebalan serta keberanian bagi menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51), tatu boleh memberikan kekuatan dan perlindungan kepada individu yang dicacah dengan tatu adalah melalui kemistikan motifnya. Ini kerana setiap motif tatu yang dicacah adalah berdasarkan kepada elemen alam semula jadi yang diciptakan oleh *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, masyarakat Iban juga mempercayai bahawa ketahanan diri seseorang individu menghadapi kesakitan semasa sedang dicacah dengan tatu juga mempengaruhi kekuatan mental dan fizikal mereka. Ini kerana pembuatan tatu pada zaman dahulu yang menggunakan teknik tradisional adalah menggunakan teknik ketukan kayu dan jarum yang tajam bagi memasukkan pigmen dakwat pada permukaan kulit badan. Di samping itu, kesanggupan seseorang individu untuk menghadapi kesakitan semasa dicacah dengan tatu dianggap sebagai pengorbanan diri mereka untuk menerima anugerah dan azimat daripada *Petara*. Oleh itu, golongan yang memiliki tatu dianggap sebagai golongan yang kuat dan berani serta memiliki status sosial yang tinggi dalam masyarakat Iban.

Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51), terdapat juga kisah daripada nenek moyang mereka yang menyatakan masyarakat Iban mula melakukan upacara mencacah tatu adalah berdasarkan kepada sesuatu yang dilihat menerusi mimpi yang dialami oleh mereka. Tradisi tatu juga dipercayai berasal dari mimpi seorang lelaki tua bernama *Gemong*. Ia bermula apabila *Gemong* dikatakan sedang duduk berdekatan dengan unggun api kerana kesejukan selepas terkena hujan semasa beliau balik dari huma. Selepas itu, *Gemong* telah membaringkan diri dan tertidur di rumahnya. Semasa beliau tertidur, beliau bermimpi sedang berada di sebuah rumah panjang. Dalam mimpi tersebut, beliau melihat kecantikan rumah panjang dan segala peralatan telah diukir dengan ukiran yang menarik. Apabila masuk ke rumah ketua rumah panjang tersebut, *Gemong* berasa terpegun melihat kecantikan motif ukiran sekeliling ruai dan bilik ketua rumah panjang tersebut.

Gemong juga melihat beberapa orang lelaki yang berada di rumah panjang tersebut mempunyai ukiran motif tatu *Kelingai* yang menarik pada badan mereka. *Gemong* juga telah menari dan bersuka ria di rumah panjang tersebut. Dalam keasyikan beliau menari dalam kegirangan, kaki *Gemong* terkena percikan api berdekatan dengan tempat pembaringannya. *Gemong* telah terkejut dan terbangun dari tidurnya. Selepas terjaga dari tidur, *Gemong* dipercayai telah membuat motif tatu sepertimana yang tergambar dalam mimpi yang dialaminya. Kisah ini merupakan sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Iban berkaitan tentang tatu yang berasal daripada mimpi *Gemong*.

Berdasarkan kepada pendapat informan Ernesto Kalum Umpie (51), kepercayaan masyarakat Iban pada zaman dahulu yang berkaitan dengan pembuatan tatu juga ialah untuk mengingati mereka bahawa terdapat kewujudan *Remaung* di dunia mereka iaitu makhluk yang mempunyai badan separuh manusia dan separuh haiwan yang menyerupai harimau. Makhluk ini merupakan kuasa luar biasa yang perlu dihormati oleh masyarakat Iban. Sekiranya tidak mempunyai tatu, orang yang berjalan berseorangan di dalam hutan amat mudah terjumpa dengan barang-barang kepunyaan mereka sendiri. Barang-barang tersebut dipercayai milik *Remaung* dan sekiranya barang tersebut disentuh dan dibawa pulang ke rumah, orang yang mengambilnya akan diserang oleh sesuatu penyakit dan boleh membawa kematian. Ini kerana jika seseorang individu tersebut mempunyai tatu, masyarakat Iban percaya bahawa *Remaung* mengenali mereka adalah manusia dan tidak akan menganggu mereka.

Manakala, menurut informan Robinson Unau Gaong (43), asal usul masyarakat Iban membuat tatu adalah berdasarkan mitos dan lagenda masyarakat Iban. Menurut beliau, masyarakat Iban membuat tatu kerana mencontohi perbuatan yang dilakukan oleh *Burung Bongsu Bubut* yang mencacah tatu pada *Burung Bongsu Ruai*. Pada zaman dahulu, terdapat

dua orang pengembara yang bernama *Jantau* dan *Nyanggau* telah pergi ke hutan untuk mencari getah jelutung. Ini kerana pada masa tersebut getah jelutung mempunyai harga yang tinggi. Pada keesokkan harinya, mereka berdua bercadang untuk pergi memburu kerana mereka sudah lama tidak memakan daging. Setelah mereka mendapat hasil haiwan buruan, mereka bercadangkan untuk memasak haiwan yang mereka peroleh itu. Tidak lama selepas itu, semasa dalam perjalanan, dua orang individu yang tidak dikenali melintasi mereka berdua dan mengajak *Jantau* dan *Nyanggau* pergi ke rumah mereka yang tidak jauh dari situ.

Jantau dan *Nyanggau* menerima pelawaan daripada dua orang individu tersebut. Orang yang mempelawa *Jantau* dan *Nyanggau* ke rumah itu merupakan *Burung Bongsu Bubut* dan *Burung Bongsu Ruai* yang menjelma menjadi manusia. *Burung Bongsu Bubut* dan *Burung Bongsu Ruai* telah bercadang untuk mencacah tatu pada badan mereka. *Burung Bongsu Bubut* telah mencacah tatu pada badan *Burung Bongsu Ruai* dengan cantik sekali. Apabila melihat kecantikan hiasan cacahan pada badannya, dia pun berasa sungguh gembira. Selepas itu, tiba pula giliran *Burung Bongsu Ruai* mengukir *Burung Bongsu Bubut*. Apabila badan *Bubut* sudah hampir siap diukir dan kelihatan amat cantik, tiba-tiba fikiran *Burung Bongsu Ruai* berubah dan beliau tidak mahu *Bongsu Bubut* kelihatan lebih cantik daripadanya. Maka *Bongsu Ruai* pun mewarnakan badan *Bubut* dengan warna hitam bercampur merah sahaja tanpa sebarang motif. Apabila menyedari perbuatan *Burung Bongsu Ruai, Burung Bongsu Bubut* amat marah dan mereka pun terus berkelahi. *Jantau* dan *Nyanggau* cuba menghentikan pertengkaran antara mereka berdua tetapi tidak berjaya. Perkara ini menyebabkan roh *Burung Bunsu Bubut* tidak diterima oleh masyarakat di *dunya sebayan* (alam kematian) dan menyebabkan dirinya tersangkut di *Jambatan Batang Mandai* sahaja.

Jambatan Batang Mandai merupakan laluan yang menghubungkan roh masyarakat Iban yang sudah meninggal dunia dari alam dunia ke alam *Sebayan*. Justeru itu, masyarakat Iban mempercayai bahawa sebelum roh orang yang sudah meninggal dunia sampai ke alam *Sebayan*, mereka akan singgah terlebih dahulu di pondok *Burung Bunsu Bubut* yang terletak berhampiran *Jambatan Batang Mandai*. *Jantau* dan *Nyanggau* amat berminat dengan cacahan tatu yang dibuat oleh *Bongsu Bubut*. Perkara ini membuatkan mereka tertarik untuk melakukan kegiatan tersebut setelah mereka pulang ke tempat asal mereka. Berdasarkan pada pendapat informan Robinson Unau Gaong (43) yang merupakan pembuat tatu tradisional Iban, masyarakat Iban percaya bahawa di alam dunia, warna tatu yang dicacah pada badan seseorang akan bertukar menjadi cahaya yang membantu menerangi persekitaran mereka bagi meneruskan perjalanan ke alam *Sebayan.* Beliau juga menyatakan bahawa kehidupan di alam manusia dan alam kematian diibaratkan seperti pantulan cermin. Misalnya, di alam dunia tatu pada badan berwarna hitam dan gelap manakala semasa berada di alam kematian, tatu tersebut bertukar menjadi cahaya yang menerangi persekitaran mereka di dalam alam kematian.

Pada zaman dahulu, menurut informan Robinson Unau Gaong (43), golongan yang tidak mempunyai tatu diumpamakan seperti tidak berpakaian, tidak memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi serta tidak pernah mengembara bagi mencari rezeki. Golongan yang memiliki tatu pula dianggap sebagai golongan yang berpengalaman dan berpengetahuan luas dan mereka pernah mengembara ke beberapa buah tempat bagi mencari rezeki. Golongan individu yang pernah *Bejalai* (mengembara) akan mencacah tatu pada tubuh mereka apabila mereka pergi ke satu dan ke satu tempat yang lain. Apabila mereka kembali semula ke perkampungan mereka, mereka akan duduk di bahagian ruai rumah panjang mereka sambil menceritakan pengalaman yang dialami sepanjang tempoh mereka

merantau di tempat lain. Bagi masyarakat Iban, tatu diibaratkan seperti sebuah diari catatan harian kehidupan yang merekodkan perjalanan, pengalaman dan pencapaian oleh seseorang individu itu. Selain itu, masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu kerana mereka mempercayai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai boleh memberi pertolongan kepada mereka. Individu lelaki masyarakat Iban gemar menghiasi badan mereka dengan cacahan tatu kerana mencontohi gambaran rupa tujuh orang menantu ketua *Petara* mereka, iaitu *Sengalang Burung*.

Berdasarkan pada pendapat informan Kenny Merdan (41), bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, mereka percaya kepada kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di alam nyata dan alam ghaib. Ini kerana mereka percaya bahawa terdapat kuasakuasa luar biasa merupakan pencipta alam nyata, alam ghaib serta penghuni alam yang merangkumi elemen benda hidup dan benda bukan hidup. Selain itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang jahat juga dikhuatiri mengganggu kehidupan sesebuah masyarakat itu sekiranya mereka tidak melakukan aktiviti perlindungan. Justeru itu, masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu bagi memperoleh perlindungan dan kekuatan daripada *Petara* mereka.

Pada zaman dahulu, iaitu sebelum kedatangan agama-agama besar seperti agama Kristian dan Islam, masyarakat Iban mengamalkan *Pengarap Lama* atau kepercayaan animisme yang lebih dikenali sebagai kepercayaan warisan. Ini kerana masyarakat Iban yang masih berpegang kepada kepercayaan warisan tersebut perlu melakukan penyembahan kepada kuasa-kuasa luar biasa dengan memberi persembahan makanan kepada kuasa luar biasa. Justeru itu, masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu yang dipercayai merupakan anugerah dan azimat daripada *Petara* bagi melindungi diri mereka daripada semangat jahat dan juga ancaman musuh.

Menurut informan Sigi Singau (72), tradisi seni tatu dihasilkan daripada kepercayaan warisan yang diamalkan oleh nenek moyang masyarakat Iban sejak turun-temurun. Kepercayaan warisan yang diamalkan oleh masyarakat Iban telah membentuk kepada unsur perlindungan, iaitu tradisi seni tatu bagi memenuhi keperluan kehidupan mereka. Selain itu, upacara mencacah tatu ini dilakukan bertujuan untuk memohon perlindungan, kekebalan, keberanian, kekayaan dan juga melambangkan simbol jati diri dalam kehidupan masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu merupakan sesuatu kegiatan yang suci dan berfungsi sebagai azimat atau pendinding bagi masyarakat Iban. Justeru itu, pada zaman dahulu, hanya beberapa golongan tertentu dan berpengalaman dalam pelbagai perkara sahaja boleh memiliki tatu. Beliau juga menjelaskan bahawa tatu tradisional masyarakat Iban tidak boleh dicacah pada badan seseorang individu yang bukan berbangsa Iban. Ini kerana apabila ia dilakukan oleh suku kaum lain, mereka dikhuatiri akan dikenakan hukuman berdasarkan hukum adat Iban. Namun begitu, peraturan tersebut tidak lagi dilaksanakan oleh masyarakat Iban pada zaman sekarang.

Menurut informan Tugang Rima (87), tradisi seni tatu merupakan sebahagian daripada cara hidup masyarakat Iban pada zaman dahulu. Golongan dewasa kebanyakannya memiliki tatu pada bahagian kepala hingga ke hujung kaki. Upacara mencacah tatu ini merupakan aktiviti suci yang menghubungkan *Petara* dengan masyarakat Iban. Antara *Petara* dan dewa yang selalu muncul membantu memberikan kekuatan kepada masyarakat Iban adalah *Sengalang Burung, Simpulang Gana, Keling, Bungai Nuing, Sempurai* dan *Lulong*. Tatu diibaratkan sebagai azimat yang diberikan oleh *Petara* dan dewa ini menjadikan masyarakat Iban mempunyai kekebalan dan keberanian semasa melakukan ekspedisi *Ngayau* (aktiviti memburu kepala musuh). Individu masyarakat Iban yang telah bermimpi bertemu dengan *Petara* ini akan dicacah dengan tatu. Ini kerana tatu merupakan

anugerah dan *Pengaroh* yang diberikan oleh *Petara* kepada mereka yang akan kekal pada badan dan dipercayai dapat memberikan kesejahteraan kepada mereka.

Asal usul tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban dipercayai berasal daripada *Orang Panggau Libau,* iaitu tempat tinggal bagi para *Petara* dan dewa-dewi masyarakat Iban. *Orang Panggau Libau* digambarkan merupakan sebuah petempatan yang mempunyai pemandangan yang amat indah dan cantik. Dalam kepercayaan masyarakat Iban pada zaman dahulu, para *petara* dan masyarakat Iban dipercayai tinggal dalam satu petempatan yang sama. Penduduk-penduduk kampung *Orang Panggau Libau* juga dipercayai mempunyai kemahiran dan kepandaian dalam mencacah tatu. Kebanyakan rumah dan juga peralatan yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka juga dihiasi dengan pelbagai motif tatu yang berunsurkan alam semula jadi seperti hidupan flora dan fauna. Mereka juga menghiasi bahagian badan mereka dengan pelbagai cacahan tatu yang menarik dan dalam kepercayaan masyarakat Iban ia lebih dikenali sebagai *Pantang.*

Para *Petara* dan masyarakat Iban pada zaman dahulu dipercayai hidup dalam keadaan yang aman dan damai sehinggalah berlakunya sesuatu konflik di antara masyarakat Iban dengan para *Petara* sehingga menyebabkan mereka berpisah. Sebelum mereka berpisah, para *Petara* telah meninggalkan beberapa objek warisan yang sakral kepada masyarakat Iban, iaitu parang *Ilang*, *Pua Kumbu* dan *Tajau*. Pada masa yang sama, masyarakat Iban juga telah mempelajari pelbagai kemahiran dalam menghasilkan seni ukiran daripada *Petara* mereka iaitu tradisi seni tatu. Para *Petara* juga berpesan kepada masyarakat Iban agar sentiasa menyeru kehadiran mereka bagi memohon pertolongan apabila ditimpa sesuatu masalah dan malapetaka.

Tradisi seni tatu juga turut memperlihatkan keberanian diri seseorang serta status seseorang tersebut dalam kelompok masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban, upacara mencacah tatu dianggap sebagai diari bagi memperingati sesuatu peristiwa yang telah berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Ini kerana pada zaman dahulu, masyarakat Iban tidak mempunyai sistem tulisan bagi mencatatkan dan menyampaikan beberapa perkara penting dalam kehidupan seharian mereka. Justeru itu, bagi masyarakat Iban, upacara mencacah tatu memudahkan mereka mereka untuk mengingati beberapa peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan mereka pada masa tersebut.

Berdasarkan kepada pendapat informan Richie Vikendall (35), masyarakat Iban pada zaman dahulu juga mencacah tatu pada badan golongan kanak-kanak yang berusia sepuluh atau sebelas tahun bagi menandakan bahawa mereka sudah dewasa dan bersedia untuk menyertai ekspedisi *Ngayau*. Tradisi *Ngayau* ini juga dilakukan bertujuan untuk melindungi mereka dari roh atau semangat jahat dan menjadikan diri mereka kebal. Secara amnya, bagi masyarakat Iban, setiap individu yang ingin mempunyai tatu perlu mempunyai motif yang khas, misalnya bagi golongan tertentu sahaja. Terdapat sesetengah motif tatu hanya boleh dicacah pada anggota badan golongan pahlawan Iban sahaja yang lebih dikenali sebagai ‘*Bujang Berani*’. Terdapat satu gelaran yang amat dikenali iaitu *Bujang Berani Kempang, Lendat Dibiau Batang Isang,* yang membawa maksud semakin banyak kepala yang dibawa balik daripada memburu, semakin banyak tatu yang akan dicacah pada badan pahlawan tersebut. Kegiatan ini dilakukan sebagai penghargaan atas sifat keberanian pahlawan tersebut semasa menentang musuh.

Penciptaan tradisi seni tatu masyarakat Iban pada zaman dahulu juga berkait rapat dengan unsur perhiasan pada diri seseorang individu. Berdasarkan kepada pendapat beliau, pada zaman dahulu, nenek moyang masyarakat Iban amat mementingkan bilangan motif tatu

yang terdapat pada badan seseorang individu dalam pemilihan bakal pasangan suami dan isteri. Bagi golongan lelaki, mereka mencacah tatu bagi menandakan diri mereka sudah menyertai ekspedisi *Ngayau* dalam misi untuk memperoleh kepala musuh bagi menandakan diri mereka layak digelar sebagai pahlawan Iban yang berani. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa tatu adalah sebagai lambang pengenalan diri kepada *Petara* sebagai seseorang individu yang berketurunan Iban. Tatu juga berperanan sebagai perhiasan untuk menarik perhatian seseorang untuk mencari pasangan hidup. Sama seperti golongan lelaki, golongan wanita Iban juga mencacah tatu pada badan adalah sebagai perhiasan diri dan juga melambangkan kemampuan mereka menjalankan tanggungjawab dan kewajipan sebagai isteri serta mempunyai kemahiran dalam menenun *Pua Kumbu* dan menari (*Ngajat*).

Menurut informan Uma Kujat (77) yang merupakan seorang *Tuai Beburung*, tradisi seni tatu adalah bermula dari satu peristiwa yang pernah berlaku pada zaman nenek moyang mereka dahulu. Peristiwa tersebut adalah pertengkaran yang berlaku antara beberapa individu masyarakat Iban yang sedang memasak semasa musim '*Nugal Di Tegalan*' iaitu semasa musim menanam padi. Semasa mereka bertengkar, salah seorang daripada mereka terkena objek tajam yang diselaputi jelaga dan telah meninggalkan kesan pada kulitnya. Kesan jelaga tersebut ialah luka dan secara tidak sengaja, dia telah memasukkan *Alung* ataupun sisa-sisa kayu yang hitam setelah dibakar serta digosok pada bahagian luka tersebut bagi mengurangkan kesakitan yang dialaminya. Setelah ia kering, kesan tersebut tidak dapat lagi dibuang dan ia dipanggil dengan istilah *Pantang* dalam bahasa Iban ataupun tatu.

Maksud perkataan *Pantang* yang lebih mendalam ialah bermaksud sesuatu perkara yang tidak boleh dilakukan lagi. Kejadian ini berlaku adalah kesan daripada peristiwa pertengkaran tersebut dan menyebabkan padi yang ditanam di huma tersebut tidak subur


pada tahun tersebut. Peristiwa ini juga merupakan sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Iban tentang asal usul tradisi seni tatu.

Menurut informan Dr Gregory Kiyai (33), tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban bermula apabila pada zaman dahulu penempatan mereka masih dalam keadaan huru-hara dan selalu berperang dengan etnik-etnik lain. Masyarakat Iban pada zaman dahulu menggelarkannya sebagai *Menua Agi Siga* iaitu penempatan yang masih liar. Bagi menakuti pihak musuh yang sering datang menyerang penempatan mereka, masyarakat Iban pada zaman dahulu menggunakan serangan psikologi iaitu mencacah tatu pada bahagian badan mereka bagi menakutkan dan menggerunkan semangat pihak musuh. Oleh itu, cacahan tatu yang dibuat pada bahagian badan golongan pahlawan Iban bagi membantu mereka menjadi lebih berani semasa berperang untuk menewaskan pihak musuh.

Kebiasaannya, motif-motif tatu yang dicacah pada bahagian badan golongan pahlawan Iban ini adalah dipengaruhi oleh *Keling Gerasi Nading*, *Laja Mirah Mua Nekang Jerenang, Simpurai, Muntigerai, Sepatu Manuk Antu*, *Sepungga Lumpung Nangga*, dan *Pandak Segatak*. Masyarakat Iban percaya bahawa dewa-dewa perang ini bertanggungjawab dalam melindungi masyarakat Iban dari ancaman pihak musuh. Berdasarkan kepada pendapat informan Dr Gregory Kiyai (33), motif-motif tatu masyarakat Iban adalah intrepretasi masyarakat Iban terhadap dewa-dewa perang dan hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran penempatan mereka yang diyakini dapat memberikan kekuatan spiritual. Ini kerana motif-motif tatu tersebut tidak boleh dihasilkan oleh sembarangan individu kerana dipercayai tatu tersebut merupakan anugerah dari *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban melalui mimpi.

Secara rumusannya, tradisi tatu mempunyai sejarah yang tersendiri dan penceritaan yang pelbagai tentang asal usulnya. Ini kerana tradisi seni tatu ini telah diamalkan oleh masyarakat Iban sejak mereka membentuk terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dan ia masih lagi diteruskan oleh generasi penerus mereka bagi melambangkan identiti serta simbol kebudayaan mereka.

4.6 Kuasa-Kuasa Luar Biasa Yang Diseru Dalam Upacara Mencacah Tatu



Rajah 4.2: Hierarki kuasa-kuasa luar biasa dalam kepercayaan masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Dalam memahami tradisi seni tatu yang terdapat dalam kebudayaan masyarakat Iban, ia berdasarkan kepada pandangan masyarakat tersebut dalam melihat dan memahami dunia yang terdiri daripada hidupan alam semula jadi melalui pemahaman serta kepercayaan mereka. Warisan budaya ketara atau tidak ketara yang wujud dalam kehidupan masyarakat Iban adalah dipengaruhi secara dominan oleh pandangan dan kepercayaan mereka terhadap dunia. Menurut informan Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), kehidupan *mensia* (merujuk kepada masyarakat Iban) adalah terikat dengan enam kuasa luar biasa iaitu *Petara* (tuhan), *Orang Panggau Libau*, dewa dewi, *Antu*, semangat dan *Tua* (roh nenek moyang).

Elemen-elemen tersebut memainkan peranan yang penting dalam menghidupkan kebudayaan masyarakat Iban dalam membentuk identiti dan jati diri mereka sebagai sebuah etnik peribumi yang besar di negeri Sarawak. Berdasarkan kepada pendapat informan Sylvester Juli (49), sebelum kedatangan agama Kristian dan Islam di negeri Sarawak, masyarakat Iban sudah mempunyai kepercayaan warisan yang tersendiri dalam memahami asal usul kejadian alam semesta.

Kepercayaan ini dikenali sebagai *pengarap lama* yang merupakan sebuah warisan yang diamalkan sejak turun-temurun oleh nenek moyang dalam amalan dan cara hidup masyarakat Iban. Kepercayaan warisan masyarakat Iban adalah dipengaruhi oleh unsur-unsur animisme iaitu kepercayaan terhadap alam semula jadi yang mempunyai roh dan semangat dan dinamisme iaitu kepercayaan terhadap objek yang yang dirasakan mempunyai kuasa luar biasa. Masyarakat Iban percaya bahawa semua benda hidup dan bukan hidup mempunyai semangat seperti sungai, gunung dan pokok. Selain itu, mereka juga mempercayai kewujudan entiti-entiti ghaib yang tinggal bersama dengan mereka dan mempunyai kuasa yang luar biasa.

Menurut informan Uma Kujat (77), pengetahuan masyarakat Iban terhadap alam ghaib telah diceritakan secara bergenerasi daripada nenek moyang mereka dalam tradisi lisan seperti *sampi, Sabak Bebuah, Jerita Tuai, Ensera Iban,* dan *Leka Main Iban*. Mereka percaya bahawa pada zaman dahulu, masyarakat Iban tinggal bersama-sama dengan kuasa-kuasa luar biasa mereka dan mampu melihat kewujudan antara satu sama lain. Masyarakat Iban tinggal di sebuah rumah panjang di Tembawai Tampun Juah yang diketuai oleh *Apai Keling* iaitu *Gemuring Gading*. Namun begitu, selepas kematian *Apai Keling*, masyarakat Iban mempunyai konflik dengan *Orang Panggau Libau* dan dewa-dewi, terutamanya dengan sikap Dewa *Bungai Nuing* yang pemarah dan ganas. Sikap *Dewa Bungai Nuing* yang

pemarah dan ganas ini menyebabkan masyarakat Iban berpecah dengan *Orang Panggau Libau* dan dewa-dewi serta tidak dapat melihat kewujudan mereka lagi. Berdasarkan kepada pendapat informan Unsa Meringai (68), walaupun konflik tersebut telah menyebabkan berlakunya perpisahan yang nyata, namun interaksi di antara masyarakat Iban dengan kuasakuasa luar biasa mereka masih lagi berterusan melalui amalan tradisi budaya dan penggunaan objek-objek sakral untuk berkomunikasi. Kuasa-kuasa luar biasa juga turut menjelmakan diri mereka dalam mimpi masyarakat Iban untuk menyampaikan pesanan dan memberikan perintah untuk melakukan sesuatu perkara.

4.6.1 *Petara* (Tuhan)

Masyarakat Iban percaya bahawa terdapat banyak *Petara* atau tuhan di dunia ini. *Petara* dipercayai memiliki segala kesempurnaan, keghaiban yang tertinggi dan mempunyai kuasa yang luar biasa. Dalam kosmologi masyarakat Iban, sesetengah tuhan itu dikatakan menjelma melalui roh nenek moyang masyarakat Iban. Menurut kepercayaan masyarakat Iban, *Petara* adalah sesuatu kuasa ghaib yang wujud di dunia ini. *Petara* dipercayai boleh menjelma dalam kehidupan manusia, sama ada menerusi mimpi manusia atau melalui petanda-petanda yang disampaikan oleh benda hidup, seperti haiwan, burung dan serangga ataupun melalui fenomena alam semula jadi. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban juga percaya bahawa *Antu* (hantu) juga digunakan untuk merujuk kepada *Petara* mereka. Bagi masyarakat Iban pada zaman dahulu, *Antu* dan *Petara* merujuk kepada perkara yang sama. Ini kerana segala bentuk kuasa ghaib yang boleh memberikan pertolongan kepada manusia disebut *Petara*.

Petara dipercayai sentiasa membantu manusia dalam banyak perkara dalam kehidupan seharian. Masyarakat Iban menganggap *Petara* sebagai sesuatu yang kudus, suci, memiliki sifat yang sempurna dan penyayang kepada manusia. Bagi masyarakat Iban, *Petara*

merupakan tuhan yang berlainan daripada dewa dewi, *Antu*, semangat baik dan johat serta roh nenek moyang. Ini kerana *Petara* sentiasa menolong manusia dengan memberikan kekayaan, kesejahteraan, kesempurnaan dan keselamatan di bumi. *Petara* dikatakan tidak suka memarahi dan menghukum manusia, tetapi dewa-dewi, *Antu* dan semangat boleh mendatangkan malapetaka serta mengancam kehidupan manusia.

Masyarakat Iban juga mempercayai kewujudan *petara* di dunia kayangan yang memiliki kuasa luar biasa. Mereka dikenali sebagai *Orang Panggau Libau* dan mereka dikenali sebagai dewa dewi yang terdiri daripada *Keling* dan *Kumang*. Masyarakat Iban masih mempercayai kewujudan *Petara* ini sehingga sekarang. Selain *Orang Panggau Libau*, masyarakat Iban juga percaya kepada kewujudan *Petara* lain, iaitu *Lang Sengalang Burung* (tuhan peperangan), *Simpulang Gana* (tuhan pertanian), dan *Selampandai* (tuhan pencipta manusia).

Pada dasarnya, masyarakat Iban mempunyai kepercayaan terhadap pelbagai tuhan atau *Petara*. Antaranya ialah *Keling, Kumang, Sempurai, Laja, Tutong, Kelinah* atau *Indai Abang, Lulong* dan *Orang Panggau Libau* yang lain. Masyarakat Iban juga percaya kepada kewujudan pelbagai kuasa luar biasa yang lain, seperti dewa dewi, *Antu*, semangat dan roh nenek moyang. Pada zaman dahulu, *Petara-Petara* dari *Orang Panggau Libau* dikatakan hidup bersama-sama masyarakat Iban di alam nyata dan selalu berhubung dengan mereka, lebih-lebih lagi semasa perayaan *Gawai*. *Orang Panggau Libau* merupakan *Petara* yang sentiasa menolong manusia dalam banyak perkara. Oleh kerana masyarakat Iban terlalu memuja *Orang Panggau Libau,* ramai dalam kalangan mereka telah menamakan anak mereka dengan nama *Petara-Petara* tersebut. Misalnya, dengan nama *Kumang, Keling, Pungga, Bungai Nuing, Laja* atau *Lulong*.

Perbuatan ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati kerana para dewa-dewi tidak suka nama mereka dipinjam oleh masyarakat Iban. Oleh sebab itu, sebagai tanda pemisahan masyarakat Iban dengan *Orang Panggau Libau*, maka seorang *Petara*, iaitu *Simpurai Muntigrai Lancaham Disimbang* atau lebih dikenali sebagai *Bungai Nuing*, telah membengkokkan sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai pokok *Ubah* di sebuah bukit di daerah Lubok Antu, Sri Aman, Sarawak. Oleh itu, sehingga ke hari ini, bukit itu dikenali sebagai Bukit Ubah Melepi. Sesetengah *Petara* pula dipercayai akan menjelma dalam kehidupan manusia melalui mimpi dan di alam nyata melalui pemberian *pengaroh* atau petanda lain yang disampaikan menerusi benda hidup seperti haiwan, burung, serangga atau tumbuh-tumbuhan kepada masyarakat Iban. Antara *Petara* yang terpenting dalam kepercayaan masyarakat Iban ialah *Lang Sengalang Burung, Simpulang Gana, Selampandai* dan *Orang Panggau Libau*.

Satu perkara yang unik dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban ialah mereka percaya bahawa setiap aspek hidup masyarakat Iban dikuasai oleh tuhan tertentu yang perlu dipuja dan diseru apabila mereka memerlukan pertolongan dan keizinan untuk melakukan sesuatu. *Petara* juga dipercayai memberikan arahan kepada masyarakat Iban samaada dalam bentuk suruhan atau dalam bentuk ugutan. Masyarakat Iban perlu mengadakan ritual-ritual tertentu bagi mencapai hubungan yang harmoni dengan *Petara*. *Petara* juga dipercayai memberikan kuasa luar biasa tertentu kepada manusia, haiwan, serangga, burung dan tumbuh-tumbuhan. Oleh itu, apabila individu masyarakat Iban membuat tatu berdasarkan unsur-unsur alam, mereka perlu mengadakan ritual *Miring* bagi memohon keizinan kuasa luar biasa tersebut supaya mereka diberkati dan tidak diganggu oleh kuasa luar biasa jahat tersebut.

4.6.1.1 *Lang Sengalang Burung*

Lang Sengalang Burung merupakan tuhan penghuni langit yang membantu manusia agar menjadi sihat, kaya raya, mendapat banyak harta dan memperoleh hasil tauian padi yang berkualiti. Selain itu, *Lang Sengalang Burung* juga dikenali sebagai *Lang Perintik Baruh Rekong Lang Sengalang Burung* yang bermaksud *Lang Sengalang Burung* yang bulu badannya berbintik-bintik dan berwarna-warni. Nama lain untuk *Sengalang Burung* adalah *Bidul Linggar Nachar Di Senggal Gelumbang Besabung, Jugu Menaul Tuntung*.

Semasa peperangan, pahlawan Iban akan dilindungi oleh *Petara* ini dan *Munsuh Menua Ia Di Tuchong Sandong Besinggang Di Tatai Redai Isang* yang bermaksud pahlawan Iban tidak akan mati di medan perang dan semua musuh mereka berada di hujung parang ilang atau berjaya dipenggal semua kepala mereka dengan bantuan *Lang Sengalang Burung*. Golongan lelaki masyarakat Iban dipercayai mencacah tatu pada badan mereka kerana mencontohi ketua *petara* mereka iaitu *Lang Sengalang Burung*.

Masyarakat Iban yang melakukan upacara gawai yang dinamakan *Gawai Kenyalang* yang bertujuan untuk memohon bantuan dan pertolongan dari *Petara Lang Sengalang Burung* untuk mendapat habuan kepala musuh yang banyak dan memohon agar tidak terkena sumpahan oleh keluarga musuh yang terkorban itu. Selain itu, *Gawai Kenyalang* juga dilakukan untuk menjaga keselamatan masyarakat Iban, mengekalkan kesuburan tanah pertanian, menjaga kesejahteraan, keharmonian, dan kesihatan pahlawan Iban supaya dipanjangkan usia dan dimurahkan rezeki. Selain itu, masyarakat Iban juga percaya bahawa pada zaman dahulu keluarga *Sengalang Burung* serta keluarga dari *Orang Panggau Libau* dan *Gelong* tinggal di sebuah kampung yang bernama Kampung *Nanga Nuyan*. Setiap keluarga mereka tinggal di bahagian-bahagian kampung yang berasingan antara satu sama lain. Apabila kampung mereka berpecah, *Sengalang Burung* membawa keluarganya tinggal

di tempat baru di langit, iaitu *Tansang Kenyalang.* Keluarga *Keling* dan keluarga *Tutong* pula tinggal di bahagian bumi di kawasan Ketungau, Kalimantan Barat, Indonesia. *Keling* menjadi ketua di rumah panjangnya di *Panggau Libau*, sementara *Tutong*, sepupu *Keling*, menjadi ketua di *Gelong*.

Lang Sengalang Burung merupakan cucu kepada *Raja Durong* dan anak kepada *Raja Jembu* dan mempunyai enam orang adik beradik yang terdiri daripada *Raja Menjaya, Raja Simpulang Gana, Biku Bunsu Petara, Raja Selampandai, Anda Mara,* atau *Ganggang Gunggong* dan *Ini Inda* atau *Ini Inee*. *Lang Sengalang Burung* mempunyai seorang isteri, iaitu *Burung Dara Sentaba Balun Kupak Sendai Lawai Pantak Jirak*, tujuh orang anak perempuan, seorang anak lelaki serta lapan orang menantu. Anak-anak kepada *Sengalang Burung* terdiri daripada *Endu Dara Tichin Temaga, Endu Langgu Ketunsong Ngembai, Endu Kechapah Dulang Midong, Endu Bentok Tichin Pengabas, Endu Kechapang Dulang Mas, Endu Mua Puchong Pengabas, Endu Dara Chempaka Tempurong Alang* dan *Ajee*. Seterusnya, menantu kepada *Sengalang Burung* adalah terdiri daripada burung *Ketupong, Beragai, Embuas, Pangkas, Kikih, Papau, Nendak* dan *Endu Lileh Sintong Benih*, iaitu anak *kepada Simpulang Gana.* Semua burung ini mempunyai peranan yang tertentu.

4.6.1.2 *Simpulang Gana*

Pulang Gana atau *Simpulang Gana* adalah merupakan tuhan bumi. *Petara* ini mempunyai seorang isteri iaitu, *Endu Senterum Tanah Tumbuh Dayang Kemelang Tanggi Buluh.* Tuhan ini menjaga kesuburan tanah pertanian untuk tujuan kegiatan penanaman padi dan dikatakan telah memberi tanah bertuah kepada masyarakat Iban. Ia bertujuan supaya mereka memperoleh hasil tanaman yang lumayan, contohnya, hasil padi bukit ataupun padi paya, getah, lada dan koko.

Bagi masyarakat Iban, *Petara* yang paling penting adalah *Simpulang Gana* kerana telah mengurniakan tanah bertuah sebagai tapak untuk membina rumah panjang dan agar mereka dimurahkan rezeki, kaya-raya, panjang umur, hidup harmoni, dan memperoleh kesejahteraan selamanya. Masyarakat Iban berusaha menjaga hubungan baik antara mereka dengan *Petara Simpulang Gana* supaya mereka sentiasa diberkati, diberikan kesihatan yang baik dan dikurniakan hasil tuaian padi yang lumayan.

Selain itu, *Petara* ini dikatakan membantu masyarakat Iban dalam kegiatan penanaman padi, iaitu menjaga keselamatan dan keseimbangan bumi serta mengurniakan kesuburan tanah pertanian supaya penghuni bumi menerima hasi tuaian padi yang lumayan setiap tahun. Oleh sebab itu, sekiranya masyarakat Iban memerlukan kesuburan padi semasa berhuma, maka mereka perlu memohon kepada *Simpulang Gana* dalam ritual *miring* agar datang membawa *Sengkenyang* (sejenis tumbuhan sakral yang digunakan oleh masyarakat Iban semasa menanam padi bukit) supaya hasil padi mereka lumayan.

Simpulang Gana juga dikenali sebagai *Tuai Pengintu Umai, Pengibun Taun, Pulang Gana Biak Pematak Maia Nurun* yang bermaksud *Simpulang Gana* ialah raja yang menjaga kesuburan tanah untuk kegiatan pertanian, menjaga tanaman padi sepanjang tahun, dan menjadi pendorong utama kepada manusia untuk mengerjakan sawah mereka dengan lebih gigih. Tempat tinggal *Simpulang Gana* ialah di *Munggu Gulu Sengkenyang Urat Tatai Redai Isang*, iaitu sejenis tumbuhan sakral khas yang digunakan semasa menanam padi bukit dan *Pandong* (tempat pemujaan utama yang dibalut dengan lima hingga enam helai *pua kumbu*) yang sakral serta dipuja semasa *Gawai Batu* dan *Gawai* pertanian. Semasa ritual *Gawai* batu atau *Gawai Umai* dan ritual *Miring*, masyarakat Iban akan menyeru *Simpulang Gana* untuk turut serta dalam membantu memberi segala kesempurnaan dan memakbulkan permintaan yang dipohon oleh mereka.

4.6.1.3 *Selampandai*

Petara yang menciptakan lebih dikenali dengan pelbagai nama iaitu *Selampandai Ngulai* (mencampurkan), *Selempeta Ngaga* (menciptakan) dan *Selempatoh Ngamboh* (menempa logam). *Petara* ini merupakan tuhan yang menciptakan perkara yang dimiliki oleh masyarakat Iban termasuklah bentuk badan masyarakat Iban sendiri.

Menurut informan Tugang Rima (87), semasa wanita Iban sedang mengandung, bentuk badan dan jantina bayi yang berada dalam kandungannya sudah dicipta oleh *Selampandai* di *Dunya Petara*. Oleh itu, wanita Iban yang mengandung sering mendengar bunyi yang kuat seperti pukulan logam kerana ia dipercayai ditempa oleh *Petara Selampandai*. Masyarakat Iban percaya bahawa *Petara Selampandai* menciptakan badan bayi dalam sebuah dulang serta memberikannya kekuatan dan sifat keperibadian yang tinggi, keistimewaan, keberanian, dan kerajinan bagi menjamin kehidupan bayi tersebut pada masa hadapan. Informan Tugang Rima (87) juga menyatakan bahawa *Petara Selampandai* juga berperanan untuk menentukan jangka hayat masyarakat Iban di dunia. Keturunan dalam sesebuah keluarga dalam masyarakat Iban juga telah ditentukan oleh *Petara Selampandai* sebelum mereka lahir ke dunia.

4.6.1.4 *Raja Menjaya*

Raja Menjaya merupakan tuhan yang penting dalam perubatan tradisional masyarakat Iban. Ia lebih dikenali dengan *Belian* menggunakan ensumbar (gelaran) *Manang Langgong Ngembuan Puchong Penyangga Nyawa* selepas *dani nyadi manang* iaitu ritual tertinggi dalam adat istiadat bomoh masyarakat Iban. Menurut informan Unsa Meringai (68), kisah *Raja Menjaya* seperti yang diceritakan dalam tradisi lisan masyarakat Iban bermula apabila *Raja Jembu* mula memberikan kuasa langit kepada tujuh orang puterinya.

Seorang puterinya iaitu *Andan* telah menerima sebuah kotak yang selalu digunakan oleh *Manang* (bomoh) iaitu *Lupong Manang* yang mempunyai pelbagai jenis penawar untuk segala penyakit di dunia manusia. Kisah ini berlaku semasa *Petara* masih lagi hidup bersama dengan masyarakat Iban sebelum mereka berpisah. Tidak lama selepas *Lang Sengalang Burung* menikah dengan isterinya iaitu *Endu Endat Baku Kansat*, isterinya mengalami penyakit yang misteri dan membimbangkan *Lang Sengalang Burung*. Namun begitu, *Lang Sengalang Burung* teringat akan adiknya *Andan* yang memiliki kotak *lupong manang* dan memanggilnya yang tinggal di Bukit Rabong. Bukit Rabong merupakan sebuah tempat khas bagi *Manang* untuk menyembuhkan isterinya. *Andan* telah datang dan menyembuhkan kakak iparnya, lalu memberitahu abangnya bahawa dia dan penghuni-penghuni yang mendiami rumah panjang harus mempunyai seorang manang untuk menjaga keselamatan mereka pada suatu masa nanti. *Lang Sengalang Burung* memujuk dan meyakinkan adik lelakinya iaitu *Menjaya* menjadi *Manang Bali*. *Manang Bali* merupakan pangkat bomoh yang tertinggi dalam status sosial masyarakat Iban yang hanya diberikan kepada golongan wanita sahaja.

Atas kepentingan penghuni lain di rumah panjang, persetujuan tersebut dibuat dan diuruskan oleh *Andan* dengan melakukan ritual *Manang Bali* iaitu upacara transisi bomoh lelaki menjadi bomoh wanita untuk mencapai status bomoh tertinggi di Bukit Rabong. *Raja Menjaya* telah dibawa ke Bukit Rabong dan hidup sebagai seorang wanita yang dikenali dengan nama *Ini Andan*. Peristiwa ini telah diceritakan secara bergenerasi dalam tradisi lisan masyarakat Iban dan mereka menganggap Bukit Rabong sebagai sebuah tempat yang suci.

Manang Bali dianggap sebagai bomoh penyembuhan yang hebat dalam perubatan tradisonal masyarakat Iban kerana mempunyai keupayaan yang bersifat melindungi nyawa manusia

serta memiliki azimat *Menjaya Manang Raja* iaitu azimat *Penyangga Nyawa* (mengawal nyawa manusia).

4.6.1.5 *Ini Andan*

Menurut informan Tugang Rima (87), *Ini Andan* merupakan adik yang kedua bongsu kepada *Sengalang Burung*. Beliau menguasai elemen cuaca untuk dunia ini. Beliau menguasai elemen cuaca seperti ribut, hujan, panas, kemarau untuk muka bumi ini. Selain itu, beliau juga menjadi tempat untuk masyarakat Iban memohon cuaca yang baik untuk kegiatan pertanian pada masa dahulu. Menurut informan Sigi Singau (72), sekiranya musim kemarau berpanjangan dan hujan yang tidak turun serta tanaman yang diusahakan hampir musnah, maka masyarakat Iban melaksanakan ritual *Miring* yang dikenali sebagai *Bepinta Ari* atau *Minta Ari*. Mereka akan memohon kepada *Ini Andan* agar menurunkan hujan kepada mereka dan permintaan mereka termakbul.

4.6.1.6 *Andan Mara*

Berdasarkan kepada pendapat informan Boy Skrang (48), *Anda Mara* juga merupakan adik *Sengalang Burung* yang kelima yang berkuasa dalam memberikan kekayaan kepada manusia. Tugasnya hampir sama dengan tuhan kekayaan masyarakat Cina yang berkuasa menentukan rezeki seseorang manusia di dunia. Semasa perayaan *Gawai* tuah ataupun dalam bahasa Iban Undop dipanggil *Nampun*, *Anda Mara* akan dipanggil untuk *Ngabang* dalam ritual *Gawai* tersebut. *Pengap* ataupun mantera suci akan dideklamasikan oleh orang yang mahir, iaitu para *Lemambang* selama dua hari dua malam. *Anda Mara* yang dipanggil atau diseru melalui mantera ini akan memberikan manusia *Ubat Kaya Raja, Jempulai Ubat Pengembai* yang akan menyebabkan mereka menjadi orang yang kaya.

4.6.1.7 *Raja Biku Bunsu Petara*

Menurut informan Uma Kujat (77), *Pantan Inan Raja Jegia* ataupun *Raja Biku Bunsu Petara* merupakan adik ketiga daripada tujuh orang adik-beradik *Sengalang Burung*. Beliau adalah ketua segala *Petara* yang memberikan keselesaan kepada manusia. Semasa ritual *Nimang Pantar, Lemambang* akan membacakan mantera yang suci untuk menyeru agar *Biku Bunsu Petara* memberikan *Pantar untuk* para *Petara* duduk ritual *Gawai.*

Pantar yang diberikan oleh *Biku Bunsu Petara* bukan sembarangan tetapi *Pantar* bertatah *Bangkang* dan emas yang dipercayai akan menyebabkan orang melakukan ritual *Gawai* itu kaya raya dan murah rezeki. Tempat kediaman *Biku Bunsu Petara* adalah di Sungai Rangki *Nyabung Ili Tansang Kenyalang, Sungai Kusai Rawai Nyambung Ke Tatai Sikup Bengkang.*

4.6.1.8 *Orang Panggau Libau*

Menurut informan Unsa Meringai (68), *Orang Panggau Libau* ialah *petara* yang memiliki kuasa sakti yang amat luar biasa. *Petara* ini dikatakan memiliki *Cincin Pengajih (Petara Ti Tau Ajih),* iaitu cincin tembaga sakti yang boleh memenuhi segala bentuk keperluan hidup masyarakat Iban. Sekiranya berlaku musim kebuluran dalam masyarakat Iban dan mereka ditakdirkan bertemu dengan *Orang Panggau Libau* dalam mimpi, maka dipercayai akan memperoleh banyak sumber padi dan beras. *Gelong Batu Benang* merupakan sebuah jajahan *Orang Panggau Libau. Panggau Libau* memiliki gelaran iaitu *Orang Panggau Libau Lendat Bebiau Takang Isang Melawa Lama Bunyi Ke Berimba Bong Nebang* yang bermaksud *Orang Panggau Libau* adalah tempat yang dihuni oleh semua *Petara* yang berkuasa.

Petara-Petara dalam kalangan *Orang Panggau Libau* dikatakan tinggal di dunia kayangan di sepanjang tujuh teluk, tujuh sungai, tujuh gunung dan tujuh laut. *Orang Panggau Libau* merupakan *Petara* yang penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Mereka terdiri daripada *Keling Manok Biring Sempidan Arang, Jawai Ensegai Dayang Kumang, Lemok Lulong Bintang, Endu Dara Kelinah atau Indai Abang, Laja Lau Moa Penyampu Leka Balang Berang, Simpulang Muntigrai Lancham Disimbang (Bungai Nuing), Pungga Digelar Bujang Puntang Medang, Renggan Melaban Mipau Undang, Sanggol Labong, Duat Igat Surong Kempat, Ngelai Pau Tuai Orang Meligai Pungga Pungkang, Tutop Ulop Demong, Laing, Indai Keling, Bujang Tuai* dan *Kumpang Pali Teras Penguji*.

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban dipercayai dapat berjumpa dengan *Orang Panggau Libau*, khasnya semasa upacara *Gawai* (*Beambi Ngabang*). Ini kerana mereka boleh wujud di alam nyata seperti manusia. Tetapi, akibat beberapa faktor tertentu, maka masyarakat Iban tidak dapat berjumpa lagi dengan mereka sehingga ke hari ini. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *Orang Panggau Libau* menduduki tingkat keghaiban yang tinggi dalam hierarki alam ghaib. Selain itu, *Orang Panggau Libau* bukan sahaja tergolong dalam kalangan pahlawan-pahlawan yang agung, malah mempunyai kuasa sakti yang amat luar biasa dan tidak dapat ditandingi oleh manusia biasa di bumi ini. Bagi masyarakat Iban hanya boleh berhubung dengan kuasa-kuasa luar biasa seperti *Orang Panggau Libau* melalui ritual besar-besaran yang lengkap seperti ritual *Miring* dalam *Gawai*, ataupun melalui arahan *Orang Panggau Libau* yang diperturunkan melalui mimpi manusia.

Orang Panggau Libau dikatakan *petara* yang amat baik dan banyak membantu manusia dalam pelbagai perkara. Masyarakat Iban percaya bahawa apabila mereka bertemu dengan *Orang Panggau Libau* dalam mimpi, maka mereka akan beroleh kesenangan, kesejahteraan, kekebalan, dan kekayaan sepanjang hayat atau sepanjang keturunan mereka

di muka bumi ini. *Orang Panggau Libau* ialah *Petara* dari dunia kayangan yang tidak boleh mati. Walaupun *Orang Panggau Libau* mempunyai tahap kekebalan yang luar biasa, namun *Petara* tersebut juga boleh berada dalam keadaan yang berbahaya jika terkena tikaman sumbok bemban batu, iaitu sejenis tumbuhan bemban untuk membuat anyaman tikar. Ini kerana dikhuatiri *Orang Panggau Libau* tidak akan datang untuk membantu mereka mendapatkan segala hajat yang dipohon menerusi ritual *Miring* yang dilakukan dalam perayaan *Gawai* tersebut.

4.6.2 Dewa-Dewi

Dalam budaya masyarakat Iban, dewa-dewi terdiri daripada *Keling*, *Kumang*, *Laja, Bungai Nuing*, *Aki Ungkok*, *Bongsu Langit*, *Bongsu Bintang*, *Bongsu Matahari*, *Bongsu Ribut*, *Bintang Banyak*, *Bintang Tiga*, *Bongsu Ribai (Raja Buaya*, *Meni*, *Endu Segadu*, *Beji*, dan *Telanjing*. Pada asalnya, dewa-dewi dipercayai tinggal di langit, bumi dan di dalam air. Bagi masyarakat Iban, dewa dewi merupakan makhluk-makhluk ghaib yang mempunyai kuasa luar biasa. Mereka dikatakan berkuasa terhadap alam dan manusia dan menjadi pujaan manusia. Masyarakat Iban memuja dewa-dewi tersebut atas beberapa sebab tertentu. Yang pertama, dewa dewi memiliki kuasa luar biasa dan manusia dikatakan bertuah jika sering menerima arahan mereka untuk melakukan sesuatu perkara dengan tujuan kebaikan dan mendapat *Pengaroh* daripada mereka. Yang kedua ialah kerana dewa-dewi sentiasa membantu manusia dalam banyak perkara dan mereka mempunyai paras rupa yang tampan dan cantik.

4.6.2.1 *Keling*

Menurut informan Tugang Rima (87), *Keling* merupakan dewa perang dalam kepercayaan masyarakat Iban yang menjadi ketua di *Panggau Libau*. *Keling* juga digambarkan sebagai seorang lelaki Iban yang memiliki paras rupa yang tampan, berbadan tegap dan mempunyai kuasa sakti yang diperolehinya daripada *Petara Ini Andan*. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, individu yang dibantu oleh dewa *Keling* melalui mimpi merupakan insan yang bertuah kerana *Keling* mempunyai keberanian dan kekuatan yang luar biasa. Selain itu, golongan manusia yang dibantu oleh *Keling* dipercayai selalu memperolehi kemenangan dalam peperangan dan diangkat darjatnya sebagai *Tuai Kayau* (panglima perang).

4.6.2.2 *Kumang*

Menurut informan Bajut Puguan (68), *Kumang* merupakan isteri kepada dewa *Keling* yang berasal dari sebuah tempat iaitu *Gelong Batu Nakong*. *Kumang* digambarkan sebagai seorang perempuan Iban yang memiliki paras rupa yang cantik, sopan santun, lemah lembut, dan mahir dalam menenun *Pua Kumbu*. Pada zaman dahulu, sebelum berkahwin dengan *Keling*, *Kumang* mempelajari menenun *Pua Kumbu* daripada seorang golongan pakar iaitu *Indai Abang* bersama-sama dengan sepupunya iaitu *Lulong*. Menurut Bajut Puguan (68), *Kumang* memiliki hati yang cepat tersentuh dengan masyarakat Iban. Oleh itu, setiap masyarakat Iban yang dibantu oleh beliau akan menjadi pandai dan mahir terutamanya golongan wanita Iban yang sedang belajar untuk menenun *Pua Kumbu*. Dewi *Kumang* telah memberikan azimat motif tatu *Pala Tumpa* sebagai tanda perlindungan kepada golongan penenun masyarakat Iban Manakala bagi golongan lelaki masyarakat Iban yang memohon pertolongan daripada Dewi *Kumang* akan dikurniakan kemenangan kepada mereka dalam ekspedisi *ngayau* (memburu kepala musuh).

4.6.2.3 *Laja*

Selepas *Petara* dan dewa dewi berpisah dengan masyarakat Iban di *Tembawai Tampun Juah*, mereka telah berpindah ke *Panggau Libau* dan *Laja* iaitu sepupu kepada *Keling* telah dilantik sebagai ketua rumah panjang yang baharu. *Laja* atau lebih dikenali sebagai *Laja Lau Moa Penyapu Leka Balang Berang, Laja Sigat Serangkap Panau Jarang, Laja Batik Kelandik Kaban Dayang,* dan *Laja Linga Tinggi Burung Merabung Kajang*. Menurut informan Datuk Sri Edmund Langgu Saga (87), *Laja* merupakan ayam tambatan kepada *Keling* dan memiliki paras rupa yang tampan dan berbadan sasa.

Laja memiliki tanda lahir pada bahagian belakangnya yang berbentuk bulat dan besar semenjak kelahirannya sehingga ia digelar sebagai *Serangkap Panau Jarang* (sebuah tanda yang besar). Sikapnya yang rendah diri dan memiliki kemahiran yang tangkas serta berani dalam peperangan membuatkan dirinya selalu dilihat sebagai seseorang individu yang penting selepas *Dewa Keling Gerasi Nading, Bujang Berani Kempang* di *Panggau Libau*.

Laja dipercayai amat rapat dengan *Keling* sehingga selalu mengikuti kemana-mana sahaja beliau pergi. Menurut informan Tugang Rima (87), Laja merupakan anak kepada *Sang Gima* iaitu adik kepada bapa *Keling*, *Gemuring Gading*. *Laja* dipercayai telah berkahwin dengan sepupu *Kumang* yang berasal dari *Gelong Batu Nakong* iaitu *Lulong.* Masyarakat Iban juga percaya bahawa *Laja* selalu datang ke dunia manusia untuk membantu masyarakat Iban kerana sifatnya yang mengasihani dan mengambil berat seperti Dewa *Keling.* Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *Laja* akan mendatangi mereka melalui mimpi dan akan memberikan azimat yang berguna kepada kehidupan masyarakat Iban untuk tujuan perlindungan, pertolongan dan kesejahteraan.

4.6.2.4 *Bungai Nuing*

Bungai Nuing merupakan dewa yang berpengaruh dalam sejarah tradisi seni tatu masyarakat Iban. Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51), *Bungai Nuing* yang memiliki gelaran *Manok Biring Disabong Mali Lenyang*, memiliki sifat yang panas baran, kasar, pemarah dan mempunyai gigi yang tajam. *Bungai Nuing* juga digambarkan sangat kuat dan mahir dalam teknik peperangan sama seperti *Keling* dan *Laja*. Beliau juga selalu berada di barisan hadapan apabila berlaku sesuatu peperangan dan sering menewaskan pihak musuh semasa ekspedisi *Ngayau*.

Berdasarkan kepada cerita rakyat di Ulu Katibas, Song seperti yang diceritakan oleh Sylvester Juli (49), beliau menceritakan pada zaman dahulu di kawasan Ulu Katibas, terdapat *Remaung* (manusia berbadan harimau) yang suka menangkap manusia untuk dijadikan makanan. Setiap manusia yang ditangkapnya akan diheret ke dalam sebuah lubang batu dan memamakan mangsanya. Oleh kerana ketakutan dan kerisauan dijadikan korban kepada *Remaung*, masyarakat Iban di Sungai Katibas telah meminta bantuan daripada *Bungai Nuing* di *Panggau Libau*. Apabila mendengar pemintaan daripada masyarakat Iban, *Bungai Nuing* telah turun ke dunia manusia dan telah bertarung dengan *Remaung*.

Pertarungan tersebut telah berlaku selama tiga hari tiga malam tanpa henti sehinggakan kedua-dua belah pihak tidak menemukan kemenangan. Apabila *Bungai Nuing* menyedari hakikat yang *Remaung* sukar untuk ditewaskan dalam pertempuran, maka *Bungai Nuing* mendapat idea iaitu dengan pura-pura mengalah dan meninggalkan tempat tersebut. Namun begitu, *Bungai Nuing* telah bersebunyi di sebalik batu dan menunggu *Remaung* masuk semula ke dalam lubang batu. Setelah *Remaung* masuk semula ke dalam lubang batu, *Bungai Nuing* dengan pantas telah mengepal batu di sekitar Sungai Katibas menjadi seperti bebola dan terus menyumbatnya ke dalam lubang batu tersebut. *Remaung* telah terperangkap

dan kelaparan dalam lubang batu tersebut kerana tidak dapat keluar mencari makanan. Berita tersebut mengembirakan masyarakat Iban kerana mereka tidak perlu hidup dengan rasa kerisauan dan ketakutan terhadap ancaman *Remaung*. Pada zaman sekarang, lubang batu yang dipercayai tempat tinggal *Remaung* tersebut masih lagi wujud di Sungai Katibas dan lebih dikenali sebagai *Batu Gong*. Kawasan tersebut juga dipercayai merupakan sebuah tempat keramat bagi masyarakat Iban yang tinggal berdekatan dengan kawasan tersebut. Masyarakat Iban yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan akan melakukan upacara ritual *miring* di kawasan tersebut pada setiap tahun bagi memohon keberkatan daripada *Petara* dan dewa-dewi di *Panggau Libau.*

4.6.3 *Antu*

Bagi masyarakat Iban, konsep *Antu* atau hantu merujuk kepada makhluk-makhluk ghaib yang memiliki semangat yang jahat dan semangat yang baik. *Antu* yang baik dipercayai sentiasa menolong manusia, manakala *antu* yang jahat sentiasa menganggu dan menakutkan manusia. Masyarakat Iban juga percaya bahawa antu terdiri daripada pelbagai jenis, antaranya ialah *Antu Gerasi*, *Antu Kamba*, *Antu Amat* dan *Antu Tinggi*. Kebanyakan *Antu* dikatakan boleh menolong manusia dalam kepercayaan masyarakat Iban.

Menurut informan Sigi Singau (72), terdapat beberapa cara *Antu* menolong masyarakat Iban, seperti memberikan *Pengaroh* kepada manusia, kebiasaannya menerusi mimpi, membalingkan ranting kayu atau batu dan *Dulang Nakar* kepada manusia. Kebiasaannya, apabila *Antu* berkomunikasi dengan manusia, hanya suaranya sahaja yang didengari dan jasadnya tidak kelihatan pada pandangan manusia. Suara tersebut pula seolah-olah memberi sesuatu arahan untuk membantu manusia dalam sesuatu perkara. Selain itu, *Antu* juga membantu manusia dengan cara memilih individu yang tertentu dengan memberi arahan kepada mereka supaya menjadi seorang individu yang bijak, berani, sihat, kuat, kaya

dan mempunyai usia yang panjang. Walaupun *Antu* boleh menolong manusia, namun *Antu* juga boleh mendatangkan kesusahan kepada manusia.

4.6.4 *Samengat*/Semangat

Samengat (semangat) ialah unsur-unsur ghaib yang baik dan jahat pada manusia, *Antu*, haiwan, tumbuh-tumbuhan, burung, serangga dan juga fenomena alam semula jadi yang lain. Masyarakat Iban dipercayai boleh mendapatkan *Pengaroh* daripada semangat ahli keluarga yang sudah meninggal dunia. Bagi masyarakat Iban, semangat tersebut merupakan semangat yang baik dan boleh membantu manusia dalam pelbagai perkara.

Selain itu, semangat haiwan, serangga dan tumbuh-tumbuhan juga boleh menolong manusia. Apabila semangat yang baik dipercayai boleh membantu manusia dalam banyak perkara, semangat yang jahat pula boleh mendatangkan keburukan kepada mereka. Semangat-semangat tersebut terdapat pada manusia, antu, iaitu seperti *Antu Gerasi*, haiwan, tumbuh-tumbuhan, burung dan serangga. Dalam masyarakat Iban, semangat-semangat yang baik tersebut dipohon daripada *Petara* atau kuasa-kuasa luar biasa lain menerusi ritual-ritual tertentu untuk diserapkan sebagai motif-motif tatu. Oleh itu, semangat-semangat juga terdapat pada motif tatu yang terdiri daripada unsur-unsur alam semula jadi.

Menurut informan Kenny Merdan (41), semangat-semangat yang terdapat pada tatu dipercayai *Petara* atau kuasa-kuasa luar biasa menjaga, mengawal dan memberikan perlindungan kepada individu yang memiliki tatu tersebut. Masyarakat Iban juga percaya bahawa semangat yang terdapat pada jasad manusia terdiri daripada tujuh ekor. Semangat yang menetap di dalam tubuh mereka hanya terdapat seekor sahaja dan ia berwarna putih. Manakala enam ekor semangat lagi berada di luar jasad manusia. Jika semangat-semangat tersebut berjalan ke tempat lain, manusia tersebut selalu mengalami mimpi yang buruk.

Keenam-enam semangat tersebut sentiasa berjalan ke pelbagai tempat dan jika mereka mengusik *Antu*, atau makhluk lain, maka *Antu* tersebut menjadi marah dan akan memukul manusia. Perkara ini menyebabkan manusia tersebut akan jatuh sakit atau meninggal dunia. Hanya semangat berwarna putih sahaja yang bersifat baik manakala semangat-semangat yang lain itu adalah bersifat jahat dan mengganggu antu atau makhluk lain. Jika semangat yang berwarna putih tersebut hilang dari badan manusia, ini bermakna manusia tersebut meninggal dunia.

Menurut informan Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), bagi meredakan semangat jahat tersebut, masyarakat Iban perlukan mengadakan ritual *Miring*. Setelah mengadakan ritual *Miring* tersebut, semangat jahat tersebut dipercayai tidak akan mendatangkan sebarang musibah kepada manusia. Ini kerana dalam ritual *Miring*, manusia melakukan pemujaan dan persembahan korban serta memohon pengampunan daripada semangat-semangat tersebut. Manusia berbeza dengan unsur-unsur lain, iaitu manusia mempunyai *Samengat*, nyawa dan roh. Oleh itu, manusia perlu mengharungi ketiga-tiga elemen tersebut. *Samengat* merupakan elemen yang boleh keluar daripada jasad manusia apabila manusia tidur dan bermimpi. Manakala, roh pula merupakan elemen yang ditiupkan oleh *Petara* ke dalam jasad manusia untuk membezakan manusia daripada haiwan, burung, serangga, tumbuh-tumbuhan, *antu*, semangat dan roh nenek moyang.

4.6.5 *Tua* (Roh Nenek Moyang)

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *Tua* bermaksud roh nenek moyang mereka yang sudah meninggal dunia. *Tua* merupakan kuasa ghaib yang boleh menolong manusia dalam kegiatan penanaman padi dan memperolehi kesejahteraan dalam kehidupan. *Tua* dipercayai mampu berhubung dan bertemu dengan manusia menerusi mimpi. Masyarakat

Iban boleh menerima arahan daripada *Tua*, termasuk arahan yang berkaitan dengan penerimaan *Pengaroh*.

Berdasarkan kepada pendapat informan Boy Skrang (48), masyarakat Iban juga mempercayai bahawa seseorang individu yang sering menerima arahan dan *Pengaroh* daripada *Petara* atau kuasa luar biasa yang lain semasa hidup, apabila mereka meninggal dunia, mereka akan menjadi tua. *Tua* akan membantu masyarakat Iban dalam banyak perkara untuk memperolehi kesejahteraan, keharmonian, kepakaran, kekayaan, keberanian, kekebalan dan umur yang panjang. Selain *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa, masyarakat Iban juga mempercayai pelbagai bentuk kuasa luar biasa yang terdapat pada burung, serangga, tumbuh-tumbuhan dan haiwan lain.

Manusia juga perlu mematuhi arahan kuasa luar biasa tersebut. Sekiranya mereka terdengar bunyi-bunyi haiwan berkenaan ketika mereka sedang dalam sesuatu perjalanan atau sedang melakukan sesuatu pekerjaan, mereka perlu berpatah balik ke rumah dan hanya berehat sahaja pada hari tersebut. Jika mereka melanggar ketetapan ini, berkemungkinan mereka akan ditimpa sesuatu kemalangan. Selain itu, berkemungkinan segala tanaman yang diusahakan oleh mereka pada tahun tersebut tidak berjaya memberikan hasil yang lumayan dan menyebabkan mereka boleh menghadapi kebuluran. Perkara ini disebabkan oleh nasib malang bagi mereka yang mengingkari arahan daripada kuasa-kuasa luar biasa tersebut.

4.7 Faktor-Faktor Penting Dalam Pembuatan Tatu Iban

Melalui penyelidikan ini, terdapat beberapa faktor yang penting dalam pembuatan tatu oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu. Namun begitu, pembuatan tatu dalam budaya masyarakat Iban merupakan sebuah proses yang sentiasa berterusan dan berkembang sesuai dengan tahap kreativiti, penggunaan bahan dan peralatan serta tahap pemikiran mereka pada

masa hadapan. Selain itu, pengaruh kebudayaan seperti asimilasi dan pertembungan budaya turut mempengaruhi aspek pembuatan tatu masyarakat Iban pada masa akan datang. Perkara ini telah dijelaskan oleh informan Dato Sri Edmund Langgu Saga (87) yang mengatakan bahawa tidak salah sekiranya masyarakat Iban mempelbagaikan unsur keindahan dalam pembuatan tatu mereka, namun perlu mengekalkan identiti asal tradisi budaya tersebut sebagaimana yang telah diwariskan oleh nenek moyang mereka sejak zaman dahulu. Berikut adalah merupakan beberapa faktor dominan dalam pembuatan tatu masyarakat Iban:

4.7.1 Alam Semula Jadi

Alam semula jadi merupakan faktor yang utama yang mempengaruhi pembuatan tatu oleh masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban telah cenderung untuk tinggal berhampiran dengan hutan rimba dan sungai sebagai lokasi penempatan mereka untuk membina rumah panjang. Menurut informan Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), tujuan masyarakat Iban memilih untuk tinggal berdekatan dengan hutan rimba dan sungai adalah bagi memudahkan mereka mencari sumber makanan seperti berburu, menangkap ikan, serta mengumpul sayur-sayuran hutan. Selain itu, apabila mereka tinggal berdekatan dengan sungai, ia juga memudahkan mereka untuk melakukan aktiviti harian seperti mandi, mengambil air, membasuh pakaian dan sebagai laluan pengangkutan.

Hutan rimba dan sungai bukan sahaja sebagai tempat bagi mereka meneruskan kelangsungan hidup, malah ia juga berperanan menyediakan bahan dan peralatan untuk mencacah tatu. Menurut informan Robinson Unau Gaong (42), masyarakat Iban telah menggunakan sumber-sumber alam semula jadi yang berdekatan dengan penempatan mereka untuk mencari bahan-bahan yang digunakan bagi upacara mencacah tatu. Sebagai contoh, golongan pembuat tatu Iban menggunakan jelaga daripada kayu-kayu yang dibakar sehingga menjadi abu untuk dijadikan cecair bagi membuat dakwat tatu. Menurut informan

Ernesto Kalum Umpie (50), sumber kayu memiliki fungsi yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Sebagai contoh sumber kayu belian digunakan bagi menghasilkan peralatan untuk mencacah tatu. Kayu belian juga sangat penting dalam pembinaan rumah panjang kerana sifatnya yang kukuh, kuat serta ketahanannya terhadap persekitaran dan cuaca.

Alam semulajadi juga bukan sahaja berfungsi sebagai bahan untuk membuat tatu, malah ia turut menjadi inspirasi kepada masyarakat Iban sebagai idea awal dalam penciptaan motif dalam tradisi seni tatu mereka. Menurut informan Dr Robert Menua Salleh (57), perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui penghasilan motif tatu seperti *Bungai terung, Kelingai, Ketam Itit, Kala pah*, *Ketam Itit* serta *Bungai Tengkawang* yang diinspirasikan daripada hidupan alam semula jadi. Imej yang terdapat pada tatu masyarakat Iban bukan sahaja menceritakan tentang kekuatan kuasa-kuasa luar biasa, namun ia turut menghargai alam semula jadi yang telah membantu mereka dalam kehidupan seharian. Ini kerana manusia dan alam semula jadi merupakan suatu hubungan yang berterusan dan saling memerlukan antara satu sama lain.

4.7.2 Adat Dan Kepercayaan


Pembuatan tatu oleh masyarakat Iban juga dipengaruhi oleh adat dan kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban. Sebagai contoh adat yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat Iban adalah adat *Bejalai* (mengembara). Menurut informan Gregory Kiyai (33), adat *Bejalai* merupakan adat nenek moyang yang diamalkan oleh golongan lelaki masyarakat Iban sejak turun-temurun. Masyarakat Iban percaya bahawa individu yang *Bejalai* akan membawa rohnya sekali bagi mencapai kemajuan dari sudut lahiriah dan rohaniah dalam diri mereka. Adat *Bejalai* yang diamalkan dalam budaya masyarakat Iban bertujuan untuk mencari ilmu pengetahuan, mencari *Pengaroh* (azimat), mencari rezeki serta

berguru (mempelajari ilmu berkaitan dengan alam ghaib) bagi meningkatkan kualiti jati diri dalam kehidupan mereka.Selepas pulang daripada *Bejalai*, kebiasaannya golongan lelaki akan mencacah tatu pada badan mereka bagi menandakan mereka sudah melengkapkan proses mencari ilmu dan pengalaman dalam kehidupan mereka.

Lazimnya, motif-motif tatu yang dipilih adalah berdasarkan kepada tempat yang pernah dijelajahi oleh mereka sebagai simbol bahawa mereka pernah menjelajah ke tempat tersebut. Adat *Bejalai* yang dilakukan dalam budaya masyarakat Iban ini membolehkan mereka beradaptasi dan berinteraksi dengan alam semula jadi. Melalui proses ini masyarakat Iban akan melihat dan membentuk pemikiran mereka secara tidak langsung semasa melihat keindahan alam semula jadi di persekitaran mereka bahawa terdapat kewujudan kuasa-kuasa luar biasa yang lebih hebat daripada mereka di dunia ini.

Proses ini secara tidak langsung telah membentuk kepada kebudayaan dalam masyarakat Iban sehingga mewujudkan kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Kepercayaan tersebut menyebabkan masyarakat Iban mempercayai mimpi dan petanda yang lebih dikenali sebagai *Adat Beburung*, kemudian ia dikembangkan menjadi sebuah pelaksanaan ritual dan upacara tertentu.

4.8 Pandangan Masyarakat Iban Terhadap Tradisi Seni Tatu



Rajah 4.3: Fasa-fasa upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

4.8.1 Perintah Dari Alam Ghaib

Hasil dapatan daripada temubual yang dijalankan bersama dengan informan-informan seperti golongan pakar pembuat tatu, *Lemambang* serta golongan pakar budaya Iban memiliki kecenderungan yang sama mengatakan bahawa upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban merupakan perintah daripada alam ghaib. Menurut informan Sigi Singau (71), menyatakan masyarakat Iban percaya bahawa hubungan manusia dengan alam ghaib dipercayai sangat dekat sehingga ia diibaratkan seperti senipis kulit terung. Dalam *Jaku Sempama* (pepatah Iban) terdapat kewujudan'*Antu Baruh Dagu*' bermaksud terdapat *Antu* (hantu) yang terletak di bawah dagu manusia. Oleh itu, masyarakat Iban perlu menjaga tutur bicara dengan menyebut perkara-perkara yang baik sahaja dalam kehidupan mereka supaya tidak didengari oleh roh dan semangat jahat.

Dalam konsep pembuatan tatu, masyarakat Iban percaya bahawa tradisi seni tatu yang wujud dalam kebudayaan nenek moyang mereka merupakan satu perintah daripada kuasakuasa luar biasa dari alam ghaib. Masyarakat Iban mempercayai kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib mampu berkomunikasi dengan masyarakat Iban melalui beberapa cara seperti melalui mimpi dan petanda. Konsep ini sudah sebati dalam kepercayaan masyarakat Iban dan telah dituturkan selama bergenerasi. Ia bertujuan bagi membolehkan generasi baru masyarakat Iban pada masa akan datang percaya dengan kewujudan alam ghaib sepertimana yang diajarkan oleh nenek moyang mereka yang terdahulu.

4.8.2 Mimpi Masyarakat Iban

Masyarakat Iban mempunyai kehidupan yang amat unik kerana setiap perbuatan dan tindakan mereka dalam menentukan hala tuju kehidupan adalah berdasarkan kepada mimpi. Menurut informan, Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), mimpi adalah medium pertemuan

di antara alam manusia dengan alam ghaib dalam *Pengarap Lama* (kepercayaan warisan) masyarakat Iban. Bagi golongan individu yang didatangi oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib lazimnya dianggap bertuah kerana mereka dipilih untuk diberi *pengaroh* daripada *Petara*, dewa-dewi, *Antu* dan semangat. Masyarakat Iban yang sering didatangi oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi akan digelar sebagai *Mabu Antu* (dekat dengan alam ghaib). Masyarakat Iban pada zaman dahulu percaya bahawa ilmu yang diperolehi oleh mereka menerusi mimpi, khasnya kepakaran mereka dalam mencacah tatu sebagai satu warisan budaya masyarakat Iban.

Menurut informan Paulus Sigat (87), kewujudan mimpi dalam budaya masyarakat Iban adalah berkait rapat dengan beberapa perkara. Pertama adalah perintah oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib. Sebagai contoh, sesetengah golongan pembuat tatu Iban dan individu yang ingin memiliki tatu akan didatangi oleh dewa-dewa seperti *Keling* dan *Laja* yang membawa perintah kepada mereka untuk mencacah motif tatu tertentu bersesuaian mengikut sesuatu kejadian yang dialami oleh mereka. Kedua, kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib mendatangi masyarakat Iban melalui mimpi adalah untuk memberikan *Pengaroh* (azimat).

Kepercayaan masyarakat Iban terhadap kurniaan *Pengaroh* adalah amat tinggi sehingga pada zaman sekarang kerana mereka percaya bahawa *Pengaroh* memberikan banyak manfaat dan kebaikan kepada pemiliknya. Bagi golongan lelaki, *Pengaroh* tersebut dipercayai akan membantu mereka menjadi lebih berani dan kebal semasa menyertai ekspedisi *Ngayau*. Di samping itu, mereka juga akan lebih mudah untuk mendapat rezeki, mampu mengubati pelbagai penyakit, memiliki kemahiran dalam menghasilkan sesuatu benda dan menjaga keselamatan diri mereka. Manakala bagi golongan wanita, *Pengaroh* akan membantu mereka menjadi lebih pakar dalam menenun dan menganyam, sentiasa

kelihatan cantik dan memikat hati golongan lelaki. Ketiga adalah sebagai petanda dan petunjuk kepada masyarakat Iban. Kebiasaannya, apabila kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib menjelmakan diri melalui mimpi untuk menyampaikan sesuatu perkara adalah disebabkan oleh permintaan dan *Sampi* (doa) dari masyarakat Iban melalui ritual *Miring*.

Petanda dan petunjuk yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa ini datang bagi memberikan sesuatu berita baik atau berita buruk kepada masyarakat Iban. Pesanan yang disampaikan oleh kuasa-kuasa luar biasa ini adalah bersifat secara terang-terangan dan menjurus kepada isi yang hendak disampaikan. Maknanya juga perlu ditafsir oleh golongan berilmu dalam kepercayaan masyarakat Iban seperti *Lemambang*, *Manang* dan *Tuai Burung*.

4.8.3 Pelaksanaan Ritual *Miring*

Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51), setiap perintah yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi adalah merupakan perintah yang wajib dipatuhi oleh masyarakat Iban. Setiap kehendak ataupun arahan daripada kuasa-kuasa luar biasa tersebut perlu dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak mereka melalui pelaksanaan ritual *Miring*.

Sekiranya individu tersebut ingkar dengan arahan yang diberikan oleh kuasakuasa luar biasa tersebut, maka dikhuatiri malapetaka atau bencana akan menimpa satu keluarga individu tersebut ataupun seluruh masyarakat Iban yang mendiami rumah panjang tersebut. Oleh itu, ritual *Miring* merupakan satu pelaksanaan ritual yang dilakukan oleh golongan pakar ritual seperti *Lemambang*, *Tuai Piring* dan *Tuai Beburung* bagi memohon keizinan dan kebenaran kepada *Petara* semasa ingin melakukan sesuatu perkara contohnya seperti pelaksanaan upacara mencacah tatu. Ini kerana tradisi seni tatu merupakan sesuatu amalan

yang bersifat sakral dan memerlukan keizinan daripada *Petara* terlebih dahulu berdasarkan kepada mimpi yang dialami oleh seseorang individu tersebut.

4.8.4 Upacara Mencacah Tatu Dalam Masyarakat Iban

Selepas ketiga-tiga peringkat tersebut telah dilaksanakan, maka barulah upacara mencacah tatu dilakukan oleh golongan pakar pembuat tatu kepada golongan individu yang dipilih oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk memiliki tatu tertentu. Tradisi seni tatu yang dilakukan merupakan suatu hasil seni yang mempunyai pelbagai fungsi dalam kepercayaan masyarakat Iban. Tradisi seni tatu digunakan bagi tujuan kepercayaan masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan diadaptasi bagi mengkelaskan kedudukan setiap lapisan masyarakat dalam kebudayaan mereka.

Melalui pengumpulan data yang dijalankan, terdapat pelbagai pendapat mengenai tradisi seni tatu melalui perspektif dan pemahaman masyarakat Iban itu sendiri. Penjelasan yang lebih kuat adalah masyarakat Iban cenderung melihat tradisi seni tatu mereka dalam konsep yang mengandungi unsur-unsur sakral. Berdasarkan kepada temu bual bersama-sama informan Dr Gregory Kiyai (33), beliau menyatakan tatu bukan sahaja dicacah pada badan semata-mata bagi menunjukkan status sosial pemiliknya, malah ia mempunyai pelbagai fungsi dalam kebudayaan masyarakat Iban. Tatu juga menggambarkan sesuatu pencapaian ataupun pengalaman yang dimiliki oleh individu yang memilikinya.

Menurut informan Dr Gregory Kiyai (33), masyarakat Iban percaya bahawa tatu yang dicacah pada badan seseorang individu mampu membantu pemiliknya apabila ia dipuja melalui amalan dan kepercayaan masyarakatnya. Dalam budaya masyarakat Iban, nilai kesakralan tatu adalah bergantung kepada ketinggian tingkat motif tatu yang dihasilkan sebagai elemen seni. Lazimnya, motif-motif tatu tertentu yang diperolehi daripada arahan


oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi adalah dianggap sakral dan memberikan kekebalan kepada pemiliknya. Motif-motif tatu daripada kuasa-kuasa luar biasa ini dipercayai merupakan corak yang hidup dan bernyawa. Oleh itu, ritual *Miring* perlu dilaksanakan oleh masyarakat Iban sebelum melakukan upacara mencacah tatu bagi menjaga nilai kesakralannya.

Berdasarkan kepada pandangan informan Louis Samai (33), menjelaskan bahawa setiap motif yang terdapat dalam pembuatan tatu merupakan warisan yang diberikan oleh kuasakuasa luar biasa dari alam ghaib yang dipercayai dapat membantu masyarakat Iban dalam pelbagai perkara. Ini membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Iban memandang tinggi terhadap sesuatu warisan budaya yang dihasilkan oleh mereka. Bagi menguatkan kepercayaan terhadap warisan budaya tersebut mereka telah memasukkan unsur-unsur sakral melalui konteks tatu dan sejarah sesuatu warisan budaya tersebut. Ia bertujuan sebagai manifestasi masyarakat Iban dalam menzahirkan pandangan mereka mengenai kehidupan dan alam semula jadi yang menjadi tempat tinggal dan sumber rezeki mereka sejak turun-temurun.

Selain itu, berdasarkan kepada pendapat informan Robinson Unau Gaong (43), yang telah membincangkan tentang perbezaan teknologi pembuatan tatu, ia amat berbeza dari zaman dahulu sehingga sekarang. Ini kerana disebabkan mereka tidak memiliki kepakaran untuk menulis, maka masyarakat Iban akan mengingati motif dan cara pembuatannya melalui memori dan mengingati setiap bentuk motif tatu tersebut. Pengembangan idea yang telah dilakukan oleh golongan pembuat tatu Iban terutamanya golongan lelaki yang berupaya menghasilkan cacahan tatu yang halus dan mengingati setiap proses dalam pembuatan tatu dengan baik walaupun tidak memiliki sistem khusus seperti pada zaman sekarang bagi mendokumentasikan semula motif-motif tatu tersebut. Melalui kaedah yang diterapkan sejak

turun-temurun tersebut, ia berupaya mewujudkan jaringan sosial yang luas dalam masyarakat Iban itu sendiri bagi membangunkan kreativiti untuk mencipta warisan budaya namun ia masih berpandukan adat dan kepercayaan dalam kebudayaan mereka. Selain itu, pengembangan bentuk motif dan nilai seni yang wujud dalam tradisi seni tatu masyarakat Iban telah menjadi identiti budaya dalam masyarakatnya bagi menggambarkan jati diri mereka.

4.9 Ciri-Ciri Dan Sifat Tradisi Seni Tatu Iban



Rajah 4.4: Ciri-ciri tradisi seni tatu masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2020)

Penciptaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban telah membina ciri-ciri yang tersendiri sebagai satu tradisi yang berfungsi dalam kebudayaan masyarakatnya. Ciri-ciri tersebut dilihat sangat dominan sehingga ia menjadi identiti utama dalam pembuatannya sehingga pada zaman sekarang. Beberapa ciri-ciri tradisi tatu masyarakat Iban adalah terdapat pada rajah 4.4. Menurut informan Uma Kujat (77), penciptaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban agak unik dan menarik serta mempunyai pelbagai kegunaan serta tidak hanya terhad kepada satu fungsi sahaja.

Selain itu, tradisi seni tatu yang diciptakan oleh masyarakat Iban adalah lebih cenderung dengan unsur-unsur sakral. Ini kerana masyarakat Iban tidak menciptakan sesuatu tradisi tersebut tanpa mempunyai tujuan yang khusus tetapi ia berdasarkan kepada keperluan dan kepercayaan mereka yang mendasari kefahaman kosmologi masyarakat Iban. Konsep penciptaan tradisi seni tatu masyarakat Iban tertakluk kepada pandangan tradisional dan juga moden.

Menurut informan Datuk Sri Edmund Langgu Saga (87) bagi pandangan tradisional, masyarakat Iban percaya bahawa tradisi seni tatu yang diamalkan secara turun-temurun dalam budaya mereka adalah merupakan anugerah daripada *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa. Manakala bagi pandangan moden berdasarkan kepada pandangan informan Sylvester Juli (49), pengamalan budaya bertatu pada zaman sekarang adalah lebih kepada elemen perhiasan dan apresiasi seni bagi masyarakat Iban dalam menzahirkan simbol kebudayaan mereka sebagai masyarakat Iban. Unsur-unsur sakral sakral tradisi seni tatu masyarakat Iban juga dapat diperlihatkan kepada dua elemen iaitu simbol dan peranan. Simbol adalah termasuk dalam unsur seni iaitu motif dan rupa serta perlambangan tradisi budaya tersebut dalam kepercayaan masyarakat Iban di rumah panjang. Manakala peranan adalah merujuk kepada keupayaan tradisi tatu tersebut dalam memberikan unsur keberanian, kekuatan, kekebalan, penjagaan serta perlindungan daripada serangan musuh, penyakit, gangguan roh dan semangat jahat kepada golongan yang memiliki tatu. Justeru itu, dalam konsep pembuatan dan pemilikan tatu, masyarakat Iban percaya bahawa tradisi seni tatu tersebut mempunyai nyawa yang boleh memberikan manfaat kepada golongan yang memilikinya.

Tradisi seni tatu yang diamalkan dalam kebudayaan masyarakat Iban adalah merupakan warisan tidak ketara yang diwarisi secara turun-temurun berdasarkan kepada informan Dr Gregory Kiyai (33), tradisi seni tatu merupakan warisan tidak ketara dalam

budaya masyarakat Iban. Ini kerana ia tergolong dalam salah satu kearifan tradisi masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu telah menjadi satu bentuk amalan yang dilakukan secara bersama oleh masyarakat Iban bagi melambangkan identiti dan jati diri seseorang individu dalam kebudayaan masyarakat Iban.

4.10 Golongan Pakar Ritual Iban Dalam Upacara Mencacah Tatu

Menurut Dr Robert Menua Salleh (59), dalam masyarakat Iban, terdapat beberapa golongan pakar ritual yang memainkan peranan utama dalam melaksanakan ritual *Miring* sebelum melakukan upacara mencacah tatu. Golongan pakar ritual ini tidak boleh melakukan kesilapan semasa menjalankan sesuatu ritual pemujaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana sekiranya mereka telah melakukan kesilapan, maka ia boleh mendatangkan sesuatu malapetaka kepada golongan pakar ritual tersebut dan juga golongan yang mengadakan ritual tersebut. Antara golongan pakar ritual Iban yang berperanan dalam melaksanakan ritual *Miring* sebelum melakukan upacara mencacah tatu adalah *Lemambang, Tuai Burung, Tuai Piring* dan *Manang* (bomoh).

4.10.1 *Lemambang*

Menurut informan Unsa Meringai (68), *Lemambang* merupakan individu yang pakar dalam mengetuai *Pengap, Mengap* atau *Beramban* (melagukan mantera) untuk sesuatu ritual *Miring* yang dilakukan dalam upacara *Gawai* ataupun upacara mencacah tatu. *Lemambang* adalah seorang pakar ritual yang dihormati oleh anak-anak buahnya. Pekerjaan seorang *Lemambang* bukanlah sesuatu tugasan yang mudah. Ini kerana ia perlu mendapatkan kebenaran daripada kuasa-kuasa luar biasa terlebih dahulu. Kebiasaannya, untuk menjadi seorang *Lemambang*, sesetengah golongan individu tersebut perlu memiliki *Pengaroh* ataupun sememangnya sudah menerima arahan daripada kuasa-kuasa luar biasa yang

menyatakan bahawa mereka perlu menjadi *Lemambang*. Selain itu, kebenaran daripada kuasa-kuasa luar biasa amat penting bagi *Lemambang* kerana apabila mereka melakukan aktiviti *Mengap* atau *Pengap* (melagukan mantera) dalam sesuatu ritual *miring* dan perayaan *Gawai,* mereka akan memanggil kuasa-kuasa luar biasa, baik yang terdapat di muka bumi mahupun yang terdapat di langit, untuk datang bersama-sama dengan membawa *Pengaroh* bagi menolong hidup masyarakat Iban.

Ia bertujuan supaya mereka beroleh kesejahteraan, keharmonian, kekayaan dan kesihatan yang baik sepanjang hayat. Tanpa memiliki sesuatu *Pengaroh,* maka kerjaya sebagai seorang *Lemambang* tidak dapat bertahan lama. Ini kerana dikhuatiri *Lemambang* tersebut tidak mempunyai semangat yang cukup kuat ataupun mudah kalah terhadap semangat jahat. Ini kerana segala yang dilafazkan oleh *Lemambang* melalui manteranya boleh mempengaruhi nasib terhadap dirinya sendiri dan orang lain di sesebuah rumah panjang.

Berdasarkan kepada pandangan informan Unsa Meringai (68), terhadap sesebuah pelaksanaan ritual *Miring* semasa perayaan *Gawai*, *Lemambang* akan melagukan mentera atau *Pengap* sepanjang malam. Ritual *Pengap* yang dijalankan dalam ritual tersebut adalah bertujuan untuk memuja, memanggil dan menyeru kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat masyarakat Iban. Berdasarkan kepada sesuatu pelaksanaan ritual *Miring*, seseorang *Lemambang* itu wajib memakai *Baju Burung* yang diperbuat daripada *Pua kumbu*. Ini kerana masyarakat Iban telah memahami bahawa penggunaan *Baju Burung* ialah identiti diri masyarakat Iban dalam komunikasi mereka dengan kuasa-kuasa luar biasa. Selain itu, *Lemambang* perlu memakai beberapa buah *Gerunong* atau loceng kecil yang dilekatkan pada tongkat *Lemambang* sebagai tanda isyarat memohon kuasa-kuasa luar biasa untuk datang membantu mereka yang mengadakan sesuatu ritual *Miring* dalam *Gawai*. Kepala

lemambang juga perlu ditutup dengan sejenis kain sebagai tanjak supaya beliau sentiasa terpelihara kesihatannya daripada gangguan semangat jahat. Dalam masyarakat Iban, apabila disebut *Tuai Pengap* (pakar yang melagukan mantera), ia merujuk kepada *Lemambang*. Ini kerana *Lemambang* membawa maksud kepada pakar *Pengap*. Jika masyarakat Iban mengadakan ritual *Miring* dalam *Gawai* ataupun upacara mencacah tatu, mereka akan memanggil *Lemambang* untuk mengetuai ritual *Mengap* dalam ritual tersebut.

4.10.2 *Tuai Piring*

Menurut informan Tugang Rima (87), dalam budaya masyarakat Iban, kebiasaannya golongan yang mendirikan *Pandong* tidak boleh dipilih daripada golongan orang biasa. Mereka hendaklah terdiri daripada pakar ritual yang berperanan penting dan mempunyai kedudukan atau status tinggi dalam masyarakat. Justeru itu, mereka biasanya terdiri daripada golongan yang berada, mempunyai keperibadian yang mulia dan bersih daripada segala kegiatan jenayah, zina dan mempunyai hubungan dengan kuasa ghaib. Lazimnya, *Tuai Piring* akan mengetuai ritual *Nudok Ka Pandong* bermaksud mendirikan peralatan asas dalam pelaksanaan ritual *Miring* dalam *Gawai*. Ia kelihatan seperti sebuah menara kecil yang mempunyai ketinggian dua meter atau tujuh kaki dan lebarnya tiga kaki persegi. Pakar *Piring* adalah seorang pakar ritual yang berkemahiran dan kebiasannnya, mereka mengetuai banyak ritual dalam masyarakat Iban, seperti menjadi *Tuai Nudok Ka Pandong* (ketua pakar yang mendirikan tempat pemujaan utama semasa ritual *Miring* dalam *Gawai*) *Tuai Pengap* atau *Mengap* (pakar melagukan mantera), pakar *Biau* (pakar jampi), *Tuai Burung* (pakar yang mengetahui tentang petanda-petanda), *Tuai Piring* (pakar *Pirin*g), *Tuai Penenong Orang Betuah-Belimpah* atau *Tanah Betuah* (pakar atau tukang tilik orang bertuah yang menggunakan sumpit). Sumpit tersebut dinamakan sumpit *Tenong* atau sumpit tilik kerana ia digunakan untuk menilik tuah dan nasib manusia dan dipercayai mempunyai kuasa luar

biasa sebab sumpit berkenaan sering menjelma di dalam mimpi untuk memberitahu identiti mereka.

4.10.3 *Tuai Burung*

Menurut informan Uma Kujat (77), *Tuai Burung* merupakan seorang pakar yang mengetahui selok-belok adat *Beburung* dalam masyarakat Iban. Lazimnya, masyarakat Iban di penempatan rumah panjang akan merujuk kepada *Tuai Burung* untuk bertanyakan maksud sesuatu petanda itu sekiranya mereka memperoleh beberapa petanda baik atau buruk berkaitan dengan penanaman padi atau perkara lain. Kemudian, mereka akan memanggil *Tuai Burung* tersebut untuk melaksanakan ritual *Miring*. Jika sesuatu petanda itu membawa alamat yang baik, maka ritual *Miring* itu perlu diadakan supaya tuhan akan memberkati mereka dengan penuh kebaikan dan kesejahteraan. Sebaliknya, jika sesuatu petanda yang diterima itu kurang baik, maka ritual *Miring* itu diadakan agar tuhan akan mengubah perkara atau petanda yang kurang baik menjadi baik dalam masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban, setiap burung atau petanda yang diperoleh itu tidak boleh dikatakan buruk, dan ini satu perkara yang amat dilarang. Ini kerana jika sesuatu petanda baik, itu disebut buruk maka ia akan membawa malapetaka atau bencana kepada seseorang itu atau keluarganya.

Selain itu, *Tuai Burung* juga akan mengetuai satu rombongan untuk pergi mencari *Paung Burung* iaitu anak kayu hidup yang dianggap bertuah apabila mereka terdengar bunyi burung berkaitan di dalam hutan. Kebiasaannya, anak kayu tersebut mempunyai ketinggian 0.50 m. Kegunaan *Paung Burung* itu adalah untuk memperoleh kesejahteraan hidup dan bagi mendapatkan hasil tuaian padi yang lumayan. Justeru itu, ia hendaklah ditanam di tengah huma. Manakala di rumah panjang, *Paung Burung* itu diletakkan di atas pintu utama dengan tujuan penenun-penenun *Pua Kumbu* dan seluruh ahli keluarga mereka dilindungi daripada semangat jahat. Bagi memberkati *Paung Burung* tersebut, masyarakat Iban

memberi gelaran iaitu, *Paung Burung Emperaja Tenong Enggau Nenong Rapi Kampong Nasau Pupong Pulau Pengerang* yang bermaksud *Paung Burung* digunakan untuk menilik bagi memastikan sama ada tanah itu baik atau sebaliknya untuk tujuan berhuma atau sebagai tapak untuk membina rumah panjang baru. Seorang *Tuai Burung* juga biasanya memiliki kelebihan tertentu *Mabu Antu* (dekat dengan alam ghaib). Ini kerana mereka dikatakan sering kali berjumpa dengan *Bongsu Bintang* yang menjelma dalam mimpinya.

4.10.4 Golongan Pembuat Tatu Iban

Pada zaman dahulu, golongan yang melakukan upacara mencacah tatu adalah golongan lelaki kerana kelayakkan mereka dipilih oleh *Petara* dalam kosmologi dan kepercayaan mereka. Dalam konteks ini, golongan lelaki masyarakat Iban dikatakan berperanan sebagai penjaga dan mengepalai kepada keselamatan ahli keluarga mereka. Kuasa dan semangat pada motif-motif tatu yang dicacah pada badan mereka berfungsi sebagai pendinding kepada ahli keluarga supaya mereka tidak diganggu oleh *Antu* dan semangat jahat. Dalam masyarakat Iban, golongan pembuat tatu lazimnya terdiri daripada golongan lelaki. Mereka dianggap golongan yang amat bertuah kerana dikurniakan dengan bakat secara semula jadi atau diberikan arahan oleh *Petara* atau kuasa luar biasa tertentu untuk melakukan upacara mencacah tatu. Menurut informan Robinson Unau Gaong (43) dan Sylvester Juli (49), dalam masyarakat Iban, sesiapa sahaja boleh menjadi pembuat tatu, tanpa mengira peringkat umur, jantina atau status sosial, asalkan mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan pantang-larang dalam melakukan kegiatan tersebut.

Namun begitu, terdapat beberapa aspek tertentu dalam mencacah tatu, misalnya membuat motif-motif tertentu, tidak boleh dilakukan sesuka hati tanpa memiliki kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tersebut. Walaupun ramai pembuat tatu boleh mencacah tatu, namun bukan semua dalam kalangan mereka boleh membuat motif tatu yang berdarjat dan

bertaraf tinggi. Kerja-kerja tersebut hanya boleh dilakukan oleh golongan yang berkelayakan sahaja.

Penciptaan motif-motif tertakluk kepada arahan atau pemberian *Pengaroh* daripada kuasa luar biasa. Tambahan pula, penciptaan motif-motif tatu merupakan satu amalan yang suci dalam kebudayaan masyarakat Iban yang menghubungkan kepercayaan mereka dengan *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa. Sebelum pembuat tatu melakukan upacara mencacah tatu, mereka perlu menguasai berkaitan ilmu tradisi seni tatu dan juga peranan motifnya terhadap golongan individu tertentu. Perkara ini amat dititikberatkan dalam usaha pembuat tatu untuk menghasilkan motif tatu yang berkualiti dan kemas di samping kesesuaian sesuatu motif tersebut berdasarkan kepada perwatakan, pengalaman dan pencapaian seseorang individu tersebut dalam kehidupan mereka.

Menurut pendapat informan Ernesto Kalum Umpie (51), dalam budaya masyarakat Iban, golongan pembuat tatu boleh menguasai kemahiran mencacah tatu menerusi tiga cara utama. Cara yang pertama adalah menerusi bakat yang diwarisi atau diperturunkan daripada seorang ayah kepada anak lelakinya secara turun-temurun. Cara yang kedua pula ialah menerusi kemahiran yang dipelajari melalui pengalaman hidup. Manakala cara yang ketiga ialah menerusi mimpi yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa. Walau bagaimanapun, ketigatiga kemahiran itu melibatkan pengaruh kuasa luar biasa yang terdiri daripada *Petara*, dewa dewi, *Antu*, semangat dan roh nenek moyang.

Golongan pembuat tatu yang mahir dan pakar kebiasaannya memiliki bakat semula jadi dalam kemahiran mencacah tatu. Mereka dipercayai mendapat arahan dalam mimpi dan memperolehi *Pengaroh* daripada kuasa-kuasa luar biasa. Ini bermakna kuasa luar biasa telah menyalurkan kuasanya kepada golongan pembuat tatu tersebut menerusi arahan daripada mimpi dan *Pengaroh* tersebut. Justeru itu, golongan pembuat tatu telah mendapat inspirasi

daripada kuasa-kuasa luar biasa dan persekitaran mereka untuk membuat sesuatu kelainan dalam menghasilkan motif tatu yang bersifat unik dan abstrak.

Menurut kepercayaan masyarakat Iban, upacara mencacah tatu juga merupakan sesuatu aktiviti yang berbahaya. Ini kerana tanpa mendapat arahan daripada kuasa luar biasa melalui mimpi, golongan pembuat tatu tidak boleh membuat motif-motif tertentu kerana dikhuatiri akan mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan diri sendiri. Selain itu, walaupun kebenaran ini telah diperolehi, pembuat tatu juga perlu mengetahu cara-cara bagi melindungi diri mereka. Ini kerana tanpa sebarang perlindungan, dikhuatiri kemahirannya akan hilang dan boleh jatuh sakit serta meninggal dunia. Sehubungan itu, golongan pembuat tatu terlebih dahulu meminta nasihat dan bantuan daripada golongan pakar ritual untuk melakukan ritual *Miring* bagi memperoleh keizinan dan perlindungan daripada *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa mereka.

4.11 Kuasa Mistik pada Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban

Dalam masyarakat Iban, tatu dianggap sebagai corak yang *Berantu* (mempunyai kuasa mistik). Ini kerana ia bukan sahaja meliputi motif-motifnya, malah ia merangkumi semua komponen reka corak tatu tersebut secara keseluruhan. Menurut informan Andy Austin (44), tatu masyarakat Iban dipercayai mempunyai kuasa mistik kerana dipercayai reka letak, ragam hias dan motif-motifnya diperturunkan oleh kuasa luar biasa, iaitu *Petara* kepada masyarakat Iban. Ini kerana pada setiap motif yang terdapat pada tatu masyarakat Iban mempunyai maksud dan peranan yang tersendiri bagi membantu pemilik tatu tersebut. Justeru itu, tatu dipercayai sebagai azimat daripada kuasa-kuasa luar biasa yang dapat memberikan kekuatan dan kekebalan kepada masyarakat Iban dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Oleh hal yang demikian, sebelum melakukan upacara mencacah tatu, masyarakat Iban akan melakukan ritual *Miring* terlebih dahulu.

Lantaran itu, tradisi seni tatu dianggap sebagai anugerah daripada *Petara* kerana ia mengandungi makna yang tersendiri, simbol kekuasaan dan tenaga kepada golongan yang memilikinya.

Bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu dipercayai telah diperturunkan dan dikurniakan oleh *Petara* atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain dengan pelbagai kuasa mistik yang bertujuan untuk mencapai kesempurnaan hidup dalam perhubungan antara manusia dengan *Petara* ataupun kuasa luar biasa yang lain. Oleh itu, tradisi seni tatu dianggap sebagai sesuatu yang mistik, suci dan sakral. Pembuatan motif tatu juga bukan sesuatu yang mudah. Ini kerana pembuat tatu perlu memiliki tahap kemahiran yang tinggi dan mematuhi beberapa ketetapan atau peraturan tertentu, termasuk mengadakan ritual tertentu. Masyarakat Iban percaya bahawa tradisi seni tatu merupakan sesuatu kegiatan yang menghubungkan kuasa mistik ke dalam diri mereka daripada *Petara-Petara* mereka. Ini kerana motif tatu yang dicacah pada badan seseorang individu berdasarkan unsur-unsur kepercayaan atau kosmologi mereka dipercayai mempunyai kuasa bagi melindungi diri mereka daripada ancaman musuh dan juga gangguan roh atau semangat jahat.

Berdasarkan kepada pendapat informan Ernesto Kalum Umpie (51), imej tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang dijadikan sebagai motif tatu mempunyai perkaitan yang rapat dengan kosmologi masyarakat Iban. Ini kerana masyarakat Iban mempercayai kewujudan pelbagai *Petara* dan kuasa luar biasa berkaitan dengan tatu. Kuasa mistik yang diperolehi oleh pembuat tatu daripada *Petara* itu akan disalurkan ke dalam tatu menerusi ritual *Miring*. Oleh itu, seseorang pembuat tatu perlu memohon keizinan atau pengesahan daripada *PetaraPetara* atau kuasa-kuasa luar biasa terlebih dahulu sebelum melakukan upacara mencacah tatu. Di samping itu, golongan individu yang ingin memiliki tatu juga mestilah golongan individu yang sudah mengalami mimpi dan memperoleh *Pengaroh* daripada

kuasa-kuasa luar biasa, serta memiliki beberapa pencapaian dan kejayaan tertentu dalam kehidupan mereka. Ini kerana ia menggambarkan keperibadian diri mereka yang sudah mempunyai pengalaman yang banyak dalam kehidupan serta berkelayakan untuk menerima anugerah daripada *Petara*. Sehubungan itu, golongan individu yang ingin memiliki tatu mestilah golongan yang berkelayakan dan mendapat pengiktirafan daripada kuasa-kuasa luar biasa melalui mimpi.

Tradisi seni tatu juga dianggap sebagai amalan yang suci kerana motif-motif tatu yang dicacah pada badan seseorang itu mengandungi unsur-unsur kepercayaan yang mendasari kepada kosmologi mereka. Ini bermaksud masyarakat Iban mempercayai bahawa motifmotif tatu yang dicacah pada badan memiliki semangat dan kuasa ghaib yang dipercayai boleh mendatangkan kesempurnaan di alam dunia dan alam kematian. Motif-motif tatu pula dipercayai merupakan pemberian daripada *Petara* seperti *Lang Sengalang Burung, Keling, Laja,* dan *Sempurai* melalui perantaraan mimpi dan *pengaroh*. Masyarakat Iban juga mempercayai bahawa dewa-dewi seperti *Kumang, Lulong, Kelinah* atau *Indai Abang* akan membantu melindungi pembuat tatu dalam melaksanakan kegiatan tersebut. Selain itu, kemahiran membuat tatu pula dipercayai merupakan anugerah daripada *petara,* dewa dewi, antu, semangat dan roh nenek moyang menerusi ritual *Miring*. Lantaran itu, tradisi seni tatu yang dihasilkan oleh masyarakat Iban dikatakan mempunyai semangat dan kuasa mistik. Semangat dan kuasa mistik pada tatu juga mempunyai hubungan dengan kuasa-kuasa luar biasa, seperti *Petara* dari *Panggau Libau, Sengalang Burung, Simpulang Gana* dan *Selampandai*.

Kebiasaannya, bagi pembuat tatu Iban yang baru menceburkan diri dalam tradisi seni tatu mula mempelajari penghasilan motif tatu yang mudah dan sederhana terlebih dahulu. Mereka tidak membuat motif-motif tatu yang lebih rumit selagi mereka tidak mengalami

mimpi dan *pengaroh*. Masyarakat Iban amat menekankan kehalusan dan kekemasan motif tatu kerana mereka percaya bahawa ia adalah salah satu amalan suci yang menghubungkan mereka dengan *petara* dalam budaya mereka.

Memandangkan masyarakat Iban hidup dalam keadaan persekitaran yang mempercayai kewujudan *Petara-Petara*, dewa dewi, Antu, semangat baik dan jahat, roh nenek moyang, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan serangga, maka segala pengalaman, unsur-unsur kepercayaan dan keagamaan, dan keyakinan hidup diterapkan oleh mereka ke dalam tatu menerusi motif-motifnya yang dipercayai mencerminkan kekuasaan, roh dan semangat. Oleh kerana hubungan masyarakat Iban dengan alam semula jadi amat akrab, mereka mencipta atau menghasilkan motif-motif tatu berdasarkan kepada unsur-unsur alam semula jadi dengan bantuan deria, seperti deria penglihatan, pendengaran, sentuhan, hidu dan rasa. Dalam konteks ini, apabila masyarakat Iban melihat, mendengar, menyentuh, menghidu dan merasa dan membayangkan keindahan fenomena alam semula jadi, maka tercetusnya suatu inspirasi bahawa sesetengah ciptaan Tuhan tersebut boleh dijadikan sebagai motif-motif tatu.

Perkara ini bukan sahaja memperlihatkan masyarakat Iban sangat mempercayai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa dalam kehidupan seharian mereka malah mereka memuja kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut. Seterusnya, motif-motif yang lain pula kelihatan lebih kompleks dan abstrak kerana diubahsuai atau dibuat mengikut corak yang berulang-ulang. Sesetengah motif tatu juga dibuat berdasarkan tafsiran motif-motif yang difahami oleh pembuat tatu dan masyarakat Iban itu sendiri. Tradisi seni tatu yang diamalkan dalam kebudayaan masyarakat Iban merupakan warisan tidak ketara yang diteruskan sejak turuntemurun daripada nenek moyang mereka. Imej-imej pada tatu menggambarkan suatu kuasa, semangat, roh, pemujaan, mitos, legenda atau ritual yang disanjung tinggi oleh

masyarakat Iban. Motif-motif tatu kebiasaannya dihasilkan berbentuk abstrak dan telah banyak mengalami pengubahsuaian daripada bentuk sebenar dalam alam semula jadi.

Pada zaman dahulu, motif-motif tatu hanya boleh dilakukan oleh golongan pembuat tatu masyarakat Iban yang telah mewarisi kemahiran mencacah tatu daripada nenek moyang masing-masing. Motif-motif tatu ini dijadikan sebagai azimat untuk melindungi seseorang daripada ancaman musuh dan juga gangguan roh atau semangat jahat. Lazimnya, motifmotif yang menggambarkan haiwan mempunyai ciri-ciri intipati daripada kepercayaan warisan yang masih diamalkan oleh mereka. Sebagai contoh, motif-motif tatu dengan imej *Remaung* (semangat harimau sakti), *Nabau*, *Ketam Itit* dan *Kala Pah* pada tatu dipercayai dapat memberi semangat keberanian, ketangkasan, kekebalan, kekuatan dan kesejahteraan kepada pemiliknya. Motif tatu dengan imej burung pula menandakan sesuatu kebaikan dalam sebarang usaha sementara motif tatu dengan imej *Kera Nyangkam* dianggap boleh menyelamatkan pemiliknya daripada bencana. Motif tatu dengan imej *Nabau* pula mempunyai kaitan dengan penanaman padi dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana pemberian *Pengaroh* padi daripada *Nabau* digunakan oleh masyarakat Iban untuk memperoleh hasil tuaian padi yang lumayan. Perkara ini memperlihatkan bahawa setiap motif tatu yang dicacah pada bahagian anggota badan seseorang tersebut mempunyai peranan yang berbeza kepada pemilikinya.

4.12 Rumusan

Melalui dapatan dalam bab ini mendapati bahawa tradisi seni tatu merupakan tradisi budaya yang berharga dan sangat sinonim dengan jati diri masyarakat Iban di Sarawak. Bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu telah menjadi satu pengenalan identiti dan simbol kebudayaan mereka. Tradisi seni tatu merupakan satu tradisi yang tergolong sebagai warisan tidak ketara dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Ia bukan sahaja memperlihatkan

pelbagai maksud dan nilai estetika, malah unik dari segi penciptaan motif-motifnya yang mempunyai penceritaan yang tersendiri.

Tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban memiliki ciri-ciri khas yang tertentu, iaitu dari segi pembuatannya menggunakan unsur alam semula jadi dan penghasilan motif-motif tatu berdasarkan kosmologi mereka yang mempunyai unsur pemujaan terhadap *petara*. Ini kerana mengikut kepercayaan masyarakat Iban, penciptaan tradisi seni tatu berasal dari dunia *petara*, iaitu *Orang Panggau Libau*. Pada zaman dahulu, tradisi seni tatu dilakukan oleh masyarakat Iban bagi beberapa tujuan tertentu. Bagi golongan lelaki yang bertatu, mereka dianggap sebagai seorang yang gagah, berani, memiliki pengalaman yang banyak dan pernah memenggal kepala musuh semasa melakukan ekspedisi *ngayau*. Bagi golongan wanita yang bertatu, mereka dianggap sebagai seorang yang berkemahiran tinggi dalam menenun *pua kumbu*, tarian *ngajat*, serta mahir dalam menguruskan kehidupan rumah tangga. Selain itu, tatu juga membezakan status sosial seseorang individu dalam sesebuah masyarakat tersebut. Ini kerana terdapat beberapa motif tatu tertentu yang hanya boleh dimiliki oleh golongan individu yang berpengaruh dalam masyarakat Iban. Tatu juga dipercayai memberikan kuasa spiritual kepada pemiliknya bagi memberi kekuatan dan perlindungan apabila menghadapi sesuatu cabaran dalam kehidupan seharian mereka.

Tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban merupakan lambang identiti budaya mereka dari aspek kesenian, ideologi, kemahiran dan kepercayaan mereka. Tradisi ini telah dibangunkan melalui kearifan tradisi masyarakatnya sehingga diwariskan secara bergenerasi serta menjadi satu warisan tidak ketara yang sangat berharga dan harus dilindungi oleh masyarakat Iban. Tradisi seni tatu yang dinyatakan dalam bab ini mempunyai peranan yang signifikan dalam kehidupan masyarakat Iban, bermula dengan tujuan kebudayaan sehingga ia berfungsi secara penuh dalam konteks kesenian. Sehingga pada zaman sekarang,

perubahan terhadap jenis motif, teknik pembuatan dan fungsi tatu masyarakat Iban akan terus berkembang serta beradaptasi dengan keperluan masyarakatnya yang dilihat lebih moden dan tidak seperti cara hidup nenek moyang mereka yang lebih kompleks.

BAB 5

PEMELIHARAAN TERHADAP TRADISI SENI TATU DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN


5.1 Pengenalan

Masyarakat Iban yang wujud pada zaman sekarang mempunyai kearifan tradisi yang tersendiri yang berkembang sehingga terhasilnya tradisi seni tatu yang perlu dipelihara sebagai warisan terpenting oleh generasi seterusnya. Ini kerana arus pemodenan dan globalisasi telah menyebabkan kehidupan masyarakat Iban telah berubah seiring dengannya. Berdasarkan kepada bab lima ini, penyelidik membincangkan tentang pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban. Dalam memelihara tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban, maka perlulah difahami terlebih dahulu mengenai ilmu kearifan tradisi sebelum dilakukan oleh masyarakat Iban itu sendiri. Setelah masyarakat Iban memahami terhadap ilmu kearifan tradisi, maka barulah pemeliharaan dilakukan pada tradisi seni tatu masyarakat Iban. Tambahan pula, konsep pemeliharaan terhadap kearifan tradisi masyarakat Iban adalah bergantung kepada jenis-jenis warisan yang dimiliki oleh mereka dan tidak sama dengan etnik lain.

Dalam memelihara tradisi seni tatu masyarakat Iban, maka masyarakat Iban perlu menitikberatkan beberapa aspek penting agar tradisi tersebut kekal utuh bagi memperlihatkan kekuatannya di dalam kebudayaan mereka. Tambahan pula, memandangkan tradisi seni tatu merupakan tradisi yang bersifat sakral, mistik dan suci dalam budaya masyarakat Iban, secara tidak langsung, mereka telah memelihara tradisi seni tatu mereka. Ini kerana sebelum melakukan upacara mencacah tatu, masyarakat Iban melakukan ritual *Miring* terlebih dahulu bagi memperoleh keizinan daripada *Petara*.

Sehubungan dengan itu, ia memperlihatkan kefahaman masyarakat Iban tentang memelihara tradisi seni tatu mereka yang kemudiannya disusuli dengan bentuk-bentuk tindakan tertentu.

5.2 Ideologi Konsep Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban



Rajah 5.1: Ideologi konsep pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban (Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

5.2.1 Alam Semula Jadi (Lingkungan dan Persekitaran)

Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka bukan sahaja mendiami alam semula jadi, malah berkongsi dengan makhluk-makhluk ghaib yang berada di lingkungan dan persekitaran yang didiami oleh mereka. Kewujudan alam semula jadi yang terbentang luas menyajikan sumber-sumber rezeki, tempat perlindungan sehingga membentuk kepada amalan kepercayaan dalam diri masyarakat Iban. Tambahan pula, alam semula jadi yang terdapat di kawasan lingkungan dan persekitaran adalah menjadi wadah kepada masyarakat Iban untuk mengembangkan populasi, membentuk ketamadunan, kearifan tradisi, kesenian serta kebudayaan mereka.

Masyarakat Iban membina penempatan rumah panjang di kawasan persekitaran yang strategik bagi memperoleh sumber-sumber alam semula jadi yang lebih banyak kerana peningkatan populasi mereka yang sedang berkembang. Masyarakat Iban menggunakan dan memanfaatkan sumber alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka tanpa mengeksploitasi secara besar-besaran. Ini kerana masyarakat Iban hanya menggunakannya bagi memenuhi keperluan tertentu dalam kehidupan seharian mereka. Dengan ini, dapat dilihat bahawa masyarakat Iban kebiasaannya generasi tua masih lagi mendiami rumah panjang sehingga kini dimana ia dikelilingi dengan sumber-sumber alam semula jadi.

Apabila masyarakat Iban mendiami alam semula jadi, maka mereka mempercayai bahawa setiap perbuatan dan tindakan mereka dalam melakukan sesuatu perkara sentiasa diperhatikan oleh makhluk-makhluk ghaib. Justeru itu, masyarakat Iban sebagai manusia yang dianggap sebagai makhluk estetik perlu bijak dalam memanfaatkan sumber-sumber alam semula jadi yang terdapat di kawasan lingkungan dan persekitaran mereka agar tidak mendatangkan malapetaka ke atas mereka. Dalam kehidupan seharian masyarakat Iban, penciptaan tradisi seni tatu adalah bermula dari naluri semula jadi yang terlahir daripada proses pengamatan dan pemerhatian mereka terhadap alam semula jadi. Ini kerana kewujudan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran masyarakat Iban menggerakkan pemikiran mereka untuk memenuhi keperluan naluri penciptaan tradisi seni tatu. Perkembangan pennghasilan tradisi seni tatu adalah berlaku kerana masyarakat Iban berinspirasi dengan menjadikan alam semula jadi sebagai penggerak minda dalam mencetuskan idea, kreativiti, seni dan inovasi. Tambahan pula, ia memperlihatkan keupayaan masyarakat Iban dalam menggunakan sumber alam semula jadi sebagai penyumbang idea kepada penghasilan motif tatu.

Selain itu, masyarakat Iban bukan sahaja memanfaatkan dan menggunakan sumber alam semula jadi, malah mereka juga memahami sifat-sifat bahan untuk disesuaikan kepada keperluan penciptaan tradisi seni tatu. Walaupun berlaku perubahan zaman, pertembungan budaya, serta arus globalisasi, namun ia tidak menghalang masyarakat Iban untuk terus menggunakan sumber alam bagi melestarikan tradisi seni tatu yang seterusnya untuk dilegasikan sebagai warisan dan kebudayaan mereka.

5.2.2 Budaya

Berdasarkan kepada budaya masyarakat Iban pada zaman dahulu, mereka sangat berpegang teguh kepada ajaran nenek moyang mereka yang diperturunkan secara bergenerasi. Tambahan pula, dapat dilihat bahawa walaupun berlakunya kedatangan agama-agama besar seperti Kristian dan Islam, namun masih terdapat dalam kalangan masyarakat Iban pada zaman sekarang yang masih lagi mengamalkan ajaran nenek moyang mereka untuk beberapa tujuan tertentu. Sebagai contoh, golongan lelaki Iban melakukan upacara mencacah tatu bertujuan bagi memohon perlindungan dan kekuatan daripada kuasa-kuasa luar biasa. Dalam budaya masyarakat Iban, pengamalan ritual, adat istiadat serta amalan kepercayaan warisan masih lagi diterapkan di samping menjadi teras pembentukan kebudayaan mereka sehingga pada zaman sekarang. Penggunaan motif tatu Iban telah menjadi simbol, identiti dan jati diri juga dapat membezakan masyarakat Iban dengan etnik yang lain. Sehubungan dengan itu, tradisi seni tatu masyarakat Iban perlu dikekalkan agar ia terus berkembang di dalam kehidupan yang diwarisi oleh generasi mereka pada masa akan datang.

5.2.3 Rumah Panjang

Pada zaman dahulu, rumah panjang merupakan sebuah kediaman yang menempatkan sebahagian besar masyarakat Iban. Sesebuah rumah panjang didiami oleh puluhan keluarga dan setiap daripadanya mempunyai bilik masing-masing. Tambahan pula, hampir semua penghuni di rumah panjang masyarakat Iban adalah dikatakan mempunyai pertalian keluarga yang erat di antara satu sama lain. Kebiasaannya, setiap penempatan masyarakat Iban diketuai oleh *Tuai Rumah* yang berperanan mengawal dan melihat setiap perilaku dan tindakan anggotanya. Selain itu, rumah panjang bukan sahaja menjadi kawasan penempatan masyarkat Iban, malah sebagai tempat bagi mereka menjalankan pelaksanaan upacara ritual, adat istiadat, penyimpanan dan penjagaan harta warisan dan pusaka, penyimpanan hasil-hasil ekonomi tradisional, perkongsian idea dan pengalaman serta penggubalan undang-undang adat yang disepakati oleh semua penghuni rumah panjang bagi setiap kesalahan. Tambahan pula, setiap rumah panjang masyarakat Iban mampu menempatkan puluhan keluarga. Ini kerana konsep rumah panjang Iban adalah dilihat dari aspek penyatuan kelompok besar dan ia dibina berdasarkan kepada amalan kepercayaan yang diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka. Sehubungan dengan itu, walaupun kebanyakan generasi muda dalam kalangan masyarakat Iban mula berhijrah ke kawasan bandar, akan tetapi rumah panjang mereka masih lagi utuh dan kekal terpelihara sehingga ke zaman sekarang.

Menurut informan Dato Edmund Langgu Saga (87), penempatan masyarakat Iban di rumah panjang sangat menekankan konsep kesejahteraan, perpaduan dan keharmonian hidup. Sebelum wujudnya studio pembuatan tatu secara meluas di Sarawak, masyarakat Iban mempunyai kaedah dan konsep pembuatan tatu yang tersendiri dan bersifat tradisional.

Secara umumnya, tradisi seni tatu merupakan satu tradisi budaya yang penting dalam kebudayaan masyarakat Iban yang dilakukan di rumah panjang kerana mereka menyanjung tinggi terhadap golongan individu yang memiliki tatu. Idea dan kearifan tradisi ini dibangunkan oleh masyarakat Iban sejak pada zaman dahulu dan telah diwarisi secara turun temurun sebagai keupayaan intelektual mereka dalam membangunkan dan memelihara warisan budaya nenek moyang.

Melalui konsep ini, secara tidak langsung mereka dapat meneruskan pengamalan upacara mencacah tatu ini dan mengembangkannya kepada generasi muda akan datang. Bagi masyarakat Iban yang memiliki daya kreativiti yang tinggi, mereka menggunakan kepandaian tersebut sebagai salah satu usaha untuk memvariasikan motif-motif tatu Iban dalam memelihara pengamalan tradisi seni tatu. Secara umumnya, tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu adalah merupakan kaedah saintifik yang difahami oleh penyelidik moden pada zaman sekarang. Namun begitu, pada hakikatnya, masyarakat Iban tradisional jauh dari mengenali dan memahami makna saintifik dalam memelihara tradisi seni tatu mereka. Ini kerana mereka memahami konsep pemeliharaan tersebut dilihat berdasarkan kepada sifat dan keterbukaan mereka dalam melihat dunia.

Dunia yang dilihat dan difahami oleh masyarakat Iban tradisional juga berkemungkinan akan bercanggah dengan idea dan pemikiran moden yang melihat sesuatu fenomena yang bersifat logik dalam menerangkan sesuatu perkara. Namun begitu, kefahaman tersebut dilihat tidak selari dengan kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban yang telah membentuk identiti dan budaya mereka melalui cara hidup nenek moyang mereka yang bergantung dengan kepercayaan terhadap budaya bertatu yang dimiliki. Jati diri ini adalah sesuatu perkara yang membezakan masyarakat Iban dengan etnik peribumi lain yang terdapat di Sarawak. Kebiasaannya, konsep pemeliharaan dalam perspektif

masyarakat Iban tradisional bukan sahaja bertujuan bertujuan untuk menjaga dan mengelakkan tradisi seni tatu daripada hilang, namun ia juga merupakan langkah untuk mengekalkan semangat dan aura sakral dalam fungsinya kepada masyarakat Iban. Perkara ini bertujuan untuk melihat tradisi seni tatu tersebut sebagai satu tradisi budaya yang berupaya untuk menolong, melindungi dan menjaga golongan yang memilkinya daripada ancaman musuh, gangguan roh, *Antu* dan semangat jahat serta memperoleh kesejahteraan hidup. Oleh itu, berdasarkan kepada Rajah 5.2, adalah memperlihatkan ideologi konsep pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban yang berperanan dalam pemeliharaan tradisi budaya tersebut berdasarkan kepada cara hidup dan kepercayaan mereka.

5.2.4 Interaksi Sosial

Masyarakat Iban merupakan sebuah kelompok masyarakat yang mendiami negeri Sarawak yang terletak di Kepulauan Borneo. Masyarakat Iban pada zaman dahulu telah mengamalkan migrasi sebelum mereka mula membina penempatan tetap di sesebuah kawasan yang strategik bagi memenuhi keperluan hidup. Setelah masyarakat Iban membina penempatan tetap di sesebuah kawasan, maka mereka mempunyai kelapangan masa untuk berkumpul bersama-sama bagi berkongsi pendapat tentang pengalaman, pengetahuan, kejadian-kejadian lepas, dan pemerhatian sekeliling yang menjadi kolektif memori dalam kalangan penghuni di rumah panjang. Dengan adanya perkongsian mengenai pengalaman hidup secara berkelompok, maka ia akan membentuk kepada ikatan sosial yang menjadi ilmu kearifan tradisi dalam budaya masyarakat Iban. Justeru itu, masyarakat Iban telah menghasilkan tradisi seni tatu yang didasari kepada ilmu kearifan tradisi dan seterusnya danggap sebagai sebuah perjalanan spiritual dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam interaksi sosial masyarakat Iban, pergaulan sesama mereka adalah penting bagi memperlihatkan kerjasama dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Dalam budaya masyarakat Iban, pelaksanaan ritual, adat istiadat serta amalan kepercayaan warisan memerlukan kerjasama mereka dalam melakukan persiapan bagi mengadap kuasa-kuasa luar biasa. Begitu juga dengan ilmu kearifan tradisi masyarakat Iban terhadap tradisi seni tatu di mana ia tidak dapat dibangunkan secara perseorangan. Ini kerana bagi membangunkan ilmu kearifan tradisi terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban, maka ia perlu dilihat dari segenap aspek dalam kehidupan mereka. Justeru itu, interaksi sosial masyarakat Iban di rumah panjang masih kuat diterapkan sehingga pada zaman sekarang dan dilegasikan dalam generasi mereka.

5.3 Warisan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Kearifan tradisi terhadap tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban telah berkembang dan membentuk warisan untuk dipelihara oleh generasi mereka yang seterusnya. Ini kerana generasi baru dalam masyarakat Iban dilihat sebagai golongan yang berkuasa dalam mengembangkan ilmu kearifan tradisi pada tradisi seni tatu, iaitu menetapkan prosedur daripada aspek penciptaan, penerapan konsep seni amalan kepercayaan dan fungsinya dalam budaya mereka.

Warisan masyarakat Iban merupakan budaya yang dikongsi secara bersama dan ia telah wujud ratusan tahun lagi. Menurut informan Dato Edmund Langgu Saga (87), beliau menyatakan bahawa masyarakat Iban tinggal bersama-sama kuasa-kuasa luar biasa di kawasan yang dikenali sebagai *Tembawai Tampun Juah* yang terletak di kawasan Kalimantan Barat, Indonesia. Memandangkan jarak interaksi masyarakat Iban sangat utuh dengan kuasa-kuasa luar biasa pada masa tersebut, maka ia diumpamakan seperti senipis

kulit terung. Pada masa yang sama, masyarakat Iban mula belajar, membina dan mengasah minda dan menerapkan segala kemahiran dalam menghasilkan, membuat pengolahan dan mencacah tatu untuk dijadikan sebagai tradisi budaya mereka.

Namun begitu, berlaku suatu konflik yang menyebabkan perpisahan kependudukan di antara masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa di kawasan *Tembawai Tampun Juah*. Masyarakat Iban telah berpindah ke Merakai, iaitu sebuah kawasan sempadan di antara Sarawak dan Indonesia yang bersempadankan Banjaran Bukit Kelingkang di Sri Aman. Setelah terpisahnya masyarakat Iban yang mendiami *Tembawai Tampun Juah*, maka kuasa-kuasa luar biasa telah meninggalkan pesanan dan mewariskan segala budaya dan kemahiran kepada masyarakat Iban. Ini kerana ia bertujuan agar masyarakat Iban sentiasa mengenang jasa dan mengingati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa sentiasa membantu masyarakat Iban apabila ditimpa kesusahan. Tradisi seni tatu yang ditinggalkan oleh kuasa-kuasa luar biasa melalui sumber lisan tadi telah menjadi teras dan identiti kepada masyarakat Iban sehingga pada masa sekarang.

5.3.1 Klasifikasi Warisan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Lazimnya, warisan dalam masyarakat Iban yang diperturunkan adalah merangkumi elemen-elemen budaya seperti objek, seni linguistik, kulinari tradisional, kearifan tradisi, adat istiadat serta busana tradisional. Dapat dinyatakan bahawa warisan dalam budaya masyarakat Iban memiliki makna yang hampir sama dengan perkataan pusaka. Dalam warisan masyarakat Iban, ia merangkumi aspek budaya, alam semula jadi dan entiti politik yang diperturunkan kepada kelompok mereka. Manakala, pusaka Iban pula merujuk kepada sesuatu harta benda yang diwarisi secara bergenerasi di dalam ahli keluarga tertentu sahaja. Berdasarkan kepada rajah 5.3, terdapat tiga klasifikasi warisan tradisi seni tatu dalam budaya

masyarakat Iban iaitu warisan alam semula jadi, warisan budaya atau sejarah dan warisan kesenian.



Rajah 5.2: Klarifikasi warisan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban (Sumber: Asri, 2024)

5.3.1.1 Warisan Alam Semula Jadi

Warisan alam semula jadi merupakan warisan daripada kewujudan alam semula jadi yang merupakan anugerah dan ciptaan oleh Tuhan yang Maha Kuasa kepada masyarakat Iban. Kewujudan alam semula jadi ini adalah ciptaan, kurniaan dan amanah dari Tuhan kepada masyarakat Iban selaku manusia sebagai khalifahnya. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat Iban bagi menjaga dan memelihara warisan alam semula jadi dengan sebaik-baiknya. Dengan adanya keistimewaan akal fikiran yang diberikan kepada masyarakat Iban adalah tidak wajar bagi mereka menzalimi setiap sesuatu yang diciptakan di muka bumi ini. Ini kerana setiap tingkah laku dan tindakan masyarakat Iban terhadap alam semula jadi akan memberikan kesan yang besar kepada keseluruhan hidup yang dijalani oleh mereka. Alam semula jadi juga merupakan wadah kehidupan yang utama bagi masyarakat Iban. Ini kerana alam semula jadi memberikan kehidupan kepada masyarakat Iban sehingga

berupaya membangunkan tradisi seni tatu yang berkembang menjadi salah satu warisan yang penting dalam budaya mereka.

Tambahan pula, alam semula jadi bukan sahaja memberikan sumber kehidupan, malah bentuk ilmu baru yang sewajarnya diterokai oleh masyarkat Iban bagi masyarakat Iban untuk membangunkan kearifan tradisi dan diperlihatkan pada penciptaan tradisi seni tatu. Bagi individu dalam kalangan masyarakat Iban yang bijak membuat tatu, maka ia memperlihatkan kepada keupayaan dan intelektual terhadap mencacah tatu yang diolah dan ditafsir daripada sumber-sumber alam semula jadi yang wujud di kawasan lingkungan dan persekitarannya. Justeru itu, alam semula jadi yang wujud di sekitar penempatan masyarakat Iban bukan sahaja sebagai idea kepada penciptaan motif tatu Iban malah sebagai suatu warisan besar dan terpenting untuk terus dikekalkan. Memandangkan alam semula jadi merupakan anugerah daripada kuasa pencipta yang besar, maka masyarakat Iban sebagai makhluk estetik yang dikurniakan akal dan pemikiran adalah ditugaskan bagi menerajui alam semula jadi dengan sebaik-baiknya.

Apabila masyarakat Iban dapat memikul tanggungjawab dengan baik dalam menjaga keharmonian dan keseimbangan alam semula jadi, maka mereka akan memperolehi ganjaran daru kuasa pencipta yang besar. Tambahan pula, kewujudan alam semula jadi juga dikaitkan dengan kuasa-kuasa luar biasa yang terdapat dalam ensera Iban, mantera, bebiau serta leka timang. Memandangkan masyarakat Iban mengambil idea dan inspirasi daripada alam semula jadi bagi membangunkan kearifan tradisi yang diperlihatkan pada tradisi seni tatu, maka mereka perlu mengurus sumber alam semula jadi tersebut dengan baik. Kearifan tradisi yang terdapat pada tradisi seni tatu adalah terhasil daripada keupayaan masyarakat Iban dalam memahami secara terperinci tentang sifat-sifat alam semula jadi yang wujud di persekitaran mereka. Selain itu, masyarakat Iban juga melakukan seni peniruan alam


terhadap pengelolaan dan penterjemahan terhadap kewujudan isi-isi alam untuk dijadikan idea bagi tradisi seni tatu dalam budaya mereka. Sehubungan dengan itu, dalam budaya masyarakat Iban, mereka perlu menjaga alam semula jadi sebagai satu warisan yang terpenting bagi mengekalkan keakraban hubungan iaitu melalui hubungan masyarakat Iban dengan masyarakat Iban, masyarakat Iban dengan alam semula jadi dan masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa.

5.3.1.2 Warisan Budaya Atau Sejarah

Kearifan tradisi masyarakat Iban yang diperlihatkan pada tradisi seni tatu terbentuk melalui sejarah yang panjang dan proses yang berperingkat. Kearifan tradisi masyarakat Iban dalam memahami secara terperinci serta memanfaatkan alam semula jadi yang terdapat di kawasan persekitaran mereka, maka akan terdapat warisan budaya atau sejarah mengenai peninggalan tradisi seni tatu yang dapat dilihat sehingga sekarang. Dalam budaya masyarakat Iban, warisan budaya atau sejarah mengenai tradisi seni tatu adalah merupakan hasil budaya yang didasari kepada kearifan tradisi yang dipraktikkan secara bergenerasi. Selain itu, warisan budaya atau sejarah pada tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban juga dapat dilihat sebagai perolehan masa lampau daripada peninggalan nenek moyang mereka. Apabila berlaku perubahan zaman dalam kehidupan masyarakat Iban, maka semakin banyak peninggalan warisan budaya atau sejarah oleh zaman sebelumnya kepada generasi mereka pada zaman sekarang. Peninggalan daripada zaman nenek moyang masyarakat Iban juga merupakan satu warisan secara bergenerasi kepada mereka. Berdasarkan kepada peninggalan zaman silam terhadap tradisi seni tatu yang didasari kepada kearifan tradisi oleh nenek moyang masyarakat Iban terdahulu, maka generasi muda mereka perlu belajar daripada sumber warisan tersebut untuk mengharungi kehidupan dengan lebih baik pada masa akan datang.

5.3.1.3 Warisan Kesenian

Berdasarkan kepada warisan masyarakat Iban yang seterusnya adalah warisan kesenian. Dalam budaya masyarakat Iban, warisan kesenian dalam rajah 5.4 adalah merupakan sesuatu yang dapat dilihat atau dilahirkan dalam dua bentuk, iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Bagi seni warisan budaya ketara, kewujudannya boleh dikaitkan dengan keperluan yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam kehidupan.



Rajah 5.3: Warisan kesenian dalam kebudayaan masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

5.3.1.3.1 Warisan Budaya Ketara

Berdasarkan kepada warisan budaya dalam masyarakat Iban, ia memiliki ruang lingkup yang luas kerana ia merangkumi bahan-bahan fizikal kebudayaan. Bahan-bahan ini juga memiliki komponen yang lengkap tentang aspek cara serta kaedah penggunaannya. Situasi ini telah diwarisi secara bergenerasi dalam kehidupan masyarakat Iban. Ini kerana ia memperlihatkan kegemilangan, keunggulan dan kearifan tradisi oleh masyarakat Iban. Kewujudan warisan budaya ketara dalam masyarakat Iban terhasil daripada kerangka

pemikiran dan falsafah alam semula jadi yang menjadikannya sebagai kearifan tradisi dalam kehidupan mereka.


5.3.1.3.2 Warisan Budaya Tidak Ketara

Dalam kehidupan masyarakat Iban, warisan budaya tidak ketara boleh dilihat daripada beberapa perspektif. Ini kerana ia menjurus kepada bentuk tersirat yang hanya untuk difahami, dilihat, diamati serta dialami oleh masyarakat Iban. Dalam budaya masyarakat Iban, warisan budaya tidak ketara adalah menjurus kepada sistem kearifan tradisi yang diperlihatkan pada tradisi seni tatu yang berbentuk abstrak, spiritual dan ritual.

Berdasarkan kepada kearifan tradisi sebagai warisan budaya tidak ketara dalam masyarakat Iban, ia diterapkan serta bergerak seiring dengan amalan, nilai dan norma hidup mereka. Selain itu, kearifan tradisi masyarakat Iban dapat dilihat melalui amalan kepercayaan kepada kuasa-kuasa luar biasa, petua, nasihat, perkara-perkara yang bersifat mistik dan pantang larang dalam masyarakat Iban. Dalam budaya masyarakat Iban, mereka berpegang teguh kepada falsafah hukum adat dan diperlihatkan melalui adat resam yang diamalkan.

Kearifan tradisi dalam masyarakat Iban juga memperlihatkan keupayaan mereka mencipta undang-undang tertentu untuk mengawal, menyelia, menyusun atur, menerima dan menolak nilai-nilai, amalan serta norma yang bertentangan dengan budaya yang dipraktikkan. Dalam organisasi sosial masyarakat Iban, ia boleh dilihat melalui kehidupan mereka di rumah panjang yang mempunyai ikatan sosial yang kukuh. Ia boleh diperlihatkan dalam suatu pelaksanaan aktiviti sama ada dalam bentuk spiritual atau bukan spiritual yang dilakukan secara bergotong-royong.

5.4 Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban



Rajah 5.4 Konsep pemeliharaan terhadap Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban (Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

5.4.1 Kearifan Tradisi

Kearifan tradisi yang dimiliki oleh masyarakat Iban telah berkembang dan membentuk kepada warisan untuk dilestarikan oleh generasi muda. Bagi masyarakat Iban, kearifan tradisi dilihat sebagai suatu pengetahuan dan amalan yang tersirat hasil daripada pemikiran serta akal budi dalam menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan mereka. Memandangkan masyarakat Iban mendiami alam semula jadi, maka alam yang wujud di kawasan lingkungan dan persekitaran mereka merupakan wadah atau sumber rujukan utama dalam menjalani kehidupan mereka.

Bagi masyarakat Iban, kearifan tradisi yang dimiliki oleh mereka memperlihatkan kepada keupayaan, kebijaksanaan serta pengetahuan dalam menjalani kehidupan mengikut persekitaran yang disesuaikan dengan amalan kepercayaan dan memenuhi keperluan hidup mereka. Kearifan tradisi tidak wujud dengan serta merta, akan tetapi ia melalui suatu proses yang panjang sehingga terbukti dan diakui manfaatnya di dalam kehidupan masyarakat Iban. Tambahan pula, kearifan tradisi masyarakat Iban wujud selari dengan budaya dipraktikkan dan ia diwarisi secara bergenerasi sebagai suatu disiplin ilmu kebudayaan mereka.

Dalam budaya masyarakat Iban, kearifan tradisi diinterpretasikan sebagai pengetahuan yang berasal daripada budaya mereka, mempunyai hubungan dengan alam semula jadi dan melalui sejarah yang panjang, beradaptasi dengan kawasan lingkungan dan persekitaran dan persekitaran dan keterbukaan dengan pengetahuan baru. Ini membawa maksud kepada kearifan tradisi masyarakat Iban yang berfungsi sebagai penapis kepada pengaruh-pengaruh luar yang cuba meresap masuk ke dalam budaya mereka. Tambahan pula, perubahan zaman dan arus globalisasi yang mewujudkan pengetahuan baru disesuaikan dengan kearifan tradisi tanpa mengubah maksud dan makna asal tradisi seni tatu agar ia dikekalkan dan dilegasikan sepanjang hayat dalam generasi masyarakat Iban.

Dalam kearifan tradisi masyarakat Iban, ia dipengaruhi oleh pengalaman peribadi, pengetahuan, personaliti budaya, status sosial, amalan kepercayaan serta jaringan kepada sumber-sumber alam semula jadi yang terdapat dalam kawasan lingkungan dan persekitaran mereka. Selain itu, ia juga merupakan suatu bidang ilmu kreativiti, inovasi tempatan serta konteks pengalaman hidup masyarakat Iban bersama alam semula jadi.

Kearifan tradisi masyarakat Iban dalam memanfaatkan alam semula jadi dalam penciptaan tradisi seni tatu dapat dilihat daripada naluri dan keupayaan mereka terhadap melakukan inovasi pada sumber-sumber alam semula jadi bagi memenuhi keperluan sama

ada dalam bentuk jasmani dan rohani. Melalui kebijaksanaan masyarakat Iban, mereka menginspirasikan hidupan alam semula jadi seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan untuk dijadikan sebagai motif tatu yang halus dan menarik.

Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51) yang merupakan seorang pembuat tatu menyatakan bahawa walaupun berlakunya perubahan zaman, akan tetapi material, fungsi dan kepenggunaan serta penghasilan tradisi seni tatu Iban pada hari ini masih lagi memperlihatkan kearifan tradisi masyarakat Iban yang seterusnya menjadi warisan kebudayaan untuk dipelihara oleh generasi seterusnya. Selain itu, tradisi seni tatu yang memperlihatkan kearifan tradisi masyarakat Iban kini menjadi suatu peninggalan yang berbentuk pusaka yang menjadi warisan terpenting dalam kebudayaan mereka. Apabila arus globalisasi melanda kehidupan masyarakat Iban pada zaman sekarang, ia telah menjadikan tradisi seni tatu yang dimiliki oleh mereka sebagai suatu warisan kesenian. Ini kerana kearifan tradisi masyarakat Iban yang disesuaikan dengan peredaran zaman telah menjadikan tradisi seni tatu sebagai satu tradisi budaya yang mempunyai nilai-nilai seni dan estetika. Ini kerana ia memperlihatkan kepada keupayaan dan tahap intelektual masyarakat Iban terhadap menjadikan sumber-sumber alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka bagi memenuhi keperluan hidup. Tambahan pula, ia juga sebagai suatu seni kemahiran hidup masyarakat Iban dalam menginovasikan sumber-sumber alam semula jadi, seperti bahan kayu menjadi bahan yang digunakan dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, tradisi seni tatu yang dihasilkan pada zaman sekarang memperlihatkan keindahan alam semula jadi dalam hasil kekemasan dan kehalusan jiwa masyarakat Iban itu sendiri.

5.4.2 Pelaksanaan Adat Istiadat, Ritual Dan Upacara Tradisional

Berdasarkan kepada budaya masyarakat Iban, tradisi seni tatu yang diamalkan oleh mereka akan diidentifikasikan sebagai tradisi budaya yang diperlihatkan kepada penghuni di rumah panjang. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban memahami bahawa setiap perkara yang baik perlu disambut dengan pelaksanaan ritual dan upacara *Gawai*. Menurut informan Dato Edmund Langgu (87), setiap perintah yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi adalah merupakan perintah yang wajib dipatuhi oleh masyarakat Iban. Setiap kehendak ataupun arahan daripada kuasa-kuasa luar biasa tersebut perlu dilaksanakan bersesuaian dengan kehendak mereka melalui pelaksanaan ritual *Miring*. Sekiranya individu tersebut ingkar dengan arahan yang diberikan oleh kuasa-kuasa luar biasa tersebut, maka dikhuatiri malapetaka atau bencana akan menimpa satu keluarga individu tersebut ataupun seluruh masyarakat Iban yang mendiami rumah panjang tersebut. Oleh itu, ritual *Miring* merupakan satu pelaksanaan ritual yang dilakukan oleh golongan pakar ritual seperti *Lemambang*, *Tuai Piring* dan *Tuai Beburung* bagi memohon keizinan dan kebenaran kepada *Petara* semasa ingin melakukan sesuatu perkara contohnya seperti pelaksanaan upacara mencacah tatu. Ini kerana tradisi seni tatu merupakan sesuatu amalan yang bersifat sakral dan memerlukan keizinan daripada *Petara* terlebih dahulu berdasarkan kepada mimpi yang dialami oleh seseorang individu tersebut.

Istilah *Miring* merujuk kepada satu ritual khas yang diadakan untuk menyembah dan memberi makanan kepada *Petara* atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain. Ritual ini dilakukan bertujuan untuk memanggil *Petara* dan para dewa bagi memohon keberkatan, menyokong, mengiring serta membantu mereka ketika melakukan sesuatu perkara.

Antara *Petara* yang diseru dalam ritual ini adalah *Keling, Bungai Nuing, Sempurai Bunsu Gerai, Laja Bungai Jawa*, dan *Orang Panggau Libau* bagi memberikan kekuatan kepada individu yang dicacah dengan tatu tersebut. Sebelum memulakan upacara mencacah tatu, *Lemambang* akan memulakan ritual *Miring* dengan mengorbankan sesuatu kepada *petara* dengan menyembelih seekor ayam iaitu ayam *Biring Gerunggang* (ayam kegemaran *Petara Panggau Libau* yang mempunyai bulu bewarna perang, kehitam-hitaman dan sedikit warna putih pada badannya) dan khinzir. Barang-barang yang diperlukan dalam pelaksanaan ritual *Miring* seperti beras putih, pulut, telur, bertih jagung, buah pinang, daun sirih, *Ai Tuak* (air tapai), dan tembakau akan disajikan kepada *Petara* dan dewa-dewi. Selain itu, golongan pakar ritual yang melaksanakan ritual *Miring* dan upacara utama perlu mengenakan pakaian tradisi yang lengkap agar kuasa-kuasa luar biasa dapat mengenali mereka sebagai golongan berbangsa Iban. Sehubungan dengan itu, kewujudan kausa-kuasa luar biasa dipercayai akan membantu masyarakat Iban dalam memenuhi keperluan yang diinginkan.

Dalam upacara mencacah tatu, ritual *Miring* dilakukan dengan tujuan menyembah *Petara* dan kuasa luar biasa yang lain. Upacara ritual *Miring* yang dilakukan sebelum upacara mencacah tatu merupakan sesuatu keperluan dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana tradisi seni tatu melambangkan sesuatu permulaan baharu dalam kehidupan masyarakat Iban terhadap sesuatu perkara. Tambahan pula, tradisi seni tatu juga dipercayai mempunyai hubungan dengan roh dan semangat yang membantu masyarakat Iban menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Setelah *Lemambang* membacakan *Sampi* kepada *Petara*, pembuat tatu akan mencacah tatu pada bahagian badan individu tersebut. Individu yang dicacah dengan tatu juga perlu bersedia menahan kesakitan akibat pukulan ringan pada permukaan kulit sepanjang upacara mencacah tatu dilakukan.

Kesakitan yang dihadapi oleh seseorang individu yang dicacah tatu dipercayai melambangkan pengorbanan dan kesanggupan mereka menerima anugerah dan *Pengaroh* daripada *Petara*. Justeru itu, individu yang bersedia untuk mempunyai tatu harus bersedia daripada aspek fizikal dan mental semasa menghadapi kesakitan sepanjang tempoh mencacah tatu dilakukan. Ini kerana proses mencacah tatu ini juga mengambil masa selama beberapa jam berdasarkan ukuran dan kerumitan saiz sesuatu motif tatu yang dicacah pada bahagian badan.



Rajah 5.5: Informan Ernesto Kalum Umpie (51) menggayakan busana Iban dan tatu beliau (Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.6: Golongan lelaki masyarakat Iban yang memiliki tatu
(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

5.4.3 Material Tradisi

Pada zaman dahulu, masyarakat Iban membangunkan kearifan tradisi mereka melalui pemanfaatan dan penggunaan sumber-sumber alam semula jadi sebagai material tradisi terhadap penciptaan tradisi seni tatu. Ini kerana kehidupan masyarakat Iban di Sarawak memperlihatkan kekayaan sumber alam semula jadi seperti kayu kayan dan sumber galian. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban memanfaatkan sumber-sumber alam semula jadi tanpa mengeksloitasinya secara besar-besaran untuk digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Dalam erti kata lain, masyarakat Iban menggunakan alam semula jadi bagi memenuhi keperluan utama serta mengelakkan pembaziran, menghormati anugerah Tuhan serta memastikan keseimbangan alam terhadap mengecapi keharmonian mereka. Selain itu, ia juga memperlihatkan kearifan tradisi masyarakat Iban terhadap menjaga keseimbangan dan mentadbir alam semula jadi sebaiknya sebagai suatu amanah daripada Maha Pencipta.

Kearifan tradisi masyarakat Iban dalam membangunkan sumber-sumber alam semula jadi sebagai material tradisi dalam tradisi seni tatu adalah dilihat dari aspek sakral dan bukan sakral. Ini kerana ia didasari kepada amalan kepercayaan warisan dan kosmologi masyarakat Iban. Mereka percaya bahawa setiap benda hidup atau bukan hidup yang terdapat di persekitaran mereka mempunyai roh atau semangat tertentu. Justeru itu, penghasilan tradisi seni tatu oleh masyarakat Iban yang memanfaatkan sumber-sumber daripada alam semula jadi sebagai material tradisi dipercayai mempunyai kaitan dengan kepercayaan warisan dan kosmologi mereka. Ini kerana sekiranya masyarakat Iban kurang memahami sifat-sifat alam semula jadi, maka mereka tidak mencapai perkembangan pengetahuan dan mengecapi proses kemajuan hidup.

Lazimnya, masyarakat Iban membangunkan material pembuatan tatu dengan menggunakan hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka seperti kayu belian, cecair daripada jelaga padi, serbuk arang daripada abu kayu yang dibakar, duri daripada pokok jeruk dan dedaun. Masyarakat Iban belajar menggunakan dan memanfaatkan hidupan alam semula jadi seperti flora dan fauna ini untuk dijadikan material yang digunakan untuk mencacah tatu. Selain itu, penerapan nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi seni tatu masyarakat Iban juga terinspirasi daripada hidupan-hidupan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka. Perkara ini diperlihatkan daripada pemikiran masyarakat Iban dalam mengadaptasikan motif-motif tatu mereka berdasarkan hidupan flora dan fauna yang terdapat di persekitaran mereka. Selain itu, nama-nama dan sifat bagi setiap tatu Iban juga diberikan berdasarkan kepada hidupan alam semula jadi tersebut. Masyarakat Iban juga mengadaptasi kisah-kisah *Petara*, dewa-dewi, *Antu* dan roh dalam kepercayaan mereka sebagai tanda bahawa mereka mempercayai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut dalam pengamalan budaya bertatu. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa alam semula

jadi yang didiami oleh mereka merupakan ciptaan daripada *Petara* yang mempunyai kuasa luar biasa yang lebih hebat daripada mereka. Justeru itu, masyarakat Iban menggunakan hasil alam semula jadi untuk dijadikan sebagai material dalam pembuatan tatu mereka.

Konsep material tradisi adalah merupakan satu bentuk pemeliharaan terhadap tradisi seni tatu masyarakat Iban. Sebagai contoh, tradisi pembuatan tatu tradisional yang dilakukan oleh golongan pakar pembuat tatu Iban. Langkah ini dilakukan bertujuan untuk menjaga dan memelihara tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban bersesuaian dengan kefahaman dan ilmu yang dimiliki oleh mereka. Masyarakat Iban mempunyai teknik pembuatan tatu tradisional yang tersendiri dalam kebudayaan mereka iaitu dikenali sebagai teknik ketukan. Teknik ketukan ini menggunakan jarum yang diikat pada bahagian hujung sebatang kayu belian yang telah dipotong. Manakala terdapat sebatang kayu lagi digunakan untuk melakukan ketukan pada kayu yang mempunyai jarum dicelup ke dalam dakwat tatu. Dalam proses pembuatan tatu menggunakan teknik tradisional ini, pembuat tatu akan melakukan pukulan ringan pada bahagian permukaan kulit dengan jarum yang dicelup pada dakwat bagi menghasilkan motif tatu. Pembuatan tatu menggunakan dakwat yang diperbuat daripada jelaga ini akan direbus dalam air tebu dalam tempoh yang lama. Kemudian, ia akan dibiarkan selama beberapa hari untuk mengalami proses penapaian. Tradisi pembuatan dakwat tatu menggunakan teknik tradisional ini merupakan satu kaedah bagi memelihara kualiti dan ketahanan dakwat tatu yang dihasilkan pada zaman dahulu. Ini kerana dakwat tatu yang dicacah pada permukaan kulit seseorang adalah bersifat kekal dan sukar untuk dihilangkan. Kaedah ini merupakan satu bentuk tradisi pembuatan tatu yang perlu dikekalkan kerana ia dilihat mempunyai ciri-ciri asal pada awal penciptaan tradisi seni tatu masyarakat Iban pada zaman dahulu.

Nilai-nilai kebudayaan masyarakat Iban dalam aspek pemeliharaan ini sangat dominan dipengaruhi oleh teknik pembuatan tatu tradisional berdasarkan kepercayaan warisan yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Secara umumnya, penghasilan motif tatu menggunakan kaedah tradisional ini masih menjadi tarikan daripada sesetengah pelanggan dan golongan individu yang ingin memiliki tatu pada zaman sekarang. Ini kerana teknik pembuatannya yang halus dan teliti serta melibatkan intuisi dalaman oleh pembuat tatu dipercayai dapat memberikan aura sakral tradisi budaya masyarakat Iban kepada golongan yang dicacah dengan tatu tersebut. Selain itu, penggunaan motif-motif tatu Iban yang dijadikan sebagai motif tatu yang utama yang dicacah pada bahagian badan merupakan satu langkah yang sesuai bagi memastikan tradisi seni tatu masyarakat Iban kekal terpelihara pada zaman sekarang. Justeru itu, dalam aspek pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban perlu menekankan elemen kebudayaan dan kepercayaan berdasarkan kepada idea dan falsafah masyarakat Iban. Proses ini dilakukan bertujuan untuk mengekalkan nilai-nilai tradisi dalam pembuatan tatu masyarakat Iban bagi memastikan keaslian budayanya terpelihara.

Seiring dengan peredaran zaman dan globalisasi, teknologi pembuatan tatu dalam budaya masyarakat Iban juga dilihat semakin berkembang iaitu dengan penggunaan mesin dalam penghasilannya. Teknologi dalam pembuatan tatu Iban pada zaman sekarang dilihat lebih mengutamakan kebersihan dalam aspek penghasilan dakwat tatu dan proses mencacah tatu. Proses pembuatan tatu Iban menggunakan teknik moden ini dilihat lebih menjimatkan masa dan membantu proses cacahan tatu dengan lebih kemas. Di samping itu, kebersihan peralatan yang digunakan untuk mencacah tatu juga amat dititikberatkan oleh golongan pembuat tatu. Sebagai contoh, penggunaan cecair alkohol yang digunakan untuk membersihkan peralatan yang digunakan untuk membuat tatu, penggunaan sarung tangan

plastik semasa melakukan upacara mencacah tatu, dan penggunaan ubat bius yang diberikan pada golongan individu yang dicacah tatu.

Dengan adanya prosedur seperti ini, ia dapat mengurangkan risiko untuk memudaratkan golongan individu yang dicacah dengan tatu tersebut mengalami kesakitan semasa upacara mencacah tatu dilakukan dan kualiti penghasilan tatu juga dapat dilakukan dengan lebih mudah. Ini kerana konsep pengamalan budaya bertatu pada zaman sekarang adalah berfungsi sebagai perhiasan dan juga pengkomersialan. Walaupun tradisi pembuatan tatu Iban pada zaman sekarang telah mengalami perubahan dalam pelbagai aspek, matlamat asal tradisi seni tatu tersebut masih lagi memperlihatkan identiti asal kebudayaan masyarakat Iban.

5.4.4 Tradisi Pembuatan Tatu Iban

Seseorang individu yang mempelajari teknik pembuatan motif tatu yang sesuai, berkualiti tinggi, halus dan mempunyai makna yang mendalam sememangnya sukar melainkan pembuat tatu tersebut dikurniakan bakat semula jadi dan golongan-golongan tertentu sahaja yang berkelayakan untuk menghasilkan motif-motif yang mempunyai kuasa luar biasa atau semangat. Kebiasaannya, pencacah tatu yang baru mempelajari cara membuat tatu akan membuat motif tatu yang mudah dan sederhana sahaja. Mereka tidak akan membuat motif-motif yang lebih rumit selagi mereka tidak mengalami mimpi dan mendapat *Pengaroh* daripada kuasa-kuasa luar biasa.

Berdasarkan kepada pendapat informan Ernesto Kalum Umpie (51), bagi masyarakat Iban, setiap motif tatu yang dicacah pada badan adalah berdasarkan kepada kosmologi mereka yang menggambarkan keagungan dan kebesaran *Petara*. Oleh itu, setiap motif tatu yang dicacah pada badan dipercayai mempunyai kuasa luar biasa yang wujud bagi

melindungi pemiliknya. Justeru itu, golongan pembuat tatu masyarakat Iban perlu berhati-hati dalam aspek pemilihan atau pembuatan sesuatu motif tatu. Jika mereka tersilap langkah, dikhuatiri akan memudaratkan diri mereka sendiri dan individu yang dicacah dengan tatu tersebut.

Dari perspektif masyarakat Iban pula, pemilihan motif tatu tidak hanya terhad kepada satu motif sahaja. Bagi mereka, pemilihan motif tatu adalah berdasarkan kepada aspek kehidupan seharian dan hasil daripada mereka berinteraksi dengan alam semula jadi dan alam ghaib. Ketiadaan had dalam kepercayaan animisme menyebabkan motif-motif tatu masyarakat Iban mempunyai nilai estetika dan unik. Memandangkan masyarakat Iban hidup dalam persekitaran yang mempunyai kuasa-kuasa luar biasa dan alam semula jadi, maka segala pengalaman, unsur-unsur kepercayaan dan keagamaan, dan keyakinan hidup diterapkan oleh mereka ke dalam tatu menerusi motif-motifnya yang dipercayai mencerminkan kekuasaan kuasa-kuasa luar biasa, roh dan semangat pada tatu.

Menurut informan Robinson Unau Gaong (43), motif tatu yang dicacah pada anggota badan adalah hasil intuisi masyarakat Iban dan inspirasi daripada persekitaran mereka dan banyak menggambarkan keindahan alam semula jadi serta kepercayaan mereka kepada kuasa luar biasa dan nilai budaya masyarakat Iban itu sendiri. Sesetengah motif tersebut menggambarkan imej manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan sebagai simbol yang dianggap mewakili unsur-unsur alam semula jadi tersebut. Oleh kerana perhubungan masyarakat Iban dengan alam semula jadi yang amat rapat, mereka mencipta atau menghasilkan motif tatu berdasarkan kepada unsur-unsur alam semula jadi, dengan bantuan deria, seperti deria penglihatan, pendengaran, rasa, sentuhan dan hidu. Dalam konteks ini, hidupan flora dan fauna dianggap sebagai sesuatu yang mewakili unsur-unsur tersebut dalam

bentuk pengadaptasian sebagai simbol petanda dan penanda, ukiran, makna, motif, reka letak serta ragam hias.

Dalam konteks tersebut, apabila masyarakat Iban mendengar, melihat, menyentuh, merasa dan menghidu atau membayangkan keindahan fenomena alam semula jadi, maka timbul suatu inspirasi bahawa kesemua ciptaan daripada *Petara* mereka dijadikan sebagai idea bagi menghasilkan motif tatu. Sesetengah motif tatu yang dibuat berdasarkan kepada tafsiran corak-corak yang difahami oleh pembuat tatu dan masyarakat Iban itu sendiri. Ini kerana daripada motif-motif tersebut tergambar unsur-unsur kepercayaan masyarakat Iban kepada *Petara*, dewa-dewi, *Antu*, semangat dan roh nenek moyang mereka.

5.4.4.1 Teknik Pembuatan Tatu Tradisional

Menurut informan Ernesto Kalum Umpie (51) yang merupakan pembuat tatu, ia memerlukan bahan-bahan dan peralatan tertentu daripada sumber alam semula jadi. Beliau juga menjelaskan bahawa kebanyakan motif tatu masyarakat Iban diperolehi daripada inspirasi mereka terhadap persekitaran dalam kehidupan seharian mereka. Peralatan asas yang digunakan untuk mencacah tatu ini ialah pemegang kayu dan jarum. Jarum tersebut diikat pada hujung pemegang kayu tersebut. Kedua-dua bahan ini juga diperbuat daripada sumber alam semula jadi iaitu kayu belian. Kayu belian digunakan bagi menghasilkan peralatan ini kerana sifat semula jadinya yang tahan lasak, kuat dan mampu terdedah dengan pelbagai perubahan cuaca. Dalam proses pembuatan tatu ini, pukulan ringan akan dilakukan pada permukaan kulit dengan jarum yang telah dicelup pada dakwat bagi menghasilkan motif tatu.

Pada zaman sekarang, peralatan untuk mencacah tatu secara tradisional kurang digunakan oleh kebanyakan pembuat tatu. Ini kerana dengan adanya teknologi seperti penggunaan mesin dalam upacara mencacah tatu telah memudahkan proses mencacah tatu. Namun begitu, pembuatan tatu secara tradisional masih lagi dikekalkan pada zaman sekarang kerana kebanyakan individu tertarik dengan ketelitian dan kehalusan hasil seni golongan pembuat tatu tersebut.

Pembuatan tatu secara tradisional adalah dengan menggunakan dakwat yang diperbuat daripada jelaga periuk yang direbus dalam air tebu dalam tempoh beberapa jam. Kemudian, ia akan dibiarkan selama beberapa hari untuk mengalami proses penapaian. Perkara ini dilakukan untuk memelihara kualiti ketahanan dakwat yang dihasilkan. Masyarakat Iban menamakan dakwat yang diperbuat dengan cara ini dengan istilah *Alung.* Dalam penghasilan tatu, *Alung* ini akan dicampur dengan pelbagai jenis minyak pemanis supaya kesan cacahan tersebut kelihatan lebih cantik, menyerlah dan juga sebagai perlindungan kepada kulit.



Rajah 5.7: Pemegang kayu diperbuat daripada kayu belian digunakan bagi mencacah tatu
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.8: Informan Louis Samai (33) melakukan upacara mencacah tatu menggunakan teknik pembuatan tradisional

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Menurut informan Louis Samai (33), penghasilan motif tatu secara tradisional ini menggunakan teknik ketukan yang menggunakan pemukul yang diperbuat daripada tanduk rusa serta sebatang kayu untuk meletakkan jarum yang dicipta digunakan untuk mencacah tatu. Pembuatan tatu dengan menggunakan kaedah tradisional juga adalah lebih sukar kerana kekuatan tangan, kesabaran dan ketelitian amat dititikberatkan oleh pembuat tatu bagi menghasilkan motif tatu yang halus, kemas dan lebih berkualiti.

Dalam upacara mencacah tatu, ritual *Miring* dilakukan dengan tujuan menyembah *petara* dan kuasa luar biasa yang lain. Upacara ritual *Miring* yang dilakukan sebelum upacara mencacah tatu merupakan sesuatu keperluan dalam budaya masyarakat Iban. Ini kerana tradisi tatu melambangkan sesuatu permulaan baharu dalam kehidupan masyarakat Iban terhadap sesuatu perkara. Tambahan pula, tradisi tatu juga dipercayai mempunyai hubungan dengan roh dan semangat yang membantu masyarakat Iban menghadapi cabaran

dalam kehidupan seharian mereka. Setelah *Lemambang* membacakan *Sampi* kepada *Petara,* pembuat tatu akan mencacah tatu pada bahagian badan individu tersebut. Individu yang dicacah dengan tatu juga perlu bersedia menahan kesakitan akibat pukulan ringan pada permukaan kulit sepanjang upacara mencacah tatu dilakukan. Kesakitan yang dihadapi oleh seseorang indinvidu yang dicacah dengan tatu dipercayai melambangkan pengorbanan dan kesanggupan mereka menerima anugerah dan *Pengaroh* daripada *Petara*. Justeru itu, individu yang bersedia untuk mempunyai tatu harus bersedia daripada aspek fizikal dan mental semasa menghadapi kesakitan sepanjang tempoh mencacah tatu dilakukan. Ini kerana proses mencacah tatu ini juga mengambil masa selama beberapa jam berdasarkan ukuran dan saiz sesuatu motif tatu yang ingin dicacah pada bahagian anggota badan.

Dalam masyarakat Iban, setiap motif tatu yang dicacah pada badan mempunyai cerita atau sejarahnya yang tersendiri. Cerita-cerita tersebut disampaikan menerusi kepercayaan, kosmologi, dan legenda mereka. Oleh itu, setiap penciptaan motif tatu mengandungi makna simbolik dan falsafah yang digambarkan menerusi imej-imej dan warna tertentu. Sebagai contoh, warna hitam untuk menghasilkan dakwat tatu menggambarkan suasana semasa berada di alam *Sebayan* (alam kematian). Motif tatu *Entegulun* dipercayai merupakan simbol keberanian dan kepahlawanan. Manakala, motif tatu *Remaung, Nabau, Kala Pah* dan *Antu Gerasi* pula melambangkan simbol kegagahan, kebijaksanaan, kekuatan, ketangkasan, dan kemegahan.

5.4.4.2 Teknik Pembuatan Tatu Moden



Rajah 5.9: Peralatan dan bahan yang digunakan untuk pembuatan tatu moden
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Seiring dengan arus pemodenan zaman dalam budaya Iban, tradisi seni tatu bukan sahaja menggambarkan identiti budaya masyarakat Iban, malah ia berkembang menjadi sebahagian daripada fesyen, trend dan pengkomersialan. Tradisi seni tatu juga mengalami pelbagai perubahan daripada motif tatu dan juga teknik pembuatannya. Pada zaman sekarang, pembuatan tatu dengan menggunakan mesin elektrik lebih mempercepatkan proses mencacah tatu dan tidak mendatangkan kesakitan terhadap individu yang dicacah tatu. Pada peringkat awal penghasilan tatu moden, individu yang ingin memiliki tatu akan memilih motif tatu yang bersesuaian untuk dicacah pada bahagian badan mereka terlebih dahulu. Individu yang ingin memiliki tatu juga akan berbincang terlebih dahulu bersama pembuat tatu berkaitan tentang reka letak tatu yang akan dicacah. Motif tatu yang dipilih akan dilukis terlebih dahulu pada kertas minyak dan direnjiskan dengan sedikit air.



Rajah 5.10: Proses menekapkan kertas minyak yang mempunyai motif tata pada bahagian lengan (Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.11: Proses melukis garisan motif tatu pada bahagian lengan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.12: Pembuat tatu mula mencacah tatu mengikut garisan sedikit demi sedikit

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.13: Setelah selesai proses mencacah tatu, motif tatu ini disapu dengan cecair Wax supaya dakwat tidak keluar daripada garisan.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Pembuat tatu juga menyembur cecair antiseptik pada bahagian kulit yang dicacah dengan tatu. Kemudian, pembuat tatu mencukur dan membersihkan bulu-bulu halus pada bahagian kulit bagi memudahkan proses mencacah tatu dilakukan. Selepas pembersihan pada bahagian kulit dilakukan, kertas minyak yang mempunyai lukisan motif tatu tadi ditekapkan pada bahagian kulit yang dicacah dengan tatu. Kemudian, pembuat tatu membuat lakaran awal pada bahagian kulit yang dicacah dengan tatu berdasarkan motif tatu yang dipilih dan dilukis pada kertas minyak tadi.

Pembuat tatu juga memastikan peralatan dan bahan-bahan yang digunakan untuk membuat tatu disediakan terlebih dahulu sebelum upacara mencacah tatu dilakukan. Pembuat tatu juga memakai sarung tangan plastik yang khas dan menyediakan tisu bagi memastikan proses mencacah tatu dilakukan dalam persekitaran yang bersih. Kemudian, pembuat tatu mencelup jarum mesin tatu dengan menggunakan dakwat khas bewarna hitam untuk dicacah pada bahagian kulit. Pembuat tatu akan mengulangi proses yang sama sehingga selesai menyiapkan cacahan motif tatu tersebut.

Setelah selesai menyiapkan cacahan tatu tersebut, motif tatu ini disapu dengan sejenis cecair khas supaya dakwat tidak keluar daripada garisan motif tatu yang dicacah tersebut. Teknik pembuatan tatu moden juga tidak mendatangkan kesakitan pada bahagian kulit. Menurut informan Robinson Unau Gaong (43), tempoh pembuatan tatu menggunakan teknik moden tidak memakan masa yang lama berbanding menggunakan teknik tradisional. Ini kerana pembuatan tatu menggunakan teknik moden menggunakan mesin elektrik lebih menjimatkan masa dan efisien dalam pembuatan tatu.



Rajah 5.14: Proses mencacah tatu menggunakan mesin
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

5.4.5 Pembangunan Tradisi Seni Tatu Masyarakat Iban

Kesenian merupakan tunjang kepada pembentukan kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak sejak turun-temurun lagi. Dengan adanya kesenian, maka identiti masyarakat Iban lebih terserlah dan dapat dikenali oleh masyarakat luar. Warisan pada tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban disampaikan secara lisan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban banyak memperlihatkan unsurunsur seni yang dihasilkan oleh golongan pembuat tatu.

Tradisi seni tatu adalah hasil seni yang dicipta bagi beberapa tujuan tertentu, akan tetapi digubah dengan memasukkan unsurunsur seni yang memperlihatkan bentuk yang indah dan menarik. Penghasilan motif tatu sangat memerlukan kepada proses awal sehinggalah proses akhir cacahannya. Dalam melakukan upacara mencacah tatu, maka seseorang individu itu memerlukan deria pengamatan estetika yang tinggi bagi memberikan idea gubahan dan reka bentuk yang menarik.

Pada zaman sekarang, kearifan tradisi masyarakat Iban bagi membangunkan tradisi seni tatu sebagai suatu hasil seni adalah melalui tingkat keupayaan dan daya intelektual oleh seseorang individu yang menggerakkan deria menggunakan kemahiran tangan, dikeluarkan atau tanpa menggunakan alat atau peralatan yang mudah dijalankan secara persendirian. Tradisi seni tatu merupakan hasil seni warisan yang diwarisi daripada nenek moyang masyarakat Iban pada zaman dahulu. Penciptaan tradisi seni tatu kaya dengan ilmu kearifan tradisi, unsur-unsur budaya masyarakat Iban, dan ini jelas dilihat melalui reka bentuk, penggayaan, garisan, penggunaan bahan daripada alam semula jadi dan warna. Tradisi seni tatu melambangkan hubungan erat antara masyarakat Iban masyarakat Iban, masyarakat Iban dengan alam semula jadi, dan masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa. Setelah kedatangan agama-agama besar, seperti Kristian dan Islam, maka sedikit sebanyak telah mengubah haluan kepercayaan masyarakat Iban terhadap tradisi seni tatu. Masyarakat Iban telah mengetahui dan menyedari tentang keesaan tuhan yang menguasai alam semesta. Masyarakat Iban menganggap alam semula jadi sebagai suatu hiasan yang berfungsi bagi menyerikan kehidupan sementara di dunia dan kehidupan yang kekal di alam akhirat.

Tradisi seni tatu sebagai ciptaan hasil seni masyarakat Iban ini jelas menunjukkan kearifan tradisi dalam penghasilannya. Ini jelas digambarkan melalui aspek ragam hias atau motif, kosmologi, amalan kepercayaan warisan serta penggunaan bahan daripada alam semula jadi yang digubah pada bentuk asalnya untuk diperlihatkan pada tatu masyarakat Iban. Ia jelas menggambarkan tentang amalan budaya masyarakat Iban yang dipraktikkan sejak zaman nenek moyang mereka.

Pada zaman dahulu, tradisi seni tatu merupakan amalan kebudayaan yang dilakukan oleh masyarakat Iban atas beberapa tujuan tertentu yang mendasari kepada kepercayaan warisan mereka. Apabila berlaku arus pemodenan dan globalisasi, maka tanggapan


masyarakat Iban terhadap tradisi seni tatu mula berubah meskipun ia masih lagi dikenali sebagai amalan budaya mereka. Ini kerana pemodenan yang berlaku menyebabkan tradisi seni tatu dilihat sebagai hasil seni lukisan yang menarik. Walau bagaimanapun, masyarakat Iban masih mengekalkan ilmu kearifan tradisi pada tradisi seni tatu sebagai simbol kebudayaan mereka yang utama. Masyarakat Iban membangunkan kearifan tradisi dalam menciptakan tradisi seni tatu sebagai warisan kesenian dan kebudayaan mereka.

Kewujudan tradisi seni tatu sebenarnya adalah salah satu cerminan kepada masyarakat Iban yang bertamadun atau mempunyai daya intelektual yang tinggi. Kearifan tradisi masyarakat Iban dalam membaca dan menilai bentuk dan sifat alam semula jadi meyebabkan mereka mampu menjadikan alam semula jadi sebagai simbol serta sumber idea dan falsafah yang diterjemahkan ke dalam penciptaan tradisi seni tatu. Justeru itu, sifat alam semula jadi melahirkan nilai penciptaan tradisi seni tatu sekaligus memperlihatkan kehalusan hasil tangan serta nilai-nilai estetika dalam budaya masyarakat Iban.

Pada zaman dahulu, tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban dipraktikkan untuk beberapa tujuan tertentu yang didasari kepada amalan kepercayaan warisan mereka. Apabila berlaku perubahan zaman, maka pembuat tatu mula mencari sumber idea melalui kearifan tradisi terhadap kewujudan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka. Dalam penghasilan tradisi seni tatu, ia melibatkan sumber belajar daripada kewujudan alam semula jadi yang membentuk kepada kearifan tradisi masyarakat Iban.

Bagi menghasilkan tatu, maka pembuatnya memerlukan sudut penghayatan yang tinggi terhadap alam semula jadi bagi memperoleh idea dan inspirasi bagi memastikan motif tatu yang dihasilkan mempunyai nilai seni dan estetika. Melalui kewujudan alam semula jadi yang terbentang luas dan disesuaikan dengan cara hidup masyarakat Iban, maka mereka dapat memperlihatkan keindahannya pada tradisi seni tatu. Dapat dinyatakan bahawa

kerangka pemikiran masyarakat Iban adalah terbina daripada alam semula jadi dan seterusnya menyumbang kepada kreativiti dalam melahirkan tradisi seni tatu yang memperlihatkan nilai-nilai seni dan estetika yang tersendiri dalam budaya mereka.



Rajah 5.15: Konsep tradisi seni tatu sebagai hasil seni budaya masyarakat Iban
(Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Bagi menganalisis hasil tangan dan kreativiti hasil tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban, maka ia didasari kepada tafsiran alam semula jadi sepertimana dalam Rajah 5.16. Berdasarkan kepada komponen bentuk tampak dalam tradisi seni tatu, ia merupakan suatu hasil yang dilhamkan daripada imaginasi pembuatnya kepada bentuk realiti. Ini kerana ia dipengaruhi oleh naluri mereka terhadap menghasilkan tatu bagi memenuhi keperluan sama ada dalam bentuk rohani ataupun jasmani. Bagi elemen bentuk tampak tradisi seni tatu, ia terjana secara tidak langsung hasil daripada hasil tangan pembuatnya terhadap menzahirkan dan merealisasikan keperluannya di dalam budaya masyarakat Iban. Manakala, komponen unsur alam semula jadi pula, ia merupakan subjek idea bagi penghasilan bentuk tampak bagi memperlihatkan seni rupa pada tradisi seni tatu. Unsur-unsur alam semula jadi

pada tradisi seni tatu adalah diperolehi daripada kawasan persekitaran yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Iban. Subjek idea daripada unsur-unsur alam semula jadi dijadikan sebagai inspirasi dalam menciptakan bentuk tampak serta ragam hias pada motif tatu.

Lazimnya, ragam hias yang diperlihatkan pada motif tatu masyarakat Iban adalah penggunaan motif-motif alam semula jadi daripada imej flora dan fauna. Selain itu, unsurunsur alam semula jadi terhadap penciptaan tradisi seni tatu adalah dilihat kepada hasil tangan dan kreativiti pembuat tatu. Ini kerana kebanyakan pembuat tatu menggunakan bahan kayu belian yang dipotong menjadi batang kayu yang dipasangkan dengan jarum bagi mencacah tatu. Bagi menghasilkan cacahan motif tatu yang halus dan menarik, maka ia memerlukan kepada ketekunan dan kemahiran yang tinggi memandangkan sifat bahan kayu belian yang keras dan cecair dakwat yang digunakan juga tidak mengotori sebahagian anggota badan individu yang dicacah dengan tatu. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa pembuat tatu memanfaatkan dan menginspirasikan sumber alam semula jadi dalam mengolah motif tatu kepada bentuk yang lebih menarik.



Rajah 5.16: Informan Ernesto Kalum Umpie melakukan upacara mencacah tatu menggunakan batang kayu yang diperbuat daripada kayu belian

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.17: Tradisi seni tatu yang dihasilkan pada zaman sekarang sebagai salah satu hasil seni masyarakat Iban

(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)

Seterusnya, adalah merujuk kepada jiwa dan falsafah masyarakat Iban. Jiwa dan falsafah masyarakat Iban merupakan elemen terpenting yang berkaitan dengan dalaman mereka. Elemen ini adalah berkaitan dengan tingkat keupayaan terhadap pengamatan terhadap alam semula jadi dalam membentuk kerangka pemikiran mereka terhadap menggabungkan unsurunsur mistik dan logik akal mereka dalam penciptaan tradisi seni tatu memperlihatkan kepada daya intelektual. Ini kerana ia mendorong kepada masyarakat Iban untuk membentuk kerangka pemikiran dan memperlihatkan tingkat keupayaan bagi menyelesaikan konflik yang berlaku terutamanya melibatkan hubungan masyarakat Iban dengan masyarakat Iban, masyarakat Iban dengan alam semula jadi, dan masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, jiwa dan falsafah masyarakat Iban dapat dilihat melalui perkembangan tradisi seni tatu daripada tujuan asalnya yang mendasari kepada kepercayaan warisan dan seterusnya menjadikannya sebagai hasil seni yang dikembangkan pada zaman sekarang.

Pembangunan terhadap tradisi seni tatu masyarakat Iban juga turut mengadaptasi konsep pemeliharaan tradisional dalam kaedah pemuliharaannya. Konsep pembangunan tradisi seni tatu Iban ini merupakan salah satu usaha bagi menghidupkan semula pengamalan tradisi budaya dengan mewujudkan suasana dan amalan tersebut secara nyata yang bertujuan memelihara warisan budaya. Dengan adanya konsep pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban, pengunjung ataupun pelanggan yang datang ke studio pembuatan tatu ataupun pameran tatu Iban dapat merasai dan melihat suasana secara tidak langsung proses pembuatan tatu Iban menggunakan kaedah tradisional.

Salah satu langkah yang dilakukan terhadap pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban adalah dengan menganjurkan program kebudayaan seperti pameran Kuching Tattoo Festival 2022 dan Miri Tattoo Festival 2022 yang dilaksanakan oleh perbadanan warisan kesenian dan kebudayaan negeri Sarawak. Berdasarkan kepada pelaksanaan program ini, ia menghimpunkan pelbagai golongan pakar pembuat tatu Iban dan golongan yang pakar dalam kebudayaan Iban dari pelbagai daerah yang terdapat di Sarawak. Jika diperhatikan dalam konteks kesenian dan kebudayaan, program ini banyak mengetengahkan tentang aktiviti kebudayaan masyarakat Iban, keunikan motif-motif tatu Iban, kaedah pembuatan tatu secara tradisional yang merupakan warisan budaya masyarakat Iban yang diamalkan sejak bergenerasi dan perubahan peranan tatu kepada golongan individu yang memilikinya.

Pelaksanaan aktiviti dalam program kebudayaan masyarakat Iban ini juga merangkumi perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan keperluan mereka. Sebagai contoh, pelaksanaan ritual *Miring* yang dilakukan sebelum mengadakan pameran ini bagi memohon restu daripada kuasa-kuasa luar biasa, tarian *Ngajat*, pameran artifak-artifak budaya Iban seperti parang *Ilang*, kain *Pua Kumbu* dan *Tajau*, serta pemakaian busana tradisional Iban seperti baju burung, sirat dan *Ngepan* serta hasil kraf tangan Iban. Perkara

ini memperlihatkan bahawa kewujudan tradisi seni tatu masyarakat Iban bukan sahaja merupakan hasil seni yang bersifat sebagai pameran semata-mata, tetapi ia juga bertujuan untuk mempromosikan kebudayaan masyarakat Iban kepada masyarakat luar sebagai satu lambang ketamadunan masyarakatnya. Sehubungan itu, sebaik-baik usaha yang dilakukan untuk memelihara tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban ini adalah menerapkan amalan-amalan kebudayaan yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Perkara ini bertujuan untuk memelihara tradisi seni tatu masyarakat Iban secara realistik dan contoh yang paling dekat adalah seperti pelaksanaan upacara mencacah tatu menggunakan teknik pembuatan secara tradisional di Kampung Budaya Sarawak. Melalui langkah ini, sebuah pembangunan aspek pemeliharaan yang sistematik dapat dicapai secara keseluruhan dalam melakukan perlindungan terhadap warisan budaya tak ketara seperti tradisi seni tatu masyarakat Iban.

Dengan adanya penerapan konsep pemeliharaan tradisi seni tatu masyarakat Iban ini, ia dapat menjadikan studio pembuatan tatu dan pameran tatu di Sarawak sebagai medium bagi proses pembelajaran secara tidak formal berkaitan dengan ilmu memelihara tradisi budaya peribumi seperti golongan pengunjung, pelanggan dan penyelidik budaya. Konsep pembangunan tradisi seni tatu masyarakat Iban juga turut berupaya membolehkan masyarakat di Sarawak memahami dan mempelajari warisan budaya tak ketara yang berkaitan dengan kebudayaan masyarakat Iban seperti tradisi lisan, pantang-larang, kearifan tradisi dan amalan masyarakatnya melalui pengaplikasian pemeliharaan tradisional. Ini kerana masyarakat luar akan berinteraksi dan melihat secara lebih dekat berkaitan dengan tradisi seni tatu yang berfungsi dan bukan hanya sebagai gambaran visual semata-mata malah menjadikan tradisi budaya tersebut berfungsi dalam kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, budaya masyarakat Iban dapat diperhatikan dan dinilai berdasarkan kepada

penciptaan tradisi budaya mereka kerana kecenderungan, inspirasi dan estetika mereka dapat dikenalpasti dalam pengamalan budaya mereka.



Rajah 5.18: Informan Louis Samai (33) menggayakan motif tatu Iban dengan busana tradisional lelaki Iban dalam pertandingan pekit *Keling* dan *Kumang*

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)



Rajah 5.19: Motif tatu Iban dijadikan sebagai perhiasan pada pakaian


(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.20: Motif tatu Iban dijadikan sebagai motif perhiasan pada bingkai gambar
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.21: Motif tatu dijadikan sebagai hiasan logo kepada sebuah studio pembuatan tatu
(Sumber: Kajian Lapangan, 2022)



Rajah 5.22: Model Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban (Sumber: Kajian Lapangan, 2024)

Berdasarkan kepada hasil penyelidikan ini, penyelidik telah menghasilkan sebuah model ‘Pemeliharaan Tradisi Seni Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban’ bagi menerangkan hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik. Model yang telah dibuat oleh penyelidik ini adalah berdasarkan kepada penelitian terhadap objektif dan data penyelidikan yang diperolehi hasil daripada kajian kerja lapangan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik mendapati bahawa budaya masyarakat Iban merupakan sesuatu kegiatan sosial yang berlaku secara berterusan serta tidak bersifat statik. Ini kerana ia akan berubah seiring dengan peredaran zaman. Namun begitu, tidak semua budaya dalam masyarakat Iban akan berkekalan selama-lamanya. Namun begitu, ada budaya yang terus dikekalkan, diubahsuai atau dilupakan bersesuaian dengan kerelevenan dan keperluannya dalam kehidupan masyarakat Iban.

Sifat budaya masyarakat Iban yang paling jelas, dominan, mudah difahami dan diteliti adalah melalui daya mencipta. Ini kerana ia adalah bersifat nyata bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan masyarakat Iban. Tradisi seni tatu yang wujud dalam budaya masyarakat Iban adalah dapat dikiaskan sebagai diari kehidupan bagi mendorong kita untuk memahami, mengamati, meneroka cara hidup, falsafah kehidupan, idea mereka dalam melihat konsep dunia, kepercayaan warisan, kearifan tradisi, perubahan tahap intelektual, tradisi lisan serta kesenian. Semua perkara tersebut telah menjadi simbol, lambang identiti dan jati diri masyarakat Iban dalam membezakan diri mereka dengan masyarakat lain. Tambahan pula, setiap perkara mengandungi makna yang tersirat dan tidak dilihat secara nyata oleh masyarakat lain melainkan masyarakat Iban itu sendiri. Ini kerana setiap masyarakat termasuk masyarakat Iban hidup dalam kebudayaan masing-masing.

Masyarakat Iban yang hidup dalam kebudayaan tersendiri berupaya menghayati dan menghargai nilainilai ketamadunan yang terdapat pada tradisi seni tatu. Idea-idea inilah yang lebih besar dan perlu diperlihatkan kepada masyarakat lain bagi mewujudkan kesefahaman dan semangat muhibah dalam konsep kepelbagaian etnik di Sarawak.

Setiap masyarakat yang wujud pada zaman sekarang termasuk masyarakat Iban mempunyai kearifan tradisi yang tersendiri. Bagi masyarakat Iban, tradisi seni tatu merupakan satu bentuk tradisi yang diamalkan oleh mereka hasil daripada pengetahuan terhadap sifat dan ciri-ciri alam semula jadi yang terdapat di kawasan persekitaran mereka. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban melakukan sesuatu perkara seperti mencipta tradisi seni tatu adalah disebabkan oleh kepercayaan yang diamalkan sejak turun-temurun.

Tambahan pula, sekiranya terdapat arahan daripada kuasa-kuasa luar biasa, maka ia adalah suatu perintah yang mutlak dan wajib dilaksanakan oleh masyarakat Iban agar tidak ditimpa malapetaka.

Berdasarkan kepada konsep pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban, ia bertujuan untuk memperlihatkan sesuatu kebudayaan yang dimiliki oleh mereka dalam bentuk warisan budaya tidak ketara. Penciptaan tradisi seni tatu merupakan satu bentuk pemikiran yang tinggi, mendalam dan kreatif terhadap sesuatu pengamalan yang dilaksanakan dalam budaya masyarakat Iban. Tambahan pula, ia mengandungi nilai-nilai yang tersurat dan tersirat yang tersendiri bai masyarakatnya. Bagi nilai-nilai yang tersurat, ia dapat difahami dengan melihat bentuk-bentuk pengamalan.

Manakala, bagi nilai tersirat, ia amat memerlukan kepada pengamatan yang terperinci bagi menghayati falsafah yang terkandung di sebalik perlakuan dalam budaya masyarakat Iban. Namun begitu, nilai-nilai tersirat ada kalanya tidak diketahui dengan hanya melihat secara kasar, malah memerlukan kepada panduan dan tunjuk ajar daripada generasi terdahulu bagi memastikan kesahihan kebenarannya.

Berdasarkan kepada kewujudan alam semula jadi, ia dilihat dari aspek bentuk, sifat dan ciri alam yang digambarkan dalam penciptaan tradisi seni tatu oleh masyarakat Iban sepertimana dalam rajah 5.23. Penempatan masyarakat Iban di Sarawak memperlihatkan bentuk alam semula jadi yang unik, di mana kehidupan mereka dikelilingi oleh hutan tebal dan kaya dengan hasil hutan. Berdasarkan kepada kebijaksanaan dan pemikiran masyarakat Iban terhadap alam semula jadi yang terdapat di persekitaran, maka mereka memanfaatkan sumber yang sedia ada. Mereka mencipta tradisi seni tatu menggunakan sumber-sumber alam semula jadi melalui inspirasi, gubahan dan inovasi pada aspek motif kepada bentuk yang lain dan cantik. Manakala bagi sifat alam semula jadi pula, kelangsungan hidup dalam budaya masyarakat Iban adalah mereka mengamalkan cara hidup nomad. Ini kerana penempatan masyarakat Iban yang berbukit bukau memerlukan mereka perlu memahami aspek-aspek tersebut agar memastikan kelangsungan hidup pada masa akan datang. Justeru itu, pengamalan tradisi seni tatu sebagai senjata psikologi yang mempengaruhi penglihatan dan minda pihak musuh amat penting bagi melemahkan semangat mereka daripada menyerang penempatan masyarakat Iban bagi memastikan keselamatan mereka terpelihara.

Bagi ciri alam semula jadi pula, ianya sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman. Tradisi seni tatu yang menjadi tradisi budaya dalam masyarakat Iban kini diperlihatkan sebagai salah satu seni perhiasan pada diri mereka dan juga mendasari kepada kepercayaan mereka dengan kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana ia dipengaruhi oleh kerangka

pemikiran, gaya hidup dan seni cita rasa tinggi masyarakat Iban yang sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman. Kedekatan masyarakat Iban dengan alam semula jadi yang terdapat di kawasan persekitaran semasa melakukan upacara mencacah tatu, maka ia sebenarnya memperlihatkan kepada berinteraksi dengan alam semula jadi. Tambahan pula, ia juga memperlihatkan cara masyarakat Iban untuk memperolehi ilmu yang seterusnya dijadikan sebagai kepandaian tradisi.

Di samping itu, melalui kewujudan alam semula jadi, masyarakat Iban memperolehi sumber pengetahuan serta inspirasi terhadap menciptakan tradisi seni tatu dalam budaya mereka. Kewujudan alam semula jadi bukan sahaja sebagai sumber belajar kepada masyarakat Iban malah membentuk kepada daya intelektual terhadap menyampaikan sesuatu perkara sama ada dalam bentuk instrinsik atau ekstrinsik. Bagi sumber belajar dari alam semula jadi, masyarakat Iban dapat membentuk pemikiran yang seterusnya kepada kekreativiti terhadap sesuatu perkara. Masyarakat Iban yang menzahirkan pemikiran mereka terhadap alam semula jadi melalui penciptaan tradisi seni tatu. Sehubungan dengan itu, penciptaan tradisi seni tatu dapat dilihat sebagai hasil tangan masyarakat Iban refleksi daripada pemikiran dan pengamatan mereka terhadap alam semula jadi. Ini menunjukkan bahawa kearifan tradisi masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar dalam membangunkan tradisi seni tatu sebagai salah satu warisan kesenian dan kebudayaan mereka.

Hasil tangan masyarakat Iban seperti tradisi seni tatu adalah membuktikan bahawa mereka sentiasa berkomunikasi dengan alam semula jadi. Tambahan pula, kedudukan penempatan rumah panjang masyarakat Iban yang terletak di kawasan hutan tebal membolehkan mereka memahami fenomena alam semula jadi yang terdapat di persekitaran mereka. Sehubungan dengan itu, penciptaan tradisi seni tatu masih memperlihatkan kepada

kearifan tradisi masyarakat Iban walaupun telah berubah. Ini kerana pandangan masyarakat Iban yang sentiasa berubah dan dipengaruhi oleh inovasi terbaru terhadap tradisi seni tatu yang dhulunya sebagai amalan budaya dan kini ia diiktiraf sebagai salah satu hasil seni yang unik dan menarik. Tradisi seni tatu juga adalah salah satu manifestasi atau gambaran keindahan jiwa, nilai sejarah dan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Iban.

Keindahan pada tradisi seni tatu dapat dilihat daripada aspek seni lukisan dan cacahan, penggunaan bahan alam semula jadi, kehalusan, ketekunan dan kesabaran pembuat tatu, pengamatan serta kreativiti yang tersendiri dalam budaya masyarakat Iban. Keindahan yang terdapat pada tradisi seni tatu juga melibatkan makna yang tersirat srta mempunyai cerita dan falsafah yang tersendiri dalam budaya masyarakat Iban. Golongan pembuat tatu menjadikan alam semula jadi yang terdapat di sekeliling untuk meningkatkan daya imaginasi dan kreativiti mereka. Kemudian, dengan ketinggian ilmu, keupayaan minda dan kemahiran masyarakat Iban terhadap menggerakkan deria yang disalurkan melalui penciptaan tradisi seni tatu adalah bertujuan memperlihatkan nilai seni dan estetika sebagai salah satu seni perhiasan. Selain itu, masyarakat Iban juga menganggap tradisi seni tatu sebagai ilmu yang diwarisi secara bergenerasi di dalam keluarga mereka.

Budaya masyarakat yang menjadikan alam semula jadi sebagai sumber dan pembentukan sahsiah mereka telah wujud sejak dahulu lagi. Masyarakat Iban melihat alam semula jadi sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan sebagai panduan, ajaran dan juga pembimbing dalam meneruskan kehidupan dan menciptakan tradisi seni tatu. Ini kerana alam semua jadi adalah merupakan guru yang mengajar masyarakat Iban dalam menjalani kehidupan. Tambahan pula, kerangka minda masyarakat Iban terbina daripada alam semula jadi yang hidup di sekelilingnya. Alam semula jadi yang wujud di kawasan persekitaran masyarakat Iban dijadikan medium

pembelajaran secara tidak formal. Justeru itu, alam semula jadi dijadikan sebagai guru atau sumber panduan kepada masyarakat Iban. Ini kerana pemikiran masyarakat Iban terbina dari alam semula jadi. Ini bermakna alam semula jadi berkembang mengajar masyarakat Iban berfikir dan membentuk kerangka pemikiran mereka untuk mencipta tradisi seni tatu. Kehidupan masyarakat Iban sering dikaitkan dengan alam semula jadi sebagai tempat mereka belajar dan memberi pelajaran kepada generasi berikutnya.

Masyarakat Iban memerlukan elemen-elemen alam semula jadi, seperti gunung, sungai, tumbuhan, tanah dan air untuk memastikan kelangsungan hidup yang lebih baik. Kewujudan alam semula jadi memerlukan masyarakat Iban sebagai penjaganya. Seperti dalam falsafah alam dijadikan sebagai guru menjadi hukum alam terhadap pandangan hidup masyarakat Iban dalam menghasilkan tradisi seni tatu. Masyarakat Iban belajar dan berasimilasi dengan alam semula jadi untuk jangka masa tertentu membangunkan kearifan tradisi dan seterusnya membentuk kepada tradisi seni tatu yang akan dilestarikan oleh generasi berikutnya. Kewujudan alam semula jadi yang terbentang luas adalah pemangkin kepada kehidupan utama masyarakat Iban terhadap menciptakan tradisi seni tatu. Melalui kurniaan pancaindera dan akal yang boleh berfikir, masyarakat Iban dapat menyaksikan alam semula jadi dalam segala sifat dan tingkah lakunya. Dari situ diperlihatkan terdapat kebesaran, keajaiban dan keindahan serta terdapat beberapa perubahan tetap. Kehidupan masyarakat Iban itu sendiri tidak dapat dipisahkan dengan alam semula jadi. Pada mulanya, timbul perasaan ingin tahu oleh masyarakat Iban terhadap alam semula jadi bahawa terdapat sesuatu kuasa luar biasa yang menguasai keseluruhan alam semula jadi, pengaturan alam semula jadi dan yang menyusun perjalanan kitaran alam semula jadi. Ini kerana masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai suatu ajaran dan pandangan atau falsafah hidup dalam membentuk kearifan tradisi yang diperlihatkan pada penciptaan tradisi seni tatu.

Masyarakat Iban melihat alam semula jadi itu sebagai sesuatu yang amat rapat dengan jiwa dan hati nurani sehingga membentuk kepada kearifan tradisi mereka. Alam semula jadi dijadikan sebagai sumber pembentukan kerangka pemikiran oleh masyarakat Iban di samping dijadikan simbol perlambangan dalam membersihkan hati dan ketenangan jiwa. Penciptaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban memperlihatkan tingkat keupayaan kerangka pemikiran mereka terhadap penggunaan unsur-unsur alam semula jadi yang membentuk kepada kearifan tradisi.

Tambahan pula, unsur alam semula jadi juga mempunyai makna yang sangat tinggi dalam budaya masyarakat Iban. Berdasarkan kepada sumber-sumber alam semula jadi, tradisi seni tatu dijadikan sebagai salah satu hasil seni cacahan yang memperlihatkan kehalusan, kerajinan dan kreativiti individu dalam mencacah tatu. Tradisi seni tatu yang dihasilkan daripada sumber alam semula jadi dijadikan sebagai tradisi yang berfungsi penuh di dalam kehidupan masyarakat dari zaman dahulu hingga sekarang. Bagi individu yang mahir dalam menghasilkan tradisi seni tatu, mereka menjadikan unsur-unsur alam semula jadi sebagai sumber idea atau inspirasi yang utama. Mereka melihat dan mula memikirkan keindahan alam semula jadi yang kemudiannya diterapkan kepada tradisi seni tatu. Ini kerana kewujudan unsur-unsur alam semula jadi tersebut telah menjadi panduan bagi masyarakat Iban dalam menghasilkan tradisi seni tatu di samping menjana kepada kearifan tradisi mereka. Unsur-unsur alam semula jadi yang diterapkan pada tradisi seni tatu telah memperlihatkan nilai estetika dan menjadi salah satu hasil seni yang terunggul dalam budaya masyarakat Iban.

Bagi masyarakat Iban di Sarawak, terdapat pelbagai jenis motif tatu yang terdapat dalam budaya mereka dan dikenali pada zaman dahulu. Pada zaman sekarang, tradisi seni tatu masih lagi diamalkan sebagai hasil seni yang menjadi warisan yang berharga dalam

budaya masyarakat Iban. Antara jenis motif tatu yang dikenali dalam budaya masyarakat Iban adalah *Kelingai, Bungai Terung, Entegulun, Kala Pah, Kera Nyangkam, Pala Tumpa, Ketam Itit, Ukir Rekung, Bungai Tengkawang, Buah Andu, Antu Gerasi, Nabau* dan *Remaung.* Dalam budaya mereka, tradisi seni tatu selalu disebut dalam *Ensera* atau cerita rakyat Iban berkaitan tentang asal usul bermulanya upacara mencacah tatu dan kisah golongan individu tertentu yang bertatu.

Sumber alam semula jadi dapat dilihat pada beberapa aspek dalam upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban. Ia merangkumi ragam hias dan motif yang digunakan serta peralatan yang digunakan untuk mencacah tatu. Bagi pembuat tatu dalam kalangan masyarakat Iban, mereka menggunakan sumber-sumber alam semula jadi bagi mendapatkan material kayu, tumbuhan dan cecair yang digunakan untuk mencacah tatu. Pada zaman dahulu, kawasan persekitaran masyarakat Iban di rumah panjang dikelilingi dengan sumbersumber alam semula jadi. Sehubungan dengan itu, kewujudan alam semula jadi tersebut telah dijadikan sebagai idea dan inspirasi kepada masyarakat Iban untuk mencipta tradisi seni tatu yang dilihat mempunyai nilai estetika alam semula jadi. Ini menunjukkan bahawa jiwa masyarakat Iban yang sangat halus dalam menginterpretasikan keindahan alam semula jadi terhadap penghasilan tradisi seni tatu sehingga membentuk kepada nilai kearifan tradisi mereka.

Tradisi seni tatu yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban pada zaman sekarang bukan sahaja memperlihatkannya sebagai hasil seni malah ia juga sebagai ‘kehalusan jiwa’ dalam menginterpretasikan keindahan alam semula jadi oleh penciptanya. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan status pembuat tatu dan diberi pengiktirafan kerana kemahiran, ketekunan, kesabaran, dan kebijaksanaan dalam menginterpretasikan unsurunsur alam semula jadi yang seterusnya diterapkan kepada penciptaan tradisi seni tatu. Tambahan pula,

segala ekspresi oleh individu pembuat tatu terhadap unsur-unsur ala semula jadi yang diperhatikan, dihayati dan diamati kemudian diterjemahkan melalui kehalusan hasil cacahannya.

Selain tergolong sebagai salah satu tradisi yang bersifat sakral, tradisi seni tatu juga dilihat mempunyai pelbagai jaringan yang amat luas dengan segala aspek kehidupan dalam budaya masyarakat Iban. Antaranya adalah dalam aspek amalan kepercayaan warisan, kepimpinan, ekonomi dan status sosial dalam kehidupan masyarakat Iban. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, perhubungan yang baik antara masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa perlu dijaga, dipelihara dan dikekalkan. Dalam budaya masyarakat Iban, wujudnya motif tatu adalah dibuat berdasarkan kepada unsur-unsur alam se mula jadi yang dipercayai merupakan ciptaan kuasa-kuasa luar biasa. Sehubungan dengan itu, ia menunjukkan bahawa tradisi seni tatu yang diciptakan oleh masyarakat Iban menunjukkan tingkat keupayaan dan intelektual mereka yang berbentuk kearifan tradisi terhadap mengolah unsur-unsur alam semula jadi. Dalam kehidupan masyarakat Iban, mereka melihat dan belajar daripada alam semula jadi dan seterusnya mewujudkan falsafah mereka, iaitu melalui budaya, kearifan tradisi, kerangka pemikiran, amalan kepercayaan dan ketamadunan.

Sebelum kedatangan agama-agama besar dan berlaku arus globalisasi, masyarakat Iban pada zaman dahulu telah menjadikan alam semula jadi sebagai ‘guru’ dalam mencari jawapan kepada persoalan yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Masyarakat Iban juga menjadikan alam semula jadi sebagai medium pembelajaran secara tidak formal dalam membentuk pengetahuan yang kemudiannya menjadi disiplin ilmu dalam kearifan tradisi mereka. Setiap elemen alam semula jadi yang wujud di persekitaran masyarakat Iban

dianggap mempunyai pengaruh yang besar. Ini kerana kewujudan alam semula jadi bersama isi-isi yang terdapat di dalamnya adalah merupakan ciptaan oleh Maha Kuasa.

Bagi masyarakat Iban, mereka percaya bahawa setiap benda hidup dan bukan hidup dikatakan mempunyai roh atau semangat-semangat tertentu yang harus dijaga dan dihormati. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban perlu menjaga adab dan tatasusila dalam melakukan tindakan dan perilaku dengan alam semula jadi agar tidak menjejaskan keseimbangan alam yang didiami oleh mereka. Seterusnya, sumber alam semula jadi ini dilihat sebagai salah satu sumber punca rezeki utama yang boleh menjana kehidupan masyarakat Iban, seperti tradisi seni tatu sebagai unsur perhiasan sepertimana dalam rajah. Ini kerana ia dipengaruhi oleh faktor kreativiti, seni cita rasa dan gaya hidup masyarakat Iban terhadap mengubah serta menginovasikan sesuatu sumber alam semula jadi, seperti tumbuhan dan haiwan yang diolah kepada bentuk yang lebih abstrak, estetik dan menarik. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban menggunakan sumber-sumber alam semula jadi, seperti tumbuhan dan haiwan bagi menciptakan tradisi seni tatu yang lebih menarik serta memperlihatkan nilai seni dan estetika.

Tercetusnya nilai-nilai seni dan estetika pada tradisi seni tatu adalah melalui falsafah masyarakat Iban yang terbina daripada kewujudan alam semula jadi yang terdapat di kawasan persekitaran mereka. Ini kerana masyarakat Iban sentiasa melihat keindahan alam semula jadi bagi memperoleh sumber idea, inspirasi serta imaginasi terhadap memastikan kelangsungan hidup mereka. Berdasarkan kepada penciptaan tradisi seni tatu, ia bukan sahaja menunjukkan kemahiran kreatif malah sebagai suatu kearifan tradisi yang mencerminkan identiti serta budaya dalam masyarakat Iban. Faktor mengenai cara untuk membentuk jati diri individu pembuat tatu adalah bergantung kepada kreativiti dan kehalusan cacahan tatu yang dimilikinya. Jika dilihat dan dihayati, nilai seni dan estetika

yang terdapat pada tradisi seni tatu adalah merupakan satu wadah yang menjadi pengantara di antara jiwa pencipta seni dan jiwa penerima seni, iaitu masyarakat Iban dengan masyarakat lain.

Dalam konteks penciptaan tradisi seni tatu, ia dihasilkan dengan teliti agar memperlihatkan kearifan tradisi dan kekayaan alam semula jadi yang seterusnya menyumbang kepada nilai estetika dan seni daripada aspek rupa dan jiwa yang boleh berkomunikasi dengan masyarakat lain. Dari sinilah dapat dilihat tingkat keupayaan masyarakat Iban terhadap memperlihatkan nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi seni tatu dalam menimbulkan pelbagai penafsiran, pemikiran, rasa dan persoalan di samping gambaran mengenai budaya masyarakat Iban.

Nilai pada tradisi seni tatu juga berfungsi dalam merakamkan sesebuah pengalaman hidup dengan alam semula jadi. Jika dilihat nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi seni tatu adalah terlahir daripada kesedaran masyarakat Iban terhadap intisari keperluan penciptaannya, iaitu melalui bentuk tampaknya yang terjalin pada seni rupa tradisi seni tatu tersebut. Ia menjadi titian di antara realiti yang zahir dan batin serta memainkan peranan sebagai perantara jiwa pencipta dan aspek penghayatan terhadap budaya masyarakat Iban. Justeru itu, dapat dinyatakan bahawa kerangka pemikiran dan minda masyarakat Iban adalah terbina daripada kewujudan alam semula jadi dalam kehidupan mereka. Melalui kreativiti dan kehalusan hasil tangan oleh individu yang menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar dan inspirasi, maka tradisi seni tatu yang diciptakan mempunyai nilai seni dan estetika yang menggambarkan budaya masyarakat Iban.

5.4.6 Manifestasi Seni Dan Kebudayaan

Menurut informan Sigi anak Singau (72), masyarakat Iban mempunyai tradisi seni tatu sebagai tradisi budaya yang diciptakan untuk berfungsi di dalam kehidupan seharian mereka. Dalam budaya masyarakat Iban, tradisi seni tatu lazimnya pada zaman dahulu digunakan bagi membezakan hieraki golongan atasan dan golongan biasa di sesebuah rumah panjang dan sebagai serangan psikologi bagi menakutkan pihak musuh daripada menyerang penempatan mereka.

Selain itu, jika dilihat dalam budaya masyarakat Iban, tradisi seni tatu dapat dikategorikan sebagai kegiatan yang bersifat sakral dan suci yang mendasari kepada amalan kepercayaan mereka. Bagi masyarakat Iban, tatu dianggap sakral dan suci apabila ia diberi nyawa, semangat dan roh tertentu agar nampak hidup. Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban perlu memberikan keperluan sajian *Piring* kepada kuasa-kuasa luar biasa sebelum melakukan upacara mencacah tatu bagi memperoleh kebaikan dan menolak kejahatan. Tradisi seni tatu boleh menjadi sakral dan tidak sakral kerana ia bergantung kepada jenis motif tatu yang ingin dicacah. Apabila berlakunya perubahan zaman dan arus globalisasi yang dikecapi oleh masyarakat Iban telah memperlihatkan kepada inovasi dan perkembangan minda, seni dan keperluan mereka yang disesuaikan dengan keadaan semasa dan peredaran zaman. Masyarakat Iban mula mengubah dan melakukan inovasi terhadap tradisi seni tatu agar mempunyai nilai seni dan estetika. Selain itu, masyarakat Iban juga berupaya menjadikan tradisi seni tatu sebagai salah satu manifestasi seni dan kebudayaan mereka. Ini kerana dapat dilihat pada hari ini, tradisi seni tatu mempunyai daya tarikan yang luas, iaitu bukan sahaja digunakan dalam selok belok kebudayaan Iban, malah sebagai suatu hasil seni yang sangat halus dan telus. Sehubungan dengan itu, dapat dilihat bahawa tradisi

seni tatu bukan sahaja dilihat sebagai salah satu simbol sakral malah menjadi identiti yang utuh dalam budaya masyarakat Iban.

5.5 Pelaksanaan Mencacah Tatu Dalam Budaya Masyarakat Iban

Masyarakat Iban merupakan kelompok etnik terbesar yang tinggal di seluruh bahagian di Sarawak. Menurut Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), kebanyakan masyarakat Iban pada zaman sekarang telah menganuti agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam dan masih terdapat juga segelintir di dalam kalangan mereka yang masih belum menganut agama-agama tersebut. Bagi masyarakat Iban yang belum menganut agama-agama besar tersebut, maka mereka mengamalkan kepercayaan warisan atau kepercayaan animisme atau dikenali sebagai *Pengarap Lama.*

Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, mereka percaya bahawa terdapat kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di dunia ini. Dalam mitos masyarakat Iban, sesetengah tuhan itu dikatakan menjelma melalui roh nenek moyang mereka. Bagi masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa merangkumi *PetaraPetara*, dewa-dewi, *Antu*, semangat baik dan semangat jahat, serta roh nenek moyang mereka. *Petara* dikatakan amat baik dan tidak pernah menyusahkan hidup manusia. *Petara* sentiasa menolong manusia dengan menganugerahkan pelbagai kekayaan, kesejahteraan, kesempurnaan, dan keselamatan serta mengawal keseimbangan di bumi.

Petara, dewa-dewi, *Antu* dan semangat baik sentiasa membantu masyarakat Iban, tetapi boleh mendatangkan malapetaka dan mengancam hidup manusia sekiranya mereka mengingkari perintah daripada kuasa-kuasa luar biasa tersebut. Sebagai contoh, masyarakat Iban menerima mimpi dan objek berupa *Pengaroh* daripada kuasa-kuasa luar biasa dan diikuiti dengan beberapa arahan lain. Perkara ini dapat dilihat oleh masyarakat Iban menerusi

mimpi dan beberapa petanda-petanda yang lain yang disampaikan oleh benda-benda hidup dan benda bukan hidup. Setiap aspek bagi melaksanakan upacara mencacah tatu dalam masyarakat Iban perlu dilakukan oleh golongan pakar, yang terdiri daripada pembuat tatu dan juga *Lemambang*. Menurut informan Sigi Singau (72) yang memegang jawatan sebagai seorang *Tuai Rumah*, peranan pembuat tatu amat penting dalam melakukan upacara mencacah tatu tersebut. Jika dilihat pada konteks ini, golongan pembuat tatu perlu menyediakan peralatan dan juga kelengkapan lain bagi melakukan aktiviti ini. Dalam melakukan upacara mencacah tatu, pembuat tatu perlu melaksanakan tradisi ini dengan penuh tertib, iaitu setiap langkah dalam melakukan kegiatan tersebut perlu dilaksanakan dengan penuh teliti.

Dengan ini, pengurusan upacara mencacah tatu pada bahagian badan seseorang individu tersebut perlu dilakukan dengan cara yang halus dan betul. Misalnya, pengurusan dari awal sehingga selesainya proses mencacah tatu, seperti penyediaan bahanbahan dan peralatan yang digunakan serta penghasilannya yang penuh teliti. Memandangkan masyarakat Iban mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, kebanyakan aspek kehidupan masyarakat Iban mempunyai perkaitan yang kuat dengan tradisi seni tatu. Upacara mencacah tatu dilakukan apabila seseorang individu masyarakat Iban mendapat arahan menerusi mimpi daripada kuasa-kuasa luar biasa untuk melakukan sesuatu perkara. Ini kerana dipercayai kuasa-kuasa luar biasa dapat mempengaruhi corak kehidupan mereka, sama ada menjadi lebih baik atau sebaliknya.

Sebelum melakukan upacara mencacah tatu, masyarakat Iban perlu melaksanakan ritual *Miring* terlebih dahulu. Menurut informan Dato Sri Edmund Langgu Saga (87), pelaksanaan ritual *Miring* sebelum melakukan upacara mencacah tatu merupakan upacara bagi memohon keizinan dan kekuatan daripada *Petara* kepada seseorang individu yang

dicacah dengan tatu. Ini kerana sepanjang upacara mencacah tatu berlangsung, individu yang dicacah dengan tatu menghadapi kesakitan akibat kesan daripada pukulan ringan oleh pemukul kayu bagi memasukkan dakwat kekal ke dalam kulit. Justeru itu, bagi mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku, masyarakat Iban melakukan ritual *Miring* terlebih dahulu sebelum melakukan upacara mencacah tatu untuk memohon agar diberikan kekuatan daripada *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa kepada individu yang dicacah dengan tatu. Ritual ini juga dilakukan agar kekuatan daripada *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa dapat memberikan semangat dan kuasa pada motif tatu yang dicacah bagi melindungi pemiliknya.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kuasa-kuasa luar biasa seperti *Petara* boleh menjelma dalam kehidupan manusia, sama ada menerusi mimpi manusia atau menerusi petanda-petanda yang disampaikan melalui benda hidup, seperti haiwan, burung, dan serangga atau melalui fenomena alam yang tertentu. Segala bentuk kuasa ghaib yang boleh memberikan pertolongan dan kebaikan kepada manusia adalah disebut *Petara*. Kewujudan kuasa-kuasa luar biasa seperti *Petara* dalam masyarakat Iban dianggap sebagai sesuatu yang suci, kudus, sakral dan mempunyai sifat yang sempurna dan menyayangi manusia. Oleh itu, sebelum melaksanakan upacara mencacah tatu *Petara-Petara* perlu dipuja dan diberi makan dengan *Piring* (persembahan makanan) semasa ritual *Miring* dan sambutan hari *Gawai* sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih manusia kepada mereka. Dengan melakukan ritual *Miring*, maka kuasa-kuasa luar biasa tersebut akan membalasnya dengan mengurniakan kebaikan dan perlindungan dari perkara-perkara yang tidak diingini berlaku kepada golongan yang melakukan upacara mencacah tatu. Justeru itu, ritual *Miring* merupakan keperluan penting bagi masyarakat Iban yang ingin melakukan upacara mencacah tatu dan yang masih mengamalkan kepercayaan warisan.

Masyarakat Iban percaya apabila mereka tidak melaksanakan arahan daripada *petara* dikhuatiri mereka akan ditimpa oleh pelbagai musibah dan masalah. Berdasarkan kepada pandangan informan Sigi Singau (72), motif tatu yang dicacah pada badan seseorang individu mampu memberikan perlindungan kepada diri mereka daripada serangan musuh. Ini kerana tatu dipercayai merupakan anugerah daripada *petara* kepada masyarakat Iban yang memberikan kekuatan dan keberanian kepada seseorang individu bagi menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Justeru itu, bagi mengelakkan sesuatu ancaman musuh dan gangguan daripada semangat jahat, masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu sebagai tanda bagi memohon kekuatan, keberanian, kekebalan diri dan hajat daripada kuasa-kuasa luar biasa supaya dijauhi daripada perkara yang tidak diingini berlaku.

Berdasarkan kepada pendapat informan Sigi Singau (72), motif-motif tatu dipercayai berasal daripada dewa-dewa seperti *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang, Laja Mirah Moa Nekang Jerenang, Simpurai Muntigerai, Sepatu Manok Antu*, dan *Sepungga Lumpong Nangga*. Dalam melaksanakan upacara mencacah tatu, ia memerlukan disiplin dan tatatertib yang tinggi serta dilakukan dengan penuh berhemah. Selain itu, sebelum memulakan upacara mencacah tatu, ritual *miring* perlu dilakukan bagi menyeru kedatangan kuasa-kuasa luar biasa bagi menunaikan hajat yang dipohon oleh masyarakat Iban dan memberikan kekuatan kepada individu yang dicacah dengan tatu. Ritual *Miring* yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah merupakan simbol atau perlambangan terhadap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa.

Menurut informan Paulus Sigat (87), konteks pelaksanaan upacara mencacah tatu dalam budaya masyarakat Iban pada zaman sekarang adalah berbeza dengan zaman dahulu. Ini kerana masyarakat Iban pada zaman dahulu selalu melakukan ekspedisi *Ngayau* bagi mempertahankan petempatan mereka daripada serangan musuh. Selain itu, masyarakat Iban

juga perlu bersaing dengan suku kaum yang lain bagi mencari penempatan baharu bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Perkara ini mendorong diri mereka untuk melakukan upacara mencacah tatu pada badan mereka yang berperanan sebagai serangan psikologi bagi menakutkan pihak musuh. Seterusnya, tatu juga dipercayai memberikan kekuatan spiritual bagi melindungi pemiliknya daripada sesuatu perkara yang buruk berlaku.

Kebiasaannya, motif-motif tatu yang dicacah pada badan pahlawan masyarakat Iban adalah berunsurkan tumbuhan dan haiwan yang boleh melemahkan dan melumpuhkan kekuatan pihak musuh. Selain itu, tatu juga dipercayai dapat mengelakkan diri daripada terkena ilmu sihir. Ini kerana tatu merupakan simbol kepercayaan masyarakat Iban terhadap *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa yang mampu memberikan kekuatan dan perlindungan kepada mereka. Oleh itu tatu dipercayai dapat menyembuhkan penyakit dan memberikan kekebalan kepada individu yang memiliki tatu tersebut.

Paulus Sigat (87) juga menyatakan bahawa golongan individu masyarakat Iban pada zaman dahulu yang ingin memiliki tatu, maka mereka perlu mengalami mimpi terlebih dahulu. Ini kerana masyarakat Iban sangat mempercayai sumber-sumber mimpi yang dialami oleh mereka. Bagi individu yang menerima *Pengaroh* dari mimpi, maka individu tersebut perlu memberitahu *Lemambang* terlebih dahulu bagi mentafsir mimpi tersebut. Kemudian, barulah mereka mengadakan ritual *Miring* terlebih dahulu sebelum melakukan upacara mencacah tatu. Ritual ini bertujuan untuk memohon hajat, restu dan keizinan sebelum melakukan sesuatu aktiviti seperti upacara mencacah tatu. Ini kerana individu tersebut ingin menyatakan perasaan berterima kasih dan bersyukur terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang telah memberinya *Pengaroh* supaya menjadi lebih kuat daripada orang lain. Tambahan pula, sesuatu kurniaan *Pengaroh* dari kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat

Iban dapat mengelakkan seseorang itu daripada ditimpa malapetaka dan menerima banyak kebaikan yang tertentu.

Berdasarkan kepada kepakaran informan Uma Kujat (77) yang berperanan sebagai *Tuai Beburung* dalam kebudayaan masyarakat Iban, upacara mencacah tatu boleh dilakukan pada bila-bila masa serta mengikut keperluan. Misalnya, bagi masyarakat Iban yang sudah melakukan sesuatu pengembaraan atau *Bejalai*, maka mereka boleh melakukan upacara mencacah tatu pada masa yang ditetapkan oleh pembuat tatu. Motif tatu yang dicacah pada badan seseorang individu juga tidak boleh dicacah sembarangan kerana setiap tatu tersebut mempunyai maksud dan peranan yang tersendiri terhadap pemilik tatu. Setiap motif tatu yang dicacah pada badan digambarkan seperti penceritaan kepada sesuatu pengalaman yang berbeza yang dialami oleh seseorang individu yang memiliki tatu tersebut. Golongan individu yang mempunyai pencapaian dan pengalaman yang berbeza juga mempunyai jenis motif tatu yang berlainan. Individu yang ingin dicacah tatu pada tubuhnya perlu mengalami mimpi yang baik terlebih dahulu. Ini kerana apabila seseorang itu mengalami mimpi yang buruk, mereka tidak dibenarkan untuk melakukan kegiatan tersebut terlebih dahulu kerana dikhuatiri akan mendatangkan kemudaratan dan malapetaka terhadap diri sendiri.

Beliau juga menyatakan bahawa terdapat beberapa motif tatu tertentu yang hanya boleh dicacah pada golongan yang sudah menyertai ekspedisi *Ngayau*. Sebagai contoh, motif tatu *Entegulun* hanya boleh dicacah pada individu yang sudah memenggal kepala musuh dan merupakan golongan yang keturunan pahlawan dalam masyarakat Iban. Golongan yang berketurunan pahlawan ini dikenali sebagai *Bujang Berani* dalam masyarakat Iban. Ini kerana motif tatu ini hanya boleh dicacah pada bahagian belakang tangan individu yang mempunyai pengalaman sebagai seorang pemburu kepala serta merupakan golongan pahlawan dalam masyarakat Iban.

Masyarakat Iban percaya bahawa roh seseorang musuh tersebut kekal berada di kepala yang telah dipenggal oleh pahlawan tersebut. Oleh itu, masyarakat Iban mempraktikkan tradisi menyimpan kepala musuh (*Antu Pala*) dalam setiap peperangan yang dihadapi supaya kuasa yang terdapat dalam kepala musuh boleh dipindahkan kepada mereka. Oleh itu, golongan pahlawan ini lebih dikenali dengan gelaran pemburu kepala. Apabila mereka berjaya menumpaskan sekumpulan musuh, golongan pahlawan Iban ini dicacah dengan motif tatu pada bahagian tangan dan jari mereka sebagai simbol kejayaan dan keberanian mereka dalam ekspedisi *Ngayau*. Setiap tatu yang dicacah pada bahagian tangan juga mewakili bilangan kepala musuh yang sudah dipenggal dan dibunuh oleh golongan pahlawan tersebut.

Uma Kujat (77) juga menjelaskan bahawa budaya bertatu merupakan sebagai salah satu unsur kepercayaan terhadap *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban. Tradisi seni tatu yang dilakukan bertujuan sebagai lambang kepada segala kurniaan yang telah diberikan oleh *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa dalam kehidupan masyarakat Iban. Sebagai contoh, diberikan perlindungan, dijauhkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, memperolehi sesuatu kejayaan, diberikan kekayaan dan kesihatan yang baik serta dipanjangkan umur.

Selain itu, tatu juga dipercayai dapat menyeru kedatangan kuasa-kuasa luar biasa untuk memberikan kekuatan kepada masyarakat Iban. Misalnya, masyarakat Iban pada zaman dahulu melakukan upacara mencacah tatu bertujuan memberikan kekuatan dan kekebalan kepada diri mereka untuk menghadapi serangan musuh. Ini kerana golongan yang bertatu merupakan golongan yang berpengaruh dan dipercayai memiliki kekuatan spiritual daripada individu yang tidak bertatu. Tatu juga mempengaruhi pandangan pihak musuh terhadap golongan pahlawan yang memiliki beberapa motif tatu tertentu. Pada zaman

dahulu, pertolongan dari kuasa-kuasa luar biasa seperti *petara-petara* amat diperlukan bagi membantu masyarakat Iban dalam mencari sumber kekuatan untuk mengalahkan musuh semasa berada di medan peperangan. Dalam konteks pada zaman sekarang, kepercayaan masyarakat Iban terhadap tatu juga dipercayai dapat memberikan kekayaan, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup kepada diri mereka.

Menurut informan Bajut Puguan (68) yang merupakan seorang *Indu Nengkebang Indu Muntang* daripada golongan penenun *Pua Kumbu* juga menyatakan bahawa golongan wanita masyarakat Iban juga mempunyai tatu yang tersendiri yang dikenali sebagai motif tatu *Pala Tumpa*. Golongan wanita yang mempunyai tatu ini adalah golongan wanita yang terlibat dalam kerja-kerja penenunan *Pua Kumbu*. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, golongan wanita yang melakukan kerja-kerja penenunan adalah mempunyai pencapaian yang sama yang dilakukan oleh ketua *Kayau* oleh golongan lelaki dalam peperangan. Ini kerana status golongan penenun *Pua Kumbu* adalah sangat tinggi dan dihormati. Tambahan pula, *Pua Kumbu* mempunyai nilai-nilai yang suci dan sakral untuk dipersembahkan kepada kuasakuasa luar biasa.

Masyarakat Iban juga percaya bahawa roh-roh nenek moyang mereka yang telah lama meninggal dunia sangat menggemari sesuatu yang dihasilkan melalui kreativiti seseorang. Ini kerana *Pua Kumbu* merupakan salah satu peralatan ritual yang digunakan semasa melakukan ritual *Miring* dalam masyarakat Iban. Justeru itu, golongan penenun ini dicacah dengan motif tatu *Pala Tumpa* sebagai penghargaan kepada kepandaian dan kemahiran mereka menenun *Pua Kumbu*. Motif tatu ini juga dipercayai dapat memberikan perlindungan kepada golongan penenun daripada gangguan roh atau semangat jahat semasa melakukan kegiatan menenun.

Dalam upacara mencacah tatu seperti yang dinyatakan oleh informan Uma Kujat (77), lazimnya, mengambil masa satu jam atau lebih untuk disiapkan dan ia bergantung kepada jenis dan saiz motif tatu yang dicacah. Dari aspek lokasi, upacara mencacah tatu juga boleh dilakukan di studio khas dan di kawasan rumah panjang. Selain itu, upacara mencacah tatu juga boleh dilakukan di kawasan tertutup dan terbuka. Upacara mencacah tatu juga dilakukan secara berperingkat dan bergantung kepada situasi tertentu.

Misalnya, pada zaman dahulu, masyarakat Iban mencacah tatu pada badan mereka yang bertujuan untuk memberi kekuatan dan perlindungan bagi menghadapi serangan musuh dan juga gangguan *Antu*, roh serta semangat jahat. Ini kerana pada zaman dahulu masyarakat Iban percaya bahawa tatu dapat memberikan perlindungan kepada diri mereka daripada ancaman musuh dan dapat melemahkan semangat pihak musuh apabila mereka melihat motif tatu tersebut. Ini kerana motif tatu pada badan seseorang tersebut boleh mempengaruhi pandangan pihak musuh terhadap perwatakan seseorang individu yang memiliki tatu tersebut. Namun begitu, pada zaman sekarang, sesetengah masyarakat Iban boleh melakukan upacara mencacah tatu pada bila-bila masa sahaja. Ini kerana beliau berpendapat bahawa pada masa kini, tradisi seni tatu merupakan sesuatu kegiatan yang lebih cenderung kepada unsur perhiasan dan kecantikan. Di samping itu, tatu juga merupakan apresiasi seni bagi sesetengah individu masyarakat Iban terhadap menzahirkan simbol kebudayaan mereka.

Uma Kujat (77) juga menyatakan bahawa terdapat beberapa fenomena tertentu yang memerlukan masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu. Pertama, masyarakat Iban akan melakukan ritual *Miring* terlebih dahulu sebelum mereka melakukan upacara mencacah tatu. Ini kerana mereka perlu melaksanakan ritual *Miring* dan mencacah tatu apabila mereka menerima arahan daripada kuasa luar biasa melalui mimpi tertentu. Contohnya, mendapat arahan daripada *Petara* untuk mencacah tatu pada bahagian badan. Ini kerana mengikut

kepercayaan masyarakat Iban, manusia mempunyai perkaitan yang rapat dengan kuasakuasa luar biasa seperti *Petara*, semangat atau *Antu* apabia mereka ingin memiliki tatu. Manakala fenomena kedua pula, masyarakat Iban perlu melakukan upacara mencacah tatu apabila mereka mendapat kurniaan *Pengaroh* daripada kuasa-kuasa luar biasa. Ia juga dilakukan sebagai penghargaan kepada kuasa-kuasa luar biasa tersebut yang memberi kebaikan dan manfaat dalam kehidupan masyarakat Iban.

Selain melibatkan fenomena yang diterangkan oleh informan Uma Kujat (77), aktiviti yang memerlukan masyarakat Iban mencacah tatu adalah seperti kerja-kerja penenunan *Pua Kumbu*. Ini kerana motif tatu perlu dicacah pada bahagian pergelangan tangan golongan penenun tertentu setiap kali golongan penenun yang pakar ini hendak memulakan kerja-kerja penenunan *Pua Kumbu*. Bagi masyarakat Iban, tradisi ini dilakukan dengan tujuan sebagai melambangkan identiti seseorang wanita yang pandai dan mahir dalam menenun *Pua Kumbu*, menganyam dan dan memiliki kepakaran dalam aspek budaya Iban yang lain seperti tarian *Ngajat* dan bermain muzik tradisional. Bagi golongan penenun dalam masyarakat Iban, dengan adanya tatu tersebut, mereka berharap agar dikurniakan segala kebaikan, kesempurnaan, keselamatan dan mendapat perlindungan daripada ancaman semangat jahat atau *Antu* jahat semasa melakukan kegiatan menenun *Pua Kumbu*.

Berdasarkan kepada sesebuah pelaksanaan upacara mencacah tatu dalam masyarakat Iban, tradisi tersebut didasari oleh ajaran kuasa-kuasa luar biasa, iaitu *Orang Panggau Libau*. Bagi golongan pakar dalam tradisi seni tatu masyarakat Iban, mereka berperanan untuk memberi pendedahan kepada generasi muda mereka agar dapat mengenali dan mempelajari tentang tradisi budaya seperti tradisi seni tatu. Tambahan pula, tradisi seni tatu kurang dilakukan oleh sesetengah masyarakat Iban kerana kebanyakan mereka telah menganut agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam.

Menurut informan Dr Robert Menua Salleh (59), upacara mencacah tatu dilakukan bagi melambangkan simbol jati diri masyarakat Iban pada diri seseorang individu tersebut. Lazimnya, upacara mencacah tatu dilakukan bagi beberapa tujuan tertentu seperti telah mendapat *Pengaroh*, kejayaan di medan peperangan, mengembara di tempat jauh bagi mencari rezeki dan sebagai simbol pengenalan diri sebagai masyarakat Iban. Pada zaman sekarang, kebanyakan generasi muda dalam masyarakat Iban kurang mengenali tujuan sebenar tradisi seni tatu dilakukan. Ini kerana kebanyakan generasi muda masyarakat Iban kini kurang didedahkan sepenuhnya mengenai tujuan sebenar pelaksanaan tradisi seni tatu oleh generasi tua mereka. Tambahan pula, pemikiran mereka juga dipengaruhi oleh kehidupan moden dan perkembangan teknologi yang kian meluas pada zaman sekarang.

Berdasarkan kepada informan Dr Robert Menua Salleh (59), tradisi seni tatu merupakan keperluan utama dalam kehidupan bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan. Ini kerana sebelum mereka berhijrah ke sesuatu tempat bagi mencari sesuatu pekerjaan, masyarakat Iban khususnya bagi golongan lelaki melakukan tradisi ini bagi memohon restu, kebaikan, kekuatan dan memberikan perlindungan kepada diri mereka. Bagi masyarakat Iban yang tinggal di kawasan Batang Ai, Lubok Antu, mereka masih lagi mementingkan tradisi tatu kerana ia merupakan sebahagian daripada kepercayaan warisan dalam budaya mereka. Selain itu, tradisi seni tatu merupakan keperluan utama dalam kehidupan masyarakat Iban. Ini kerana masyarakat Iban mempercayai tradisi seni tatu merupakan sebahagian daripada warisan yang diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa kepada mereka dari alam ghaib. Justeru itu, masyarakat Iban melakukan upacara mencacah tatu yang mempunyai unsur kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan dipercayai dapat memberikan kekuatan dan kekebalan diri kepada mereka. Ia bertujuan bagi mengelakkan semangat jahat daripada menganggu kehidupan mereka.

Berdasarkan kepada pendapat informan Robinson Unau Gaong (43), pelaksanaan mencacah tatu adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh masyarakat Iban dalam memohon kekuatan dan keberanian daripada kuasa-kuasa luar biasa. Ia bertujuan untuk memberikan segala sumber kekuatan daripada kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban bagi menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Misalnya, diberikan perlindungan, dijauhkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, mendapatkan sesuatu kejayaan, dikurniakan kekayaan dan kesihatan yang baik. Selain itu, pelaksanaan tradisi seni tatu juga dilakukan bagi menyeru kedatangan kuasa-kuasa luar biasa untuk membantu masyarakat Iban dalam perkara-perkara tertentu. Misalnya, masyarakat Iban pada zaman dahulu akan menyeru para *Petara* mereka untuk membantu mereka dalam menghadapi perkara yang buruk. Pada zaman dahulu, pertolongan dari kuasa-kuasa luar biasa seperti *Petara-Petara* amat diperlukan bagi membantu masyarakat Iban dalam mencari sumber kekuatan untuk mengalahkan musuh di medan peperangan. Dalam konteks pada zaman sekarang, kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa yang diseru oleh masyarakat Iban adalah mengikut kepada keperluan semasa seperti memberikan perlindungan kepada diri sendiri, status sosial yang tinggi dan juga kesenangan hidup.

Dalam sesebuah pelaksanaan upacara mencacah tatu seperti yang dinyatakan oleh Robinson Unau Gaong (43), lazimnya, mengambil masa dua jam atau empat jam untuk disiapkan dan bergantung kepada saiz motif tatu yang dicacah tersebut. Dari aspek lokasi, upacara mencacah tatu pada zaman dahulu dilakukan di bahagian ruai rumah panjang. Manakala, pada zaman sekarang, upacara mencacah tatu banyak dilakukan di beberapa buah studio khas. Misalnya, perkhidmatan pembuatan tatu tradisional masyarakat Iban giat dilakukan di Borneo Headhunters Tattoo & Piercing Studio oleh informan Ernesto Kalum Umpie (51). Studio pembuatan tatu yang berpengkalan di Kuching, Sarawak ini aktif dalam

memperjuangkan penghasilan tradisi seni tatu Iban yang menjadi identiti masyarakat Iban di Sarawak.

Berdasarkan kepada pendapat informan Ernesto Kalum Umpie (51), nama studio bagi upacara mencacah tatu ini adalah diinspirasikan daripada pengamalan tradisi *Ngayau* (memenggal kepala musuh) yang dilakukan dalam kebudayaan masyarakat Iban. Menurut beliau, masyarakat Iban akan mencacah tatu pada bahagian badan mereka selepas berjaya membunuh dan memenggal kepala pihak musuh kerana ianya dianggap sebagai satu pencapaian yang bermakna dalam kebudayaan masyarakat Iban. Menurut beliau, tradisi seni tatu merupakan satu kesenian yang unik dan sinonim dengan kehidupan masyarakat Iban di Sarawak. Masyarakat Iban percaya bahawa tradisi seni tatu mempunyai hubungan dengan upacara ritual yang berkait rapat dengan kuasa-kuasa luar biasa. Kuasa-kuasa luar biasa ini dipercayai dapat membantu kehidupan masyarakat Iban ke arah yang lebih baik. Tradisi seni tatu juga dipercayai mempunyai hubungan roh dan semangat yang membantu masyarakat Iban dalam menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Justeru itu, tradisi seni tatu merupakan tradisi budaya yang perlu dikekalkan dalam kebudayaan masyarakat Iban.

Dalam konteks tradisi seni tatu pada zaman sekarang sepertimana yang diterangkan oleh Dr Robert Menua Salleh (59), ia juga dilakukan sebagai menerima anugerah daripada *Petara* dan juga menghormati kewujudan mereka. Ini kerana tradisi seni tatu yang dilakukan bagi tujuan tersebut adalah bagi menyatakan perasaan berterima kasih kepada *Petara* kerana memberikan perlindungan dan kebaikan kepada masyarakat Iban. Menurut beliau, masyarakat Iban sangat mementingkan petanda yang diperolehi daripada mimpi yang dialami. Ini kerana mimpi merupakan medium bagi masyarakat Iban dalam berkomunikasi dengan *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa mereka. Mimpi yang dialami oleh seseorang itu membolehkan mereka berjumpa dengan penghuni-penghuni alam ghaib yang lain. Misalnya,

Petara-Petara, dewa-dewi, semangat baik, roh nenek moyang atau ahli keluarga mereka yang telah meninggal dunia untuk meminta segala keperluan dan hajat yang diingini. Justeru itu, individu yang ingin mencacah tatu perlu mendapat mimpi dan *Pengaroh* serta mengadakan ritual *Miring*. Tambahan pula, ritual *Miring* perlu dilakukan jika diarahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa bagi mendapatkan sesuatu hajat dan tujuan tertentu.

Selain itu, sebagai seorang pakar budaya Iban, Dr Robert Menua Salleh (59) juga menyampaikan pesanan agar golongan muda di dalam masyarakat Iban untuk mengenali dan mempelajari asal usul tradisi seni tatu Iban. Ini kerana amalan tradisi yang masih dilakukan seperti tradisi seni tatu perlu dipelihara agar generasi muda masyarakat Iban pada masa akan datang masih mengenali budaya mereka. Tambahan pula, sikap generasi muda dalam masyarakat Iban yang suka mengabaikan kepentingan pelaksanaan amalan tradisi boleh menyebabkan kehakisan identiti budaya mereka. Justeru itu, beliau menyatakan bahawa amalan tradisi seperti tradisi seni tatu perlu dikaji semula agar masyarakat Iban, masyarakat luar dan penyelidik budaya dapat mengenalinya dengan lebih mendalam.

Menurut informan Paulus Sigat (87) hanya golongan tua sahaja yang terlibat dalam mengurus dan melaksanakan ritual *Miring* sebelum memulakan upacara mencacah tatu. Manakala bagi golongan muda pula, mereka kurang digalakkan untuk melibatkan diri iaitu sebelum, semasa dan selepas ritual *Miring* dilakukan kecuali mereka yang terlibat dalam upacara mencacah tatu. Ini kerana dikhuatiri akan menyebabkan mereka *Alah Bulu* (lemah semangat) dan jatuh sakit. Justeru itu, mereka hanya dibenarkan untuk menyaksikan upacara mencacah tatu selepas ritual *Miring* dilakukan oleh golongan tua selesai.

Manakala bagi informan Unsa Meringai (68) yang merupakan seorang *Lemambang* (pakar ritual Iban), dalam kepercayaan masyarakat Iban pada zaman dahulu, upacara mencacah tatu boleh dilakukan apabila mendapat mimpi yang baik dan ia tidak boleh

dilakukan sembarangan. Sekiranya seseorang itu melakukan upacara mencacah tatu tanpa mengalami sebarang mimpi dan ritual *Miring*, dikhuatiri ia akan memudaratkan diri sendiri dan tidak mendapat perlindungan daripada kuasa-kuasa luar biasa. Ini kerana apabila seseorang itu mengalami mimpi, maka kuasa-kuasa yang tertentu dan dipuja akan datang memberikan perlindungan dan kekuatan kepada individu yang dicacah dengan tatu. Tambahan pula, pelaksanaan upacara mencacah tatu bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh. Bagi masyarakat Iban, sebelum memulakan upacara mencacah tatu, ia mempunyai peraturan tertentu, tatatertib, dan disiplin yang perlu dipatuhi kerana ia merupakan aktiviti suci yang berkaitan dengan kepercayaan kepada *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa.

Dalam melakukan upacara mencacah tatu, ia hanya boleh dilakukan oleh golongan yang layak, iaitu mereka yang mempunyai ilmu dan pengalaman dalam kegiatan tersebut. Sekiranya seseorang itu mengalami mimpi tertentu dan tidak melakukan ritual *miring* terlebih dahulu sebelum mencacah tatu, dikhuatiri akan ditimpa malapetaka seperti jatuh sakit dan ia boleh menyebabkan kematian. Sebaliknya, bagi individu yang mengalami mimpi yang tertentu dan melakukan ritual *Miring* sebelum mencacah tatu, maka ia akan memperolehi kekuatan dan keberanian dan mendapat segala kebaikan yang sedia ada. Justeru itu, tradisi seni tatu dilakukan dalam kebudayaan masyarakat Iban bagi sesuatu tujuan atau keperluan yang tertentu.

Selain itu, beliau menegaskan bahawa ritual *Miring* perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum melakukan upacara mencacah tatu kerana ia merupakan ritual pemujaan yang utama sebelum melakukan sesuatu perkara. Misalnya, bagi masyarakat Iban yang memohon keberanian sebelum melakukan upacara mencacah tatu, mereka akan melakukan ritual *Miring* bagi menyeru *Lang Sengalang Burung*. Bagi mendapatkan *Pengaroh* pula, mereka

akan menyeru *Apai Burong*. Dengan melaksanakan ritual *Miring*, masyarakat Iban percaya bahawa kuasa-kuasa luar biasa akan datang untuk membantu mereka dalam melakukan upacara mencacah tatu. Tambahan pula, tradisi seni tatu merupakan simbol atau lambang jati diri dalam kebudayaan masyarakat Iban.

Berdasarkan kepada pandangan informan Unsa Meringai (68) terhadap masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan warisan, mereka tidak akan melakukan upacara mencacah tatu tanpa sebab yang tertentu. Ini kerana setiap perkara yang dilakukan mempunyai maksud dan tujuan yang tertentu. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban percaya bahawa tradisi seni tatu merupakan sesuatu ukiran berasal dari negeri *Orang Panggau Libau* yang dikatakan indah dan merupakan tempat tinggal bagi para *Petara.* Individu yang mengalami mengalami mimpi tertentu, maka ia akan ditafsir terlebih dahulu segala intipati mimpi tersebut oleh golongan pakar ritual. Setelah itu, barulah golongan pakar ritual memberitahu kesesuaian motif tatu yang dicacah pada badan individu yang mengalami mimpi tersebut dan melaksanakan ritual *Miring* terlebih dahulu. Sekiranya, mengalami mimpi yang buruk, individu tersebut tidak dibenarkan terlebih dahulu untuk melakukan upacara mencacah tatu kerana dikhuatiri tidak membawa kebaikan dan manfaat tertentu.

Unsa Meringai (68) juga menyatakan bahawa masyarakat Iban yang melakukan upacara mencacah tatu adalah sebagai simbol keberanian dan juga melambangkan kepercayaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa mereka. Selain itu, ia juga merupakan sumber kekuatan dalam mengatasi masalah yang datang dalam kehidupan mereka. Sepanjang informan Unsa Meringai (68) yang merupakan seorang *Lemambang* dan pakar ritual budaya masyarakat Iban, golongan yang boleh melakukan upacara mencacah tatu ini bukanlah orang yang sembarangan. Golongan yang sepatutnya yang diambil untuk menguruskan tradisi seni tatu ini adalah seperti *Lemambang, Manang, Tuai Burong, Tuai Piring* dan golongan yang

pakar dalam pembuatan tatu. Ini kerana sebelum memulakan upacara mencacah tatu, ritual-ritual yang melibatkan pemujaan dan penyembahan kuasa-kuasa luar biasa perlu diketuai oleh golongan pakar ritual agar tidak ditimpa oleh perkara yang tidak diingini berlaku. Sebagai seorang pakar ritual dalam budaya dan masyarakat Iban, beliau juga menyatakan bahawa sekiranya terdapat individu yang sudah melakukan penggembaraan jauh untuk mencari rezeki, tatu *Bungai Terung* akan dicacah pada bahagian bahu individu tersebut bagi melambangkan dirinya sudah mengembara ke tempat jauh dan memiliki pengalaman yang banyak sepanjang melakukan sesuatu pekerjaan bagi mencari rezeki.

5.6 Rumusan

Tradisi seni tatu sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat Iban. Ini kerana ia merupakan sebahagian daripada simbol kekuatan dan perlindungan kepada diri mereka daripada gangguan kuasa jahat dan malapetaka. Selagi masyarakat Iban mempercayai kewujudan kuasa-kuasa luar biasa selagi itulah mereka masih lagi mengamalkan tradisi seni tatu ini. Ini kerana kehidupan mereka tidak terlepas daripada gangguan kuasa-kuasa jahat dan malapetaka. Justeru itu, keperluan pelaksanaan upacara mencacah tatu ini amat penting bagi memberikan perlindungan, keberanian dan kekuatan kepada mereka. Selain itu, pelaksanaan tradisi seni tatu ini mengalami perubahan dari aspek motif, teknik pembuatan, fungsi, lokasi, masa, penggunaan bahan-bahan untuk mencacah tatu dan bayaran kepada golongan pembuat tatu. Tambahan pula, wujudnya cabaran dalam mengurus dan melaksanakan upacara mencacah tatu pada zaman sekarang.

Pembuatan tatu dalam budaya masyarakat Iban juga merupakan sebuah pengembangan ilmu pengetahuan dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Tradisi seni tatu bermula dengan memenuhi keperluan tertentu dalam masyarakat Iban iaitu berkaitan dengan kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa luar biasa dan kebudayaan kemudian mereka

menyedari bahawa tatu tersebut mempunyai nilai seni yang tinggi dalam kebudayaan mereka. Kemudian, mereka mula mengadaptasi keindahan alam semula jadi tersebut sebagai unsur seni yang diterapkan dalam tradisi seni tatu sehingga ke hari ini. Selain itu, masyarakat Iban juga melihat proses tersebut sebagai satu perjalanan spiritual bagi individu yang membuat tatu serta memiliki tatu tersebut dan konsep itu telah menjadi pegangan masyarakatnya sejak turun-temurun.

Masyarakat Iban percaya bahawa mereka yang menerima perintah daripada kuasa-kuasa luar biasa dari alam ghaib melalui mimpi harus melaksanakan perintah tersebut untuk melakukan upacara mencacah tatu yang berfungsi dalam kebudayaan mereka. Amalan-amalan berkaitan dengan upacara mencacah tatu tersebut telah menjadi lambang identiti kepada masyarakat Iban bagi membezakan diri mereka dengan etnik-etnik yang lain di Sarawak.

Melalui penyelidikan ini, kita dapat melihat bahawa idea-idea yang telah diamalkan oleh masyarakat tersebut secara tidak langsung mewujudkan satu kefahaman berkaitan seni yang teratur dalam penciptaan tradisi budayanya. Pengadaptasian cerita-cerita rakyat yan melibatkan unsur-unsur mistik dan sakral dalam tradisi lisan berupaya dilestarikan oleh masyarakat tersebut dalam membentuk tradisi seni tatu menjadi lebih unik dan menarik. Justeru itu, tradisi seni tatu perlu dipelihara agar ia terus berkembang sebagai identiti budaya masyarakat Iban. Walaupun pelaksanaan tradisi seni tatu masyarakat Iban mengalami perubahan pada hari ini, tetapi tradisi tersebut masih lagi dikekalkan kerana ia mempunyai beberapa keperluan penting di dalam budaya masyarakat Iban hingga ke hari ini. Dengan ini, ia dapat memastikan pemeliharaan tradisi seni tatu dalam budaya masyarakat Iban tersebut terpelihara.

RUJUKAN

Admojo, S. D., & Sudarsi, S. (2022). Strategi pengelolaan wisata Pedesaan Bromonilan sebagai Destinasi Alternatif di Kabupaten Sleman. *JIIP - Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, *5*(12), 5600–5607. https://doi.org/10.54371/jiip.v5i12.1232

Amanda, R. E. S. T. Y., NARTI, S. R. I., & RISDIYANTO, B. A. Y. U. (2019). Analisis Makna Tato Sebagai media Ekspresi Diri. *Profesional: Jurnal Komunikasi Dan Administrasi Publik*, *6*(2), 68–77. https://doi.org/10.37676/professional.v6i2.946

Anak Jumpo, S., & Bebit, M. P. (2020). A deconstruction of the traditional Bunga Terung tattoo and the sequence of its application among Iban men from Julau, Sarawak, Sungai Utik and Sungai Sadap putussibau Indonesia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, *6*(1), 77–86. https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2794

Anak Liddy, M., & Abd. Wahab, K. (2021). Tabu bahasa Dalam Aktiviti Ekonomi Masyarakat Iban di Sungai Passai, Sarawak. *Malaysian Journal of Society and Space*, *17*(2). https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-29

Anak Osup, C. (2019). The oral literature of the Iban in Borneo. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 132–140. https://doi.org/10.33306/mjssh11

Anggo, F. (2014). Seni motif tatu tradisional masyarakat Iban dan masyarakat Kayan-Kenyah di Sarawak.

Anna D. (2011). Motif-motif tradisi dalam budaya Iban Saribas. *Tesis Ijazah Kedoktoran (Tidak diterbitkan). Jabatan Sosio-Budaya Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.* (dissertation).

Aryanti, D. R., Sumawinata, S., & Fathiraini, N. (2022). Tradisi Tatu Dayak Sebagai Simbol Strata Sosial. ANP Journal of Social Science and Humanities, 3, 39-44.

Asfar, D. A. (2016). Kearifan Lokal Dan Ciri Kebahasaan Teks Naratif Masyarakat Iban. *LITERA*, *15*(2), 366–378. https://doi.org/10.21831/ltr.v15i2.11835

Asri, A., (2024), Kearifan Tradisi Seni Parang Ilang Dalam Budaya Masyarakat Iban Di Sarawak, (Unpublished type of thesis), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Asri, A., & Tugang, N. (2020). Parang Ilang sebagai Interpretasi Falsafah Alam takambang Jadi Guru Dalam Budaya Masyarakat iban. *Asian People Journal (APJ)*, *3*(1), 1–18. https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.118

Ayatrohaedi. (1986). *Rumah Panggung*. Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional , Direktorat Jenderal Kebudayaan, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1986.

Bamba, J. (Ed.). (2011). Mozaik Dayak: Keberagaman subsuku dan bahasa dayak di Kalimantan barat. Pontianak: Institut Dayakologi.

Banseng, S., Sandai, R., Handrianto, C., & Rasool, S. (2021). Language of strata and expression in construction of sampi amongst iban community in Malaysia. International Journal of Education, Information Technology, and Others, 4(3), 417427.

Benedict Sandin, 1994. *"Early Migrations and the Origins of Iban Culture", Sarawak Museum Journal, Vol. Xlvi, hlm. 79-85.*

Bilon@Senang, B. M., & Tugang, N. (2018). The Iban Traditional Religion: Miring. *Journal of Borneo-Kalimantan*, *4*(1), 37–42. https://doi.org/10.33736/jbk.920.2018

Borneo Literature Bureau. (1977). *The Sea Dyaks and other races of Sarawak: Contributions to the Sarawak Gazette between 1888 and 1930*.

Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage / UNESCO. (2003). https://doi.org/10.29171/azu_acku_pamphlet_ds353_c698_2003

Cresswell, L., Hinch, R., & Cage, E. (2019). The experiences of peer relationships amongst autistic adolescents: A systematic review of the qualitative evidence. *Research in Autism Spectrum Disorders*, *61*, 45–60. https://doi.org/10.1016/j.rasd.2019.01.003

Crocket, K., Pentecost, M., Cresswell, R., Paice, C., Tollestrup, D., de Vries, M., & Wolfe, R. (2009). Informing supervision practice through research: A narrative inquiry. *Counselling and Psychotherapy Research*, *9*(2), 101–107. https://doi.org/10.1080/14733140802688936

Crowe, S., Cresswell, K., Robertson, A., Huby, G., Avery, A., & Sheikh, A. (2011). The case study approach. *BMC Medical Research Methodology*, *11*(1). https://doi.org/10.1186/1471-2288-11-100

Darmadi, H. (2017). Dayak and their daily life. *JETL (Journal Of Education, Teaching and Learning)*, *2*(1), 101. https://doi.org/10.26737/jetl.v2i1.145

DeMello, M. (2013). Body studies. https://doi.org/10.4324/9780203519608

Douglas, M. (2003). *Natural Symbols: Exploration in Cosmology. Second Edition. Routledge Classics. London: Routledge.*

Durin, A., Shah, Z. M., Helena, B., & Abdullah, M. G. (2011). *Pengaruh Ngayau Atau Headhunting Dalam Penciptaan Motif-Motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak. Jurnal Melayu, 7, 303-313.*

Fakhri, M., & Kahija, Y. F. (2015). Menelusuri kehidupan pantang iban: Gambaran PSIKOLOGIS Manusia Berbudaya Tato Sebuah interpretative phenomenological analysis. *Jurnal EMPATI*, *4*(2), 51–57. https://doi.org/10.14710/empati.2015.14891

Fernie, E. (1996). Art history and its methods: a critical anthology. *33*(06), 33–3123. https://doi.org/10.5860/choice.33-3123

Firman, F.-. (2018). Penelitian Kualitatif Dan Kuantitatif. https://doi.org/10.31227/osf.io/4nq5e

Flower, S. J. (2014). Islam and Sustainable Development: New Worldviews by Odeh Rashed Al-Jayyousi. *Journal of Islamic Studies*, *25*(3), 397–400. https://doi.org/10.1093/jis/etu031

Freeman, D. (2021). Iban social organization: The Bilek-Family. *Report on the Iban*, 1–60. https://doi.org/10.4324/9781003136484-1

Freeman, D. (2021). Iban social organization: The long-house community. *Report on the Iban*, 61–129. https://doi.org/10.4324/9781003136484-2

Fujika A. & Louis L. (2018). The function and role in the Iban social rank in their communities. International Journal of Engineering & Technology, 7(2), 639- 641.

Gail, D. (2007). *Motif iban dalam pengaplikasian Seni Tampak di Malaysia* (thesis). Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.

Ganjing, A. A. (1988). *Basic iban design: An introduction*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Ministry of Education.

Ganjing, A. A., & Singki, J. (1991). *Asas Ukiran iban: Suatu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Gazalba, S. (1977). *Pandangan islam tentang kesenian*. Bulan Bintang.

Gazalba, S. (1977). *Pandangan islam tentang kesenian*. Pustaka Antara.

Gomes, E. H. (1911). *Seventeen years among the Sea Dayaks of Borneo: A record of intimate association with the natives of the Bornean jungles*. Seeley & Co.

Graham, P. (1994). *Iban shamanism: An analysis of the ethnographic literature*. Dept. of Anthropology, Research School of Pacific Studies, Australian National Univ.

Groeben, N., & Rustemeyer, R. (1994). On the integration of quantitative and qualitative methodological paradigms (based on the example of content analysis). *Trends and Perspectives in Empirical Social Research*, 308–326. https://doi.org/10.1515/9783110887617.308

Harris, R. P. (2017). Examining the role of UNESCO and Intangible Cultural Heritage. *Storytelling in Siberia*. https://doi.org/10.5622/illinois/9780252041280.003.0005

Hashim, S., & Abdullah, A. (2020). Konsep kelestarian Dari perspektif islam berbanding pendekatan moden Dalam Melestarikan Negara. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, *10*(01), 79–95. https://doi.org/10.58458/ipnj.v10.01.05.0065

Haslinda, Md. Nazri (2018) Aspek sosial dan kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak / Haslinda Md.Nazri. Idealogy Journal, 3 (2). pp. 79-90.

Heise, W. (1973). Winckelmann und die aufklärung. *Beiträge Zu Einem Neuen Winckelmannbild*, 32–38. https://doi.org/10.1515/9783112618288-004

Helaluddin. (2019). Mengenal Lebih Dekat Dengan Pendekatan Fenomenologi: Sebuah Penelitian Kualitatif. https://doi.org/10.31219/osf.io/stgfb

Indie, M. (1982). *Migration and Its Alternatives among the Iban of Sarawak*, 1–13. https://doi.org/10.1163/9789004287297_002

Jarraw, B. (1991). *"Rarak: An Iban Folk Story", Sarawak Gazette,* Vol. Cxvlll, hlm. 24-28.

Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. Clarendon Press.

Jensen, E. (2013). *Where hornbills fly: A journey with the headhunters of Borneo*. I B Tauris.

Jensen, E. (1966). *"The Iban World", Sarawak Museum Journal, Vol. Xiii,* hlm. 6-13.

Jensen, Erik, 1966."The Iban World: an introduction to the religious view of life and place of writing therein", *Sarawak Museum Journal*, Vol. Xlll, hlm. 1-8.

JUMPO, S. (2021). The significance of Bunga Terung tattoo for the Iban men in Julau, Sarawak and Putussibau Indonesia. *IJASOS- International E-Journal of Advances in Social Sciences*, 522–527. https://doi.org/10.18769/ijasos.961890

Juri, J., & Santi, D. (2019). Eksistensi Nilai-Nilai kebudayaan pada tradisi adat melah pinang Dayak Iban kabupaten Kapuas Hulu. *JURNAL PEKAN : Jurnal Pendidikan Kewarganegaraan*, *4*(2), 121–133. https://doi.org/10.31932/jpk.v4i2.552

Kanyan, R., & Zainurul, A. A. R. (2015). Exploring the semiotics of the Dayak Motifs in Sarawak. In Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS).

Kedit, P. M. (1994). *Iban Bejalai*. Sarawak Literary Society.

Kedit, P. M. (1972). *"Iban Traditional Values and Norms. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Kiyai @ Keai, G. (2021). Awal peradaban Masyarakat Iban di Tembawai Tampun Juah: Satu Penelitian Awal. *Jurnal PERADABAN*, *14*(1), 37–61. https://doi.org/10.22452/peradaban.vol14no1.3

KIYAI @ KEAI, G. R. E. G. O. R. Y., & TUGANG, N. O. R. I. A. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 59. https://doi.org/10.51200/ejk.vi.2261

Kiyai @ keai, G., & Tugang, N. (2020). Penelitian koleksi AKSESORI Perak ngepan indu "Biah anak anji" Dalam Konteks budaya Benda Masyarakat Iban. *Asian People Journal (APJ)*, *3*(2), 169–180. https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.202

Kiyai @ Keai, G., Tugang, N., & Seer, O. (2020). Ngajat Iban: A cultural study. *Kupas Seni*, *8*(2), 70–83. https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.6.2020

Kiyai, G. (2021). Sejarah Budaya Ngayau Dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Ngayau Culture in the Iban Community in Sarawak. Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History), 6 (1), 121-137.

Kiyai, G., & Anak Tugang, N. (2021). The study of material culture of the Iban community in Sarawak: Ngepan. *International Journal of Applied and Creative Arts, 4*(1), 80-97. https://doi.org/10.33736/ijaca.4204.2021

Kiyai, G., & Noria Tugang. (2019). The Iban journey of afterlife: Artifak Iringan tukang sabak. *Journal of Borneo-Kalimantan, 5*(1), 7. https://doi.org/10.33736/jbk.1599.2019

Kiyai, G., & Tugang, N. (2021). *Konservasi Artifak Budaya Iban Dalam Muzium Sarawak: Satu Penelitian Awal. Jurnal Arkeologi Malaysia, 34(1), 43-58).* (thesis).

Krutak, L. (2007). The tattooing arts of tribal women. London, UK: Bennett & Bloom: Deserts Hearts.

Leeming, D. (2018). The use of theory in qualitative research. Journal of Human Lactation, 34(4), 668-673.

Leigh, Michael., 2000. *Borneo 2000*: *Ethnicity, Culture & Society*. Kuching: Malaysia By Connection.

Liman, J. E., Saga, B. A., Tugang, N., & Anggo, F. (2019). Tradisi Lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga Dalam Masyarakat Iban Di Sarawak: Satu Penelitian Awal. Jurnal Dunia Pengurusan, 1(3), 30-35.

Linton, Ralph, 2003. *The Study of Man***.** New York: New York Press.

Mashman, V. (1986). *Warriors and Weavers: A Study of Gender Relations Among the Iban of Sarawak. London: University of Canterbury.*

Matsumoto, D. (2008). Pengantar psikologi lintas budaya. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Maxwell, Robyn, 2003. *Textiles of Southeast Asia: Tradition, Trade and Transformation*. Hong Kong: Periplus Editions (HK) Ltd.

McDougall, William & Charles Hose, 1893. *The Pagan Tribes of Borneo. New York: Singapore University Press.*

Mikel, K. M. (2007). *Tattooing identity on the skin: The changing significance of Iban tattooing tradition in Sarawak, Malaysia*.

Mohamed, K., Abd. Aziz, A. S., & Mohd Noor, N. A. (2020). Legal Analysis for protection of Intangible Cultural Heritage in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, *5*(19), 10–20. https://doi.org/10.35631/ijlgc.519002

Navis, A.A. (1984) Alam terkembang jadi guru: adat dan kebudayaan Minangkabau /A. A. Navis. Grafipers, Jakarta.

Nazri, H. M. (2018). Aspek Sosial Dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak. *Ideology Journal of Arts And Social Science*, 3(2), 79-90.

Olla, E. N. (2018). *Tato Suku Dayak Iban Sebagai Ide Penciptaan Karya Seni Lukis (Doctoral dissertation, Institut Seni Indonesia Yogyakarta).* (dissertation).

Ong, Edric Liang Bin, 1994*. "Significance and Interpretation of Motifs in Sarawak" Sarawak Museum Journal, Vol. Xlii, hlm. 159-164.*

Osman, M. S., Asri, A., & Shaik Hussain, S. A. (2021). Falsafah Alam Takambang Jadi Guru Dalam Kearifan tradisi Masyarakat Iban: Seni Tatu. *Asian People Journal (APJ)*, *4*(2), 1–15. https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.2.268

Pawenteh, M., Khir, R. J. M., Cagadas, R. B., & Loo, C. H. (2021). Survival on the Skin: Communicating, Continuity and Preservation of the Iban Tattoo. Jurai Sembah, 2(1), 40-45.

Purnamasari, E., & Leiwakabessy, S. (2016). *Alam Takambang Jadi Guru: Kearifan Lokal Minangkabau Untuk Keragaman, Kebangsaan, Dan Kemanusiaan*. Yayasan Cahaya Guru.

Raminah. (2012). Budaya Tato Suku Dayak. Aktual [Online]Tersedia: http://www.aktual.co/warisanbudaya/133925budaya-tato-suku-dayak (diakses 5 Maret 2012).

Ringit, C., Abdul Wahab, H., & Gedat, R. (2021). The fear domain of Iban sebuyau, Sarawak communities euphemisms: Metaphor conceptual analysis / domain ketakutan Bahasa Halus Masyarakat Iban Sebuyau, Sarawak: Satu Analisis metafora konseptual. *Sains Humanika*, *13*(2). https://doi.org/10.11113/sh.v13n2.1683

Robert M, S. (2001). *"Sampi Enggau Biau". Kuching: Tun Jugah Publishing Services.*

Saging, S., & Baco, Z. (2022). SEJARAH ASAL USUL DAN TUJUAN MENGUKIR TATU DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN, RUMAH PANJANG DI LUBUK ANTU, SARAWAK: History of the Origin and Purpose of Carving Tattoos among the Iban Community, Lubuk Antu Long House, Sarawak. Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History), 7(1), 137-154.

Saging, S., & Baco, Z. (2022). SIMBOLIK MOTIF-MOTIF TATU TRADISIONAL MASYARAKAT KAUM IBAN DI LUBOK ANTU, SRI AMAN, SARAWAK:

Saiful, A. A. (2021). Dampak Pariwisata Terhadap Kelestarian budaya lokal kampung adat cireundeu. https://doi.org/10.31219/osf.io/w58h7

Samsudin, S. A., Abdul Manap, N., & Mohd. Hussein, S. (2021). Kesesuaian Undangundang untuk Perlindungan Corak tradisional Orang Iban di Sarawak, Malaysia (the suitability of laws for the protection of traditional design of Orang Iban in Sarawak).

UUM Journal of Legal Studies, *12* (Number 1), 219–245. https://doi.org/10.32890/uumjls2021.12.1.10

Sandin, B. (1967). *The sea dayaks of Borneo before White Rajah rule. with a pref. by Tom Harrisson and an introd. by Robert M. Pringle*. Macmillan.

Sandin, B. (1980). *Iban adat and Augury*. Penerbit Universiti Sains Malaysia for the School of Comparative Social Sciences, Pulau Pinang.

Sandin, B. (1980). *The living legends: Borneans telling their tales*. Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Cawangan Sarawak, Kementerian Pelajaran, Malaysia.

Sandin, B. (1983). Mythological Origins of Iban Shamanism. Sarawak museum journal, 32(53), 235-250.

Sandin, B., & Pendiau, T. (1991). *Iban way of life*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sandin, B., & Sather, C. A. (1994). *Sources of Iban traditional history*. Sarawak Museum.

Sather, C. (1985). *"Iban Agriculture Augury", Sarawak Museum Journal, Vol. Xxxiv,* hlm. 1-13.

Sedin, J. (2002). *Keunikan Seni Tatu Dalam Kalangan Masyarakat Iban: Kajian Kes di Kuching, Sarawak* (dissertation).

Sellato, B. (1993). Myth, history and modern cultural identity among hunter-gatherers: A borneo case. *Journal of Southeast Asian Studies, 24*(1), 18–43. https://doi.org/10.1017/s0022463400001491

Sellato, B. (2019). *The Other Tiger: History, Beliefs, And Rituals in Borneo. Institute of Southeast Asian Studies*. Yusof Ishak Institute.

Sellato, B. (1989). *Naga dan Burung Enggang, Kalimantan, Sabah, Brunei. Indonesia: Elf Aquitaine.*

Siri-ee, D.-I. bin. (2012). *Adaptasi Pengertian motif Tatu dekoratif Iban Yang dipersembahkan Dalam Animasi* (dissertation). Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan.

Siti Zainon Ismail, 1995. ”Tekstil Melayu: Fungsi, Simbol dan Keindahan”, *Tamadun Melayu.* Jilid 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Smith, E. L. (1972). *Symbolist Art. London: Thames and Hudson Ltd.*

Sohaimi Z. (2018). *Bongsu Bubut with Bongsu Ruai, finding aids: The world of Iban. Selangor: Kampus Puncak Perdana UiTM. IMR455 Iban 2. No.1.*

Sonny, J. & Mohammad, P, B. (2021). A science of signs study on the Iban Bungai Terung as: A cultural identity. International Journal of Current Research, 13(11), 1952619530.

Subagiya, B. (2021). Islam Dan Kelestarian Alam. https://doi.org/10.31219/osf.io/3ntfe

Sugiyanto, S. (2011). Kehidupan Sosial Budaya ETNIS Dayak Iban di Badau. *Sosio Informa*, *16*(2). https://doi.org/10.33007/inf.v16i2.960

Susanto, H., Akmal, H., & Fathurrahman. (2021). Migration and adaptation of the loksado dayak tribe (historical study of Dayak Loksado community in Pelantingan village). *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*. https://doi.org/10.2991/assehr.k.210222.002

Sutlive, V. H., & Sutlive, J. (Eds.). (2001). Encyclopaedia of Iban Studies: OZ (Vol. 3). Tun Jugah Foundation.

Tagie, G., Taharuddin, N. S., & Ibrahim, N. A. (2020). The ‘kelingai motif’ in Iban’s tattoo motif; a case study of Kampung Gayau Ulu Pantu, Sri Aman Sarawak. *Idealogy Journal*, *5*(1), 8–16. https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i1.180

Talib, O. (2013). *Asas Penulisan tesis, Penyelidikan & Statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Temenggong, Basil, 1949. "Dayak Belief" *Sarawak Museum Journal,* Vol. V, hlm. 59 - 62.

Tugang, N., Kiyai @ Keai, G., & Beatrice Anne. (2022). Penganan: Makanan Warisan tidak Ketara Masyarakat Iban di Sarawak (Satu Penelitian Awal). *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, *8*(1), 104–112. https://doi.org/10.51200/jobsts.v8i1.4166

Tugang N. (2014). *Pua: Identiti Dan Budaya Masyarakat Iban.* Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Tugang, N. (2011). *Tembikar Dalam Budaya Masyarakat Iban di Sarawak*. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Tugang, N., & Kiyai, G. (2022). Worldview mali dalam kearifan tempatan Penganan Iban di Sarawak: Satu Penelitian Warisan tidak ketara. *Journal of Humanities and Social Sciences*, *4*(1), 37–51. https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0401.346

Turner, Victor, 1967. *The Forest of Symbols: Aspects of Ndembu Ritual*. Ithaca: Cornell University Press.

Turner, Victor, 1974. *Dramas, Fields, and Metaphors: Symbolic Action In Human Society.* United Kingdom: Cornell University Press.

UNESCO publications. Hydrology. 1972. (1972). *Journal of Hydrology*, *17*(4), 402. https://doi.org/10.1016/0022-1694(72)90108-4

Wan Salleh Wan Ibrahim, 2005. "Identiti Melayu Di Dalam Alam Bina", dalam Hashim Awang (ed.), *Emosi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Watson, B., & Lacy, S. (2017). Content analysis. *Communication*. https://doi.org/10.1093/obo/9780199756841-0175

Williamson, I., Leeming, D., Lyttle, S., & Johnson, S. (2015). Evaluating the audio-diary method in qualitative research. *Qualitative Research Journal*, *15*(1), 20–34. https://doi.org/10.1108/qrj-04-2014-0014

Yaacob Harun (ed.), 2001. *Kosmologi Melayu.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Yusriadi, Y.-. (2019). Identitas Dayak Dan Melayu di Kalimantan Barat. *Handep: Jurnal Sejarah Dan Budaya*, *1*(2), 1–16. https://doi.org/10.33652/handep.v1i2.10

1.2 Soalan Temubual Informan Penyelidikan

Bil	Soalan
1	Bagaimanakah kepercayaan warisan mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat Iban?
2	Bagaimanakah tradisi seni tatu masyarakat Iban terbentuk?
3	Apakah peranan tatu dalam budaya masyarakat Iban?
4	Mengapakah tatu penting dalam kehidupan masyarakat Iban?
5	Bilakah masa yang sesuai untuk melakukan upacara mencacah tatu?
6	Bagaimanakah masyarakat Iban memperoleh inspirasi untuk menghasilkan tatu?
7	Siapakah golongan individu yang layak memiliki tatu?
8	Di manakah lokasi upacara mencacah tatu dilakukan oleh masyarakat Iban?
9	Apakah perkaitan kuasa-kuasa luar biasa dengan tradisi seni tatu masyarakat Iban?
10	Bagaimanakah upacara mencacah tatu masyarakat Iban dikembangkan pada zaman dahulu sehingga sekarang?
11	Mengapakah tatu tidak boleh dicacah sembarangan pada bahagian badan sesetengah individu?
12	Apakah jenis-jenis motif tatu yang terdapat dalam budaya masyarakat Iban?
13	Apakah cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Iban dalam memelihara tradisi seni tatu?
14	Bagaimanakah usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat Iban dalam memelihara tradisi seni tatu?
15	Bagaimanakah untuk mempertahankan keaslian tradisi seni tatu masyarakat Iban?
16	Mengapakah pentingnya untuk memelihara tradisi seni tatu masyarakat Iban?

17	Mengapakah pemeliharaan tradisi seni tatu dilakukan dalam budaya masyarakat Iban?
18	Siapakah golongan-golongan yang terlibat dalam melakukan upacara mencacah tatu?
19	Bagaimanakah tradisi seni tatu mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat Iban?
20	Apakah pantang-larang dalam melakukan upacara mencacah tatu?

Jadual 1.2: Soalan yang digunakan untuk sesi temu bual informan penyelidikan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

GLOSARI

Alah Ayu - *lemah*- lemah semangat.

Alah Bulu - lemah semangat disebabkan oleh gangguan semangat dan roh jahat.

Alung - dakwat yang diperbuat daripada jelaga periuk yang direbus dalam air tebu dalam tempoh beberapa jam.

Ai tuak - sejenis air tapai yang dibuat daripada beras.

Antu - hantu

Antu Baruh Dagu - hantu yang terdapat pada bahagian bawah dagu manusia.

Antu Gerasi - hantu gergasi.

Antu Pala - kepala musuh yang dipenggal oleh golongan pahlawan Iban di medan peperangan.

Andan Mara - tuhan yang memberikan kekayaan kepada masyarakat Iban.

Aki Ungkok - dewa masyarakat Iban.

Ayam Biring - ayam yang mempunyai bulu yang bewarna merah kehitaman dan putih.

Baju burung - busana golongan lelaki masyarakat Iban yang diperbuat daripada *kain pua* yang dipercayai memiliki kuasa luar biasa.

Batang Mandai - sungai di alam kematian dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban.

Batu Gong - sebuah batu besar yang menjadi tempat tinggal *Remaung*.

Biau - jampi

Bebiau - ritual wajib yang dilakukan oleh masyarakat Iban untuk menyembah tuhan mereka.

Berantu - memiliki sesuatu kuasa luar biasa

Bejalai - sesuatu aktiviti pengembaraan bagi mencari rezeki yang dilakukan oleh golongan lelaki masyarakat Iban.

Biring gerunggang - ayam kegemaran *petara Panggau Libau* yang mempunyai bulu bewarna perang, kehitam-hitaman dan sedikit warna putih pada badannya.

Bongsu Langit - dewa masyarakat Iban

Bongsu Matahari - dewa masyarakat Iban

Bongsu Ribut - dewi masyarakat Iban

Buah Andu -jenis buah yang menjadi makanan utama masyarakat Iban pada zaman dahulu di kepulauan Borneo..

Bungai Tengkawang - spesies bunga yang terdapat di kepulauan Borneo..

Bungai terung - bunga terung

Bujang Berani - golongan pahlawan Iban yang berjaya memenggal kepala musuh di medan peperangan.

Burung - sesuatu petanda yang diharapkan oleh masyarakat Iban untuk memberi petunjuk tentang sesuatu perkara yang berlaku.

Burung Bunsu Bubut - Burung yang dipercayai menjelma dalam bentuk manusia yang memiliki kepakaran dalam mencacah tatu.

Burung Bunsu Ruai - Burung yang dipercayai menjelma dalam bentuk manusia yang memiliki kepakaran dalam mencacah tatu.

Burung Enggang - burung enggang iaitu sejenis burung yang banyak di dijumpai di kepulauan Borneo.

Bungai Nuing - dewa masyarakat Iban yang digambarkan mempunyai perwatakan yang ganas dan selalu bercakap besar.

Dunya - Dunia

Dunya Petara - Alam ketuhanan

Dunya Mensia - Alam manusia

Dunya Sebayan - Alam kematian

Dinding Bulu - azimat ataupun tangkal yang digunakan untuk memberi kekebalan kepada diri penenun daripada gangguan roh dan semangat jahat.

Entegulun - ukiran tatu kecil pada bahagian belakang tangan bagi menggambarkan jumlah kepala musuh yang dipenggal oleh seseorang pahlawan Iban.

Ensera - Cerita rakyat Iban

Ensumbar - pujian

Gawai - satu perayaan yang dilakukan secara besar-besaran di rumah panjang bagi memohon sesuatu perkara atau hajat yang baik daripada tuhan dan kuasa-kuasa luar biasa.

Gawai Antu - satu ritual bagi memberi penghormatan terakhir dan mengingati roh si mati.

Gawai Burung - satu ritual yang dijalankan untuk memohon kesuburan tanah yang digunakan untuk kegiatan pertanian.

Gawai Kenyalang - satu perayaan yang diadakan besar-besaran bagi meraikan kejayaan golongan pahlawan memenggal kepala musuh di medan peperangan.

Gelong Batu Nakong - dunia alam ghaib yang menjadi tempat tinggal bagi dewi *Kumang* dan *Lulong.*

Indai Abang - dewi masyarakat Iban

Indu Nakar Indu Gaar - golongan wanita Iban yang menerima arahan daripada petara atau kuasa-kuasa luar biasa untuk melakukan ritual mewarnakan benang taya dan pakar dalam menenun kain pua.

Indu Nenkebang Indu Muntang - wanita Iban yang mencipta motif-motif kain pua tanpa merujuk daripada golongan pakar yang lain.

Ini Andan - Tuhan yang mengawal cuaca dalam kehidupan masyarakat Iban.

Jaku Iban - Bahasa Iban

Jaku sempama - pepatah masyarakat Iban.

Kala pah - kala pada bahagian peha.

Kain pua - kain hasil tenunan daripada golongan wanita Iban yang dipercayai memiliki kuasa luar biasa kerana pengetahuan dan motif-motifnya yang diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa kepada masyarakat Iban.

Kain pua kumbu - selimut orang Iban yang digunakan untuk menyelimuti badan ketika mereka tidur pada waktu malam yang dipercayai dapat melindungi mereka daripada gangguan semangat jahat.

Kelingai - motif tatu abstrak yang dicacah dengan menggabungkan motif tatu yang lain.

Ketam itit - ketam itik

Ketua kayau - ketua perang yang mengetuai sesebuah misi menyerang hendap musuh atau peperangan.

Keling - dewa perang dalam kepercayaan masyarakat Iban.

Kelinah - Dewi masyarakat Iban.

Kera nyangkam - kera mencengkam

Kumang - isteri kepada dewa *Keling* dan dewi bersifat lemah lembut, digambarkan mempunyai rupa paras yang cantik serta memiliki kepakaran dalam menenun *pua kumbu.*

Lang Sengalang Burung - tuhan penghuni langit yang membantu masyarakat Iban agar menjadi sihat, kaya raya, mendapat banyak harta dan memperoleh hasil tauian padi yang berkualiti.

Laja - dewa masyarakat Iban yang merupakan ayam tambatan kepada *Keling* dan memiliki paras rupa yang tampan dan berbadan sasa.

Lemambang - golongan pakar ritual yang membacakan mantera-mantera Iban ketika mereka mengadakan sesuatu ritual.

Mabu antu - dekat dengan alam ghaib.

Mali - pantang-larang ataupun sesuatu perkara yang tidak boleh dilakukan.

Manang - golongan dukun Iban yang merawat pelbagai jenis penyakit yang berpunca daripada kuasa-kuasa jahat.

Manang Bali - pangkat bomoh yang tertinggi dalam status sosial masyarakat Iban yang hanya diberikan kepada golongan wanita sahaja.

Mensia - manusia

Miring - satu ritual yang wajib dijalankan oleh masyarakat Iban untuk memberi persembahan makanan kepada tuhan atau kuasa-kuasa luar biasa yang lain.

Nabau - ular mitos yang besaiz besar dan berperwatakan ganas dalam kosmologi masyarakat Iban.

Ngajat - tarian tradisional masyarakat Iban.

Ngayau - satu ekspedisi perang dalam misi memburu atau memenggal kepala musuh untuk dibawa balik ke rumah panjang sebagai tanda kegagahan golongan lelaki masyarakat Iban.

Ngepan - busana tradisonal wanita masyarakat Iban.

Orang Panggau Libau - tuhan masyarakat Iban yang mengurniakan azimat/tangkal supaya golongan lelaki masyarakat Iban mahir dalam sesuatu perkara.

Pantang - Tatu

Pandong - sebuah menara kecil yang mempunyai ketinggian dua meter atau tujuh kaki dan lebarnya tiga kaki persegi.

Panggau Libau - Dunia alam ghaib yang menjadi tempat tinggal bagi dewa-dewi masyarakat Iban dan dipercayai terletak di antara bahagian langit dan bumi.

Parang Ilang - sejenis parang panjang yang tajam dan digunakan oleh golongan lelaki masyarakat Iban untuk memenggal kepala musuh semasa di medan pertempuran.

Patan - sejenis ikan gergasi yang besar yang terdapat di sungai alam kematian dalam kepercayaan warisan masyarakat Iban.

Pengaroh - sesuatu benda atau unsur yang dikurniakan oleh tuhan kepada masyarakat Iban iaitu seperti memiliki keberanian, kekebalan, kepakaran, kekayaan, kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka.

Petara - tuhan masyarakat Iban.

Pengarap lama - Kepercayaan warisan masyarakat Iban

Pengap - melagukan mantera.

Penyangga nyawa - mengawal nyawa manusia.

Piring - jenis makanan yang disajikan oleh masyarakat Iban kepada tuhan dan kuasa-kuasa luar biasa mereka.

Raja Menjaya - tuhan bagi perubatan tradisional masyarakat Iban.

Raja Biku Bunsu Petara - tuhan yang memberikan keselesaan kepada masyarakat Iban.

Remaung - semangat harimau terbang.

Ruai - ruang legar yang terdapat di bahagian serambi rumah panjang masyarakat Iban.

Sampi - berdoa dalam bahasa Iban.

Samengat - semangat

Selampandai - Tuhan yang mencipta manusia bagi masyarakat Iban.

Sempurai Bunsu Gerai - dewa masyarakat Iban.

Simpulang Gana - Tuhan bumi dan pertanian masyarakat Iban.

Tajau - tempayan dalam bahasa Iban.

Taju remaung - umpan yang berbentuk seperti makanan yang dipasang oleh semangat harimau terbang.

Tanju - bahagian hadapan rumah panjang yang berlantaikan kayu belian atau buluh tanpa memiliki bumbung.

Tembawai Tampun Juah - penempatan awal masyarakat Iban dengan kuasa-kuasa luar biasa mereka pada zaman dahulu sebelum masyarakat Iban bermigrasi ke setiap pelusuk negeri Sarawak.

Tua - roh nenek moyang masyarakat Iban.

Tuai beburung - golongan yang pakar dalam mentafsirkan sesuatu petanda atau alamat.

Tuai pengap - pakar melagukan mantera.

Tuai penenong orang betuah-belimpah - pakar atau tukang tilik orang bertuah yang menggunakan sumpit.

Tuai piring - golongan pakar yang berperanan dalam menguruskan ritual *miring*.

Tuai rumah - ketua yang mentadbir sesebuah rumah panjang serta menjaga kebajikan anak buahnya.

Ukir rekung - ukiran tatu pada bahagian leher.